



LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA  
AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN TAHUN 2016, AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN DAN AGENSI KERAJAAN  
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1



# **ISI KANDUNGAN**



**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1  
PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
2	Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	3 - 15

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1**  
**AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN**

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Program Dana Mikro <i>Public Private Partnership</i> (PPP)</li> </ul> </li> </ul>	19 – 27
3	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan Menerusi Potongan Cukai Bulanan</li> </ul> </li> </ul>	28 – 31
4	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi</li> </ul>	32 – 42
5	<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Desa Lestari</li> </ul>	43 - 73
6	<b>KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek eKadaster</li> </ul> </li> </ul>	74 - 79

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
7	<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN</b> - Program Penyeragaman Harga Barang Kawalan Perlu Di Negeri Sarawak	80 – 104
8 9	<b>KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA</b> - Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang Di Bandar Rawang - Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang / Landasan Kereta Api / Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	105 – 110 111 – 113
10	<b>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</b> • <b>Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia</b> - Pembangunan mySIKAP	114 – 120
11	<b>KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR</b> - Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik Dari Kimanis Ke Pencawang Masuk Utama Lok Kawi Dan Kolapis, Sabah	121 – 127
12 13	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b> - Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor - Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang	128 – 134 135 – 146

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
14	<b>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Tenaga Manusia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perolehan Projek Naik Taraf Institut Latihan Perindustrian</li> </ul> </li> </ul>	147 – 169
15	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Kebajikan Masyarakat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas</li> </ul> </li> </ul>	170 – 178
16	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Perolehan Keperluan Peralatan Domestik Dan Alat Ganti Pesawat Di Markas Pemerintahan Bantuan Udara Dan Material Udara</li> </ul>	179 – 187
17	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tentera Udara Diraja Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyenggaraan Dan Penggunaan Kenderaan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia</li> </ul> </li> </ul>	188 – 194
18	<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Imigresen Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Pengusiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Dan Depot Tahanan</li> </ul> </li> </ul>	195 – 205
19	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Polis DiRaja Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Ekshibit Di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik</li> </ul> </li> </ul>	206 – 212
20	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perolehan Helikopter Saiz Sederhana Model AW 139 Untuk Pasukan Gerakan Udara</li> </ul>	213 – 219



Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
21 22 23	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="499 323 1635 379">- Pengurusan Projek Pembaikan Struktur Bangunan Dan Lain-Lain Kemudahan Sekolah Di Negeri Sabah</li> <li data-bbox="499 400 1635 456">- Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai, Pontian, Johor</li> <li data-bbox="499 477 1635 504">- Projek Pembinaan Sekolah Seni Malaysia, Kuching, Sarawak</li> </ul>	220 – 229 230 – 238 239 – 244
24	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="499 639 1635 667">- Pengurusan Program PembiayaanMyBrain15</li> </ul>	245 – 257

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
2	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b> - Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga	261 - 279
3	<b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b> - CyberSecurity Malaysia	280 - 285
4	<b>KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN</b> • <b>Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia</b> - Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd	286 - 294
5	<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH</b> • <b>Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah</b> - KETENGAH Holdings Sdn. Bhd	295 - 301
6	<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH</b> • <b>Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah</b> - KETENGAH Properties Sdn. Bhd	302 - 311
7	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b> • <b>Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar</b> - Prisma Harta Sdn. Bhd	312 - 315
8	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI</b> - UMK Business Ventures Sdn. Bhd	316 - 322

**(PENYATA KEWANGAN DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**Perenggan 2 : Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.4.1.	<p><b>Perbelanjaan Pembangunan</b></p> <p>Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM260 bilion sebagai peruntukan pembangunan yang akan diagihkan setiap tahun sepanjang tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang merupakan rancangan lima tahun pembangunan Malaysia (2016-2020). Sejumlah RM50 bilion telah diluluskan sebagai anggaran asal perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM0.988 bilion sebagai tambahan kepada peruntukan asal tersebut. Bagi tempoh yang sama, Kerajaan telah mengeluarkan Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM7.985 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah RM43.003 bilion. Sehingga akhir tahun 2016, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM41.995 bilion (97.7%) daripada peruntukan yang diluluskan.</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.1.4.2
2.1.4.2.	<p>Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2016 bagi 25 Kementerian/Jabatan mendapati ada kelemahan dalam pengurusan peruntukan pembangunan seperti peruntukan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan tambahan/pindah peruntukan tidak dibelanjakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sejumlah RM35.18 juta yang diluluskan pada tahun 2016 bagi membiayai 11 projek di enam (6) Kementerian tidak dibelanjakan langsung.</li> <li>b. Sejumlah RM93.25 juta yang diluluskan pada tahun 2016 bagi membiayai 20 projek di 11 Kementerian/Jabatan telah dibelanjakan kurang daripada 50%. Semakan Audit mendapati hanya sejumlah RM25.21 juta (27.0%) daripada RM93.25 juta peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan.</li> <li>c. Sejumlah RM41.32 juta telah ditambah/dipindah peruntukan bagi membiayai lapan (8) projek di enam (6) Kementerian di mana</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tambahan/pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan adalah kurang daripada peruntukan asal.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Peruntukan tidak/kurang dibelanjakan adalah disebabkan perubahan skop kerja, tuntutan lewat dikemukakan oleh kontraktor, bekalan/kerja belum/tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan proses perolehan belum selesai.</i></p>	
<b>2.1.5.2.</b>	<p><b>Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM946.40 juta iaitu meningkat sejumlah RM7.39 juta (0.8%) berbanding tahun sebelumnya.</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.1.5.3.c
<b>2.1.5.3.a</b>	<p><b>Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP-PK4 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dikutip balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut.</p>	
<b>2.1.5.3.b</b>	<p>Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2016 berkurangan sejumlah RM4.46 juta kepada RM102.68 juta berbanding pada akhir tahun 2015. Kedudukan baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum dikutip balik walaupun kemajuan kerja telah mencapai 75% atau projek terbengkalai/ ditamatkan pada akhir tahun 2012 hingga 2016.</p>	
<b>2.1.5.3.c</b>	<p>Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum diimbuh balik bagi projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah ditamatkan/terbengkalai/siap melebihi 75% menunjukkan pengurangan sejumlah RM13.26 juta (31.8%) berbanding tahun 2015. Pengurangan ini adalah kerana Kementerian</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pendidikan Malaysia telah membuat kutipan balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor tersebut. Manakala baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor bagi Kementerian Pengangkutan pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.76 juta (135%) kepada RM13.51 juta berbanding tahun sebelum kerana terdapat satu projek telah gagal untuk diteruskan dan jaminan bank telah tamat tempoh. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor belum dikutip balik bagi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula tidak menunjukkan perubahan dari tahun 2012 sehingga 2016 kerana kes tersebut masih dalam tindakan Mahkamah atau dalam proses timbang tara.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia sedang mengkaji semula Pekeliling Perbendaharaan 1PP/PK4 berkaitan kemudahan bayaran pendahuluan kepada kontraktor sama ada masih relevan untuk diteruskan.</i></p>	
2.1.6.2.	<p>Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit terhadap 89 laporan siasatan yang dikemukakan pada tahun 2016 mendapati 12 (13.5%) daripadanya telah lewat dikemukakan antara 11 hingga 517 hari.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan tindakan telah diambil bagi memantau kelewatan mengemukakan laporan siasatan dengan mengeluarkan surat peringatan dan teguran berulang kali kepada Kementerian/Jabatan supaya mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga memaklumkan bagi kes-kes tertentu, kebenaran diberi kepada Kementerian/Jabatan untuk melanjutkan tempoh mengemukakan laporan siasatan sekiranya jawatankuasa siasatan menghadapi masalah mendapatkan maklumat yang lengkap di peringkat Jabatan/Agensi atau daerah atau kes-kes lama bagi membolehkan laporan yang adil dibuat.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.1.6.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian memaklumkan laporan siasatan lewat dikemukakan kerana berlaku pertukaran pegawai dan jawatankuasa siasatan menghadapi kekangan untuk mengumpul maklumat/dokumen sokongan bagi melengkapkan laporan siasatan.</i></p>	
<p><b>2.1.6.3.</b></p>	<p>Sehingga akhir tahun 2016, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM44.33 juta melibatkan 20 Kementerian/ Jabatan. Sejumlah RM23.39 juta daripada RM44.33 juta yang belum diselaraskan adalah merupakan baki yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya melibatkan 10 Kementerian/Jabatan. Pendahuluan Diri bagi pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2015 dan sebelumnya tetapi belum diselaraskan sehingga penghujung tahun 2016. Antara punca Pendahuluan Diri tersebut belum diselaraskan adalah disebabkan pihak Kementerian/Jabatan lewat mengemukakan laporan siasatan kepada Perbendaharaan Malaysia atau laporan yang dikemukakan tidak lengkap.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia akan mengeluarkan surat pelarasan selewat-lewatnya pada 12 Mei 2017 untuk diambil tindakan oleh Kementerian/Jabatan terlibat.</i></p> <p><i>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 19 April hingga 3 Mei 2017</i></p> <p><i>Kementerian/Jabatan memaklumkan pelarasan masih belum dibuat kerana Kementerian/Jabatan masih menunggu kelulusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.1.6.3</p>
<p><b>2.2.1.1.</b></p>	<p><b>Tunggakan Hasil Kerajaan Persekutuan - Akaun Belum Terima</b></p> <p>Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan menunjukkan pengurangan sejumlah RM1.565 bilion (6.9%) iaitu</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	daripada RM22.631 bilion pada tahun 2015 kepada RM21.066 bilion pada tahun 2016.	
2.2.1.3.	Akaun Belum Terima (ABT) yang dihapus kira pada tahun 2016 adalah berjumlah RM0.863 bilion iaitu pengurangan sejumlah RM1.470 bilion berbanding tahun 2015. Sebahagian besar ABT yang dihapus kira pada tahun 2016 adalah ABT yang berusia melebihi enam (6) tahun. Kesannya ABT berusia melebihi enam (6) tahun berkurangan daripada RM6.530 bilion kepada RM5.504 bilion. Antara sebab ABT dihapus kira adalah penghutang tidak berjaya dikesan, penghutang diisytihar muflis atau tidak mempunyai keupayaan membayar balik hutang.	
2.2.1.4.	Semakan Audit selanjutnya mendapati lebih 50% daripada ABT bersih bagi lima (5) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2016 telah berusia melebihi tempoh enam (6) tahun. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi mengutip balik ABT antaranya mengambil tindakan undang-undang, mengeluarkan surat amaran kepada penghutang dan menjalinkan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan LHDNM bagi mengesan penghutang.	
2.2.2.2.	<p><b>Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak</b></p> <p>Semakan Audit terhadap rekod pinjaman Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 517 (46.6%) daripada 1,109 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 36 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2016 meningkat sejumlah RM0.674 bilion (7.5%) menjadi RM9.653 bilion berbanding dengan RM8.979 bilion pada akhir tahun 2015. Tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tunggakan pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM673.81 juta di mana Kerajaan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun mulai tahun 2012 dan dijangka selesai pada tahun 2027.</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3
2.2.2.3.	Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada amaun anuiti tahun 2016 dan kenaikan faedah lewat bayaran balik pinjaman. Walaupun pada tahun 2016 terdapat peminjam yang membayar anuiti tertunggak tahun sebelumnya, pinjaman dihapus kira dan penjadualan semula pinjaman, namun jumlah tersebut adalah kurang berbanding anuiti yang sepatutnya dijelaskan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam dan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat bagi pinjaman baru seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman.</i></p>	
<p><b>2.2.2.3.a</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri</b></p> <p>Pada akhir tahun 2016, sebanyak 432 (47.7%) daripada 906 pinjaman Kerajaan Negeri tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan di dalam jadual bayaran balik. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 22 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.240 bilion (6.0%) iaitu daripada RM3.985 bilion pada akhir tahun 2015 menjadi RM4.225 bilion pada akhir tahun 2016. Peningkatan tunggakan ini melibatkan pinjaman Negeri Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Sabah dan Terengganu manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Negeri Johor, Perak, Sarawak dan Selangor telah berkurangan. Sejumlah RM0.482 bilion (9.8%) telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding dengan RM4.898 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan dan anuiti tahun 2016). Bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.482 bilion ini adalah termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelesaian penuh pinjaman oleh Kerajaan Negeri Johor bagi enam (6) projek dan pembayaran anuiti tahun 2015 berjumlah RM4.67 juta yang dilaporkan pada tahun 2016.</li> <li>ii. Pembayaran anuiti tahun 2015 oleh Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM3.70 juta yang dilaporkan pada tahun 2016.</li> <li>iii. Bayaran balik pokok dan faedah bagi pinjaman luar negeri Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM11.45 juta.</li> </ol> <p>Pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelarasan pengambilalihan 18 pinjaman Kerajaan Negeri Perak berjumlah RM258.81 juta oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).</li> </ul>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.a</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hapuskira pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah RM1.49 juta.</li> <li>• Penjadualan semula dua (2) pinjaman Negeri Kedah dan empat (4) pinjaman Kerajaan Negeri Johor.</li> <li>• Kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman Negeri Johor.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan kebanyakan pinjaman Kerajaan Negeri yang mempunyai tunggakan adalah melibatkan Projek Bekalan Air, Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan projek pelbagai. Isu berkaitan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek bekalan air dijangka akan dapat diatasi setelah projek-projek yang berkaitan siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri. Perbendaharaan Malaysia akan berunding dengan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelesaian tunggakan pinjaman PAKR, PKEN dan pelbagai.</i></p>	
2.2.2.3.b	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat</b></p> <p>Pada 31 Disember 2016, sebanyak 35 (33.7%) daripada 104 pinjaman yang disalurkan kepada 25 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga sembilan (9) tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM3.534 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM272.77 juta (8.4%) berbanding RM3.262 bilion pada akhir tahun 2015. Adalah didapati peningkatan tunggakan ini disebabkan syarikat hanya membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.342 bilion (7.5%) berbanding dengan RM4.580 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan dan anuiti tahun 2016). Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penjadualan semula pinjaman Yayasan TEKUN Nasional, UDA Holdings Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC).</li> <li>ii. Hapus kira faedah lewat bayaran balik pinjaman PUNB,</li> </ul>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>MTDC dan SRC International Sdn. Bhd.</p> <p>iii. Pemulangan balik lebih dana oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) berjumlah RM9.04 juta dan lebih bayaran anuiti berjumlah RM0.05 juta.</p> <p>iv. Kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Cyberview Sdn. Bhd., MTDC, Malaysia Venture Capital Management Berhad, Perwaja Steel Sdn. Bhd., Equal Concept Sdn. Bhd., SRC International Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad, National Feedlot Corporation Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd., Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan SESB.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan antara tindakan yang diambil untuk mengurangkan tunggakan adalah mengadakan perjumpaan dengan peminjam bagi membincangkan mengenai penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman. Bagi pinjaman baru, Perbendaharaan Malaysia akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman dan memastikan kutipan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.</i></p>	
2.2.2.3.c	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun</b></p> <p>Pada akhir tahun 2016, empat (4) Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.448 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.390 bilion (36.9%) berbanding RM1.058 bilion pada akhir tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) tidak membuat bayaran balik pada tahun 2016. Majlis Amanah Rakyat (MARA) hanya membayar sebahagian anuiti tahun 2016 manakala Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) hanya membayar sebahagian tunggakan pinjaman. Tunggakan pada akhir tahun 2016 adalah melibatkan 12 pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 21 tahun. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman yang tertinggi berjumlah RM959.11 juta iaitu 66.2% daripada jumlah keseluruhan tunggakan pinjaman.</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan MARA telah diberi kelulusan penangguhan bayaran balik sehingga 10 November 2017 dan perjanjian penstrukturan semula baki pinjaman LPK dijangka dimuktamadkan pada akhir Disember 2017. Manakala, PAK dipohon untuk mengemukakan unjuran aliran tunai baharu yang lebih realistik dengan status semasa PAK bagi tujuan penstrukturan semula pinjaman. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia memaklumkan KETENGAH masih dalam proses mengemukakan permohonan pewartaan tanah kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).</i></p>	
2.2.2.3.d	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan</b></p> <p>Pada akhir tahun 2016, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM220.67 juta melibatkan 23 pinjaman dengan tempoh tunggakan pinjaman antara 23 hingga 24 tahun. Manakala, tunggakan pinjaman bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang berjumlah RM215.56 juta telah dihapus kira pada tahun 2016 apabila proses pengambilalihan projek berkaitan sistem pembentungan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) selesai sepenuhnya pada tahun 2016.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan pinjaman DBKL masih belum selesai kerana dua (2) tapak tanah loji pembentungan masih dalam proses pewartaan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan membuat pelarasan pinjaman bagi tujuan hapus kira setelah tanah tapak loji diwartakan kepada JKPTG.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.d
2.2.2.3.e	<p>Semakan Audit mendapati dua agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM161.70 juta yang mana meningkat sejumlah RM10.77 juta (7.1%) berbanding pada akhir tahun 2015 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara dua (2) hingga enam (6) tahun. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh anuiti tahun 2016 belum dibayar dan faedah lewat bayar berjumlah RM1.74 juta telah dikenakan.</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.e

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan permohonan AIM untuk menstruktur semula pinjaman sedang dalam pertimbangan dan dijangka dimuktamadkan pada akhir Disember 2017. Manakala, YASAL telah diminta untuk mengemukakan cadangan penjadualan semula pinjaman berdasarkan aliran tunai terkini.</i></p>	
<p><b>2.2.2.3.f</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri</b></p> <p>Semakan Audit mendapati satu pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKENPs) masih mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM47.82 juta dengan tempoh tunggakan selama 14 tahun.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan PKENPs akan mengemukakan cadangan penjadualan semula pinjaman.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.f</p>
<p><b>2.2.2.3.g</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi</b></p> <p>Pada akhir tahun 2016, dua (2) koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM15.75 juta. Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNNP) masih belum membuat bayaran balik pinjaman walaupun ada antara pinjaman tersebut telah tertunggak selama 36 tahun. Manakala, pinjaman bagi Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDMB) telah distrukturkan semula pada tahun 2016.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan KOBENA telah diambil alih oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan KOBENA telah diminta untuk mengemukakan cadangan bayaran balik tunggakan pinjaman Kerajaan serta laporan kewangan beraudit setakat 31 Disember 2016. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia telah mengemukakan surat kepada SKM pada 31 Mac 2017, selaku pentadbir KPBNNP untuk mendapatkan status terkini peminjam.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.2.2.3.g</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.1.a	<p><b>Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I)</b></p> <p>Sehingga akhir tahun 2016, sejumlah RM20 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. di mana RM19.412 bilion (97.1%) daripadanya telah dibelanjakan. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Induk Akaun Amanah Pelaksanaan Projek Di Bawah Rancangan Malaysia Ke-9 Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (Kod Amanah 885508) Bilangan 2 Tahun 2016 yang bersidang pada 19 Disember 2016, mesyuarat dimaklumkan penutupan akaun amanah ini adalah pada 31 Disember 2016. Bagaimanapun, penutupan akaun amanah ini tidak dapat dilaksanakan kerana pembayaran masih perlu dibuat terhadap 208 projek di peringkat bayaran muktamad dan tujuh (7) projek yang masih di peringkat pelaksanaan.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) dijangka hanya boleh ditutup pada 31 Disember 2018 setelah 208 projek yang di peringkat bayaran muktamad dan tujuh (7) projek di peringkat pelaksanaan disiapkan dan bayaran sepenuhnya dibuat (termasuk defect liability period).</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.4.2.1.a
2.4.2.1.b.i	<p>Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan di bawah Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) pada 31 Disember 2016 mendapati perkara berikut:</p> <p>Dua (2) Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan bagi 25 projek.</p> <p><i>Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbendaharaan Malaysia memaklumkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan Notice of Changes (NOC) bagi tujuan penyelarasan semula siling projek-projek berkenaan.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.4.2.1.b.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.1.b.ii	<p>Prestasi perbelanjaan bagi tiga (3) projek di dua (2) Kementerian adalah kurang memuaskan iaitu antara 16.8% hingga 44%.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) memaklumkan perbelanjaan yang dibuat adalah kos perkhidmatan perunding bagi reka bentuk dan baki yang tinggal adalah tidak mencukupi untuk meneruskan projek ke peringkat pelaksanaan. Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan permohonan NOC sedang dalam tindakan.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.4.2.1.b.ii
2.4.2.2.a.i	<p>Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan bagi PFI II pada 31 Disember 2016 dan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) mendapati perkara berikut:</p> <p>Dua (2) Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan lebih peruntukan berjumlah RM0.05 juta sepatutnya ditampung di bawah peruntukan pembangunan dan tindakan penyelarasan semula lebih perbelanjaan tersebut sedang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.4.2.2.a.i
2.4.2.2.a.ii	<p>Surat Kuasa Berbelanja berjumlah RM1.10 juta telah dikeluarkan kepada Kementerian Dalam Negeri pada 5 Februari 2013 bagi membiayai projek <i>Access Control And Security Control System</i> dan RM134.50 juta dikeluarkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 16 Mac 2016 bagi membiayai projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan. Bagaimanapun, peruntukan bagi kedua-dua projek masih belum dibelanjakan.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan projek belum dilaksanakan kerana bangunan sedia ada yang dikenal pasti adalah tidak sesuai dan tidak selamat untuk diubahsuai, pertukaran kaedah perolehan dan peningkatan anggaran kos projek dan perubahan/pertambahan skop projek atas keperluan operasi. Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.4.2.2.a.ii



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>peningkatan kos projek kepada RM198 juta dan KKM menjangkakan projek dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada bulan November 2017. Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula memaklumkan pembekalan dan pemasangan belum dilaksanakan kerana proses perpindahan bangunan mengambil masa yang terlalu lama, kerosakan kecil yang perlu dibaiki serta keperluan peralatan dan skop kerja yang berbeza. KDN sedang dalam tindakan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus dan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.</i></p>	
<p><b>2.4.2.2.a.iii</b></p>	<p>Prestasi perbelanjaan bagi Projek Padang Bola Sepak Sintetik SMK Pulau Pangkor di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah kurang memuaskan iaitu 32.9% berbanding peruntukan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati masalah pembekalan rumput sintetik menyebabkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 17 November 2016.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Belia dan Sukan Yang Diterima Pada 25 April 2017</i></p> <p><i>Liquidated and Ascertained Damages (LAD) telah dikenakan kepada kontraktor.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 2.4.2.2.a.iii</p>
<p><b>2.4.3.1.</b></p>	<p><b>Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan</b></p> <p>Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberi kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Pada akhir tahun 2016, Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan berbaki RM502.04 juta iaitu meningkat sejumlah RM226.80 juta (82.4%) berbanding dengan akhir tahun 2015 yang berjumlah RM275.24 juta. Semakan Audit mendapati sejumlah RM19.70 juta daripada RM502.04 juta transaksi melibatkan lima (5) Kementerian sepatutnya diselaraskan pada akhir tahun 2016 tetapi masih belum diselaraskan.</p>	



**(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)**



**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Unit Kerjasama Awam Swasta**

**Perenggan 2 : Pengurusan Program Dana Mikro Public Private Partnership (PPP)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>2.5.1.1.b</b>	<p><b>Prestasi Program</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2016, semakan Audit mendapati 4 daripada 6 program yang dilaksanakan oleh TEKUN, PERHEBAT dan Bank Rakyat telah mencapai sasaran melebihi 50% kecuali bagi program yang dilaksanakan oleh TEKUN iaitu Program Second Chance sebanyak 34.7% dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir hanya mencapai 25%.</p>	<p>Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS,JPM) mengucapkan terima kasih atas ulasan oleh pihak Jabatan Audit Negara di mana prestasi pencapaian sasaran sebenar bilangan peserta dan kewangan bagi pelaksanaan program di bawah PERHEBAT dan KPDNKK melalui Bank Rakyat adalah memuaskan kecuali bagi 2 daripada 4 program yang dilaksanakan oleh TEKUN iaitu Program Second Chance dan program Pinjaman kepada Kumpulan Pelajar Tercicir.</p> <p>Pelaksanaan kedua-dua program ini amat mencabar kerana ia melibatkan pelatih AADK dan kumpulan pelajar yang tercicir. Maklumbalas bagi perenggan 2.5.1.1.c dan 2.5.1.2 dikekalkan sepertimana maklumbalas yang dikemukakan pada 28 April 2017. Walaubagaimanapun, antara sebab-sebab program ini tidak dapat mencapai sasaran adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak AADK dan Penjara telah sedia maklum berkenaan program yang dijalankan kerana kerjasama bersama agensi telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2009;</li> <li>• Pertukaran pengarah penjara negeri menyebabkan maklumat-maklumat tidak dapat disampaikan dan pengarah baru tidak mengambil maklum berkenaan kerjasama ini;</li> <li>• Maklumat daripada pegawai penjara menyatakan 70% banduan adalah dikalangan warga asing dan tidak layak untuk mendapatkan bantuan pembiayaan;</li> <li>• Satu sesi taklimat telah diadakan pada 8 Jun 2016 kepada 20 orang banduan</li> </ul>
<b>2.5.1.1.c</b>	<p>Program ini tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan adalah kerana promosi tidak dibuat secara terancang oleh TEKUN dengan AADK dan Jabatan Penjara Malaysia. Jabatan Penjara Malaysia pula tidak mengetahui mengenai pelaksanaan program ini. Disamping itu, pihak TEKUN memaklumkan bilangan pelatih AADK yang berminat semakin berkurangan dan majoriti banduan di penjara terdiri daripada warga asing.</p>	
<b>2.5.1.2</b>	<p>Bagi Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir, sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai disebabkan kerjasama dengan PEMBINA telah dihentikan sejak 19 November 2014. Untuk memastikan sasaran ini dapat dicapai, TEKUN telah memperluaskan lagi kumpulan sasar kepada pelajar daripada Giat Mara dan kolej-kolej teknikal yang lain dengan kelulusan UKAS.</p> <p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>Bagi membolehkan manfaat daripada dana ini dinikmati oleh rakyat, TEKUN telah menggantikan kolaborasi dengan PEMBINA kepada GIATMARA dan Kolej Teknikal. Bagi Program Second Chance, TEKUN akan mempertingkatkan usaha bagi membantu golongan sasar orang asli, OKU, usahawan yang telah ditimpa musibah dan golongan asnaf.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>wanita yang bakal dibebaskan di Penjara Wanita Kajang; dan</p> <p>Bagi meningkatkan promosi, status terkini tindakan yang telah diambil oleh TEKUN adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• TEKUN Nasional telah mengadakan pembentangan kepada Pengarah Penjara Negeri Selangor di Pejabat Penjara Negeri Selangor, Kajang pada 6 April 2017 bagi mewartakan berkenaan program yang dijalankan.</li> <li>• Pada 13 April 2017, taklimat kepada pegawai penjara seluruh Selangor dilaksanakan di Penjara Sungai Buloh.</li> <li>• Pihak TEKUN dalam rangka untuk mempromosikan program kepada Penjara seluruh Malaysia.</li> </ul>
<p><b>2.5.2.2.a</b></p>	<p><b>Prestasi Kewangan Program - Baki Dana Pinjaman Tidak Dipulangkan Kepada PERHEBAT</b></p> <p>Setiap permohonan pinjaman oleh usahawan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu mendapatkan sokongan dan pengesahan daripada PERHEBAT. Borang permohonan yang lengkap perlu dikepilkan dengan salinan Buku Perkhidmatan dan dihantar kepada TEKUN untuk semakan, penilaian dan kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk (JKI). Jawatankuasa ini dianggotai oleh TEKUN dan juga wakil dari PERHEBAT. Apabila permohonan ini diluluskan, TEKUN akan memohon kelulusan pengeluaran dana termasuk caj pengurusan daripada PERHEBAT berdasarkan jumlah permohonan yang telah diluluskan untuk disalurkan kepada pemohon yang berjaya. Sekiranya pemohon tersebut menolak tawaran pinjaman ini, TEKUN perlu memulangkan semula wang pembiayaan tersebut kepada PERHEBAT.</p>	<p>Baki dana pinjaman bukannya tidak dipulangkan oleh TEKUN kepada PERHEBAT tetapi ianya melibatkan proses yang mengambil masa untuk menyemak dan membuat pembayaran kepada TEKUN.</p> <p>Status terkini adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• TEKUN telah menyerahkan Cek Pembayaran sebanyak RM450,000 kepada PERHEBAT pada 21 April 2017; dan</li> <li>• PERHEBAT telah menerima pulangan wang bagi pembiayaan yang dibatalkan daripada TEKUN sebanyak RM450 ribu (RM402 ribu jumlah pokok dan RM48 ribu caj pengurusan) pada 25 April 2017.</li> </ul>
<p><b>2.5.2.2.b</b></p>	<p>Surat PERHEBAT kepada TEKUN bertarikh 31 Oktober 2016, menyatakan sebanyak 26 pemohon yang diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM0.4 juta telah menolak tawaran pinjaman ini. Semakan Audit mendapati, tawaran tersebut ditolak kerana pemohon tidak lagi menjalankan perniagaan, pemohon melebihi had umur, rayuan pertukaran nilai pinjaman, pemohon tidak dapat dihubungi untuk pengesahan menerima tawaran dan mendapat pinjaman dari institusi kewangan yang lain. Semakan selanjutnya mendapati TEKUN belum memulangkan nilai pinjaman tersebut kepada PERHEBAT.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>TEKUN dan PERHEBAT telah membuat penyelarasan dan jumlah tersebut akan dipulangkan selewat-lewatnya pada bulan April 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian sasaran sebenar bilangan peserta dan kewangan bagi pelaksanaan program di bawah PERHEBAT dan KPDNKK (melalui Bank Rakyat) adalah memuaskan kecuali bagi 2 daripada 4 program yang dilaksanakan oleh TEKUN iaitu Program Second Chance dan Program Pinjaman Kepada Kumpulan Pelajar Tercicir.</p>	
2.5.3.1	<p><b>Penilaian Outcome Program Dana Mikro PPP</b></p> <p>Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian outcome dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati UKAS mahupun agensi pelaksana tidak ada membuat perancangan untuk menjalankan penilaian outcome. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada satu rangka kerja jelas dari segi peranan dan data atau maklumat yang perlu dikumpul untuk melaksanakan penilaian outcome. Sehubungan itu, UKAS tidak dapat mengukur pencapaian objektif program yang telah ditetapkan. Sungguhpun UKAS tidak mensyaratkan dalam garis panduan tentang pelaksanaan penilaian outcome bagi program di bawah agensi pelaksana, namun perkara ini ada dibangkitkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Program Mikro PPP di bawah NBOS pada tahun 2016.</p>	<p>Memandangkan Fungsi dan peranan UKAS dalam program ini adalah sebagai penyalur dana Mikro PPP kepada Agensi Pelaksana (Pentadbir Dana) yang terlibat, maka UKAS hanya membuat pemantauan secara makro dengan sentiasa mengingatkan Agensi Pelaksana untuk mengemukakan Laporan Prestasi semasa Mesyuarat Penyelarasan NBOS Mikro PPP yang diadakan secara berkala iaitu 3 bulan sekali. Selain itu, Agensi Pelaksana juga dipohon untuk mengemukakan laporan bulan berhubung status program.</p> <p>Maklumbalas bagi perenggan 2.5.3.1 dan 2.5.3.2 dikekalkan sepertimana maklumbalas yang dikemukakan pada 28 April 2017. Walaubagaimanapun, status terkini untuk melaksanakan penilaian outcome bagi program dana mikro PPP adalah seperti berikut:-</p>
2.5.3.2	<p>Lawatan Audit pada bulan November 2015 dan September 2016 terhadap 188 buah premis perniagaan mendapati 107 (56.9%) masih menjalankan perniagaan, 51 (27.1%) tidak lagi menjalankan perniagaan dan 30 (15.9%) tiada maklumat mengenai status perniagaan peminjam. Ini disebabkan semasa lawatan Audit dibuat, lokasi perniagaan peminjam tidak dapat dikesan, peminjam tiada di rumah ataupun sudah berpindah ke tempat lain. Hasil temubual pihak Audit dengan peminjam mendapati perniagaan kurang mendapat sambutan, faktor kesihatan peminjam, bencana alam, berpindah ke tempat lain dan jumlah pinjaman yang diterima adalah kurang daripada yang dipohon untuk modal perniagaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• UKAS menerusi email bertarikh 12 April 2017 telah mengingatkan Agensi Pelaksana untuk melaksana dan membentangkan penilaian <i>outcome</i> bagi program Dana Mikro PPP semasa Mesyuarat penyelarasan NBOS Khas Bil 1. pada 22 Jun 2017 dan seterusnya dalam Mesyuarat Penyelarasan NBOS Khas Bil 2 pada 12 Oktober 2017 sebelum pembentangan kepada Pengurusan Tertinggi JPM dibuat pada bulan November 2017;</li> <li>• Bagi melaksanakan kajian impak, TEKUN telah berhubung dengan syarikat konsultan dan pihak konsultan sedang menyediakan sebutharga;</li> <li>• TEKUN juga akan mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan memandangkan kajian impak ini adalah menggunakan peruntukan dalaman dan pihak UKAS tidak membenarkan perbelanjaan ini menggunakan dana UKAS sediada;</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>UKAS telah mengeluarkan surat pada 6 Mac 2017 kepada Agensi Pelaksana untuk melaksanakan penilaian outcome program (bersama Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 – Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan) berserta contoh penilaian outcome program kepada agensi pelaksana.</i></p> <p><i>UKAS telah memantau pencapaian Agensi Pelaksana melalui laporan bulanan yang dikemukakan kepada UKAS serta lawatan tapak yang dilaksanakan secara berkala. UKAS juga telah memohon kerjasama agensi untuk mengemukakan prestasi perniagaan peminjam pada setiap bulan bermula bulan April 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tanpa penilaian outcome, keberkesanan prestasi program selaras dengan objektif yang ditetapkan tidak dapat diukur serta memberi nilai tambah kepada golongan sasaran. Selain itu, tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dikenalpasti tidak dapat diambil. Bagaimanapun, berdasarkan lawatan Audit terhadap premis mendapati prestasi perniagaan peminjam masih di tahap memuaskan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPDNKK telah menyediakan rangka kajian impak Skim MPPK yang akan dilaksanakan dengan kerjasama UiTM. Skop kajian impak meliputi:- <ul style="list-style-type: none"> <li>a) mengenalpasti tahap prestasi perniagaan penjaja dan peniaga kecil; dan</li> <li>b) membangunkan profil usahawan penjaja dan peniaga kecil yang mendapat kemudahan pinjaman skim MPPK.</li> </ul> </li> <li>• KPDNKK juga telah mengadakan kerjasama dengan pihak Kolej Komuniti/ Politeknik untuk melaksanakan latihan dan bimbingan kepada penjaja dan peniaga kecil. Kolej Komuniti terpilih telah dilantik sebagai Pusat Transformasi Usahawan (PTU) bagi pihak KPDNKK dan bertindak sebagai pusat rujukan dan bimbingan kepada penjaja dan peniaga kecil setempat. Selain itu PTU juga bertindak sebagai pusat bagi memantau prestasi perniagaan penjaja dan peniaga kecil.</li> </ul>
2.5.4.1	<p><b>Kriteria dan Syarat Kelayakan Pinjaman - Peminjam Mempunyai Pendapatan Isi Rumah Melebihi RM3,000</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 76 (38%) daripada 200 peminjam mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM3,000 iaitu di antara RM3,139 sehingga RM25,000 di mana tiga daripada 51 (5.9%) melalui TEKUN dan 73 daripada 149 (49%) melalui PERHEBAT. Pemberian kepada mereka yang tidak memenuhi kelayakan daripada segi pendapatan ini boleh menjejaskan peluang pinjaman kepada pemohon lain yang berkelayakan. Pihak Audit dimaklumkan kelulusan tersebut dibuat berdasarkan status perniagaan pemohon yang berstatus mikro iaitu jualan perniagaan kurang daripada RM250,000 setahun.</p> <p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>Percanggahan kriteria kelulusan iaitu perniagaan berstatus mikro yang berpendapatan RM 250,000 setahun dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 akan dikaji semula supaya selari dengan objektif Dana Mikro PPP.</i></p>	<p>Garis Panduan Program Mikro PPP telah dikaji dan telah ditambah baik selaras dengan definisi usahawan mikro di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan iaitu mereka yang berniaga secara kecil-kecilan dan jualan perniagaan kurang daripada RM300,000 setahun ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 5 orang.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.3	<p><b>Had Pinjaman Melebihi Jumlah yang Dibenarkan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sejumlah 16 (0.08%) peminjam telah diberi pinjaman melebihi RM50,000 iaitu antara RM53,000 hingga RM83,000. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan sumber dana yang berbeza iaitu melibatkan dana UKAS dan dana MOF di mana hanya Dana UKAS yang tertakluk kepada syarat dalam Garis Panduan Dana Mikro PPP.</p> <p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>Tindakan penyusunan semula dana mengikut sumber akan dibuat oleh KPDNKK bagi mengelakkan berlakunya pinjaman berulang dan ketidakpatuhan pada garis panduan termasuk had pinjaman.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, penyelarasan pinjaman antara agensi pelaksana yang menyediakan dana pinjaman dari sumber wang awam adalah penting bagi mengelakkan penyalahgunaan dana dan risiko bayaran balik.</p>	<p>Seramai 16 orang peminjam telah diberi pinjaman melebihi RM50,000 iaitu antara RM53,000 hingga RM83,000 berlaku disebabkan oleh peminjam-peminjam tersebut mendapat pinjaman dari sumber dana yang berbeza iaitu dari dana UKAS dan dan MOF. Maklumbalas bagi perenggan 2.5.4.3 dikekalkan sepertimana maklumbalas yang dikemukakan pada 28 April 2017. Walaubagaimanapun, status terkini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPDNKK telah mengambil tindakan penyusunan semula dana mengikut sumber bagi mengelakkan berlakunya pinjaman berulang dan ketidakpatuhan pada garis panduan termasuk had pinjaman.</li> </ul>
2.5.5.2.b	<p><b>Bayaran Tambahan yang Dikenakan Terhadap Peminjam</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 100 (46.95%) dari 213 perjanjian peminjam daripada TEKUN mendapati TEKUN telah mengenakan bayaran tambahan seperti bayaran Kelab Komuniti Usahawan TEKUN, Tabung Pengurusan, bayaran kursus asas kemahiran, bayaran balik 1 bulan pinjaman dan bayaran untuk menyelesaikan pinjaman terdahulu. Ini akan mengakibatkan jumlah pinjaman bersih yang diterima oleh setiap peminjam berkurangan daripada jumlah pinjaman sebenar. Jumlah keseluruhan bayaran tambahan yang dikenakan tersebut adalah RM45,488 bagi nilai pinjaman sejumlah RM1.38 juta.</p>	<p>Maklumbalas bagi perenggan 2.5.5.2.b dikekalkan sepertimana maklumbalas yang dikemukakan pada 28 April 2017. Walaubagaimanapun, status terkini isu bayaran tambahan yang dikenakan kepada peminjam adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pinjaman yang dikeluarkan oleh TEKUN adalah tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman TEKUN sedia ada. Pelaksanaan pembiayaan TEKUN membenarkan potongan dibuat terhadap pinjaman dan dipersetujui oleh peminjam di dalam perjanjian pinjaman;</li> </ul>
2.5.5.2.c	<p>Selain daripada bayaran tambahan tersebut TEKUN turut mengenakan simpanan wajib kepada peminjam sebanyak 5% daripada jumlah pinjaman di mana simpanan ini hendaklah dibuat bersama dengan bayaran balik pinjaman. Simpanan ini hanya akan diperolehi semula apabila peminjam telah menyelesaikan keseluruhan pinjaman. Semakan Audit terhadap 100 (46.9%) dari 213 perjanjian peminjam daripada TEKUN mendapati bayaran yang dikenakan adalah tidak seragam antara satu sama lain dimana analisis audit mendapati 24 (24%) orang peminjam dikenakan bayaran insurans dan simpanan wajib, 53 (53%) orang peminjam hanya dikenakan bayaran insurans bagi pinjaman sahaja dan simpanan wajib, 10 (10%) orang peminjam dikenakan bayaran insurans tetapi tidak dikenakan simpanan wajib dan 13</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TEKUN telah menyemak semula data pada sistem pembiayaan yang dikeluarkan bagi memastikan keseragaman simpanan wajib peminjam. (Simpanan wajib bukan potongan terhadap pinjaman tetapi merupakan simpanan yang dibuat oleh peminjam pada setiap bulan );</li> <li>• Potongan-potongan lain adalah mengikut terma dan syarat pinjaman TEKUN sedia ada;</li> <li>• Walaubagaimanapun, TEKUN telah menyelaraskan semua permohonan dibawah dana UKAS tidak dikenakan sebarang caj mulai Ogos 2016; dan</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	(13%) orang peminjam hanya dikenakan bayaran insurans untuk pinjaman sahaja.	Berdasarkan perjanjian di antara Bank Rakyat dan peminjam dibawah KPDNKK juga, tiada sebarang yuran proses dikenakan.
2.5.5.2.d	<p>Semakan Audit terhadap pinjaman melalui Bank Rakyat pula mendapati 253 (31%) daripada 815 peminjam telah dikenakan yuran proses dan bayaran insurans bernilai RM18,116.</p> <p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>Bayaran tambahan ini tidak lagi dikenakan mulai bulan Ogos 2016 supaya peminjam mendapat pinjaman yang penuh.</i></p>	
2.5.5.3	<p><b>Peminjam Membuat Pinjaman Berulang</b></p> <p>Garis Panduan Program Mikro PPP menetapkan antara syarat permohonan pinjaman ialah pemohon belum lagi mendapat mana-mana pembiayaan daripada program Dana Mikro PPP. Semakan Audit mendapati sebanyak 193 (1%) daripada 19,362 peminjam telah membuat pinjaman berulang. Kesan daripada pinjaman berulang ini boleh menjejaskan peluang pinjaman kepada pemohon yang lain.</p> <p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>Tindakan penyusunan semula dana mengikut sumber akan dibuat oleh KPDNKK bagi mengelakkan berlakunya pinjaman berulang dan ketidakpatuhan pada garis panduan termasuk had pinjaman.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, berlaku kelemahan berhubung pematuhan terhadap garis panduan.</p>	<p>Bagi mengelakkan peminjam membuat pinjaman berulang, Agensi Pelaksana menyediakan ruang dalam borang permohonan bagi peminjam membuat pengistiharan bahawa mereka tidak pernah mendapat pinjaman mikro kredit yang lain. Agensi Pelaksana juga bertanggung jawab untuk mengesahkan dan menyemak dengan agensi lain untuk memastikan bahawa peminjam tidak pernah mendapat pembiayaan Dana Mikro PPP dari agensi lain;</p> <p>Sekiranya peminjam tidak memberikan maklumat yang betul, maka mereka boleh diambil tindakan undang-undang; dan</p> <p>KPDNKK juga telah mengambil tindakan menyusun semula dana mengikut sumber bagi mengelakkan berlakunya pinjaman berulang dan ketidakpatuhan pada garis panduan termasuk had pinjaman.</p>
2.5.6.5	<p><b>Bayaran Balik Pinjaman</b></p> <p>Akibat daripada kegagalan membayar balik semula pinjaman, sejumlah 5,679 orang peminjam telah dikenakan NOD bagi tempoh tahun 2013 hingga 31 Disember 2016. Bagaimanapun hanya 341 (6%) daripada peminjam tersebut yang telah dikenakan tindakan susulan seperti saman setelah menerima NOD.</p>	<p>Hasil penemuan Audit mendapati pengurusan bayaran balik pinjaman adalah tidak memuaskan. Walaubagaimanapun, inisiatif yang telah diambil oleh KPDNKK bagi meningkatkan pengurusan bayaran balik pinjaman oleh peminjam adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyusun program latihan dan bimbingan kepada penjaja dan peniaga kecil;</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>Tindakan susulan akan diambil ke atas peminjam yang mampu namun peminjam yang kurang mampu akan diberi peluang melalui rundingan untuk membayar balik pinjaman mengikut kemampuan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran balik pinjaman adalah tidak memuaskan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan kerjasama dengan pihak Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi membantu peniaga yang mempunyai masalah dalam pengurusan kewangan;</li> <li>• Permohonan ke Kementerian Kewangan telah dikemukakan bagi melantik <i>third party agent</i> bagi mengutip semula hutang; dan</li> <li>• KPDNKK telah memohon kerjasama dengan persatuan penaja dan peniaga kecil untuk membantu mengutip semula pinjaman.</li> </ul>
2.5.7	<p><b>Pengurusan Rekod Pinjaman</b></p> <p>Rekod peminjam seperti borang permohonan berserta dokumen sokongan hendaklah disimpan dengan baik dan teratur untuk digunakan sebagai rujukan apabila diperlukan. Pihak Audit telah memohon 213 (51.7%) daripada 412 borang permohonan pinjaman dari TEKUN pada 8 Januari 2016 untuk disemak. Namun, pada 21 Mac 2016, TEKUN memaklumkan bahawa pihaknya hanya dapat mengemukakan sejumlah 145 (68.1%) borang permohonan sahaja dan baki 68 (31.9%) borang yang melibatkan pinjaman berjumlah RM1.02 juta tidak dapat dikemukakan kerana dokumen tersebut gagal dikesan. Bagaimanapun pada 25 April 2017, TEKUN telah mengemukakan 55 dari 68 borang permohonan tersebut manakala baki 13 (20%) borang yang melibatkan pinjaman berjumlah RM0.26 juta tidak dapat dikemukakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan pihak TEKUN mengemukakan borang permohonan tidak sepatutnya berlaku sekiranya pengurusan rekod pinjaman adalah baik dan teratur.</p>	<p>Kegagalan pihak TEKUN mengemukakan baki 68 borang permohonan yang melibatkan pinjaman berjumlah RM1.02 juta adalah kerana dokumen tersebut gagal dikesan. Walaubagaimanapun, status terkini adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• TEKUN telah mengemukakan 53 borang permohonan pinjaman yang gagal dikesan tersebut kepada Jabatan Audit bersama maklumbalas auditi pada 24 April 2017.</li> </ul>
2.5.8	<p><b>Latihan dan Bimbingan Kepada Pemohon</b></p> <p>Merujuk kepada perjanjian peminjam dengan TEKUN, peminjam diwajibkan mengikuti Kursus Asas Keusahawanan (KAK) dengan bayaran RM100 yang ditolak dari nilai pinjaman. Sekiranya peminjam tidak menghadiri KAK tanpa sebarang sebab yang munasabah, bayaran kursus tidak akan dikembalikan. Berdasarkan temubual terhadap 126 orang peminjam yang dilawati mendapati 122 (96.8%) orang peminjam tidak menerima kursus KAK yang dilaksanakan oleh pihak TEKUN yang melibatkan kos berjumlah RM12,200. Ketiadaan kursus KAK kepada peminjam menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan asas-asas perniagaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan KAK diadakan mengikut Zon/Wilayah/Negeri dan diadakan berterusan dari masa ke semasa; dan</li> <li>• Usahawan yang berminat untuk mengikuti Kursus KAK perlu membayar yuran kursus sebanyak RM100 dan perlu di bayar sendiri memandangkan pihak UKAS tidak membenarkan sebarang potongan</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, ketiadaan kursus KAK menyebabkan peminjam tidak mendapat manfaat berkaitan pengetahuan asas perniagaan.</p>	
<p><b>2.5.9.3</b></p>	<p><b>Pemantauan dan Penyelarasan oleh UKAS</b></p> <p>Semakan selanjutnya juga mendapati tiada bukti menunjukkan agensi pelaksana ada mengemukakan laporan bergambar secara berkala kepada UKAS. Di samping itu, bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, UKAS tidak mengadakan lawatan tapak secara berkala dengan agensi pelaksana yang terlibat untuk memantau pelaksanaan program ini. Selain itu, mesyuarat dengan agensi pelaksana untuk membincangkan prestasi pelaksanaan program ini tidak diadakan pada tahun 2013 dan 2014 dan hanya sekali pada tahun 2015 iaitu pada 1 Oktober 2015 setelah pihak Audit mula melaksanakan pengauditan ini. Pada tahun 2016, sebanyak 3 kali mesyuarat bersama agensi pelaksana telah diadakan. Mesyuarat yang dinamakan Mesyuarat Penyelarasan Program Mikro PPP di bawah NBOS telah diadakan pada 6 April, 27 Jun dan 5 Oktober tahun 2016. Antara perkara yang dibincangkan adalah prestasi pelaksanaan program bagi setiap agensi pelaksana dari aspek peruntukan, perbelanjaan dan laporan impak program masing-masing terhadap peminjam. Pihak Audit dimaklumkan, Bahagian yang bertanggungjawab menghadapi masalah kekangan kakitangan bagi melaksanakan lawatan tapak secara kerap.</p> <p><i>Maklum Balas UKAS yang Diterima Pada 22 Mac 2017</i></p> <p><i>UKAS telah menjadualkan lawatan tapak secara berkala sebagai inisiatif untuk memantau pelaksanaan projek. Di samping itu, UKAS juga telah mendapatkan laporan bertulis secara berkala daripada Agensi Pelaksana sebagai langkah pemantauan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang tidak dilaksanakan secara berkala menyebabkan prestasi Program Dana Mikro PPP tidak dapat dinilai dengan berkesan dan isu/masalah berbangkit tidak dapat ditangani segera.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan: UKAS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis panduan program Mikro PPP, Versi Pertama (2012) tidak mensyaratkan UKAS untuk melaksanakan lawatan tapak memandangkan tanggungjawab UKAS, JPM adalah sebagai penyalur dana;</li> <li>• Dana Mikro PPP mula disalurkan kepada Kementerian masing-masing mulai bulan Januari tahun 2013. Setelah dana tersebut disalurkan kepada Agensi Pelaksana (Pentadbir Dana), Agensi Pelaksana pula akan memproses permohonan pinjaman oleh peminjam. Peminjam yang berjaya akan menandatangani perjanjian diantara peminjam dan Agensi Pelaksana sebelum dana tersebut disalurkan ke akaun peminjam bagi membolehkan peminjam memulakan perniagaan. Selain itu, Agensi Pelaksana menetapkan tempoh moratorium pembayaran balik pinjaman sekurang-kurangnya 6 bulan selepas pinjaman diluluskan. Oleh itu, laporan Status Pelaksanaan Pembiayaan Dana Mikro PPP/laporan bergambar tidak dapat dikemukakan oleh Agensi Pelaksana kepada UKAS memandangkan program masih dalam peringkat permulaan.</li> </ul> <p>Tindakan Penambahbaikan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi meningkatkan tadbir urus, UKAS telah mula melaksakan pemantauan mulai tahun 2015 dan 2016 dengan mendapatkan laporan bertulis secara berkala daripada Agensi Pelaksana dan menjadualkan lawatan tapak secara berkala.</li> </ul> <p>Status terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk meningkatkan pemantauan, UKAS juga telah memperkemaskini Garis Panduan Program Mikro PPP dengan menambahkan klausa tanggung jawab dan pemantauan oleh agensi pelaksana seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kementerian atau Agensi Pelaksana memastikan bahawa projek dilaksanakan mengikut skop dan tatacara yang telah ditetapkan;</li> </ul> </li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Agensi Pelaksana akan mengesahkan laporan kemajuan projek sebelum pembayaran dibuat kepada syarikat; dan</li> <li>- Kementerian /Agensi Pelaksana akan memantau pelaksanaan projek setiap bulan dan mengemukakan laporan/laporan bergambar secara berkala kepada UKAS, JPM untuk tujuan penyelarasan.</li> </ul>

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Perenggan 3 : Pengurusan Bayaran Ansuran Cukai Pendapatan Menerusi Potongan Cukai Bulanan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.a.iv	<p><b>Aktiviti Audit Majikan - Majikan Bukan Kerajaan</b></p> <p>JAN telah menjalankan semakan terhadap empat majikan bukan kerajaan tersebut dengan menggunakan kaedah pemilihan sampel pekerja (pembayar cukai) yang berbeza berbanding pemilihan secara rawak yang dilakukan oleh UAM. Pemilihan sampel oleh JAN telah dijalankan terhadap pembayar cukai yang mempunyai arahan CP38 yang paling tinggi di kedua-dua majikan bukan kerajaan tersebut. Hasil semakan Audit JAN mendapati ketidakpatuhan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• satu majikan telah gagal melaksanakan arahan potongan cukai tambahan (CP38) berjumlah RM91,371 untuk satu pembayar cukai pada tahun 2014.</li> <li>• satu majikan telah kurang membuat potongan mengikut jadual yang ditetapkan dalam arahan CP38. Sejumlah RM11,693 telah kurang dipotong daripada dua pembayar cukai untuk tahun 2014 dan 2015.</li> <li>• empat majikan lewat (selepas 15 hari <i>grace period</i> diberi) antara 22 hingga 92 hari untuk membuat potongan CP38 berjumlah RM180,322 daripada 33 pembayar cukai. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan majikan melaksanakan arahan CP38 adalah disebabkan oleh tempoh notis yang dikeluarkan adalah singkat dan pihak majikan menghadapi kesukaran untuk mematuhi arahan potongan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, majikan dibenarkan untuk mengangjak tarikh kuat kuasa potongan CP38.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majikan mengakui gagal mematuhi potongan CP38 dan kompaun telah dikenakan.</li> <li>• Majikan telah dikompaun.</li> <li>• Tindakan telah diambil terhadap setiap kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Antara tindakan adalah membatalkan arahan CP38 dan mengenakan kenaikan cukai menawarkan kompaun dan mengambil tindakan guaman sivil.</li> </ul> <p>Mulai bulan Januari 2017, pengauditan PCB/ Audit Majikan dibuat secara menyeluruh bagi majikan yang menyimpan <i>payroll</i> dalam bentuk elektronik (kaedah e-Auditing) dan bukan secara rawak. Namun bagi majikan yang masih menyimpan rekod secara manual, LHDNM akan menyemak secara berstruktur berdasarkan tunggakan cukai pekerja yang tinggi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.a.v	<p>Sehubungan dengan itu, pihak Audit mendapati pemilihan sampel pekerja (pembayar cukai) secara rawak oleh Unit Audit Majikan adalah kurang berkesan untuk mengesan ketidakpatuhan majikan terhadap peraturan yang ditetapkan.</p> <p><i>Maklum Balas LHDNM yang Diterima Pada 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Lawatan Audit bagi Majikan Bukan Kerajaan 3 telah dilakukan pada 12 April 2017. Hasil semakan dan perbincangan mendapati pihak majikan tersebut menggunakan sistem yang diperakukan oleh LHDNM serta tindakan berkaitan PCB dan CP38 yang dibuat adalah dipatuhi.</i></p> <p><i>Mulai bulan Januari 2017, pengauditan PCB/ Audit Majikan dibuat secara menyeluruh bagi majikan yang menyimpan payroll dalam bentuk elektronik (kaedah e-Auditing) dan bukan secara rawak. Namun bagi majikan yang masih menyimpan rekod secara manual, LHDNM akan menyemak secara berstruktur berdasarkan tunggakan cukai pekerja yang tinggi.</i></p> <p><i>Tindakan telah diambil terhadap setiap kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Antara tindakan adalah membatalkan arahan CP38 dan mengenakan kenaikan cukai menawarkan kompaun dan mengambil tindakan guaman sivil.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan LHDNM untuk menggantikan kaedah pemilihan sampel pekerja secara rawak kepada pendekatan komprehensif merupakan satu usaha yang baik bagi meningkatkan pengesanan kes ketidakpatuhan majikan terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.</p>	
3.5.2.b.ii	<p><b>Majikan Kerajaan</b></p> <p>Hasil semakan Audit mendapati ketidakpatuhan kepada peraturan PCB dan CP38 oleh kedua-dua majikan kerajaan tersebut seperti butiran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• kedua-dua majikan kerajaan telah lewat meremit PCB berjumlah RM398,591 dengan kelewatan antara 7 hingga 220 hari dari tarikh akhir ia sepatutnya diremitkan.</li> <li>• kedua-dua majikan kerajaan telah gagal melaksanakan arahan potongan tambahan (CP38) berjumlah RM75,111 daripada 18 pembayar cukai pada tahun 2014 dan 2015.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kunjungan mesra ke Majikan Kerajaan 1 telah dilakukan pada 11 April 2017 manakala kunjungan mesra ke Majikan Kerajaan 2 dilaksanakan pada 17 Januari 2017. Perbincangan berhubung Arahan Potongan Cukai Bulanan (CP39), CP38 dan pematuhan Borang E telah diadakan dengan Ketua Unit Seksyen Saraan Gaji Majikan Kerajaan 1 dan 2.</li> <li>• Kerjasama dan komitmen yang amat positif diberikan oleh Majikan Kerajaan 1 dan 2 dalam memastikan ketidakpatuhan bagi PCB dan CP38 tidak berulang..</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• satu majikan kerajaan kurang membuat potongan cukai tambahan (CP38) berjumlah RM4,018 daripada dua pembayar cukai pada tahun 2014.</li> <li>• kedua-dua majikan kerajaan lewat antara 92 hingga 616 hari untuk memotong CP38 berjumlah RM36,679 daripada tujuh pembayar cukai.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas LHDNM yang Diterima Pada 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Kunjungan mesra ke Majikan Kerajaan 1 telah dilakukan pada 11 April 2017 manakala kunjungan mesra ke Majikan Kerajaan 2 dilaksanakan pada 17 Januari 2017. Perbincangan berhubung Arahan Potongan Cukai Bulanan (CP39), CP38 dan pematuhan Borang E telah diadakan dengan Ketua Unit Seksyen Saraan Gaji Majikan Kerajaan 1 dan 2.</i></p> <p><i>Kerjasama dan komitmen yang amat positif diberikan oleh Majikan Kerajaan 1 dan 2 dalam memastikan ketidakpatuhan bagi PCB dan CP38 tidak berulang. Bagi kakitangan kerajaan, sekiranya berlaku tunggakan hasil, ianya masih boleh dipungut melalui CP38 ke atas pencen.</i></p> <p><i>LHDNM sentiasa melakukan jaringan yang baik bersama Majikan Kerajaan serta kunjungan mesra sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Bilangan lawatan ke majikan kerajaan akan diambil kira sebagai sebahagian daripada Key Performance Indicator (KPI) Unit Audit Majikan mulai tahun 2018.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengauditan terhadap majikan kerajaan yang kurang dilaksanakan oleh Unit Audit Majikan menyebabkan majikan kerajaan gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindakan pemungutan dilakukan secara berterusan oleh cawangan yang mengendalikan fail Tunggakan Hasi/ pembayar cukai menerusi tindakan pendakwaan atau kenaaan Sek 104</li> <li>• 6 kes tunggakan cukai telah dijelaskan dan lejer pembayar cukai sehingga 9 Jun 2017 berbaki kosong dan 1 kes berbaki debit tindakan pemungutan dilakukan secara berterusan oleh cawangan</li> </ul> <p>LHDNM sentiasa melakukan jaringan yang baik bersama Majikan Kerajaan serta kunjungan mesra sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Bilangan lawatan ke majikan kerajaan akan diambil kira sebagai sebahagian daripada Key Performance Indicator (KPI) Unit Audit Majikan mulai tahun 2018.</p>
3.5.3.2	<p><b>Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Terhadap Tunggakan CP38</b></p> <p>Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan kenaikan cukai 10% dikenakan pada hari pertama bulan selepas bulan terakhir diikuti dengan kenaikan cukai tambahan sebanyak 5% ke atas baki yang tidak dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh kenaikan 10% dikenakan terhadap pembayar cukai yang tidak menjelaskan tunggakan cukai mengikut masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 25 pembayar cukai melibatkan 4 majikan tidak menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM205,580, namun penalti (kenaikan cukai) tidak dikenakan.</p>	<p>Kenaikan Seksyen 103 telah dikenakan dan tindakan pemungutan telah dan sedang diambil.</p> <p>Janaan CP38 kepada majikan swasta dan kerajaan secara kelompok telah dikeluarkan secara tahunan dan norma masa yang ditetapkan untuk pengeluaran CP38 kepada majikan melalui janaan sistem secara auto adalah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh baki debit wujud dalam sistem selepas tarikh <i>e-filing</i> bagi individu</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas LHDNM yang Diterima Pada 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Tindakan telah diambil terhadap kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Antara tindakan yang diambil adalah kenaikan cukai dikenakan; pemberitahuan tindakan mahkamah dikeluarkan; sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP 1967 telah dikenakan; dan penyediaan tindakan guaman sivil.</i></p> <p><i>Janaan CP38 kepada majikan swasta dan kerajaan secara kelompok telah dikeluarkan secara tahunan dan norma masa yang ditetapkan untuk pengeluaran CP38 kepada majikan melalui janaan sistem secara auto adalah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh baki debit wujud dalam sistem mulai tahun 2017 selepas tarikh e-filing bagi individu.</i></p> <p><i>Usaha berterusan LHDNM bagi memastikan kutipan cukai melalui kaedah awal pemungutan iaitu dengan membuat panggilan telefon, email blast dan pengeluaran surat pemberitahuan tunggakan cukai (CP546X) secara auto. Oleh itu, tindakan mengeluarkan CP38 bukanlah satu-satunya tindakan pemungutan selepas majikan tidak membuat potongan PCB.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh masa yang lama untuk mengeluarkan borang CP38 dan kegagalan mengenakan penalti terhadap ketidakpatuhan majikan/pembayar cukai menyebabkan hasil Kerajaan lewat/kurang dikutip.</p>	<p>mulai tahun 2017.</p> <p>Kaedah awal pemungutan adalah dengan membuat panggilan telefon, email blast dan pengeluaran surat pemberitahuan tunggakan cukai (CP546X) secara auto. Tindakan mengeluarkan CP38 bukanlah satu-satunya tindakan pemungutan selepas majikan tidak membuat potongan PCB.</p>

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Perenggan 4 : Pengurusan Projek Pembangunan Produk Herba Bernilai Tinggi**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>4.5.1.2</b></p>	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Analisis Audit mendapati peratus perbelanjaan hampir 100% berdasarkan peruntukan yang diterima menunjukkan keberkesanan pengurusan kewangan Kerajaan seperti mana yang dirancang kecuali bagi tahun 2013 yang berbaki RM35.09 juta (36.5%). Baki ini terutamanya sekali disebabkan berlaku kelewatan tuntutan imbuhan balik bagi skop inisiatif pra-klinikal/klinikal oleh syarikat peneraju.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>HDD akan terus memantau prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan dan memastikan ianya dibelanjakan berdasarkan kepada skop projek yang telah diluluskan secara optimum agar pencapaian ouput dan objektif EPP 1 yang ditetapkan akan dapat dicapai dengan komprehensif dan berkesan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi kewangan pada tahun 2011 hingga 2016 secara umumnya adalah baik.</p>	<p>Pemantauan prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan secara berkala dari masa ke semasa oleh pihak Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) di peringkat Kementerian telah dilaksanakan bagi memastikan ianya dibelanjakan berdasarkan kepada skop projek yang telah diluluskan secara optimum dan berkesan. Mekanisme pemantauan adalah berdasarkan kepada Laporan Prestasi Peruntukan Pembangunan (DE) dan platform Mesyuarat Jawatankuasa Pejabat Pengurusan Penyampaian NKEA Pertanian (DMO-NKEA) / Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan NKEA Pertanian (JKP-NKEA) / Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA Pertanian (SC-NKEA) secara berkala.</p>
<p><b>4.5.2.2</b></p>	<p>Analisis Audit mendapati, pencapaian objektif GNI sebanyak 4.4% adalah berasaskan sasaran EPP 1 menjelang tahun 2020. Hal ini adalah kerana nilai pengeluaran produk herba bernilai tinggi bergantung kepada keputusan kajian pra-klinikal/klinikal di mana herba berkenaan dapat dikategorikan dalam produk herba bernilai tinggi. Bagaimanapun, kajian pra-klinikal/klinikal masih sedang dilaksanakan. Manakala prestasi pencapaian bilangan peluang pekerjaan adalah 94.2%, pengilang 18.3% dan petani luar bandar 68.2% telah dicapai selepas 6 tahun pelaksanaan EPP 1.</p>	<p>MOA melalui pihak Pejabat Pembangunan Herba (HDO) telah mengambil tindakan dengan mengkaji semula asas pengiraan, skop dan sasaran (i) pencapaian GNI, (ii) bilangan peluang pekerjaan, (iii) bilangan pengilang dan (iv) bilangan petani luar bandar dengan mengambil kira kepada prestasi pencapaian projek semasa untuk memberi gambaran sebenar serta unjuran yang lebih realistik.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.2.a	<p><b>Asas Pengiraan Gross National Income (GNI) Tidak Mematuhi SOP PEMANDU</b></p> <p>Berdasarkan SOP PEMANDU pengiraan GNI hendaklah menggunakan peruntukan EPP 1 berasaskan hasil nilai pengeluaran produk herba bernilai tinggi. Semakan Audit mendapati setakat Februari 2017 pencapaian GNI NRGs syarikat peneraju adalah RM81.80 juta (4.5%) daripada sasaran RM1,815.18 juta. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati asas pengiraan GNI syarikat peneraju ini adalah berdasarkan nilai pengeluaran produk sedia ada yang tidak dihasilkan daripada peruntukan EPP 1. Selain itu, produk sedia ada tersebut belum dilaksanakan/selesai kajian klinikal iaitu masih belum terbukti sebagai produk herba bernilai tinggi. Dengan itu, nilai pengeluaran produk sedia ada sepatutnya tidak diambil kira sebagai penajaan GNI EPP 1.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>DMO, MOA mengarahkan setiap pemilik EPP 1 untuk mengkaji semula sasaran GNI yang baru agar dapat memberikan unjuran yang lebih tepat dan realistik berdasarkan status dan pencapaian terkini. HDD sedang menyediakan maklumat tersebut dengan kerjasama pihak syarikat peneraju di bawah EPP 1 dan telah mengemukakan unjuran GNI yang baru kepada pihak DMO pada 7 April 2017 dan masih menunggu keputusan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, asas pengiraan GNI berdasarkan unjuran yang tidak realistik memberi indikator pencapaian yang tidak tepat dan turut menjejaskan milestone (carta perbatuan) dengan satu gambaran yang tidak benar terhadap pencapaian GNI projek EPP 1 menjelang tahun 2020.</p>	
4.5.2.2.b	<p><b>Kelewatan Mencapai GNI Akibat Pra-Klinikal dan Klinikal Belum Selesai</b></p> <p>Sejak projek EPP 1 dilaksanakan mulai tahun 2011, sebanyak 14 syarikat peneraju telah dilantik untuk melaksanakan kajian pra-klinikal dan klinikal terhadap 27 produk herba. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2016, hanya satu produk daripada 27 produk herba tersebut telah siap kajian klinikal, 23 produk masih dilaksanakan dan 3 produk telah ditamatkan. Penilaian terhadap syarikat peneraju EPP1 pada 15 dan 22 Mac 2017 semasa Sesi Pemantauan Dan Penilaian Syarikat Peneraju oleh MOA mendapati prestasi pencapaian pra-klinikal/klinikal adalah kurang memuaskan dan kebanyakannya hanya akan dapat diselesaikan pada tahun 2019. Selain itu, antara punca kelewatan adalah salah satu syarikat peneraju telah ditamatkan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kontrak dan satu lagi syarikat dalam proses penamatan kontrak pada tahun 2017. Dengan tempoh masa yang berbaki 4 tahun (2017–2020) dan komitmen syarikat peneraju terhadap ujian pra-klinikal/klinikal yang kebanyakan hanya dijangka siap pada tahun 2019 akan menyebabkan objektif EPP1 bagi GNI menjelang tahun 2020 sukar dicapai. Pembuktian keputusan pra-klinikal dan klinikal terhadap jenis herba yang berpotensi sebagai produk herba bernilai tinggi sepatutnya dicapai lebih awal iaitu dalam lingkungan tahun 2016/2017 supaya penanaman herba berkenaan dapat diusaha dan dipergiatkan tanamannya dalam tempoh masa yang munasabah bagi menghasilkan nilai pengeluaran yang turut memberi impak kepada GNI EPP 1.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>HDD telah mengangkat cadangan bagi mengkaji semula sasaran objektif/KPI EPP 1 yang telah ditetapkan oleh PEMANDU kepada DMO, MOA pada 27 Mac 2017. Selain itu, HDD juga akan sentiasa memantau secara berterusan prestasi projek dan pencapaian objektif/KPI yang telah ditetapkan melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/Sub-Kumpulan Herba/Penilaian/Pemilihan/PEMANDU dan menambahbaik mekanisme pemantauan dengan Sesi Penilaian dan Pemantauan Jawatankuasa dan laporan prestasi setiap projek EPP 1.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian GNI adalah pada tahap yang sangat rendah iaitu 4.4% berbanding dengan sasaran menjelang tahun 2020.</p>	
4.5.3.2	<p><b>Pengurusan Kontrak</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tiada kontrak dimeterai bagi 51 projek/kajian melibatkan syarikat peneraju/Agensi/IPT/RI dengan MOA yang melibatkan sejumlah RM107.51 juta dan 2 kontrak tambahan. Manakala 4 projek/kajian berjumlah RM7.57 juta melibatkan RI/agensi lewat dimeterai antara 194 hingga 335 hari.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>Projek/Kajian Di Bawah EPP 1 Yang Tiada Kontrak Dimeterai - HDD mengambil maklum pengesyoran Audit berkenaan dan perbincangan awal bersama PUU, MOA telah dilakukan pada 27 dan 28 Mac 2017 untuk penyediaan kontrak dengan ECERDC bagi pembangunan Herbal Park dan syarikat peneraju bagi kajian pra-klinikal/klinikal. Kontrak dijangka akan</i></p>	<p>49 projek/kajian telahpun tamat (siap). Oleh yang demikian, pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU, MOA) memutuskan tiada keperluan bagi memeterai kontrak yang telahpun <i>overtaken by events</i>. MOA telah memastikan setiap projek/kajian semasa yang dilaksanakan telah ditandatangani perjanjian.</p> <p><u>4 Projek/Kajian Yang Tiada Kontrak Dimeterai:</u></p> <p>i. Syarikat Peneraju bagi Pra-Klinikal dan Klinikal</p> <p>a. Nova Laboratories Sdn. Bhd.</p> <p>MOA telah mengemukakan perjanjian tambahan kepada pihak syarikat pada 3 Mei 2017 untuk ditandatangani.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dimuktamadkan selewat-lewatnya pada awal bulan April 2017. Berkaitan supplementary agreement, HDD sedang memperincikan terma rujukan yang diperlukan bagi pelaksanaan projek tersebut sebelum dikemukakan kepada PUU, MOA bagi penambahbaikan selanjutnya. Perjanjian tambahan ini dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2017.</i></p> <p><i>Manakala bagi 48 NRGS dan MyTKDL, pelaksanaan aktiviti ini telahpun tamat dan overtaken by events semasa draf kontrak perjanjian sedang diusahakan. Untuk HEC pula HDD akan memastikan perkara tidak berulang pada masa akan datang.</i></p> <p><i>Projek/Kajian Di Bawah EPP 1 Yang Lewat Meterai Kontrak - HDD mengambil maklum dan akan memastikan perkara ini tidak berulang di masa akan datang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan dan kelewatan memeterai kontrak dalam tempoh yang sepatutnya akan menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi.</p>	<p>b. Natureceuticals Sdn. Bhd.</p> <p>MOA telah mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak PUU, MOA pada 23 Mei 2017 untuk menyediakan Perjanjian Tambahan (<i>Supplementary Agreement</i>).</p> <p>ii. Pembangunan <i>Herbal Extraction Centre</i> (HEC)</p> <p>MOA telah menerima draf pertama perjanjian daripada pihak <i>Institute of Bioproduct Development</i>, Universiti Teknologi Malaysia (IBD, UTM) pada 6 Jun 2017 untuk semakan. Walau bagaimanapun, HDO telah mengembalikan semula draf tersebut kepada pihak IBD, UTM pada 7 Jun 2017 memandangkan masih lagi terdapat beberapa maklumat yang tidak lengkap.</p> <p>iii. Pembangunan <i>Herbal Park</i></p> <p>MOA telah mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti kronologi kelulusan, brief projek dan peruntukan kewangan daripada pihak <i>East Coast Economic Region Development Council</i> (ECERDC). Maklumat tersebut telah dikemukakan kepada pihak PUU, MOA pada 13 Jun 2017 untuk semakan lanjut sebelum penyediaan rangka asas draf perjanjian dapat disediakan.</p>
4.5.4.3	<p><b>Kajian Pra-Klinikal/Klinikal bagi Penghasilan Produk Herba Bernilai Tinggi</b></p> <p>Semakan Audit mendapati semua skop inisiatif EPP 1 telah mula dilaksanakan secara serentak tanpa pembuktian hasil kajian klinikal sama ada sesuatu jenis herba berkenaan sebenarnya berpotensi atau tidak. Sebagai contoh, perladangan pokok herba seperti Misai Kucing, Kacip Fatimah, Tongkat Ali, Roselle, Hempedu Bumi dan Mas Cotek telah mula dilaksanakan dalam skala komersial melibatkan 1,454.03 hektar di Herbal Park (Terengganu dan Pahang) dan Kluster Herba (Semenanjung Malaysia) dengan jumlah perbelanjaan RM63.50 juta. Jika ujian klinikal gagal membuktikan keberkesanan sesuatu produk herba untuk dijadikan produk nutrasetikal dan botanical drug/medicine maka pengguna hanya boleh menggunakan produk herba secara tradisional tanpa pembuktian secara saintifik keberkesanannya.</p>	<p>Objektif penanaman pokok-pokok herba di <i>Herbal Park</i> dan Kluster Herba adalah dirancang untuk memastikan bekalan bahan mentah herba yang konsisten dan mencukupi serta menyelesaikan masalah pemasaran, membentuk pakatan <i>win-win</i> antara peserta (petani) dengan pengilang/industri/ agensi R&amp;D dan merancang pengeluaran bahan mentah berasaskan kontrak pasaran. Penanaman pokok-pokok herba tersebut bukan sahaja digunakan bagi tujuan Kajian Pra-Klinikal dan Klinikal. Malahan, penanaman pokok-pokok herba tersebut digunakan bagi menampung permintaan bahan mentah herba di pasaran tempatan dan antarabangsa bagi tujuan penghasilan produk-produk berasaskan herba (<i>end products</i>) lain. Hasil jualan bahan mentah daripada penanaman pokok-pokok herba tersebut juga digunakan di dalam proses pembuatan ekstrak herba (<i>standardized extract processing</i>) untuk memberi nilai tambah (<i>value added</i>) bagi penghasilan produk-produk berasaskan herba. Ianya juga dibangunkan bagi penanaman pokok-pokok herba lain yang mempunyai permintaan di pasaran untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017 dan 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Pelaksanaan terhadap skop inisiatif yang lain secara serentak (concurrently) dilihat perlu bagi memastikan pencapaian objektif dan outcome projek dapat dicapai dengan lebih komprehensif (menyeluruh) serta berkesan. Bagaimanapun, HDD sentiasa memantau melalui platform dan mekanisme pemantauan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/Sub-Kumpulan Herba Penilaian/Pemilihan/PEMANDU NKEA Pertanian dan menambah baik mekanisme pemantauan dengan Sesi Penilaian dan Pemantauan Jawatankuasa dan laporan prestasi bagi setiap projek EPP 1.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, keutamaan fasa skop inisiatif tidak diberi perhatian dalam perancangan milestone (carta perbatuan) projek EPP 1 iaitu kajian pra-klinikal dan klinikal bagi penghasilan produk herba bernilai tinggi sepatutnya diselesaikan sebelum penanaman pokok herba secara komersial dilaksanakan.</p>	<p>membantu serta memberi <i>spin-off effect</i> kepada para petani serta menggerakkan Industri Kecil &amp; Sederhana (IKS) sementara menunggu keputusan Kajian Pra-Klinikal dan Klinikal diperolehi.</p> <p>Sehubungan dengan itu, pelaksanaan terhadap skop inisiatif penanaman pokok herba di <i>Herbal Park</i> dan Kluster Herba secara serentak (<i>concurrently</i>) dilihat perlu bagi memastikan pencapaian objektif dan <i>outcome</i> program yang lebih komprehensif serta berkesan dapat dicapai. Walau bagaimanapun, penekanan dan keutamaan terhadap skop inisiatif bagi Kajian Pra-Klinikal dan Klinikal terus diberikan dan memastikan pelaksanaan skop-skop inisiatif EPP 1 dilaksanakan secara sistematik.</p>
4.5.5.2	<p><b>Kemudahan Infrastruktur Herbal Park yang Belum Diguna/ Diduduki</b></p> <p>Lawatan Audit pada 15 Februari 2017 di Herbal Park Pasir Raja, Dungun, Terengganu mendapati 25 unit bangunan terdiri daripada rumah pegawai, asrama/hostel, rumah pekerja teres, rumah pengurus dan surau melibatkan kos pembinaan sejumlah RM3.84 juta belum diduduki sejak siap dibina pada 20 Ogos 2014 (tarikh serah bangunan kepada syarikat peneraju). Manakala, 2 unit lot kedai bernilai RM0.14 juta digunakan bagi tujuan lain iaitu sebagai premis sementara untuk menyimpan bahan mentah. Pihak Audit dimaklumkan kekosongan ini berlaku disebabkan semua pekerja adalah penduduk tempatan.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017 dan 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Syarikat peneraju merancang untuk mengisi rumah pekerja secara berperingkat berdasarkan pelan pengisian pekerja mahir dan separa mahir terutamanya di dalam operasi CPPC serta R&amp;D. Bagi rumah pegawai, 2 unit telah diduduki secara tetap dan 3 unit lagi digunakan oleh pegawai daripada ibu pejabat dalam lawatan operasi mingguan/berkala.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, 25 unit bangunan yang belum diduduki selama 2 tahun 4 bulan sejak ianya dibina merupakan satu pembaziran serta tidak memberi pulangan terbaik kepada perbelanjaan Kerajaan.</p>	<p>Pihak ECERDC telah menyediakan Pelan Pengisian Pekerja Mahir dan Separah Mahir untuk mengisi rumah pekerja secara berperingkat terutamanya dalam operasi Pusat Pengumpulan, Pemprosesan &amp; Pembungkusan (CPPC) serta R&amp;D. Selain itu, pihak ECERDC juga telah bekerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan pihak Kerajaan Negeri Terengganu bagi menggunakan kemudahan infrastruktur berkenaan untuk tujuan latihan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.5.4.a	<p><b>Jenis Herba Selain Daripada yang Disenaraikan di Bawah EPP 1 Turut Diusahakan di Bawah Program Kluster Herba</b></p> <p>Semakan Audit terhadap pemberian geran/bantuan insentif kepada 211 petani di bawah program kluster herba di Negeri Johor dan Terengganu mendapati sejumlah RM0.495 juta geran telah diberikan kepada 63 petani (29.9%) yang mengusahakan jenis herba selain daripada yang disenaraikan dalam EPP 1 iaitu bunga kantan, lengkuas, kesum, serai, limau purut/nipis, kunyit, lidah buaya, stevia dan pandan wangi. Semakan selanjutnya terhadap rekod di DOA negeri Johor dan Terengganu mendapati keluasan tanah yang terlibat adalah sebanyak 188.53 hektar bagi kedua-dua negeri tersebut dengan tanaman selain daripada yang disenaraikan di bawah EPP 1.</p>	<p>Secara praktikalnya para petani masih menanam herba secara integrasi dengan rempah ratus, tetapi dengan kaedah mengurangkan peratus penanaman herba/rempah lain dalam tanaman integrasi dengan 18 herba utama setiap tahun. Penanaman akan diteruskan dengan kadar penanamannya dikurangkan menjelang tahun 2020. Jabatan Pertanian (DOA) telah merangka Pelan Perancangan Pengurangan Tanaman Rempah Ratus selain 18 Fokus Herba bagi tahun 2017 hingga 2020.</p>
4.5.5.4.b	<p>Lawatan Audit ke Negeri Johor dan Terengganu membuktikan berlaku perladangan tanaman rempah ratus yang tidak tersenarai di antara 18 jenis herba EPP 1 iaitu 9 (50%) daripada 18 peserta di Batu Pahat, Johor hanya mengusahakan bunga kantan, pandan wangi, serai dan limau purut. Manakala, di Hulu Terengganu, Terengganu pula 2 (20%) daripada 10 peserta mengusahakan kesum dan serai. Pihak Audit dimaklumkan, HDD bersetuju untuk melaksanakan strategi penanaman integrasi dengan rempah ratus/tanaman lain di peringkat transisi program iaitu tahun 2015 - 2020. Hal ini adalah bagi menjamin pendapatan petani dan kelestarian projek dalam masa gestation period yang panjang.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>DOA telah merangka Pelan Perancangan Pengurangan Tanaman Rempah Ratus selain 18 Fokus Herba bagi tahun 2017 hingga 2020. Selain itu, DOA sedang menambah baik Surat Aku Janji kepada petani dengan penekanan terhadap pengurangan peratus penanaman rempah ratus dalam tanaman integrasi secara tahunan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pelaksanaan penanaman selain daripada 18 jenis herba dengan menggunakan peruntukan EPP 1 menjejaskan objektif sebenar projek.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.6.a	<p><b>Peringkat Enabler – Prestasi NKEA EPP 1 Research Grant Scheme (NRGS) - Penamatan Kontrak Disebabkan Tuntutan Syarikat Peneraju Menggunakan Dokumen Palsu Bagi Kajian Pra-Klinikal</b></p> <p>MOA telah melantik Syarikat Edaran Ariff Medik Sdn. Bhd. (EAMSB) bagi pelaksanaan kajian pra-klinikal dan klinikal terhadap produk herba Baunkem (<i>wound healing powder</i>) pada 15 September 2014. Syarikat telah dibayar pada 6 Mei 2015 oleh MARDI berjumlah RM0.3 juta bagi tuntutan pertama dan tuntutan kedua pada 7 Mei 2015 berjumlah RM0.7 juta. Kedua-dua bayaran ini adalah untuk kerja menyedia bahan mentah dan pembelian <i>reference standard for chemical markers</i> serta <i>expert review and profesional fees</i> iaitu skop kerja sebelum pelaksanaan kajian pra-klinikal dan klinikal. Kemudiannya, bagi pelaksanaan pra-klinikal dan klinikal, EAMSB dalam proses pelantikan <i>Contract Research Organization</i> (CRO) sebagai <i>collaborator</i> telah mengemukakan 3 sebut harga termasuk 2 sebut harga palsu kepada MOA untuk kelulusan pelantikan CRO. Ekoran daripada 2 sebut harga palsu ini, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA Pertanian Bil.3/2016 bertarikh 4 Ogos 2016 memutuskan untuk menamatkan kontrak dan menuntut semula semua bayaran yang telah dibuat sebelum ini iaitu sejumlah RM1 juta daripada syarikat dan pemegang sahamnya disenaraihitamkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati PUU MOA telah mengeluarkan surat arahan kepada syarikat pada 3 Februari 2017 untuk menuntut semula RM1 juta tetapi setakat April 2017 masih belum ada tindakan daripada syarikat.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>HDD dengan kerjasama PUU, MOA masih dalam tindakan melalui notis tuntutan serta prosiding mahkamah dan telah mengemukakan aduan kepada MOF pada 26 Oktober 2016 selaras dengan 1PP PK 8: Ketidapatuhan Dalam Perolehan Kerajaan, untuk mengambil tindakan ke atas syarikat EAMSB dan masih menunggu keputusan pihak MOF.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, wujud elemen penipuan oleh syarikat dalam proses pelantikan CRO yang juga merupakan satu kesalahan yang amat serius.</p>	<p>MOA telah mengeluarkan surat notis tuntutan bayaran balik pada 3 Februari 2017 untuk menuntut semula RM1 juta yang telah dibayar kepada pihak syarikat peneraju Edaran Arif Medik Sdn. Bhd. (EAM-SB) dan surat pemakluman tindakan undang-undang ke atas EAM-SB telah dikeluarkan pada 30 Mac 2017.</p>
4.5.6.b	<p><b>Tuntutan Di Luar Skop oleh Syarikat Peneraju</b></p> <p>Mengikut Garis Panduan NKEA EPP 1 <i>Research Grant Scheme</i> (NRGS) untuk Syarikat Peneraju yang berkuat kuasa Disember 2013 menyatakan, perbelanjaan yang boleh dituntut hanya melibatkan perbelanjaan yang</p>	<p>MOA telah mengeluarkan surat peringatan kali kedua bagi arahan bayaran balik kepada pihak syarikat peneraju Phyto Biznet Sdn. Bhd. (PB-SB) pada 30 Mei 2017 dengan rujukan surat KP/HDO/S/34-7 JLD 2 (01). Pihak PB-SB perlu membuat</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berkaitan dengan kajian penyelidikan sahaja. Bagaimanapun, Audit mendapati Syarikat Phyto Biznet Sdn. Bhd. telah menuntut dan menerima bayaran caj guaman berjumlah RM40,705 (perkhidmatan guaman kepada syarikat bagi tujuan mendapatkan pembiayaan dari pihak ketiga) ini adalah di luar skop penyelidikan seperti mana yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 19 April 2017</i></p> <p><i>HDD telah mengeluarkan surat arahan bayaran balik kepada syarikat peneraju pada 19 April 2017 rujukan surat KP/HDO/S/34-7 JLD (73) dan akan menyusuli isu ini sehingga selesai.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, caj guaman adalah kos pentadbiran kepada syarikat peneraju bagi mendapatkan pembiayaan (pinjaman) dan bukanlah berkaitan dengan penyelidikan. Dengan itu, bayaran sejumlah RM40,705 adalah improper payment.</p>	<p>bayaran selewat-lewatnya sebelum 31 Julai 2017. Pihak PB-SB melalui surat bertarikh 31 Mei 2017 bersetuju untuk membayar balik caj bayaran guaman kepada MOA dengan 2 kali pembayaran iaitu pada 30/6/2017 (RM20,705.00) dan 25/7/2017 (RM20,000.00).</p>
<p><b>4.5.6.c</b></p>	<p><b>Bayaran Bagi Peralatan yang Tidak Dibekal</b></p> <p>i. MOA telah memeteraikan kontrak dengan syarikat peneraju Natureceuticals Sdn. Bhd. (NC) pada 22 November 2011 dengan nilai kontrak RM47.89 juta. Selain itu, MOA juga meluluskan perolehan mesin ekstraktor dan peralatan <i>Current Good Manufacturing Practice</i> (cGMP) berjumlah RM12.49 juta sebagai gantian kepada komponen kajian klinikal fasa 3 dalam kontrak asal pada 29 November 2012, 9 Julai 2013 dan 8 Ogos 2014. Bagaimanapun, <i>Supplementary Agreement</i> tidak dimeterai seperti mana yang diarahkan oleh <i>Steering Committee NKEA</i>.</p> <p>ii. Berdasarkan baucar bayaran MARDI dan MOA serta lawatan Audit ke kilang syarikat peneraju NC di Kedah Halal Park, Sungai Petani, Kedah pada 23 Februari 2017 mendapati mesin <i>Stick Pad Packing</i> dan peralatan kawalan kualiti berjumlah RM1.33 juta sebenarnya masih belum diperolehi/dibekalkan. Bagaimanapun, tuntutan perolehan berjumlah RM1.33 juta telah dibayar sepenuhnya kepada syarikat peneraju NC.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 19 April 2017</i></p> <p><i>HDD telah melaksanakan siasatan lanjut bersama-sama dengan pihak syarikat NC pada 29 Mac 2017 dan 13 April 2017 dan mendapati ke semua</i></p>	<p>MOA telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman pada 8 Jun 2017 untuk siasatan lanjut berhubung isu ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>peralatan yang dibangkitkan oleh Audit sememangnya tidak diterima. Pihak HDD telah menyusuli hasil siasatan ini dengan PUU, MOA untuk tindakan selanjutnya.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran tanpa bekalan bernilai RM1.33 juta adalah serius menyebabkan improper payment dan kerugian kepada Kerajaan.</p>	
4.5.7.2	<p><b>Peringkat Enabler - Projek Kajian Khas Penyelidikan Herba</b></p> <p>Sistem Malaysia <i>Traditional Knowledge Digital Library</i> (MyTKDL) adalah untuk mendokumentasikan maklumat pengetahuan tradisi/<i>traditional knowledge</i> (TK) dan sumber genetik/<i>genetic resources</i> (GR) Malaysia. Objektif pembangunan sistem MyTKDL adalah untuk mempertingkatkan infrastruktur pelayan, perkakasan dan perisian dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan sistem, menaik taraf dan penambahbaikan keseluruhan sistem. Bayaran dibuat sebelum kerja penyenggaraan dilaksanakan berdasarkan kontrak perjanjian bernilai RM1.79 juta antara MyIPO dan kontraktor. Berdasarkan jadual A dan B - Penyelenggaraan ke atas perkakasan dan perisian perlu dilaksanakan di antara November 2016 hingga Oktober 2018. Manakala, berdasarkan Jadual Penentuan Harga (D – Penyelenggaraan) dalam Addendum bertarikh 15 Oktober 2014, pembayaran penyenggaraan sepatutnya dibuat selepas tempoh jaminan yang diagihkan kepada tahun pertama penyenggaraan sejumlah RM100,000 dan tahun kedua penyenggaraan sejumlah RM80,000. Semakan Audit mendapati, MyIPO telah membuat pembayaran sepenuhnya melalui 5 bayaran kemajuan mulai 6 November 2014 hingga 8 Mac 2016 untuk keseluruhan kos projek (meliputi kos membangun, membekal, memasang, menguji terima, mentauliah dan penyelenggaraan) berjumlah RM1.79 juta termasuk RM180,000 bayaran perkhidmatan penyenggaraan yang belum dilaksanakan.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>Jawatankuasa MyTKDL bersama Bahagian IT, PUU dan Kewangan MyIPO dalam mesyuarat pada 28 Disember 2016 memutuskan supaya kontraktor (Opensoft Technologies Sdn. Bhd.) memulangkan semula RM180,000 kepada MyIPO. Bahagian Kewangan MyIPO telah mengeluarkan satu nota debit bertarikh 28 Februari 2017 kepada kontraktor. Pada 9 Mac 2017 kontraktor telah mendebitkan sejumlah RM180,000 kepada MyIPO. Bayaran penyenggaraan seterusnya hanya akan dibuat setelah kerja penyenggaraan selesai mengikut jadual yang ditetapkan.</i></p>	<p>Pada 9 Mac 2017 kontraktor telah mendebitkan sejumlah RM180,000 kepada MyIPO.</p>




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kepentingan Kerajaan tidak terjamin dan berisiko tinggi sekiranya pembayaran dilaksanakan sebelum perkhidmatan kerana kontraktor masih tidak melaksanakan obligasi perkhidmatan penyenggaraan secara sepenuhnya. Dengan itu, bayaran sejumlah RM180,000 adalah improper payment.</p>	
<p><b>4.5.8.2</b></p>	<p><b>Peringkat Enablers - Menaik Taraf Makmal ke Arah Pensijilan <i>Good Laboratory Practice (GLP)</i></b></p> <p>Lawatan Audit ke IMR pada 23 dan 24 Januari 2017 mendapati kerja mengubah suai dan menaik taraf makmal sedia ada di tingkat 2 telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kos projek berjumlah RM3.39 juta (setakat kini sejumlah RM3.07 juta telah dibayar kepada kontraktor) dan Sijil Perakuan Serahan Siap Dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan pada 18 Mei 2015. Bagaimanapun, makmal ini masih tidak dapat beroperasi kerana tidak menepati spesifikasi kadar tekanan udara dan suhu di semua bilik makmal GLP yang boleh menjejaskan keputusan eksperimen dan ketidakakuran <i>Organization for Economic Cooperation &amp; Development (OECD)</i> GLP dan masalah sistem kad akses yang tidak boleh merekod data keluar/ masuk. Semakan lanjut terhadap dokumen di IMR dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK) KKM mendapati usaha untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan oleh IMR mengenai makmal tersebut masih dalam peringkat perbincangan sehingga tarikh pengauditan pada Februari 2017.</p>	<p>Mesyuarat bagi menandatangani Sijil Perakuan Serahan Siap Kerja telah diadakan pada 20 Mac 2017 di antara pihak <i>Institute for Medical Research (IMR)</i> berserta pihak Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPK KKM), Radicare dan pihak kontraktor. Pihak BPK KKM, juga memaklumkan tempoh bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan <i>defect</i> bagi makmal GLP IMR akan mengambil masa sehingga akhir bulan Jun 2017. Walau bagaimanapun, melalui surat daripada pihak BPK KKM bertarikh 8 Jun 2017 menyatakan terdapat kelewatan ke atas tarikh siap kerja pembaikan kecacatan sehingga pada bulan Julai 2017.</p>
<p><b>4.5.8.3</b></p>	<p>Semakan fizikal terhadap 12 unit aset bernilai RM1.14 juta didapati tidak digunakan sejak diperolehi pada tahun 2011 dan 2012. Pihak Audit dimaklumkan ke semua aset ini tidak digunakan disebabkan makmal tersebut tidak beroperasi.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>IMR dan BPK telah bermesyuarat pada 21 Februari 2017 dan diputuskan BPK akan meneruskan kerja pemulihan dan membaiki kerosakan sedia ada dan makmal tersebut akan diserahkan kepada IMR selewat-lewatnya pada bulan Jun 2017 setelah pembaikan kecacatan major dan minor.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, isu ini adalah serius kerana walaupun CCC telah dikeluarkan serta peralatan telah diperolehi namun makmal masih tidak dapat digunakan. <i>Value for money</i> berserta <i>achievement of investment</i> terhadap</p>	




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																							
	<p>setiap perbelanjaan Kerajaan adalah penting untuk diterapkan dalam setiap aktiviti. Keberkesanan makmal GLP adalah aktiviti yang amat penting bagi menjamin hala tuju EPP 1 secara mampan dan mengurangkan aliran dana keluar negara jika kajian pra-klinikal/klinikal dapat dijalankan dalam negara. Masalah ketidakgunaan makmal GLP di IMR yang telah siap diubah suai sejak Mei 2015 dan peralatan yang dibeli sejak tahun 2011 dan 2012 tidak memberi pulangan ke atas pelaburan Kerajaan pada masa kini. Selain itu, dikhuatiri makmal dan peralatan yang lama tidak digunakan tidak dapat dipastikan tahap kualiti dan kepenggunaannya pada masa hadapan.</p>																																								
<p><b>4.5.9.2</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Bagi Program Kluster Herba pemantauan dilaksanakan melalui 2 peringkat iaitu Mesyuarat Pembangunan Kluster Herba Peringkat DOA dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Kluster Herba Peringkat Negeri. Berdasarkan Terma Rujukan, Mesyuarat Pembangunan Kluster Herba Peringkat DOA hendaklah diadakan 4 kali setahun manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Kluster Herba peringkat Negeri pula hendaklah bermesyuarat setiap 2 bulan sekali (6 kali setahun). Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat yang diadakan adalah memuaskan.</p> <p><i>Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 5 April 2017</i></p> <p><i>HDD telah meningkatkan pemantauan secara lebih sistematik dan berterusan ke atas semua projek di bawah EPP 1 melalui platform yang telah ditetapkan bagi memastikan pencapaian objektif projek yang lebih komprehensif dan berkesan dapat dicapai pada tahun 2020. Platform tersebut meliputi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal/Sub-Kumpulan Herba Penilaian/Pemilihan NKEA Pertanian dan menambahbaik mekanisme pemantauan dengan Sesi Penilaian dan Pemantauan Jawatankuasa dan laporan prestasi bagi setiap projek EPP 1.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, HDD dan DOA telah melaksanakan pemantauan selaras dengan ketetapan kekerapan mesyuarat. Bagaimanapun keberkesanan pemantauan adalah kurang memuaskan khususnya berdasarkan penemuan Audit terhadap <i>improper payment</i> dan bangunan serta peralatan yang masih belum digunakan melebihi 2 tahun hingga 5 tahun.</p>	<p>Platform pemantauan adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pejabat Pengurusan Penyampaian NKEA Pertanian (DMO-NKEA) / Jawatankuasa Pemilihan NKEA Pertanian (JKP-NKEA) dan Jawatankuasa Pemandu NKEA Pertanian (SC-NKEA) telah diteruskan serta penambahbaikan mekanisme pemantauan telah dilaksanakan secara berkala. Kekerapan mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti <b>Jadual 1</b> di bawah:</p> <p style="text-align: center;"><b>Jadual 1: Platform Pemantauan Projek NKEA Pertanian EPP 1</b></p> <table border="1" data-bbox="1196 842 2078 1098"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 842 1424 927" rowspan="2">Perkara</th> <th colspan="7" data-bbox="1424 842 2078 890">Kekerapan Mesyuarat</th> </tr> <tr> <th data-bbox="1424 890 1518 927">2011</th> <th data-bbox="1518 890 1612 927">2012</th> <th data-bbox="1612 890 1706 927">2013</th> <th data-bbox="1706 890 1800 927">2014</th> <th data-bbox="1800 890 1895 927">2015</th> <th data-bbox="1895 890 1989 927">2016</th> <th data-bbox="1989 890 2078 927">2017</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 927 1424 986">Mesyuarat SC-NKEA</td> <td data-bbox="1424 927 1518 986">15</td> <td data-bbox="1518 927 1612 986">9</td> <td data-bbox="1612 927 1706 986">6</td> <td data-bbox="1706 927 1800 986">9</td> <td data-bbox="1800 927 1895 986">5</td> <td data-bbox="1895 927 1989 986">3</td> <td data-bbox="1989 927 2078 986">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 986 1424 1045">Mesyuarat JKP-NKEA</td> <td data-bbox="1424 986 1518 1045">2</td> <td data-bbox="1518 986 1612 1045">8</td> <td data-bbox="1612 986 1706 1045">9</td> <td data-bbox="1706 986 1800 1045">7</td> <td data-bbox="1800 986 1895 1045">5</td> <td data-bbox="1895 986 1989 1045">4</td> <td data-bbox="1989 986 2078 1045">4</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 1045 1424 1098">Mesyuarat DMO-NKEA</td> <td data-bbox="1424 1045 1518 1098">16</td> <td data-bbox="1518 1045 1612 1098">13</td> <td data-bbox="1612 1045 1706 1098">10</td> <td data-bbox="1706 1045 1800 1098">7</td> <td data-bbox="1800 1045 1895 1098">5</td> <td data-bbox="1895 1045 1989 1098">5</td> <td data-bbox="1989 1045 2078 1098">3</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Kekerapan Mesyuarat							2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	Mesyuarat SC-NKEA	15	9	6	9	5	3	2	Mesyuarat JKP-NKEA	2	8	9	7	5	4	4	Mesyuarat DMO-NKEA	16	13	10	7	5	5	3
Perkara	Kekerapan Mesyuarat																																								
	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017																																		
Mesyuarat SC-NKEA	15	9	6	9	5	3	2																																		
Mesyuarat JKP-NKEA	2	8	9	7	5	4	4																																		
Mesyuarat DMO-NKEA	16	13	10	7	5	5	3																																		



**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**


**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**Perenggan 5 : Program Desa Lestari**


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>KKLW telah diperuntukkan sebanyak RM168.85 juta oleh Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan Program Desa Lestari untuk tempoh tahun 2013 hingga 2016. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati sehingga 31 Mac 2017 hanya sebanyak RM114.68 juta (67.92%) telah diterima oleh KKLW dan disalur kepada agensi KKLW. Baki peruntukan sebanyak RM54.17 juta telah dikembalikan kepada Kementerian Kewangan. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa, peruntukan kepada koperasi di bawah Program Desa Lestari (PDL) untuk pelaksanaan projek ekonomi adalah sebanyak RM100.85 juta. Daripada jumlah peruntukan RM114.68 juta, sejumlah RM98.64 juta telah dibelanjakan. Sehubungan itu, terdapat lebih peruntukan yang masih belum dibelanjakan sebanyak RM16.04 juta masih ditindik (<i>parking</i>) di agensi KKLW sejak tahun 2013 antaranya FELCRA (RM12.57 juta), RISDA (RM2.14 juta), KEDA (RM0.77 juta), dan KEJORA (RM0.56 juta).</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan tidak menggambarkan kedudukan sebenar kerana sebahagian daripada peruntukan yang berjumlah RM16.04 juta telah ditindik kepada agensi sejak tahun 2013.</p>	<p>Sejumlah RM3.3 juta merupakan baki penjimatan peruntukan pembangunan dan projek-projek yang telah dibatalkan. Berikut merupakan agensi dan jumlah peruntukan yang terlibat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) FELCRA Berhad : RM3,270,749.10</li> <li>2) RISDA : RM22,924.00</li> <li>3) KEDA : RM85,055.50</li> </ol> <p>Arahan pemulangan baki peruntukan tersebut telah dikeluarkan kepada agensi-agensi yang terlibat melalui surat ruj: KKLW.400-4/2/45Jld.(13) bertarikh 2 Jun 2017 seperti berikut:</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <div style="display: flex; justify-content: center; margin-top: 10px;">  </div>







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Pihak KEDA telah memulangkan baki peruntukan melalui EFT bertarikh 15 Jun 2017 seperti berikut:</p> 
5.5.2.1	<p><b>Projek Gagal - Koperasi Kaban Stass Bau Berhad : Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Susu Getah - Jumlah Kos Projek RM0.63 juta</b></p> <p>Projek bangunan telah siap dibina pada 23 Januari 2015 manakala peralatan telah diterima dalam tahun 2015. Lawatan Audit pada 14 Januari 2017 mendapati Koperasi masih belum melaksanakan aktiviti pengumpulan dan pemprosesan susu getah disebabkan oleh pasaran harga getah rendah. Perkara ini disebabkan berlakunya penurunan harga susu getah yang drastik pada tahun 2014 yang memberi kesan kepada aktiviti menoreh getah.</p>	<p>Pihak koperasi telah mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi bertarikh 8 April 2017 dan memutuskan untuk menyewa bangunan kepada seorang pengusaha cendawan di kampung.</p> <p>Cabutan minit mesyuarat dan salinan surat KKLW kepada pihak SKM adalah seperti berikut:</p>  

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sukar untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak koperasi dalam memantapkan pelaksanaan projek. KKLW telah memaklumkan kepada pihak SKM untuk mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas koperasi selaras dengan Akta Koperasi 1993.</p> 
<p><b>5.5.2.2</b></p>	<p><b>Koperasi Seri Serbang Bongawan Sabah Berhad : Projek Pusat Penyembelihan dan Jualan Ayam Pedaging - Jumlah Kos Projek RM0.24 juta</b></p> <p>Kelulusan diberi pada tahun 2015 melibatkan pembinaan bangunan dan pembekalan peralatan. Lawatan Audit pada 12 Januari 2017 mendapati projek masih belum beroperasi disebabkan oleh berlakunya perselisihan faham di kalangan Ahli Lembaga Koperasi. Bangunan tersebut belum digunakan kerana ketiadaan bekalan elektrik dan air. Peralatan dan segala keperluan yang telah dibeli pada tahun 2015 masih tidak digunakan.</p>	<p>Selepas daripada pemerhatian JAN, pihak koperasi telah mengambil tindakan segera dengan mempecepatkan penyambungan bekalan utiliti dan Projek Pusat Penyembelihan dan Jualan Ayam Pedaging telah beroperasi sepenuhnya bermula pada 1 Mei 2017. Gambar adalah seperti berikut:-</p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.5.2.3</b></p>	<p><b>Koperasi Kampung Berundong Papar Berhad : Projek Mobile Cafe KopieSatu - Jumlah Kos Projek RM0.18 juta</b></p> <p>Lawatan Audit pada 11 Januari 2017 mendapati projek masih tidak dilaksanakan disebabkan oleh mesin memproses air kopi yang dibekalkan oleh pembekal AIM Coffee (M) Sdn. Bhd. dari Kuala Lumpur telah rosak. Ini disebabkan oleh ketiadaan alat ganti dan tempoh waranti telah tamat. Lanjutan daripada itu, projek Mobile Café KopieSatu serta kelengkapannya yang diterima pada tahun 2014 tidak dapat digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian GNI adalah pada tahap yang sangat rendah iaitu 4.4% berbanding dengan sasaran menjelang tahun 2020.</p>	<p>Koperasi telah bersetuju untuk menyewa lori mobil kopiesatu kepada Encik Raffih bin Mohd Said (640108-12-5063), pengusaha di bawah Persatuan Pengusaha Foodtruck Negeri Sabah dengan kontrak selama tiga (3) tahun dengan kadar sewaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) RM800 sebulan untuk tahun pertama</li> <li>ii) RM1,200 sebulan untuk tahun kedua; dan</li> <li>iii) RM1,400 sebulan untuk tahun ketiga</li> </ul> <p>Bayaran deposit sebanyak RM1,500 telah dibayar dan kontrak dijadual ditandatangani pada 16 Jun 2017.</p>
<p><b>5.5.2.4</b></p>	<p><b>Koperasi Homestay Sungai Pasu Raub Berhad : Projek Penternakan Ikan Air Tawar - Jumlah Kos Projek RM93,300</b></p> <p>Lawatan Audit pada 25 Januari 2017 mendapati projek yang diluluskan tidak berjaya diuruskan oleh Koperasi. Kegagalan projek disebabkan tiada perancangan teliti dibuat oleh pihak Koperasi sebelum melaksanakan projek. Di samping itu, kesinambungan projek tidak dapat diteruskan kerana kepimpinan ALK yang baru tiada kepakaran dalam pengurusan projek tersebut. Sebanyak 80,000 ekor anak ikan tilapia dan 1,500 ekor anak ikan patin telah dimasukkan ke dalam lombong terbiar pada bulan Mac 2014 dan tidak dijaga sepenuhnya. Pada November 2016 didapati ikan tersebut telah hilang dan laporan mengenainya telah dibuat kepada PDRM.</p>	<p>Mesyuarat Berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari yang diadakan pada 28 Mac 2017 telah mengenalpasti Koperasi Kampung Bandar Berhad di Selangor yang mengusahakan ternakan ikan siakap bagi menggunakan mesin dan peralatan berkenaan iaitu bekas takungan, generator, pam air, peralatan bekalan oksigen dan mesin mengisar makanan ikan. Tawaran pemindahan aset telah dibuat kepada koperasi berkenaan pada 11 April 2017 dan penerimaan tawaran daripada koperasi melalui e-mel bertarikh 14 April 2017. Prosedur pemindahan aset diselaraskan oleh pihak SKM dan dijangka selesai dalam bulan September 2017. Berikut merupakan prosedur dan tatacara bagi pemindahan aset yang terlibat:-</p> <p><u>Tawaran dan penerimaan</u></p> 



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="text-align: center;">  <p style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px;">Tatacara pemindahan aset</p> </div>
<p><b>5.5.2.5</b></p>	<p><b>Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad : Projek Kuih Bahulu dan Projek Kerisik Kelapa - Jumlah Kos Projek RM40,250</b></p> <p>Lawatan Audit pada 9 Januari 2017 mendapati semua peralatan yang dibeli sejak Februari 2014 masih tidak digunakan dan terbiar di dalam stor. Ini disebabkan Koperasi tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menaiktaraf pendawaian di bengkel projek tersebut daripada Fasa 1 ke Fasa 3.</p>	<p>Mesyuarat Berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari yang diadakan pada 28 Mac 2017 telah mengesyorkan supaya aset-aset tersebut dialihkan ke Koperasi Gerakan Daya Wawasan Padang Besar Selatan Berhad di Perlis kerana terdapatnya pengusaha bahulu dan kerisik kelapa sedia ada di kampung berkenaan. Penerimaan tawaran daripada koperasi telah diterima melalui e-mel bertarikh 18 April 2017 seperti berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p>Assalamualaikum...</p> <p>Kepada, Mohd Zulfahmi bin Othman BRKD - KKLW</p> <p>Tuan,</p> <p>Adalah dimaklumkan bahawa Ahli Lembaga Koperasi Gerakan Daya Wawasan Padang Besar Selatan telah mengadakan perincian tentang aset dan peralatan untuk persediaan membuat bahulu dan kerisik kelapa yang telah ditawarkan kepada pihak kami.</p> <p>2. Sukacita pihak koperasi sebutlah suara menerima tawaran tersebut. Pihak kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada KKLW atas kepercayaan yang diberikan.</p> <p>Selamat,terima kasih.</p> <p><b>NORFIZA BINTI MD SAID</b> Seluasaha Gerakan Daya Wawasan Padang Besar Selatan Perlis Berhad (Dumrah KKLW)</p> </div> <p>Tindakan pemindahan diselaraskan oleh pihak SKM mengikut prosedur yang ditetapkan dan jangkakan selesai pada bulan September 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>5.5.2.6</p>	<p><b>Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad : Projek Chalet Kabin; Projek Taman Herba; Projek Cenderamata; Projek <i>Embroidery</i> dan Jahitan Sulaman; Projek Bengkel Kuih Tradisional - Jumlah Kos Projek RM1.04 juta</b></p> <p>Lawatan Audit pada 12 Januari 2017 ke Kampung Ulu Legong mendapati projek kuih tradisional, cenderamata dan jahitan tidak dilaksanakan secara berterusan dan terhenti disebabkan ketiadaan pekerja/pengusaha untuk mengendalikan projek tersebut yang telah berhijrah. Selain itu, Projek Taman Herba dan Chalet Kabin juga masih belum disiapkan oleh Kontraktor sejak 21 Jun 2015 (Taman Herba) dan 12 Januari 2016 (Chalet Kabin).</p>	<p>Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi bertarikh 5 April 2017 telah bersetuju untuk memajukan projek secara usahasama bersama usahawan-usahawan di kampung melalui perjanjian yang telah disediakan seperti berikut:-</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">    </div> <p><b>1. <u>Projek Cenderamata</u></b></p> <p>Syarikat AC Mega Utara Trading telah mengusahakan projek tersebut dan kursus pengendalian mesin telah dijalankan seperti berikut:</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">    </div>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p data-bbox="1205 261 1626 288"><b>2. <u>Projek Bengkel Kuih Tradisional</u></b></p> <p data-bbox="1193 316 2083 400">Projek telahpun dijalankan oleh pengusaha bahulu Puan Hasniah binti Hassan bermula 23 Mei 2017 bagi memenuhi tempahan di sekitar daerah Baling sempena Hari Raya Aidilfitri seperti berikut:</p> <div data-bbox="1211 432 2063 756">  </div> <p data-bbox="1205 815 1733 842"><b>3. <u>Projek Jahitan dan Sulaman (Embroidery)</u></b></p> <p data-bbox="1193 869 2083 954">Mesin dan peralatan telah dipindahkan ke lokasi baru iaitu di salah sebuah kedai di Pekan Baru, Baling pada 4 Jun 2017 dan diusahakan oleh Syarikat Emroidery Assawe Laris Enterprise seperti berikut:</p> <div data-bbox="1211 963 2051 1326">  </div>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p data-bbox="1196 256 1435 284"><b><u>Projek Taman Herba</u></b></p> <p data-bbox="1196 316 2085 507">Prestasi projek sehingga 11 Jun 2017 adalah sebanyak 98% siap seperti gambar di bawah kecuali pemasangan bekalan elektrik daripada TNB. Permohonan kelulusan bagi pemasangan bekalan elektrik kepada pihak TNB telah dibuat pada 8 Jun 2017. Pihak TNB melalui surat Ruj.: TNB(B)/PPP/UPP 6/6/4 telah memohon supaya pihak koperasi melengkapkan beberapa dokumen dan permohonan semula telah dikemukakan semula oleh koperasi pada 28 Mei 2017, 8 &amp;13 Jun 2017.</p> <div data-bbox="1207 544 2085 842">  </div> <p data-bbox="1196 868 1715 895"><b><u>Projek 9 Unit Kabin Chalet dan 1 Unit Pejabat</u></b></p> <p data-bbox="1196 927 2085 1118">Prestasi projek sehingga 11 Jun 2017 adalah sebanyak 97% siap seperti gambar di bawah kecuali pemasangan bekalan elektrik daripada TNB. Permohonan kelulusan bagi pemasangan bekalan elektrik kepada pihak TNB telah dibuat pada 8 Jun 2017. Pihak TNB melalui surat Ruj.: TNB(B)/PPP/UPP 6/6/4 telah memohon supaya pihak koperasi melengkapkan beberapa dokumen dan permohonan semula telah dikemukakan semula oleh koperasi pada 28 Mei 2017, 8 &amp;13 Jun 2017.</p> <div data-bbox="1207 1102 2085 1385">  </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.5.2.7</b></p>	<p><b>Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad : Projek Semaian Anak Benih Sawit - Jumlah Kos Projek RM0.32 juta</b></p> <p>Lawatan Audit pada 9 Disember 2016 dan 7 Februari 2017 mendapati projek tersebut masih belum dijalankan dan anak benih sawit juga telah dibiarkan membesar di tapak semaian. Menurut Koperasi, sebanyak 240 benih sawit telah dijual sejak Januari 2016. Bagaimanapun pihak Koperasi menghentikan penjualan anak benih kerana Koperasi tidak mempunyai lesen jualan daripada <i>Malaysian Palm Oil Board</i> (MPOB).</p>	<p>Lawatan inspektorat ke tapak semaian bagi tujuan pendaftaran lesen oleh pihak MPOB telah diadakan pada 3 Mei 2017. Permohonan lesen telah diluluskan oleh pihak MPOB seperti berikut:</p> <div data-bbox="1525 448 1756 791" data-label="Image"> </div> <p>Selaras dengan kelulusan tersebut, pihak koperasi boleh memulakan pelaksanaan Projek Semaian Anak Benih Sawit sepertimana yang telah dirancang.</p>
<p><b>5.5.2.8</b></p>	<p><b>Koperasi Sungai Lang Berhad : Penternakan Lembu dan Kambing Fidlot - Jumlah Kos Projek RM1.21 juta</b></p> <p>Kelulusan projek melibatkan pembinaan empat buah kandang, dua mesin pemprosesan makanan dan pembelian lembu dan kambing. Lawatan Audit pada 8 Februari 2017 mendapati kandang bagi ternakan lembu dan kambing telah kosong. Pembelian lembu pedaging sebanyak 100 ekor pada 11 Mac 2015 dan kambing 250 ekor pada 9 Februari 2015 telah habis dijual pada 22 Mac 2016. Projek yang boleh menjana ekonomi tidak dijalankan secara berterusan disebabkan Koperasi mengalami masalah kewangan sungguhpun Koperasi berjaya menjual lembu dan kambing yang diberi oleh KKLW.</p>	<p>Kandang telah disewakan kepada pihak FELCRA Livestock dan Agri Product Sdn Bhd sebanyak RM1,200/bulan mulai 4 Mei 2017 dan telah diisi dengan 40 ekor lembu dan 60 ekor kambing seperti gambar di bawah:</p> <div data-bbox="1211 1078 2063 1382" data-label="Image"> </div>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.2.9	<p><b>Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad : Perkhidmatan Percetakan Cenderamata - Jumlah Kos Projek RM16,000</b></p> <p>KKLW telah meluluskan projek perkhidmatan percetakan cenderamata sebanyak RM16,000 kepada Koperasi pada tahun 2013. Lawatan Audit pada 17 Januari 2017 mendapati peralatan bagi projek tersebut telah tidak digunakan sejak tahun 2015 menyebabkan Koperasi tidak berjaya mencapai objektif sebagaimana tujuan asal Desa Lestari diwujudkan. Projek tersebut hanya bertahan sehingga Disember 2015 kerana kekurangan permintaan dan hanya beroperasi semasa kedatangan pengunjung.</p>	<p>Mesyuarat Berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari yang diadakan pada 28 Mac 2017 telah bersetuju untuk memindahkan aset ke koperasi yang mengusahakan perniagaan yang sama.</p> <p>Walau bagaimanapun, Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian melalui surat ruj. KHL/PEJ/02/06/17 bertarikh 7 Jun 2017 menyatakan bahawa pihak koperasi akan bercadang untuk meneruskan aktiviti percetakan tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tertakluk kepada keupayaan koperasi dalam melaksanakan projek. Surat permohonan adalah seperti berikut:</p> <div data-bbox="1442 635 1809 1011" data-label="Image"> </div>
5.5.2.10	<p><b>Koperasi Desa Lestari Kg. Seterpa Kota Bharu Berhad : Perkhidmatan Pengangkutan dan Pemetongan Rumput; Projek Penternakan Lebah Kelulut - Jumlah Kos Projek RM0.44 juta</b></p> <p>Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 30 Jun 2016 telah mengambil alih pentadbiran Koperasi dan membubarkan Ahli Lembaga Koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 disebabkan masalah dalaman Koperasi. Lawatan Audit pada 8 Mac 2017 mendapati kesemua peralatan dan kenderaan yang dibeli tidak dapat digunakan manakala projek ternakan lebah kelulut juga gagal dilaksanakan. Sebahagian 125 dari 180 koloni lebah kelulut masih disimpan oleh pembekal sedangkan bayaran telah dijelaskan sepenuhnya.</p>	<p>Daripada 125 koloni yang terdapat di pembekal, sebanyak 29 koloni telah dipindahkan ke Kampung Seterpa pada 12 Mei 2017 dan baki 31 koloni dijadual dipindahkan ke Kampung Seterpa pada 7 Julai 2017. Mesyuarat Berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari yang diadakan pada 28 Mac 2017 telah bersetuju untuk memindahkan sebahagian koloni kelulut ke Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Berhad. Persetujuan penerimaan tawaran oleh koperasi pada 12 April 2017 seperti di bawah. Pemindahan 65 koloni dijadual dipindahkan ke Kampung Paloh 1, Gua Musang dan diselaraskan oleh pihak SKM mengikut prosedur yang ditetapkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		 <p>KOPERASI PENDUDUK DESA LESTARI PALOH 1 BERHAD JALAN NUSU SEBELAH KLING DESA PALOH 1 LEBOK DUA MUKANG KELANTAN, EMEL : kopdesalestari1paloh1@gmail.com TEL : 014-8432378</p> <p>Buletin Kami   KPGL.PALOH 1/02/ 613 Bertarikh: 12hb. April 2017 Kepada, <b>MUHD ZULFAHMI BIN OTHMAN</b> mof@hmi@rcuclink.gov.my</p> <p>Tuan,</p> <p><b>TAWARAN ASET UNTUK PROJEK PENTERNAKAN LEBAH KELEUT</b></p> <p>Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan bertarikh 11/04/2017 ada bawakan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Subjacta dimaklumkan bahawa Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Gua Musang Berhad beretaja untuk menerima tawaran projek penternaan lebah kelulut sebanyak 125 unit kelulut.</li> <li>2. Selhubungan dengan itu, Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Gua Musang Berhad telah bersedia untuk menanggung segala perbelanjaan pemindahan aset koloni lebah kelulut sebanyak 125 unit.</li> <li>3. Sehubungan dengan itu, Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Gua Musang Berhad telah bersedia untuk menanggung segala perbelanjaan pemindahan aset koloni lebah kelulut sebanyak 125 unit.</li> <li>4. Sehubungan perutusan, pertimbangan dan ketulusan tuan, saya bagi pihak ahli Lembaga Koperasi mengucapkan terimakasih-banyak terima kasih.</li> </ol> <p>Sekian, terima kasih. Yang benar,  (WAN, MOHAMMAD NUSU BIN WAN YUSOFF) Pengerusi Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Gua Musang Berhad</p>
<p><b>5.5.2.11</b></p>	<p><b>Koperasi Gemilang Kg. Gebok Seremban Berhad : Projek Perkhidmatan Sewaan Kanopi dan Projek Katering - Jumlah Kos Projek RM0.40 juta</b></p> <p>Lawatan Audit pada 20 Januari 2017 mendapati sebahagian besar peralatan katering, kanopi, meja dan kerusi, kipas dan peralatan siaraya masih tidak digunakan sejak pembelian pada Oktober 2015. Berdasarkan makluman, Koperasi sukar untuk menyewakan peralatan yang ada berpunca daripada kekurangan permintaan dan persaingan daripada pengusaha lain. Selain itu, skala penggunaan peralatan juga terhad kepada majlis kecil di sekitar kampung. Koperasi juga masih belum berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk mengembangkan perniagaan di peringkat Jabatan/agensi Kerajaan.</p>	<p>Mesyuarat Berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari yang diadakan pada 28 Mac 2017 telah menawarkan pemindahan aset kepada Koperasi Wawasan Pachitan Port Dickson Berhad dan penerimaan tawaran daripada koperasi telah diterima melalui e-mel bertarikh 12 April 2017 seperti di bawah dan pemindahan aset diselaraskan oleh SKM mengikut prosedur yang ditetapkan.</p>  <p>desa lestari 2016 &lt;desalestari2016@gmail.com&gt;</p> <p><b>TAWARAN ASET DAN PERALATAN UNTUK PERKHIDMATAN KATERING DAN KANOPI KEPADA KOPERASI WAWASAN PACHITAN PORT DICKSON BERHAD</b></p> <p>nadzri ahmad &lt;nadzri_pachitan@yahoo.com&gt; Wed, Apr 12, 2017 at 8:49 PM Reply-To: nazdri ahmad &lt;nadzri_pachitan@yahoo.com&gt; To: "Mohd Zulfahmi B. Othman" &lt;zulfahm@rcuclink.gov.my&gt; Cc: Team Desa Lestari &lt;desa.lestari@ruralink.gov.my&gt;, "khairol_abbazizi@rsda.gov.my" &lt;khairol_abbazizi@rsda.gov.my&gt;, "desalestari2016@gmail.com" &lt;desalestari2016@gmail.com&gt;, Samad Mat Yasin &lt;samadpachitan76@gmail.com&gt;</p> <p>Assalamualaikum, Encik Zulfahmi,</p> <p>Selepas berbincang, kami dengan sukacitanya bersetuju untuk menerima tawaran barangan kanopi dan alatan katering yang ditawarkan kepada kami.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Ahmad Nadzri bin Ismail Situasama Koperasi Wawasan Pachitan Port Dickson Berhad</p> <p>[Quoted text hidden]</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.5.2.12</b></p>	<p><b>Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad : Projek Ternakan Ayam Pedaging - Jumlah Kos Projek RM0.67 juta</b></p> <p>KKLW pada 25 Ogos 2014 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM668,413 bagi seunit bangunan untuk Projek Ternakan Ayam Pedaging melalui tender yang dilaksanakan oleh KEJORA. Lawatan Audit pada 14 Mac 2017 mendapati terdapat dua reban ayam yang siap dibina pada 7 September 2015 masih belum beroperasi disebabkan oleh masalah bekalan elektrik. Bekalan elektrik belum dibekalkan kerana syarat penyerahan sebahagian tanah bagi tujuan tapak <i>substation</i> TNB masih dalam proses.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Tindakan pembaikan sedang diambil oleh KKLW/agensi/Koperasi yang terlibat. Bagi peralatan yang tidak digunakan, peralatan tersebut akan diagihkan kepada Koperasi lain yang menjalankan projek yang sama sebagaimana keputusan mesyuarat berkaitan Tatacara Pemindahan Aset di Bawah Program Desa Lestari pada 28 Mac 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan projek menyebabkan objektif Program Desa Lestari tidak tercapai dan merugikan Kerajaan. Koperasi tidak membuat perancangan awal yang teliti dan KKLW lambat membuat keputusan bagi melaksanakan pembaikan.</p>	<p>KEJORA telah mengemukakan permohonan kepada pihak TNB melalui surat ruj:Bil.(29) dlm. LKJT 1304/5/22 Jld.5 pada 12 April 2017 seperti di bawah bagi memasang bekalan elektrik untuk Projek Ternakan Ayam Pedaging yang dilaksanakan oleh pihak KOPEMA. Keperluan pindah milik sebahagian tanah tapak substesen milik koperasi <b>berkenaan kepada TNB</b> telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi, Johor melalui surat ruj. KPKT/MBB/KT/01/99 Jld. 2 (13) bertarikh 7 Jun 2017 seperti berikut:</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div data-bbox="1272 571 1608 1075" style="text-align: center;"> <p><u>Permohonan kepada TNB</u></p>  </div> <div data-bbox="1686 571 2056 1075" style="text-align: center;"> <p><u>Permohonan kepada Pejabat Tanah</u></p>  </div> </div>
<p><b>5.5.3.2</b></p>	<p><b>Bayaran Pendahuluan 10% bagi Perolehan Kenderaan - Jumlah Bayaran RM76,376</b></p> <p>Arahan Perbendaharaan 99 (e) (i) menyatakan bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit di dua Koperasi mendapati pembayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga kenderaan/jentera telah dibuat sebelum kenderaan/jentera diterima. Semakan Audit mendapati KEJORA melalui Koperasi Sepakat Kampung Isnin Maarof Johor Berhad, Johor telah</p>	<p>Memo tindakan susulan kepada Ketua Unit Integriti KKLW bagi menjalankan siasatan dalaman susulan penemuan Jabatan Audit Negara telah dikeluarkan melalui memo ruj. : KKLW.700-6/14/1Jld.5 ( 29 ) pada 30 Mei 2017 seperti berikut:</p>




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>membayar sebanyak RM14,993 bagi pembelian satu unit lori (<i>custom made</i>) termasuk kelengkapan dan peralatan untuk Projek Perkhidmatan <i>Food Truck</i> manakala RISDA melalui Koperasi Kampung Bayai Lama Jempol Berhad, Negeri Sembilan telah membayar sebanyak RM61,383 untuk pembelian tiga unit jentera.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><u>Projek Ternakan Ayam Pedaging</u>  KEJORA telah mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Perolehan, KKLW bertarikh 27 Mac 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri untuk menandatangani kontrak di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Kelulusan peruntukan berjumlah RM668,413 adalah merangkumi kos juru perunding, iklan akhbar, kerja-kerja awalan dan pembinaan seunit bangunan bersaiz 280'x50' sepertimana surat kelulusan bertarikh 10 Oktober 2014. P pembinaan reban 2 (200'X40') dibiayai melalui softloan oleh KEJORA kepada KOPEMA. Perjanjian diantara pihak KEJORA dan KOPEMA akan ditandatangani, di mana Reban 2 akan diserahkan dan diurus sepenuhnya oleh KOPEMA.</p> <p><u>Bayaran Pendahuluan 10% bagi Perolehan Kenderaan</u>  Agensi pembayar mengeluarkan surat jaminan kepada pembekal bagi tempahan kenderaan dan jentera. Walau bagaimanapun, pihak Koperasi memaklumkan bahawa terdapat pembekal tidak menerima surat jaminan untuk penempahan dan mensyaratkan pembayaran deposit 10% untuk tempahan.</p> <p>Pada pendapat Audit, KKLW/agensi telah gagal mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa yang boleh membuka ruang penipuan dan salah guna kuasa.</p>	<p style="text-align: center;"><b>Status Terkini</b></p> <div data-bbox="1464 304 1756 647" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> </div> <p>Satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan pada 6 Jun 2017 dan siasatan dijangka selesai selewatnya pada 21 Julai 2017.</p> <p>Di samping itu, Mesyuarat Pengurusan KEJORA pada 11 Jun 2017 telah memuktamadkan dan mengemukakan kandungan draf perjanjian kepada pihak KOPEMA melalui surat Bil(38) dlm LKJT 1304/5/22 Jld.6 bertarikh 11 Jun 2017 seperti di bawah dan koperasi perlu memberikan maklum balas pada atau selewat-lewatnya 18 Jun 2017.</p> <div data-bbox="1431 919 1800 1193" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> </div> <p>Garis Panduan yang sedia ada yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan telah ditambahbaik dengan lebih jelas dan lebih terperinci di mana bagi perolehan melibatkan pembelian kenderaan dan barang kawalan daripada pembuat, pemasang, pengedar atau pengimport dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW secara rundingan terus dengan had nilai perolehan sehingga RM500,000 bagi setiap jenis kenderaan bagi pihak Koperasi serta</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
		<p>dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Pelaksana.</p> <p>Cabutan garis panduan adalah seperti berikut:</p> <p><u>Cabutan Garis Panduan yang telah ditambahbaik</u></p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div data-bbox="1249 416 1603 874" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>5. PERUNTUKAN PROGRAM DESA LESTARI</p> <p>5.1 Kaedah Penyaluran Peruntukan</p> <p>5.1.1 Peruntukan PDL akan disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW yang terdiri dari KEDA, KETENGAH, KESEDAR, KEJORA, FELCRA dan RISDA sebagai agensi pelaksana dan pembayar setelah cadangan projek dari koperasi diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Desa Lestari (JIP-DL).</p> <p>5.1.2 Melalui pelaksanaan Program Desa Lestari, pihak koperasi diberi autoriti untuk melaksanakan perolehan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1339 592 1581 727"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Perolehan</th> <th>Had Nilai</th> <th>Kaedah Perolehan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pembelian bagi bekalan dan perkhidmatan</td> <td>Bawah RM50,000</td> <td>Pembelian Terus</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pembelian kenderaan dan barang-kuasaan daripada pembuat, pemasang, pengedar atau pengimport</td> <td>RM500,000</td> <td>Pembelian Secara Rundingan Terus</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Perolehan Kerja</td> <td>Bawah RM20,000</td> <td>Lantikan Terus</td> </tr> </tbody> </table> <p>5.1.3 Garis Panduan Pengurusan Perolehan Secara Lantikan Terus Koperasi Di Bawah Program Desa Lestari adalah seperti di Lampiran B.</p> <p>5.1.4 Manakala perolehan bagi pembelian bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 serta perolehan kerja melebihi RM20,000 dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW secara sebut harga dan tender bagi pihak Koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Penguasa Projek.</p> </div> <div data-bbox="1644 469 1975 874" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>5.1.5 Bagi pembelian kenderaan dan barang kawalan daripada pembuat, pemasang, pengedar atau pengimport dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW secara rundingan terus dengan had nilai perolehan sehingga RM500,000 bagi setiap jenis kenderaan bagi pihak Koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Pelaksana.</p> </div> </div>	Bil	Jenis Perolehan	Had Nilai	Kaedah Perolehan	1.	Pembelian bagi bekalan dan perkhidmatan	Bawah RM50,000	Pembelian Terus	2.	Pembelian kenderaan dan barang-kuasaan daripada pembuat, pemasang, pengedar atau pengimport	RM500,000	Pembelian Secara Rundingan Terus	3.	Perolehan Kerja	Bawah RM20,000	Lantikan Terus
Bil	Jenis Perolehan	Had Nilai	Kaedah Perolehan															
1.	Pembelian bagi bekalan dan perkhidmatan	Bawah RM50,000	Pembelian Terus															
2.	Pembelian kenderaan dan barang-kuasaan daripada pembuat, pemasang, pengedar atau pengimport	RM500,000	Pembelian Secara Rundingan Terus															
3.	Perolehan Kerja	Bawah RM20,000	Lantikan Terus															
5.5.4.3.a	<p><b>Perolehan Kerja - Pecah Kecil Perolehan</b></p> <p>Berdasarkan GP PDL, perolehan melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender oleh agensi KKLW. Semakan Audit mendapati enam perolehan sebut harga bernilai RM2.08 juta di tiga Koperasi iaitu Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Koperasi Sungai Lang Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan perolehan secara tender. Semakan Audit mendapati tiada kelulusan diperolehi daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan pecah kecil tersebut.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Selaras dengan ketetapan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 (Perkara 7) bagi perbelanjaan pembangunan, projek berkenaan hendaklah disiapkan dalam tahun semasa. Proses perolehan secara tender akan mengambil masa yang lebih panjang dan sering menjangkau tahun semasa.</i></p>	<p>Selaras dengan hasrat KKLW untuk memantapkan pelaksanaan program, perolehan bagi pembelian bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 serta perolehan kerja melebihi RM20,000 dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW secara sebut harga dan tender bagi pihak Koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Penguasa Projek sepertimana yang ditetapkan dalam garis panduan yang telah ditambahbaik.</p>																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Selaras dengan objektif Program Desa Lestari untuk mengupayakan penduduk melalui pelaksanaan projek pembangunan, Koperasi memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan untuk terlibat dalam projek di bawah PDL. Untuk itu, kaedah sebut harga dilaksanakan bagi memberi peluang dan keutamaan kepada kontraktor kelas G1 dan G2.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, KKLW telah membuat keputusan tanpa mematuhi peraturan dan telah melanggar prosedur perolehan Kerajaan.</p>	
<p><b>5.5.4.3.b</b></p>	<p><b>Syarikat Dilantik Merupakan Syarikat Milik Keluarga/ALK</b></p> <p>Perenggan 12.3, Lampiran B, GP PDL menetapkan agar Ahli Jawatankuasa Pembuka, Penilaian dan Jawatankuasa Sebut Harga yang dilantik oleh Koperasi yang terdiri daripada ALK dan wakil agensi KKLW mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan. Pelaksanaan Integrity Pact merupakan salah satu inisiatif utama di bawah National Key Result Area - Corruption bagi meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan. Bagi memastikan pelaksanaan perolehan dibuat berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa, KKLW telah mengadakan latihan/bengkel berkaitan dengan perolehan kepada Koperasi. Semakan Audit mendapati 11 perolehan pembelian terus/sebut harga berjumlah RM1.75 juta oleh empat Koperasi dibuat dengan melantik kontraktor dikalangan syarikat yang dimiliki oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) mahupun ahli keluarga ALK.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Pemilihan kontraktor tersebut adalah dibuat oleh Koperasi melalui Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga, Jawatankuasa Sebut Harga dan Mesyuarat ALK di peringkat Koperasi. Ahli Jawatankuasa terlibat juga telah menandatangani dokumen Integrity Pact selaras dengan ketetapan oleh KKLW.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun Integrity Pact telah ditandatangani oleh Ahli Jawatankuasa, pelaksanaan perolehan oleh Koperasi tidak memuaskan seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010.</p>	<p>Pelaksanaan perolehan di peringkat koperasi dilaksanakan mengikut kaedah dan tatacara yang ditetapkan di mana bagi memastikan adanya unsur <i>check and balance</i>, setiap jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah dianggotai oleh seorang pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional sepertimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari seperti salinan di bawah. Di samping itu, Perkara 5.3.1 dalam garis panduan turut menyatakan bahawa "<i>Semua program ekonomi yang menggunakan peruntukan Desa Lestari mesti diusahakan oleh Koperasi bagi tujuan menjaga pendapatan untuk kepentingan Koperasi dan anggota. Dalam melaksanakan projek ekonomi, Koperasi sendiri tidak dibenarkan terlibat sebagai pembekal atau kontraktor pelaksanaan projek bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (conflict of interest). Bagaimanapun anggota-anggota koperasi yang mempunyai syarikat dan memenuhi syarat boleh turut terlibat sebagai kontraktor dan pembekal bagi projek yang diluluskan di bawah Program Desa Lestari.</i></p> <p>Bagi tujuan penambahbaikan, kaedah perolehan secara sebut harga dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW selaras dengan ketetapan garis panduan yang telah dimantapkan.</p> <p><u>Cabutan Garis Panduan yang menjelaskan penglibatan pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional</u></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1357 277 1749 743" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>f. Laporan Penilaian Sebut Harga; g. Kertas Perakuan/Taklimat Sebut Harga; dan h. Maklumat berkaitan yang mungkin dikehendaki atau yang disyaratkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga.</p> <p><b>7. Jawatankuasa Sebut Harga</b></p> <p>7.1 Penubuhan dan Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga</p> <p>a. Semua ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah direkodkan dan dilantik secara bertulis. b. Mesti terdiri dari Pengerusi dan keahlian sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli. c. Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga adalah Pengerusi Koperasi. Salah seorang dari ahli mestilah terdiri daripada pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&amp;P). Pihak agensi perlu memaklumkan kepada pihak Koperasi nama dan jawatan pegawai yang dicalonkan untuk terlibat dalam Jawatankuasa Sebut harga Koperasi. Salah seorang Ahli Jawatankuasa Sebut Harga boleh dilantik dari kalangan Ahli Lembaga Koperasi (ALK). Penyelia Koperasi dari SKM Daerah juga boleh dilibatkan sebagai anggota tambahan dalam Jawatankuasa ini. d. Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersidang secepat mungkin supaya keputusan dapat dibuat dengan segera. Jawatankuasa Sebut Harga seboleh-bolehnya hendaklah bersidang dalam tempoh dua (2) minggu selepas penilaian dibuat. e. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah sebulat suara. Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi</p> <p style="text-align: center;">16</p> </div>
5.5.4.3.c	<p><b>Kebenaran Merancang (KM)</b></p> <p>Kebenaran merancang (KM) merupakan kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Subseksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan dengan jelas tentang keperluan perundangan bagi mendapatkan kelulusan KM daripada PBT sebelum memula, mengusaha atau menjalankan sebarang pembangunan di atas tapak. Lawatan Audit pada 10 Januari 2017 mendapati KM bagi Projek Mini Hotel Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad bernilai RM0.80 juta tidak diperolehi daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK) sebelum kerja tapak bermula pada 16 Ogos 2016. Kemajuan projek semasa lawatan Audit adalah sebanyak 50%.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Koperasi telah menerima surat kelulusan KM daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK) pada 27 Februari 2017. Sehingga 11 April 2017, kemajuan projek adalah 85%.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, KKLW/agensi perlu patuh kepada kehendak peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan KM diperolehi sebelum memulakan projek.</p>	<p>Bagi mengelak perkara tersebut berulang, kelulusan projek oleh pihak KKLW akan dikeluarkan setelah mengambil kira semua peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT dipenuhi oleh pihak koperasi dalam pelaksanaan projek-projek fizikal. Perkara ini telah ditambahbaik di dalam garis panduan seperti di berikut:</p> <div data-bbox="1402 991 1749 1377" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p><b>5.2 Peruntukan Bagi Projek Ekonomi</b></p> <p>6.3.1 Semua projek ekonomi yang menggunakan peruntukan Desa Lestari mesti dilaksanakan oleh koperasi bagi tujuan memjana pendapatan untuk kepentingan koperasi dan anggota. Dalam melaksanakan projek ekonomi, koperasi sendiri tidak dibenarkan terlibat sebagai pembekal atau kontraktor pelaksanaan projek bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (<i>conflict of interest</i>). Bagaimanapun anggota-anggota koperasi yang mempunyai syarikat dan memenuhi syarat boleh turut terlibat sebagai kontraktor dan pembekal bagi projek yang diluluskan di bawah Program Desa Lestari. Walau bagaimanapun bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan projek, Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota-anggota koperasi yang turut serta dalam perolehan hendaklah mengisi borang pengisytiharan di samping borang <i>integrity pack</i>.</p> <p>6.3.2 Bagi projek pembinaan yang memerlukan pembangunan reka bentuk, koperasi perlu menetapkan khidmat jurupunding bertulis.</p> <p>6.3.3 Ketulusan projek akan dikeluarkan setelah mengambil kira semua peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT dipenuhi oleh pihak koperasi dalam pelaksanaan projek-projek fizikal.</p> <p>6.3.3 Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu sekiranya pihak koperasi didapati tidak menggunakan aset/peralatan yang diperuntukkan, surat peringatan akan dikeluarkan sebanyak dua (2) kali. Tetapi sekiranya selepas</p> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.5.4.3.d</b></p>	<p><b>Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)</b></p> <p>Perenggan 14 Lampiran B3, Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari (GP-PPDL) menetapkan agar Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Penguasa Projek mendapat pengsyoran daripada Pegawai Teknikal atau Juruperunding yang dilantik bahawa kerja telah disiapkan sepenuhnya. Berdasarkan GP-PPDL, Penguasa Projek adalah Lembaga Kemajuan Wilayah/agensi KKLW yang menerima peruntukan. Semakan Audit di 30 Koperasi yang dilawati mendapati Penguasa Projek tidak mengeluarkan CPC bagi projek yang telah siap. Sebaliknya CPC dikeluarkan sendiri oleh pihak Koperasi.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>KKLW telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 25 Januari 2017 kepada agensi yang menerima peruntukan untuk mengeluarkan CPC. Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima bahawa CPC tidak boleh dikeluarkan oleh agensi pembayar memandangkan proses perolehan dilaksanakan sepenuhnya oleh Koperasi. Mengambil kira maklum balas berkenaan, KKLW telah mengeluarkan arahan susulan bertarikh 4 April 2017, CPC yang dikeluarkan oleh Koperasi mestilah mendapat ulasan dan pandangan pegawai teknikal agensi yang kemudiannya disahkan oleh Pegawai Penyelaras Koperasi (PPK). Pemakaian arahan ini berkuatkuasa sehinggalah Garis Panduan yang ditambahbaik dikeluarkan.</i></p> <p>Pada pendapat pihak Audit, perkara ini serius kerana terdapat implikasi ke atas denda (LAD) dan perundangan. Berdasarkan kontrak atau Garis Panduan, tanggungjawab mengeluarkan CPC adalah dibawah tanggungjawab KKLW/agensi.</p>	<p>Garis Panduan telah dikemaskini di mana bagi pembelian bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 serta perolehan kerja melebihi RM20,000 dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW secara sebut harga dan tender bagi pihak Koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Penguasa Projek. Justeru itu, Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan oleh Penguasa Projek yang melaksanakan proses perolehan selaras dengan ketetapan tersebut.</p>
<p><b>5.5.4.3.e</b></p>	<p><b>Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi</b></p> <p>Semakan Audit terhadap tujuh projek di tiga Koperasi mendapati kerja berjumlah RM0.14 juta telah dibuat tanpa mengikut spesifikasi sebagaimana dinyatakan dalam BQ. Berdasarkan CPC, perakuan telah dibuat bahawa kerja telah disempurnakan sebagaimana kehendak kontrak. Manakala semakan Audit terhadap 10 perolehan kerja di empat Koperasi mendapati berlaku duplikasi kerja, pernyataan yang tidak perlu dinilai dalam BQ juga telah diletakkan harga, kerja yang tidak dibuat serta perbezaan ukuran butiran kerja dengan kerja sebenar dan telah menyebabkan lebihan bayaran sejumlah</p>	<p>Klausa penguatkuasaan dan pemantauan telah dimantapkan di dalam Garis Panduan dengan melibatkan pegawai-pegawai di peringkat Daerah seperti Penghulu sebagai <i>Dedicated Officer</i> yang turut berperanan semasa perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi seperti berikut:</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM0.22 juta. Perakuan mengenai kerja telah dibuat oleh Pegawai Penyelaras Koperasi (PPK) dan bayaran telah dibuat sepenuhnya oleh agensi terlibat.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>KKLW telah mengarahkan agensi menjalankan siasatan ke atas PPK yang terlibat dan perlu dikemukakan laporan hasil siasatan dalam tempoh 14 hari. KKLW juga telah meminta Koperasi mengarahkan kontraktor membuat semula atau membayar balik kepada Kerajaan atas kerja yang tidak mengikut spesifikasi, duplikasi kerja, statement dihargakan dan kerja tidak dibuat.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Koperasi gagal memantau projek serta mempunyai kepentingan peribadi yang merugikan Kerajaan. KKLW/agensi tidak memainkan peranan dalam pemantauan projek menyebabkan berlakunya improper payment.</p>	<div data-bbox="1413 277 1823 772" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p><b>6.1 Dedicated Officer di Peringkat Daerah</b></p> <p>Seorang <i>Dedicated Officer</i> yang terdiri dari pegawai Pejabat Daerah akan ditugaskan untuk membantu, menyelaras dan memantau proses pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh Mesyuarat JIP-DL dengan nisbah seorang pegawai bagi setiap koperasi. Di samping itu, proses penyeliaan dan pemantauan ke atas Koperasi juga akan turut dibantu oleh Penyelia Koperasi dan SKM. Senarai tanggungjawab dan tugas <i>Dedicated Officer</i> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pemudah cara perbincangan dengan pengurusan Koperasi, JKJK/JKKKP dan jabatan/agensi untuk memastikan kejayaan program;</li> <li>(ii) memantau pelaksanaan program/projek dari aspek pematuan prosedur dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;</li> <li>(iii) mengemukakan laporan kepada Mesyuarat Pemantauan Program Desa Lestari Peringkat Zon mengenai status, isu dan masalah pelaksanaan program/projek;</li> <li>(iv) memantau usul tadbir Koperasi bersama-sama dengan Penyelia Koperasi dari SKM daerah/negeri mengikut perundangan Koperasi serta Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari;</li> <li>(v) membantu Pegawai Audit KKLW dalam proses mengaudit perbelanjaan Koperasi bagi peruntukan yang diterima dari peruntukan Desa Lestari; dan</li> <li>(vi) membuat pengesahan, perakuan serta menyemak terhadap tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh Koperasi, kontraktor kerja dan pembekal yang dilantik dalam pelaksanaan Program Desa Lestari.</li> </ul> </div>
<p><b>5.5.4.3.f</b></p>	<p><b>Projek Lewat Disiapkan Tetapi Denda Tidak Dikenakan</b></p> <p>Kelewatan kontraktor dalam menyiapkan projek seperti dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST) akan menyebabkan kontraktor dikenakan denda oleh Koperasi. Tiada terma Lanjutan Masa dinyatakan dalam GP PDL bagi membolehkan lanjutan masa dipohon oleh kontraktor sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa ditetapkan. Semakan Audit mendapati terdapat projek lewat disiapkan tetapi denda tidak dikenakan terhadap kontraktor.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><u><i>Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Perlis</i></u>  <i>Koperasi telah mengeluarkan surat kepada kontraktor berkaitan dengan denda yang dikenakan disebabkan kelewatan menyiapkan kerja mengikut jadual. Prestasi projek sehingga 11 April 2017 adalah 85%.</i></p> <p><u><i>Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah</i></u>  <i>Koperasi telah memberi tiga EOT kepada kontraktor sehingga 30 April 2017.</i></p>	<p>Pihak Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad telah mengeluarkan surat kepada kontraktor Ruj. : KOP,QSH (2016) berkaitan dengan denda yang dikenakan disebabkan kelewatan menyiapkan kerja mengikut jadual. Sehingga 15 Jun 2016, anggaran denda yang dikenakan kepada kontraktor adalah sebanyak RM21,400 (RM200 x 107 hari). Bayaran ini akan ditolak semasa bayaran terakhir yang akan dituntut oleh kontraktor. Surat kepada kontraktor adalah seperti berikut:</p> <div data-bbox="1469 1050 1742 1362" style="border: 1px solid black; padding: 5px;">  <p>The image shows a formal letter on the company's letterhead. The header includes the company name 'Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Bhd.' and the date '15 JUN 2016'. The letter is addressed to 'KORPORASI' and discusses the project 'PERKHIDMATAN LANDASAN BANGUNAN' and mentions a delay in project completion, leading to a penalty of RM21,400.</p> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Gantirugi Kelewatan (LAD) akan dikenakan kepada kontraktor sekiranya projek tidak dapat disiapkan selepas tarikh tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Koperasi hendaklah mengenakan denda (LAD) selepas projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	<p>Pihak Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad telah mengeluarkan surat berkaitan dengan denda yang dikenakan disebabkan kelewatan menyiapkan kerja mengikut jadual pada 21 Mei 2017 kepada kontraktor Projek Taman Herba dan Projek Kabin Chalet. Jumlah denda yang akan dikenakan kepada kedua-dua kontraktor adalah sebanyak RM1,720 (RM86.00 x 20 hari) dan akan ditolak semasa bayaran akhir kepada kontraktor. Surat yang telah dikeluarkan kepada koperasi adalah seperti berikut:</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><u>Surat kepada kontraktor Projek Taman Herba</u></p>  </div> <div style="text-align: center;"> <p><u>Surat kepada kontraktor Projek Kabin Chalet</u></p>  </div> </div>
<p><b>5.5.4.3.g</b></p>	<p><b>Perbandingan Harga Tidak Munasabah bagi Pembinaan Kabin Chalet yang Sama</b></p> <p>Semakan Audit mendapati KKLW telah meluluskan perolehan bagi Projek Pembinaan Kabin Chalet di lima Koperasi berjumlah RM2.19 juta. Semakan mendapati terdapat perbezaan julat harga yang tinggi antara RM29,850 hingga RM60,720 seunit (11.5% sehingga 23.42%) bagi setiap kabin menyebabkan perbezaan harga sebanyak RM0.64 juta.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Perbezaan harga kabin berkenaan adalah berdasarkan kepada saiz kabin, saiz tingkap dan pintu serta kelengkapan, jenis dan kualiti material digunakan dan saiz tangki air serta beberapa perbezaan lain mengikut keperluan projek menyebabkan perbezaan dari segi harga.</i></p>	<p>Garis Panduan telah ditambahbaik melibatkan tatacara perolehan kerja di mana pihak Agensi akan melaksanakan perolehan secara sebut harga bagi memastikan perincian spesifikasi dipatuhi mengikut keperluan sebenar koperasi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kegagalan penelitian terperinci cadangan perolehan/projek oleh Koperasi menyebabkan Kerajaan menanggung lebih perbelanjaan sebanyak RM0.64 juta.</p>	
<p><b>5.5.4.3.h</b></p>	<p><b>Pelantikan Perunding</b></p> <p>Perenggan 5.3.2 GP PDL menjelaskan berhubung pelantikan khidmat Juruperunding bertauliah atau bantuan Bahagian Teknikal Agensi KKLW bagi projek pembinaan yang memerlukan pembangunan reka bentuk. Pelantikan Juruperunding bagi nilai projek dibawah RM500,000 dibuat oleh Koperasi. Pembayaran secara terus akan dibuat oleh agensi KKLW kepada Juruperunding bertauliah tersebut. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <p>i. Juruperunding Dilantik Bukan Juruperunding Bertauliah Semakan bagi enam projek di Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad bernilai RM1.83 juta mendapati juruperunding yang dilantik iaitu RNZ Consultants And Services tidak berdaftar sebagai Juruperunding Bertauliah. Syarikat tersebut hanya berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Semakan juga mendapati RNZ Consultants And Services telah memperakukan lukisan pelan pembinaan tanpa pengesahan Arkitek Bertauliah.</p> <p>ii. Bayaran Tidak Dibuat Secara Terus Kepada Juruperunding Berdasarkan GP PDL, bayaran khidmat perunding akan dibayar secara terus oleh agensi kepada Juruperunding yang dilantik oleh Koperasi. Semakan Audit mendapati, bayaran kepada RNZ Consultants And Services sebanyak RM0.13 juta tidak dibuat secara berasingan. Sebaliknya bayaran dibuat bersekali melalui bayaran kepada kontraktor. Semakan Audit selanjutnya mendapati RNZ Consultants And Services telah menetapkan harga perkhidmatan perunding dalam BQ yang dikepilkan dalam sebut harga.</p> <p>iii. Juruperunding Tidak Dilantik Semakan bagi empat projek di Koperasi Sg. Lang Berhad (Fidlot &amp; Kraftangan), Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad (Kilang Baja) dan Koperasi Ulu Pulai Lestari Berhad (Rumah Rakit) berjumlah RM1.36 juta mendapati Koperasi terlibat tidak melantik juruperunding bagi pembangunan dan pengesahan reka bentuk projek. Perkara ini boleh menjejaskan kualiti binaan kerana projek tersebut tidak disahkan oleh juruperunding bertauliah.</p>	<p>Bagi nilai projek di bawah RM500,000, Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW bertindak sebagai Penguasa Projek bagi melaksanakan perolehan secara sebut harga dan tender bagi pihak Koperasi sepertimana yang telah ditetapkan dalam garis panduan yang telah dikemaskini.</p> <p>Di samping itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Mengikut Zon telah dimantapkan di mana mesyuarat diadakan setiap dua (2) bulan sekali bagi memantau prestasi pelaksanaan projek. Garis Panduan berhubung perkara berkenaan telah dikemaskini seperti berikut:</p> <div data-bbox="1352 695 1912 1254" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p><b>6.3 Jawatankuasa Pemantauan Projek Desa Lestari Peringkat Zon</b></p> <p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memantau dan membuat pelaporan mengenai status terkini pelaksanaan projek, menyelesaikan isu-isu berbangkit di peringkat pelaksanaan, mencadangkan cadangan penambahbaikan terhadap projek-projek yang bermasalah dan memastikan keputusan JIP-DL dilaksanakan.</p> <p>i. Pengerusi : Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa, KKLW</p> <p>ii. Pengerusi Ganti : Penolong Setiausaha, Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa, KKLW</p> <p>iii. Ahli : Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Ibu Pejabat) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Negeri/Daerah) Pejabat KKLW Negeri <i>Dedicated Officer</i> Penyelia Koperasi Lain-Lain Bahagian (atas jemputan)</p> <p>iv. Urusetia : Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa, KKLW</p> <p>v. Kekerapan Mesyuarat : Sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi</p> <p>vi. Kehadiran Ahli : Memadai dengan kehadiran sekurang-kurangnya lima orang ahli</p> <p>vi. Peranan dan Tanggungjawab</p> <p>a. melapor status pelaksanaan projek Desa Lestari mengikut Zon;</p> <p>b. membincangkan isu-isu pelaksanaan projek dan langkah penyelesaian;</p> </div>




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Koperasi tiada kefahaman dan kemahiran dalam proses pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal Kerajaan. Koperasi telah melantik syarikat RNZ Consultants And Services bagi membantu pelaksanaan projek ini hanya berdasarkan pengetahuan dan pengalaman syarikat ini dalam bidang melukis pelan bangunan. Koperasi tidak mengetahui bahawa syarikat RNZ Consultants And Services merupakan syarikat perunding yang tidak bertauliah. Koperasi telah melaksanakan projek ini secara design and build di mana kontraktor akan menyediakan lukisan pelan pembinaan. Kontraktor telah memasukkan kos penyediaan lukisan ini di dalam BQ sebagai bayaran fee untuk perunding bagi penyediaan lukisan arkitek, struktur dan dokumen sebut harga. Oleh itu, bayaran akan dibuat oleh kontraktor terus kepada juruperunding.</i></p> <p><i>Koperasi Ulu Pulau Lestari Pontian Berhad telah mendapatkan pengesahan daripada juruperunding. Manakala bagi Koperasi Sungai Lang Berhad (Fidlot &amp; Kraftangan), kos pelantikan perunding tidak termasuk dalam kos projek yang diluluskan. Koperasi mempunyai peruntukan yang terhad bagi pembinaan projek fizikal. Pelantikan juruperunding memerlukan kos sekitar 7-10% daripada jumlah keseluruhan projek. Pelantikan perunding Projek Kilang Baja Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad terkandung di dalam perjanjian antara Koperasi dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pihak Koperasi telah mengadakan perbincangan dengan pihak UTM untuk mendapatkan perakuan berkaitan pelan dan surat akan diperolehi pada 24 April 2017.</i></p> <p>Maklum balas yang diterima daripada KKLW adalah bercanggah dengan program latihan yang telah diberikan kepada Koperasi dimana pendedahan mengenai GP PDL telah diberikan lebih awal sebelum projek dilaksanakan. Koperasi juga telah menggunakan khidmat kontraktor yang berdaftar di bawah CIDB yang mempunyai pengetahuan mengenai pelaksanaan projek. KKLW juga telah meneliti senarai projek lebih awal sebelum sesuatu projek diluluskan. Sebarang kekurangan terhadap pelaksanaan projek boleh dikenal pasti lebih awal oleh KKLW.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan oleh KKLW/Agensi adalah lemah menyebabkan Koperasi tidak mematuhi GP PDL yang telah ditetapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.5.1.a	<p><b>Perolehan Bekalan/Perkhidmatan - Perolehan Lebah Kelulut - Perolehan Secara Rundingan Terus Tanpa Kelulusan Kementerian Kewangan</b></p> <p>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PDI 2/2013 tidak disusul dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan perolehan secara rundingan terus. Sebanyak 20 buah Koperasi terlibat dalam projek ternakan lebah kelulut melibatkan kelulusan peruntukan sebanyak RM4.56 juta. Bayaran dibuat oleh FELCRA Bhd. kepada Syamille Agrofarm &amp; Resort Sdn. Bhd. sebagaimana keputusan KKLW.</p>	<p>Garis Panduan berkaitan perolehan telah dikemaskini dengan menetapkan syarat-syarat tawaran dinyatakan di dalam surat pelantikan kepada kontraktor/pembekal yang dilantik bagi menjaga kepentingan koperasi dan Kerajaan yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW.</p>
5.5.5.1.b	<p><b>Perjanjian Tidak Disediakan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tiada sebarang perjanjian disediakan antara KKLW dengan Syamille Agrofarm &amp; Resort Sdn. Bhd. bagi projek ternakan lebah kelulut menyebabkan kelemahan yang berbangkit tidak dapat diambil tindakan dan seterusnya merugikan Kerajaan. Berdasarkan rekod di tujuh Koperasi yang diaudit, baki koloni Lebah Kelulut yang dibekalkan adalah kurang 50% daripada jumlah asal dibekalkan. Perkara ini terjadi disebabkan berlakunya kerosakan koloni di luar kawalan Koperasi. Terdapat juga kehilangan koloni akibat kecurian.</p>	
5.5.5.1.c	<p><b>Harga Koloni Lebah Kelulut Melebihi Harga Pasaran</b></p> <p>Harga Koloni Lebah Kelulut yang dibekal oleh Syamille Agrofarm &amp; Resort Sdn. Bhd. adalah bernilai RM1,260/unit. Harga tersebut lebih mahal berbanding harga yang dibekalkan oleh pembekal lain di bawah Program Desa Lestari. Harga Koloni Lebah Kelulut di tiga Koperasi iaitu Koperasi Desa Lestari Kg. Tanjung Parang Samarahan Bhd., Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad adalah bernilai RM850/unit dengan perbezaan sehingga RM410/unit. Terdapat sejumlah 3,481 unit koloni dibekalkan di 20 buah Koperasi oleh Syamille Agrofarm &amp; Resort Sdn. Bhd. dengan lebihan perbezaan sebanyak RM1.43 juta.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Pelantikan Syarikat Syamille Agrofarm &amp; Resort Sdn. Bhd. sebagai pembekal kepada projek ternakan kelulut pada tahun 2013 kerana syarikat merupakan satu-satunya syarikat tunggal bumiputera yang menggunakan kaedah penternakan lebah kelulut menggunakan teknologi cawan plastik yang lebih cepat untuk mengisi madu berbanding kaedah biasa; syarikat memberi</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>khidmat latihan dan bimbingan serta mempunyai pusat latihan. Syarikat juga berpengalaman di dalam industri lebih dari 10 tahun; jaminan belian balik sekiranya pihak Koperasi gagal menjual hasil madu yang dihasilkan; keupayaan syarikat untuk membekalkan sarang koloni dalam kuantiti yang banyak; dan jaminan pasaran memandangkan syarikat ini telah mempunyai rangkaian pemasaran yang luas termasuk di 11 buah negara yang memerlukan bekalan madu kelulut.</i></p> <p><i>KKLW telah mengemukakan surat mengenai kronologi dan justifikasi pelantikan syarikat berkenaan serta permohonan maaf kepada Kementerian Kewangan melalui surat rujukan KKLW.PE.650-8/14 Jld.4 (45) bertarikh 26 September 2014. Sebagai langkah penambahbaikan, mulai tahun 2014 proses perolehan melibatkan projek ternakan kelulut adalah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Koperasi sepertimana ditetapkan dalam kelulusan.</i></p> <p><i>Perjanjian di antara KKLW dengan Syarikat Syamille Agrofarm &amp; Resort Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 31 Julai 2013 melalui MOU yang menggariskan tanggungjawab syarikat bagi melaksanakan kursus serta memberi khidmat nasihat, bimbingan berterusan dan jaminan pemasaran kepada peserta iaitu pihak koperasi. Faktor penyebab koloni lebah kelulut yang dibekalkan adalah kurang 50% daripada jumlah asal adalah kerana serangan serangga perosak seperti Black Soldier Fly (BSF); kesan racun akibat aktiviti pertanian (sawit dan sawah padi) menyebabkan kematian lebah kelulut; serangan oleh haiwan liar seperti beruang dan monyet; dan bencana alam seperti banjir yang di luar kawalan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, KKLW tidak mematuhi prosedur perolehan Kerajaan.</p>	
5.5.5.2.a	<p><b>Perolehan Kenderaan/Jentera - Perolehan Kenderaan Melebihi Harga Pasaran</b></p> <p>Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Bhd. telah diluluskan peruntukan bagi perolehan seunit kenderaan pacuan empat roda berharga RM110,000. Berdasarkan surat Koperasi kepada UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. bertarikh 6 Julai 2014, Koperasi telah bersetuju untuk membeli kenderaan Toyota Hilux D/Cab 3.0G (A) berdasarkan harga Semenanjung dengan harga RM107,111. Kenderaan tersebut telah didaftarkan pada 6 Ogos 2014 dengan nombor pendaftaran G1M 2576. Berdasarkan rekod, Koperasi berdaftar di Pulau Langkawi dan pembelian dibuat di UMW Toyota Motor Sdn. Bhd., Taman Sri Langkawi. Semakan Audit mendapati, harga kenderaan tersebut di Langkawi adalah RM100,017 dengan perbezaan harga sebanyak RM7,094.</p>	<p>Garis panduan telah dikemaskini di mana bagi pembelian kenderaan dan barang kawalan daripada pembuat, pemasang, pengedar atau pengimport dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi KKLW secara rundingan terus dengan had nilai perolehan sehingga RM500,000 bagi setiap jenis kenderaan bagi pihak Koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Pelaksana. Ini bagi memastikan perincian dan spesifikasi perolehan jentera adalah seragam serta mengikut keperluan sebenar koperasi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.5.2.b	<p><b>Perolehan Jentera yang Sama Pada Harga Berbeza</b></p> <p>KKLW telah meluluskan perolehan jentera traktor tanah JCB 3CX <i>Backhoe Loader</i> kepada empat Koperasi dengan perolehan daripada pembekal yang sama iaitu DM Equipment Sdn. Bhd. beralamat di Subang Jaya, Selangor. Semakan Audit mendapati harga yang dibeli oleh setiap Koperasi adalah berbeza dengan perbezaan harga sebanyak RM69,300 berbanding harga standard terendah. Harga belian oleh Koperasi adalah antara RM223,000 hingga RM260,000.</p>	
5.5.5.2.c	<p><b>Perolehan Jentera Terpakai</b></p> <p>Dasar perolehan kenderaan Kerajaan adalah berasaskan perolehan kenderaan baharu. Semakan Audit di tiga Koperasi mendapati sembilan jentera yang dibeli oleh Koperasi dengan kelulusan KKLW sebanyak RM1.23 juta merupakan jentera terpakai.</p> <p>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</p> <p><u>Perolehan Kenderaan Melebihi Harga Pasaran</u>  <i>Penggunaan kenderaan tidak bercukai di Pulau Langkawi tertakluk kepada Prosedur Perkastaman Pulau Bebas Cukai (PBC) yang menyatakan bahawa dalam setahun hanya boleh dibawa keluar ke Semenanjung selama 90 hari sahaja. Jika lebih dari tempoh itu, kenderaan berkenaan akan dikompaun; dan kenderaan yang melebihi 2,500cc perlu mengemukakan bon am dan jaminan bank kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang akan dicaj sebanyak 1%. Urusan dengan bank pula memakan masa selama seminggu dengan bank komersial. Bagi mengelakkan risiko dikompaun dan dikenakan bon am, Koperasi telah membeli kenderaan dengan harga Semenanjung disebabkan keperluan koperasi untuk mengikuti latihan/aktiviti/ seminar/kursus anjuran pelbagai pihak di Semenanjung.</i></p> <p><u>Perolehan Jentera Yang Sama Pada Harga Berbeza</u>  <i>Garis Panduan Pelaksanaan PDL di bawah perkara 5.4 (vii) Garis Panduan Mengenai Tatacara Perolehan Kenderaan dan Jentera Berat Oleh Koperasi menyatakan antara lain syarat pembelian - harga kenderaan hendaklah termasuk aksesori standard yang ditetapkan oleh syarikat pembuat/pemasang/pengimport. Bagi pemasangan aksesori tambahan kepada kenderaan tersebut, ia hendaklah dibuat mengikut keperluan dan tertakluk kepada had jumlah peruntukan yang diluluskan sahaja. Perbezaan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p><i>harga jentera berkenaan adalah disebabkan jenis pacuan, pertambahan aksesori yang berbeza berdasarkan keperluan kerja oleh Koperasi. Jadual perbezaan adalah seperti berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="333 347 1169 979"> <thead> <tr> <th data-bbox="333 347 640 411">KOPERASI</th> <th data-bbox="640 347 810 411">PACUAN</th> <th data-bbox="810 347 1169 411">AKSESORI TAMBAHAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="333 411 640 667"><i>Wawasan Kg. Kuala Kerik Sik Bhd.</i></td> <td data-bbox="640 411 810 667">2WD</td> <td data-bbox="810 411 1169 667"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>ubahsuai kotak gear - 4 kepada 5 gear</i></li> <li>• <i>ubahsuai sistem hidraulik</i></li> <li>• <i>kipas angin pemandu</i></li> <li>• <i>suis keselamatan kecurian</i></li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="333 667 640 802"><i>Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd.</i></td> <td data-bbox="640 667 810 802">2WD</td> <td data-bbox="810 667 1169 802"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>bucket 12', bucket 36', bucket v,</i></li> <li>• <i>log grapers</i></li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="333 802 640 890"><i>Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd.</i></td> <td data-bbox="640 802 810 890">4WD</td> <td data-bbox="810 802 1169 890"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>standard</i></li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="333 890 640 979"><i>Homestay Lonek Jempol Bhd.</i></td> <td data-bbox="640 890 810 979">2WD</td> <td data-bbox="810 890 1169 979"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>standard</i></li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> <p>Pada pendapat Audit, KKLW tidak membuat perincian yang teliti dalam meluluskan cadangan Koperasi. Kelulusan yang dibuat tidak seragam dan membelakangkan prinsip perolehan Kerajaan.</p>	KOPERASI	PACUAN	AKSESORI TAMBAHAN	<i>Wawasan Kg. Kuala Kerik Sik Bhd.</i>	2WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>ubahsuai kotak gear - 4 kepada 5 gear</i></li> <li>• <i>ubahsuai sistem hidraulik</i></li> <li>• <i>kipas angin pemandu</i></li> <li>• <i>suis keselamatan kecurian</i></li> </ul>	<i>Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd.</i>	2WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>bucket 12', bucket 36', bucket v,</i></li> <li>• <i>log grapers</i></li> </ul>	<i>Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd.</i>	4WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>standard</i></li> </ul>	<i>Homestay Lonek Jempol Bhd.</i>	2WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>standard</i></li> </ul>	
KOPERASI	PACUAN	AKSESORI TAMBAHAN															
<i>Wawasan Kg. Kuala Kerik Sik Bhd.</i>	2WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>ubahsuai kotak gear - 4 kepada 5 gear</i></li> <li>• <i>ubahsuai sistem hidraulik</i></li> <li>• <i>kipas angin pemandu</i></li> <li>• <i>suis keselamatan kecurian</i></li> </ul>															
<i>Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd.</i>	2WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>bucket 12', bucket 36', bucket v,</i></li> <li>• <i>log grapers</i></li> </ul>															
<i>Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd.</i>	4WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>standard</i></li> </ul>															
<i>Homestay Lonek Jempol Bhd.</i>	2WD	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>standard</i></li> </ul>															
5.5.5.3.a	<p><b>Peralatan Tidak Digunakan - Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad, Pahang</b></p> <p>Melalui pembinaan sembilan unit kabin chalet bagi Projek Pelancongan Pulau Chekas, Koperasi telah menerima sembilan unit televisyen pada 2 Julai 2015. Semakan Audit mendapati televisyen tersebut masih belum dipasang dan digunakan sehingga lawatan Audit dijalankan pada 26 Januari 2017.</p>	<p>Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad telah menguruskan pendaftaran NJOI melalui smart card number 011070726911 dan semua unit televisyen berkenaan telah disambung liputan siaran pada 12 April 2017 seperti berikut:</p>															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		
5.5.5.3.b	<p><b>Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad, Pahang</b></p> <p>Di bawah projek Bengkel Pemprosesan Makanan, pihak Koperasi telah menerima seunit mesin pengering elektrik. Semakan Audit mendapati mesin pengering elektrik mee sanggul yang dibekalkan oleh SIRIM Berhad tersebut telah rosak disebabkan oleh tahap pengeringan yang tidak sekata. Koperasi telah mengemukakan laporan kerosakan kepada SIRIM Berhad pada 10 Januari 2016 dan sehingga lawatan Audit pada 24 Januari 2017 tindakan pembaikan masih belum dibuat oleh SIRIM.</p>	<p>Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad telah mengemukakan surat bertarikh 11 April 2017 kepada pihak SIRIM Berhad untuk mendapatkan maklumbalas dan status kerosakan mesin berserta kos pembaikan. SIRIM telah mengemukakan maklumbalas di mana kesemua spesifikasi peralatan telah dipenuhi dan memandangkan peralatan telah melangkaui tempoh waranti, pihak SIRIM bersedia membantu menjalankan penilaian ke atas kerosakan dan mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk pertimbangan KKLW dan koperasi bersetuju untuk menanggung kos yang berkaitan.</p>
5.5.5.3.c	<p><b>Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor</b></p> <p>Lawatan Audit pada 14 Mac 2017 mendapati peralatan bagi makmal pembenihan cendawan untuk projek Tanaman Cendawan Tiram bernilai RM20,000 masih belum digunakan. Tujuan pembelian peralatan makmal adalah untuk memudahkan Koperasi membuat pembenihan cendawan sendiri dan sekaligus dapat menjimatkan kos pembelian benih cendawan.</p>	<p>Koperasi telah berunding dengan pembekal benih cendawan sedia ada iaitu Syarikat My Organic Mushroom Sdn. Bhd. pada 10 April 2017 bagi menggunakan peralatan makmal berkenaan untuk tujuan pembenihan cendawan secara <i>profit sharing</i>. Walau bagaimanapun, syarikat tidak berminat dengan tawaran tersebut. KKLW mengesyorkan supaya mesin dan peralatan tersebut dipindahkan ke Kampung Padang Nyior, Kedah yang mengusahakan projek pembenihan cendawan.</p>
5.5.5.3.d	<p><b>Koperasi Sungai Lang Berhad, Selangor</b></p> <p>Koperasi telah menerima peruntukan sebanyak RM131,940 bagi pembelian mesin serta peralatan bengkel kerja kraftangan (custom made). Lawatan Audit pada 8 Februari 2017 mendapati peralatan tersebut masih tidak digunakan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa ahli Koperasi tidak diberikan pendedahan sepenuhnya tentang penggunaan mesin dan peralatan yang dibekalkan.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad - Koperasi telah menguruskan</i></p>	<p>Pihak KKLW mengesyorkan supaya koperasi mendapat bimbingan dan nasihat daripada agensi-agensi yang berkaitan dalam memantapkan aktiviti perniagaan tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pendaftaran NJOI melalui smart card number 011070726911 dan semua unit televisyen berkenaan telah disambung liputan siaran pada 12 April 2017.</i></p> <p><i>Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad - KKLW telah mengemukakan surat bertarikh 11 April 2017 kepada pihak SIRIM Berhad untuk mendapatkan maklumbalas dan status kerosakan mesin berserta kos pembaikan.</i></p> <p><i>Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad - Peserta didapati tidak menunjukkan minat dan kesungguhan untuk bekerja di dalam makmal pembenihan cendawan menyebabkan projek ini tidak diteruskan. KKLW mengesyorkan supaya mesin dan peralatan tersebut dipindahkan ke kampung yang mengusahakan projek pembenihan cendawan yang bersesuaian.</i></p> <p><i>Koperasi Sungai Lang Berhad - Peralatan yang tidak digunakan akan dipindahkan kepada Koperasi lain dengan pelaksanaan program yang sama.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Koperasi tidak memberikan cadangan yang betul dalam membuat permohonan dan KKLW lambat mengambil tindakan pembaikan untuk mengatasi kelemahan yang berlaku.</p>	
5.5.5.4	<p><b>Pajakan Tanah</b></p> <p>Bagi projek yang melibatkan pajakan tanah, perincian syarat kelulusan pembiayaan telah dinyatakan dalam perenggan 5.4 GP-PPDL. Antara syarat yang dinyatakan bahawa pajakan boleh dibuat untuk tanah milikan perseorangan, kumpulan, pertubuhan atau syarikat; tanah adalah milik sah pemberi pajakan dan bebas dari sebarang kaveat; tempoh minimum pajakan adalah 15 tahun; penilaian harga dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH); perjanjian pajakan dibuat antara Koperasi dengan penyewa; dan pembayaran tambahan insentif dalam bentuk perkongsian keuntungan boleh dipertimbangkan.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Pajakan Tanah Milik Ahli/Keluarga ALK - ALK yang memiliki tanah telah menawarkan tanah sendiri atau ahli keluarga di dalam Mesyuarat ALK dan dipersetujui oleh ALK selepas tiada maklum balas daripada penduduk kampung terhadap tawaran pajakan tanah.</i></p> <p><i>Perjanjian Pajakan Tanah Atas Tanah Milik Individu Lain - Urusan</i></p>	<p>Garis Panduan telah dikemaskini melibatkan keseragaman peraturan melibatkan pajakan tanah termasuk proses kaveat serta bayaran kepada pemilik tanah. Bagi projek-projek pembinaan, kelulusan akan dikeluarkan secara berperingkat setelah semua keperluan dipenuhi seperti kelulusan pertukaran status tanah, perjanjian pajakan tanah, kaveat tanah, kebenaran merancang serta membina dan sebagainya seperti berikut:</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pemindahan nama dalam geran kepada Mohd Zinzaki b. Ishak telah dibuat melalui Peguam yang dilantik dan masih menunggu tindakan selanjutnya daripada Pejabat Tanah.</i></p> <p><i>Perjanjian Pajak Tanah Atas Tanah Milik Lima Individu - Terdapat persetujuan daripada kesemua ahli keluarga berkenaan bagi membenarkan Rostam bin Wagiman mewakili adik-beradik beliau untuk urusan pajakan tanah. Walau bagaimanapun tiada pengesahan dibuat bagi tujuan tersebut.</i></p> <p><i>Pajakan Tanah Tidak Dibayar Kepada Pemilik Tanah - Berdasarkan perjanjian pajakan antara tuan tanah dan Koperasi, kos pajakan adalah di bawah tanggungjawab Koperasi sepenuhnya tanpa melibatkan geran peruntukan PDL. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk JPPH membuat penilaian.</i></p> <p><i>Tanah Tidak Dikaveat - KKLW telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 8 Februari 2017 kepada semua Koperasi di bawah PDL untuk melaksanakan kaveat tanah yang telah dipajakan. Setakat ini hanya 3 Koperasi iaitu Koperasi Asas Tani Kedah Berhad, Koperasi Pembangunan Ulu Legong Baling Berhad dan Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Berhad telah melaksanakan kaveat. Bagi tujuan penambahbaikan, syarat kaveat akan dimasukkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan PDL bagi memastikan kepentingan Koperasi terjamin.</i></p> <p><i>Kos Penyediaan Perjanjian Tanah Dituntut Agensi Tetapi Tidak Diakaunkan ke Akaun Agensi - Pengurusan Tertinggi KEDA telah mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan KEDA bagi tujuan tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, ALK Koperasi mempunyai kepentingan peribadi terhadap pajakan tanah. Keseragaman peraturan perlu dibuat oleh KKLW bagi memastikan pajakan tanah dibayar kepada pemilik tanah. Penyalahgunaan kuasa ALK/pegawai perlu dilaporkan kepada SPRM.</p>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p><b>5.4 Skop Projek Yang Boleh Dipertimbang Dilaksanakan</b></p> <p>(i) projek untuk program pelancongan seperti pembinaan kabin chalet, kampung stay, Agro-pelancongan dan rekreasi;</p> <p>(ii) pembiayaan kos bagi tujuan pajakan tanah untuk pelaksanaan projek ekonomi. Perincian syarat-syarat kelulusan pembiayaan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. pajakan boleh dibuat untuk tanah yang dimiliki oleh orang perseorangan, kumpulan individu, pertubuhan atau syarikat;</li> <li>b. tanah yang dipajak hendaklah dikaveatkan atas nama koperasi;</li> <li>c. tanah adalah milik sah pemberi pajakan dan bebas dari sebarang kaveat;</li> <li>d. tempoh minimum pajakan adalah selama 15 tahun;</li> <li>e. penilaian kadar harga pajakan tanah yang berpatutan di lokasi berkenaan perlu diperolehi dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan;</li> <li>f. Sekiranya terdapat urusan berkaitan pertukaran status tanah hendaklah dikendalikan oleh pihak koperasi;</li> <li>g. koperasi hendaklah mengadakan satu perjanjian pajakan yang sah secara perundangan dengan memasukkan terma-terma perjanjian untuk mengikat pihak-pihak yang terlibat; dan</li> <li>h. sebagai imbuhan tambahan kepada ahli koperasi yang memajak tanahnya kepada koperasi, pembayaran tambahan insentif dalam bentuk perkongsian keuntungan hasil dari pelaksanaan projek ekonomi oleh koperasi di atas tanah tersebut boleh dipertimbangkan.</li> </ol> </div>
5.5.6.1.b	<p><b>Pemantauan Program Desa Lestari - Mesyuarat Agong Koperasi Tidak Dilaksanakan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati dua Koperasi tidak melaksanakan Mesyuarat Agong Tahunan untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit iaitu Koperasi Kaban Stass Bau Berhad (Penyata Kewangan 2015) dan Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad (Penyata Kewangan 2015 dan 2016). Ini menyebabkan ahli-ahli Koperasi tidak mengetahui kedudukan kewangan Koperasi dalam tahun berkenaan. Semakan lanjut juga mendapati Koperasi</p>	<p>Bagi pelaksanaan PDL, kampung-kampung yang dipilih untuk melaksanakan projek ekonomi melalui platform koperasi selaras dengan ketetapan Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 – <i>21<sup>st</sup> Century Village (Cooperative Driven)</i> dan bukannya dipilih berdasarkan koperasi. Setelah pemilihan kampung dimuktamadkan, kampung berkenaan disyaratkan untuk menubuhkan koperasi sekira masih belum ditubuhkan. Kerjasama dengan pihak SKM telah</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tidak menyediakan Penyata Kewangan Tahunan dan sekiranya Koperasi menyediakannya tetapi tiada dokumen sokongan seperti resit sewaan peralatan, sewaan kenderaan dan jual beli produk pengeluaran yang dihasilkan oleh Koperasi.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Koperasi Kaban Stass Bau Berhad</i> SKM memaklumkan bahawa Mesyuarat Agong Tahunan terakhir telah diadakan pada 18 Disember 2016 manakala Audit terakhir adalah pada 31 Disember 2014. Bagi pengauditan tahun 2015 dan 2016 telah siap diaudit.</p> <p><i>Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad</i> SKM memaklumkan bahawa Mesyuarat Agong Tahunan terakhir telah diadakan pada 10 Julai 2014. Tindakan atas kesalahan strict liability di bawah Seksyen 39(1) Akta Koperasi 1993 iaitu gagal mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan sedang diambil oleh pihak SKM. Kedudukan Audit terakhir Koperasi adalah pada 31 Disember 2014. Sehingga kini Penyata Kewangan 2015 dan 2016 dalam proses pengauditan.</p> <p>Pada pendapat Audit, KKLW telah meluluskan geran sebelum memeriksa status kewangan dan latar belakang penubuhan Koperasi yang telah berdaftar dengan SKM.</p>	<p>dipertingkatkan melalui penglibatan semasa proses pemilihan kampung untuk menyemak status dan prestasi koperasi sekiranya ada di kampung berkenaan bermula untuk pemilihan kampung pada tahun 2014.</p>
5.5.6.2	<p><b>Penyelenggaraan Akaun oleh Koperasi</b></p> <p>Seksyen 58 Akta Koperasi 1993 menyatakan setiap Koperasi berdaftar hendaklah menyelenggara rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang menerangkan mengenai transaksi dan kedudukan kewangannya. Koperasi juga perlu menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Kunci Kira-kira yang benar dan saksama serta apa-apa dokumen yang dikehendaki dikepulkan bersama. Koperasi perlu menyediakan akaun mengikut cara yang mudah diaudit. Semakan Audit mendapati tiga Koperasi tidak menyediakan rekod terimaan dan perbelanjaan terhadap projek yang dilaksanakan. Koperasi terlibat ialah Koperasi Kaban Stass Bau Berhad, Sarawak (Sewaan Kenderaan dan Sewaan Mesin Pemetong Rumput), Koperasi Sg. Lang Berhad, Selangor (Penjualan Lembu Pedaging dan Penjualan Kambing) dan Koperasi DL Kg. Tanjung Parang Samarahan Berhad, Sarawak (Sewaan Kanopi dan Peralatan Katering).</p>	<p>Berdasarkan kepada Seksyen 58 Akta Koperasi 1993, adalah menjadi tanggungjawab setiap Koperasi untuk memastikan penyelenggaraan rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta menyediakan akaun perdagangan dan untung rugi dan kunci kira-kira sehinggalah akaun tersebut diaudit. Jika sekiranya koperasi tidak mematuhi Seksyen 59, maka bolehlah didenda berdasarkan ketetapan perkara (6) Seksyen berkenaan. Walau bagaimanapun, SKM sentiasa membuat pemantauan berdasarkan kepada :</p> <p><u>Akta Koperasi 1993</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007</li> <li>• Peraturan-Peraturan Koperasi 2010</li> <li>• Undang-Undang Kecil Koperasi</li> <li>• Garis Panduan</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Pihak SKM memaklumkan bahawa akaun koperasi berkenaan telah diselenggara melalui penyata kewangan yang telah diaudit.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Koperasi gagal menyelenggara dokumen dan akaun dengan teratur disebabkan tiada pemantauan SKM terhadap Akaun yang telah disahkan oleh Juruaudit.</p>	<p>Setiap Pegawai Penyelia di pejabat SKM Wilayah/Negeri memantau koperasi di bawah seliaannya melalui lawatan, perjumpaan ataupun mesyuarat disamping meneliti minit mesyuarat, laporan, data, akaun dan dokumen-dokumen berkaitan yang perlu dikemukakan oleh koperasi kepada SKM dari masa ke semasa, sama ada secara manual ataupun secara atas talian.</p> <p>SKM juga akan menjalankan pemeriksaan ataupun siasatan sekiranya menerima sebarang aduan berkaitan pelanggaran Akta ataupun salah laku dalam sesuatu koperasi. Jika terbukti kesalahan telah dilakukan, koperasi ataupun individu berkaitan boleh diambil tindakan di bawah Akta ini ataupun didakwa di mahkamah.</p>
<p><b>5.5.6.3</b></p>	<p><b>Pemantauan oleh KKLW</b></p> <p>Merujuk kepada GP PDL, Laporan Bulanan Aktiviti Koperasi hendaklah dihantar oleh Koperasi kepada KKLW bagi tujuan pemantauan. PPK yang dilantik bertanggungjawab untuk memastikan Program Desa Lestari dilaksanakan mengikut GP PDL. Sekiranya didapati JKKK dan Koperasi tidak sepakat; cadangan projek lebih memihak kepada kepentingan individu atau Ahli Lembaga Koperasi; dan berlaku penyalahgunaan aset, Koperasi yang dipilih akan dikeluarkan daripada senarai Program Desa Lestari dan peruntukan ditarik balik. Semakan Audit mendapati pemantauan daripada KKLW bagi memastikan Koperasi sebagai penggerak program ekonomi tidak tercapai kerana banyak projek yang gagal dilaksanakan. Terdapat Koperasi dan JKKK yang tidak sehaluan dan projek yang dilaksanakan hanya untuk kepentingan individu tertentu sahaja.</p> <p><i>Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 19 Mei 2017</i></p> <p><i>Kampung-kampung yang terpilih di bawah PDL adalah terikat dan tertakluk kepada Garis Panduan Pelaksanaan PDL bagi memastikan projek-projek yang diluluskan dilaksanakan dengan jayanya. Bagi tujuan pemantauan, pihak Koperasi dikehendaki mengemukakan laporan status pelaksanaan dan pendapatan secara bulanan. Melalui laporan ini, KKLW dapat mengetahui sama ada pelaksanaan projek berjalan dengan lancar atau sebaliknya. Selain itu, Mesyuarat JIP-DL Bil. 1/2017 pada 4 April 2017 telah bersetuju untuk semua Koperasi Desa Lestari menggunakan Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK) bagi memudahkan pemantauan pelaporan kewangan dan Koperasi secara atas talian. Sistem ini dijadualkan dibuat proses perolehan pada bulan Mei 2017 dan dijangka selesai dipasang di semua Koperasi pada bulan Jun 2017. KKLW juga telah mengeluarkan surat</i></p>	<p>Pelaksanaan Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK) bagi memantau pelaporan kewangan dan Koperasi secara atas talian telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal melalui memo ruj: KKLW.400-4/4/34Jld.2(4) bertarikh 31 Mei 2017 seperti di bawah. Perolehan sistem ini dijangka selesai sepenuhnya pada bulan Julai setelah mengambilkira ulasan daripada Jawatankuasa Teknikal ICT yang dijadualkan pada 16 Jun 2017.</p> <p>Di samping itu, peranan <i>Dedicated Officer</i> di peringkat daerah turut diperkenalkan bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan ke atas kampung-kampung yang dipilih di bawah program ini selaras dengan ketetapan dalam garis panduan yang telah dikemaskini.</p> <div data-bbox="1473 927 1809 1361" data-label="Image"> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>peringatan kepada Koperasi memaklumkan bahawa Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas Koperasi yang didapati tidak menggunakan mana-mana aset/peralatan melebihi daripada tempoh 6 bulan daripada tarikh penerimaan aset yang diperuntukkan di bawah PDL. Garis Panduan Pelaksanaan PDL akan ditambahbaik dengan penglibatan dedicated officer di peringkat negeri dan daerah bagi sama-sama memantau dan menyelaras pelaksanaan projek.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang berkesan terhadap Program Desa Lestari menyebabkan objektif asal program tidak tercapai dan Kerajaan menanggung kerugian di atas kegagalan projek.</p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia**

**Perenggan 6 : Pengurusan Projek eKadaster**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.1.c	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal dan Prestasi eKadaster</b></p> <p>Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. vendor hanya mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada NRE pada 10 April 2009 iaitu 106 hari selepas tarikh siap asal.</li> <li>ii. JUPEM dan NRE telah mengambil masa selama 40 hari untuk mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada Kementerian Kewangan.</li> <li>iii. pada masa yang sama, perjanjian tambahan keempat untuk pelanjutan masa telah ditandatangani pada 15 Mei 2009, iaitu tarikh projek eKadaster disahkan siap.</li> <li>iv. kelulusan Kementerian Kewangan pula hanya diterima pada 17 Jun 2009.</li> <li>v. memandangkan lanjutan masa telah diluluskan, Liquidated and Ascertained Damages (LAD) berjumlah RM14.38 juta (RM719,046.35 x 20 minggu) tidak dapat dikenakan kepada vendor.</li> </ol> <p><i>Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017</i></p> <p><i>Denda tidak dikenakan terhadap vendor kerana tempoh lanjutan masa telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 17 Jun 2009 dan kelulusan tersebut memberi kuasa kepada Pentadbir Kontrak untuk memutuskan sama ada denda wajar dikenakan atau sebaliknya. Pada 30 Jun 2009, pihak NRE telah bersetuju untuk tidak mengenakan denda kepada vendor. Bagi kontrak</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klausula kontrak di para 38.1 mengenai <i>Late Implementation And Liquidated Damages (LAD)</i> menyatakan jika projek lewat disiapkan, pihak kontraktor hendaklah membayar sejumlah LAD seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) 5% daripada nilai <i>Performance Bond</i> setiap minggu (maksimum hingga 20 minggu); atau</li> <li>b) RM1,000.00 sehari bagi setiap hari kelewatan.</li> </ol> <p>Walau bagaimanapun, klausula ini juga memberi kuasa kepada Kerajaan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan dan kuasa untuk mengecualikan dari dikenakan LAD.</p> </li> <li>2. Permohonan melanjutkan tempoh siap projek telah dikemukakan oleh kontraktor dan JUPEM telah memanjangkan permohonan tersebut kepada NRE dengan alasan tiada halangan dan tidak dikenakan LAD selaras dengan klausula kontrak di para 38.1. Ini kerana aplikasi sistem eKadaster diyakini boleh berfungsi dengan baik selepas pentauliahan <i>Final Acceptance Test (FAT)</i>.</li> <li>3. Mesyuarat Makmal Penyelesaian Projek Pembangunan Bermasalah NRE yang dipengerusikan oleh KSU NRE bersetuju untuk melanjutkan tempoh penyediaan kontrak dengan mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan.</li> <li>4. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan telah diperoleh bagi pelanjutan tempoh siap projek dan kelulusan tersebut memberi kuasa kepada Pentadbir Kontrak untuk memutuskan sama ada LAD wajar dikenakan atau sebaliknya.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>baru, JUPEM telah mengambil langkah preventive dengan memasukkan klausa berkaitan dengan notis permohonan pelanjutan tempoh kontrak antara 1 hingga 3 bulan mengikut kesesuaian tempoh kontrak.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, permohonan lanjutan masa 4 bulan selepas tarikh siap asal dan kelulusan oleh NRE melalui perjanjian tambahan keempat yang dimeterai pada 15 Mei 2009 iaitu tarikh projek disahkan siap adalah tidak teratur. Sehubungan itu, LAD berjumlah RM14.38 juta sepatutnya dikenakan.</p>	<p>5. NRE membuat keputusan LAD tidak dikenakan terhadap kontraktor kerana tempoh lanjutan masa telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan memberi peringatan kepada JUPEM agar mematuhi peraturan perolehan Kerajaan dan memastikan urusan pelanjutan tempoh kontrak pada masa hadapan disempurnakan sebelum tempoh kontrak semasa tamat.</p> <p>6. Sebagai langkah penambahbaikan, JUPEM telah mengambil langkah <i>preventive</i> dengan memasukkan klausa berkaitan dengan notis permohonan pelanjutan tempoh kontrak antara 1 hingga 3 bulan mengikut kesesuaian bagi kontrak-kontrak baharu.</p>
<p><b>6.5.1.1.d</b></p>	<p>Mengikut piagam pelanggan JUPEM, tempoh proses menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui (PA) hendaklah tidak melebihi 60 hari atau 2 bulan dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur (PU) yang lengkap dan teratur. Analisis Audit terhadap data pengeluaran PA di 5 Pejabat JUPEM Negeri mendapati 13,637 daripada 16,683 (81.7%) PA yang dikeluarkan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 melebihi tempoh yang ditetapkan. Objektif untuk menyiapkan kerja ukur dalam tempoh 2 bulan masih belum tercapai disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengurangan jumlah pasukan kerja luar akibat kekosongan yang tidak dapat diisi, kekurangan peruntukan elaun kerja luar, bantahan daripada tuan tanah, faktor cuaca (hujan, banjir) dan lain-lain.</p> <p><i>Maklum Balas JUPEM yang Diterima Pada 16 Januari 2017 dan 10 Mac 2017</i></p> <p><i>Jabatan telah mengambil tindakan awalan dengan membuat kajian pencapaian di 3 JUPEM Negeri iaitu Kedah, Selangor dan Terengganu dengan mengumpul data permohonan ukur yang diterima dalam 3 tahun bermula Jun 2014 sehingga Jun 2016. Hasil kajian mendapati 32% PA dapat disiapkan dalam tempoh kurang dari 60 hari. Sistem mampu menyiapkan PA dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya PU adalah lengkap dan teratur. Manakala selebihnya (68%), PA tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan faktor-faktor di luar kawalan sistem dan Jabatan. Tindakan untuk meminda piagam pelanggan sedang dibincangkan di peringkat Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemantauan Ukuran Hak Milik dan Strata JUPEM untuk meminda Piagam Pelanggan daripada 2 bulan ke tempoh yang bersesuaian (maksimum 6 bulan) berdasarkan kajian semula yang telah dijalankan oleh JUPEM pada 3 Januari 2017.</i></p>	<p>Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemantauan Ukuran Hak Milik dan Strata JUPEM yang diadakan pada 8 Mac 2017 telah memutuskan tempoh menyiapkan kerja ukur Kadaster sehingga Pelan Akui disiapkan dari 2 bulan dipinda ke 6 bulan berdasarkan kajian yang telah dibuat mulai 3 Januari 2017.</p> <p>Surat pindaan Piagam Pelanggan mengenainya telah dikeluarkan kepada semua JUPEM Negeri pada 18 April 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tempoh menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui yang melibatkan sebanyak 81.7% fail tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.</p>	
<p><b>6.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Pelaksanaan Projek - Modul ePermohonan Ukur</b></p> <p>Berdasarkan temubual dengan pengguna sistem, didapati fungsi tersebut tidak digunakan sepenuhnya kerana Pejabat Tanah masih mengemukakan PU dalam bentuk <i>hardcopy</i>. Berdasarkan semakan Audit terhadap maklumat pendaftaran fail ukur yang dijana di JUPEM Negeri yang dilawati, sebanyak 19,662 fail ukur di JUPEM telah didaftarkan bagi tahun 2013 sehingga bulan Julai 2016. Pendaftaran fail ukur ini direkodkan sama ada dalam kategori Kerja Sementara, Lot Belum Daftar dan Lot Telah Daftar. Bagaimanapun, kemudahan bagi menjana bilangan keseluruhan fail ukur yang didaftarkan tidak disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelenggaraan maklumat keseluruhan bilangan fail yang didaftarkan adalah penting bagi tujuan pengesanan dan pemantauan oleh JUPEM.</p>	<p>Kemudahan bagi menjana bilangan keseluruhan fail ukur mengikut kategori yang didaftarkan boleh dijana secara automatik. Ini adalah memadai bagi tujuan pengesanan dan pemantauan fail-fail yang didaftarkan.</p>
<p><b>6.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Modul Sistem Pengurusan Personel Kadaster - Prosedur Permohonan Pendaftaran dan Pembatalan Pengguna</b></p> <p>i. Mengikut Dasar Keselamatan ICT (DKICT) NRE, permohonan, pendaftaran dan pembatalan akaun pengguna sistem serta tahap capaian hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis pegawai bertanggungjawab di peringkat Ibu Pejabat JUPEM/Negeri dan direkodkan.</p> <p>ii. Didapati pendaftaran dan pembatalan pengguna dibuat oleh Pegawai Teknologi Maklumat JUPEM Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang berdasarkan maklumat dalam mesyuarat pengurusan dan maklumat yang dikemukakan melalui email atau secara lisan. Bagaimanapun, pendaftaran di JUPEM WP Labuan dan Pulau Pinang dibuat menggunakan borang pendaftaran yang tidak mengandungi kesemua maklumat yang ditetapkan dalam DKICT. Manakala pendaftaran bagi pengguna daripada agensi lain hanya dibuat berdasarkan permohonan secara lisan atau bertulis. Selain itu, tiada sebarang prosedur standard yang jelas bagi pendaftaran dan pembatalan pengguna seperti penggunaan borang permohonan pendaftaran serta peranan pengguna yang diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.</p>	<p>i. dan ii. : Tindakan penyeragaman bagi penggunaan borang pendaftaran dan pembatalan pengguna telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia bertarikh 27 Disember 2016 kepada semua JUPEM Negeri. Penyeragaman ini telah diamalkan di semua JUPEM Negeri.</p> <p>iii. : 78 <i>User ID</i> bagi pegawai-pegawai yang tidak lagi berkhidmat di 3 JUPEM Negeri tersebut telah tidak diaktifkan (ditamatkan) dalam sistem eKadaster.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai pegawai yang tidak lagi berkhidmat di 3 JUPEM Negeri sejak 28 Februari 2010 hingga 1 Ogos 2016 mendapati sebanyak 78 <i>user ID</i> masih aktif iaitu 47 di Selangor, 16 di Pulau Pinang dan 15 di Kelantan.</p>	
<b>8.5.1.1.e</b>	<p>Bagaimanapun, tuntutan tersebut telah ditolak oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB), JKR atas sebab teknikal iaitu pihak kontraktor tidak mengemukakan notis dalam tempoh 60 hari berlakunya kejadian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah syarat-syarat kontrak. Pada 16 Februari 2016, pihak kontraktor telah mengemukakan rayuan dan pihak JKR telah memaklumkan kepada kontraktor pada 9 Jun 2016 supaya mengemukakan laporan rayuan yang lebih terperinci.</p> <p><i>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 27 April 2017</i></p> <p><i>Pihak JKR masih belum menerima laporan terperinci berkaitan tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta daripada pihak kontraktor walaupun surat peringatan telah diberikan oleh JKR pada 15 Mac dan 12 April 2017.</i></p> <p><i>Pihak Kontraktor juga telah diluluskan EOT No.7 sebanyak 198 hari disebabkan kerja-kerja tambahan bagi perubahan rekabentuk dan pemasangan lampu jalan. Tarikh siap semasa bagi projek ini adalah pada 30 September 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelulusan lanjutan masa adalah berdasarkan sebab yang sesuai dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, penyiapan projek ini mengambil masa yang lama dengan EOT selama 2,132</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>hari. Ini berpunca daripada prosedur dan proses kerja pihak ketiga dan menyebabkan kontraktor membuat tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM7.88 juta.</p>	
<p><b>8.5.1.2.c</b></p>	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 25 Februari 2016 bersetuju meluluskan permohonan KKR untuk melaksanakan perubahan reka bentuk di kawasan pertindihan antara jajaran elevated structure dan Lebuhraya LATAR dengan anggaran kos sejumlah RM35 juta. Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga yang diadakan pada 12 Januari 2017 telah memuktamadkan harga berjumlah RM34.2 juta. Dengan itu, nilai kontrak semasa adalah RM628.14 juta iaitu peningkatan sebanyak 208.7% daripada nilai kontrak asal.</p> <p><i>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 14 April 2017</i></p> <p><i>Rekabentuk elevated structure telah siap sebelum pembinaan Lebuhraya LATAR. Pihak JKR tidak dapat penentuan hala tuju pembinaan elevated structure sehingga kontrak ditandatangani pada Disember 2011. Selepas kontrak ditandatangani, perubahan rekabentuk 'elevated structure' perlu mengambilkira pertindihan jajaran di kawasan Lebuhraya LATAR dan mengakibatkan kenaikan kos projek. Tambahan kos bagi kerja perubahan reka bentuk di kawasan pertindihan antara jajaran elevated structure dan Lebuhraya LATAR telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga di Mesyuarat Rundingan Harga pada 12 Januari 2017 dengan nilai RM34.2 juta.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, peningkatan nilai kontrak bagi projek ini adalah selaras dengan skop kerja yang dilaksanakan kecuali peningkatan berjumlah RM34.2 juta akibat pertindihan antara jajaran elevated structure dan lebuhraya LATAR. Isu pertindihan ini tidak sepatutnya berlaku sekiranya penyelarasan diadakan antara KKR, JKR dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) semasa perancangan projek.</p>	<p>Pertindihan akan tetap berlaku kerana kedua-dua projek bertemu di kawasan yang sama. Walaupun rekabentuk 'elevated structure' telah disediakan lebih awal, pembinaan lebuhraya LATAR mendahului pembinaan 'elevated structure'. Oleh itu, rekabentuk 'elevated structure' terpaksa diubahsuai untuk membolehkan laluan 'elevated structure' dapat dibina merentasi lebuhraya LATAR mengikut piawaian JKR. Pembinaan di bahagian ini telah siap sepertimana kepilang gambar.</p>  

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		 <p data-bbox="1301 727 1626 807">Kemajuan kerja terkini (fizikal) Sebenar 97% Perjadualan 96%</p>
8.5.2.2	<p data-bbox="331 831 931 855"><b>Denda Kelewatan Bayaran Pengambilan Balik Tanah</b></p> <p data-bbox="331 887 1171 1134">Semakan Audit mendapati sebanyak 41 lot tanah persendirian di Daerah Gombak dan 90 lot tanah persendirian di Daerah Hulu Selangor telah diambil balik oleh kerajaan melibatkan pembayaran pampasan berjumlah RM123.66 juta. Berdasarkan Kertas Permohonan Kenaikan Kos Keseluruhan Projek yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, KKR, bayaran pampasan bagi 100 lot tanah telah dikenakan denda lewat berjumlah RM5.52 juta. Bagaimanapun, dokumen sokongan berkaitan bayaran pengambilan balik tanah tidak dapat dikemukakan ketika pengauditan dijalankan di KKR dan JKR.</p> <p data-bbox="331 1190 909 1214"><i>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 27 April 2017</i></p> <p data-bbox="331 1246 1171 1380"><i>Berdasarkan semakan KKR, terdapat 63 daripada 90 lot di Mukim Serendah dan 7 daripada 41 lot di Mukim Rawang diproses melalui Borang I serta dikenakan caj 8% berjumlah RM4,092,271.18. Selain itu, 18 daripada 41 lot di Mukim Rawang diproses melalui Borang O serta dikenakan caj 8% berjumlah RM1,124,293.40. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan RM5,216,564.58</i></p>	<p data-bbox="1193 887 2078 1023">Caj bayaran lewat yang dikenakan bagi pengambilan tanah projek ini adalah disebabkan oleh kemasukan awal ke tapak melalui Seksyen 19 Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Pada masa akan datang, Kementerian akan memastikan permohonan kemasukan awal ke tapak melalui Seksyen 19 APT 1960 hanya bagi projek yang betul-betul perlu sahaja.</p> <p data-bbox="1193 1054 2078 1270">Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan pada 11 April 2017 dan pembentangan hasil siasatan telah dibentangkan kepada JPA dalam Mesyuarat Pengesahan Bersama Bahagian Susulan Audit Berkenaan Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) Hasil <i>Exit Conference</i> Pengauditan Prestasi Tahun 2016/2017 Kementerian Kerja Raya (KKR) Bagi Projek Pembinaan Jalan Pintas Rawang yang telah diadakan pada 19 Mei 2017. JKSD tidak mengesyorkan apa-apa tindakan tatatertib / surcaj terhadap pegawai-pegawai yang terlibat memandangkan tiada unsur kecuaiian oleh mana-mana pegawai.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang melibatkan 88 lot tanah telah dikenakan caj 8% disebabkan oleh proses PBT melalui Borang I dan O yang tidak dapat dielakkan.</p> <p>Selain itu juga, BPP melalui surat (22)d/m.KKR.BPP.700-5/1/8 Jld 19 bertarikh 27 Mei 2016 dan email bertarikh 7 Mac 2017 telah memohon supaya JKPTG Selangor untuk mengemukakan salinan Borang H dan Bukti Pembayaran Pampasan yang berkaitan.</p> <p>KKR telah menubuhkan Unit Tanah Kementerian pada bulan Mei 2016 yang diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan. Unit ini bertujuan memantau semua proses pengambilan balik tanah projek di bawah kawal selia KKR dan memastikan proses serta dokumentasi adalah teratur berdasarkan garis panduan dan peraturan terpakai sedia ada. KKR juga telah mengemukakan surat kepada semua JKPTG Negeri dan memohon Pentadbir Tanah untuk mengemukakan salinan Borang H kepada Ketua Pengarah Kerja Raya bagi tujuan mempercepatkan proses pembayaran pampasan pengambilan tanah.</p> <p>Pada pendapat Audit, aspek bayaran pengambilan balik tanah adalah berdasarkan sebab yang sesuai dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, prosedur dan proses seperti yang dinyatakan di Seksyen 14, Akta Pengambilan Tanah 1960 menyebabkan caj bayaran lewat 8% dikenakan dan dibayar kepada orang berkepentingan.</p>	
8.5.3.2	<p><b>Bayaran Kemajuan Kepada Kontraktor</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Sijil Perakuan Bayaran Interim dan baucar bayaran interim mendapati sehingga 30 November 2016, pembayaran kepada kontraktor adalah berjumlah RM569.24 juta melalui 189 baucar bayaran. Didapati sebanyak 23 bayaran interim (12.2%) berjumlah RM64.6 juta lewat dibayar antara 15 hingga 118 hari dari tarikh Perakuan Bayaran Interim.</p> <p><i>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 14 April 2017</i></p> <p><i>Kelewatan pembayaran interim tidak dapat dielakkan kerana pelaksanaan projek yang panjang dan bertindih merumitkan proses kelulusan kenaikan kos projek untuk dimuktamadkan. Bagaimanapun, Kementerian sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan pembayaran interim adalah mengikut peraturan kewangan semasa. Pada tahun 2016, JKR telah mewujudkan Unit Project Management Office di Cawangan Jalan bagi memproses tuntutan dan</i></p>	<p>Bayaran interim kepada pihak kontraktor telah dibayar sehingga Interim No. 196 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM605,633,237.00.</p> <p>Kementerian dan agensi akan memastikan proses pengurusan bayaran pada masa hadapan ditambahbaik supaya bayaran diproses dalam masa 14 hari tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi dan dokumen yang lengkap.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>keperluan kewangan bagi semua projek jalan di Semenanjung Malaysia. Mulai tahun 2017 pula, BPP telah melaksanakan sistem pembayaran 'as per bill' bagi memastikan pembayaran interim dan keperluan kewangan adalah mengikut keutamaan dan memastikan peruntukan tahunan pembangunan dioptimumkan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran kepada kontraktor adalah kurang memuaskan kerana sebanyak 12.2% tuntutan interim kontraktor berjumlah RM64.6 juta telah lewat dibayar antara 15 hingga 118 hari.</p>	



**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA/JABATAN KERJA RAYA**

**Perenggan 9 : Projek Pembinaan Jejambat Menghubungi Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/Landasan Keretapi/Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.4	<p><b>Penentuan Skop Projek</b></p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati 2 daripada 3 skop projek telah dilaksanakan sebagaimana keputusan makmal. Namun, terdapat perubahan semula skop kerja bagi pembinaan bilangan ramp selepas Makmal VA. Pada asalnya keputusan dibuat bagi mengurangkan bilangan <i>ramp</i> daripada 4 kepada satu sahaja bagi mengurangkan kos projek yang dianggarkan berjumlah RM228.64 juta kepada RM129.80 juta iaitu pengurangan sebanyak RM98.84 juta (43.2%).</p>	<p>Maklumbalas KKR sama seperti maklumbalas pada 21 Mac 2017:</p> <p>Semasa VA dijalankan didapati satu <i>ramp</i> mencukupi untuk mencapai objektif projek dan dipersetujui oleh Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang hadir pada masa itu. SST kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 16 Januari 2012 dengan tarikh milik tapak pada 30 Januari 2012 dan tarikh siap pada 29 Julai 2014.</p>
9.5.1.5	<p>Perunding/JKR telah merekabentuk dan seterusnya mengeluarkan SST kepada kontraktor pada 16 Januari 2012 dan tarikh milik tapak ialah pada 30 Januari 2012. Bagaimanapun, terdapat permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina tambahan dua <i>ramp</i> pada bulan Jun 2012 yang perlu disiapkan dalam tempoh kontrak. Kegagalan menyediakan keperluan pembinaan tambahan dua ramp ini boleh menyebabkan Arahan Berhenti Kerja Pembinaan dikeluarkan pada bila-bila masa sepanjang proses pembinaan.</p>	<p>Permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina tambahan dua <i>ramp</i> lagi adalah melalui surat No. Rujukan PSUKPP/03/0402/10/27 JLD.2 (5) bertarikh 27 Jun 2012 iaitu selepas SST dikeluarkan. Kerajaan Negeri telah mensyaratkan projek hanya boleh diteruskan apabila pembinaan tambahan dua <i>ramp</i> dilaksanakan.</p> <p>Penambahan pembinaan dua <i>ramp</i> telah diluluskan dalam mesyuarat penyelarasan projek di Jabatan Perdana Menteri pada 28 Ogos 2012. Oleh itu, terdapat unsur-unsur lain yang di luar kawalan JKR.</p>
9.5.1.6	<p>Pada bulan Mac 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan JKR untuk melaksanakan skop tambahan pembinaan dua <i>ramp</i> melalui perjanjian tambahan dengan harga kontrak berjumlah RM25.26 juta.</p> <p><i>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 21 Mac 2017</i></p> <p><i>Semasa VA dijalankan didapati satu ramp mencukupi untuk mencapai objektif projek dan dipersetujui oleh Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang hadir pada masa itu. SST kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 16 Januari 2012 dengan tarikh milik tapak pada 30 Januari 2012 dan tarikh siap pada 29 Julai 2014.</i></p>	<p><u>Tindakan Penambahbaikan:</u></p> <p>Bagi projek akan datang kelulusan Kerajaan Negeri perlu diperolehi sebelum projek ditender.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina tambahan dua ramp lagi adalah melalui surat No. Rujukan PSUKPP/03/0402/10/27 JLD.2 (5) bertarikh 27 Jun 2012 iaitu selepas SST dikeluarkan. Kerajaan Negeri telah mensyaratkan projek hanya boleh diteruskan apabila pembinaan tambahan dua ramp dilaksanakan.</i></p> <p><i>Penambahan pembinaan dua ramp telah diluluskan dalam mesyuarat penyelarasan projek di Jabatan Perdana Menteri pada 28 Ogos 2012. Oleh itu, terdapat unsur-unsur lain yang di luar kawalan JKR.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, penentuan skop projek tidak dilaksanakan dengan baik kerana berlaku perubahan bilangan ramp daripada yang dimuktamadkan mengakibatkan projek lewat dimulakan dan peningkatan kos projek.</p>	
<p><b>9.5.2.5</b></p>	<p><b>Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Kesan daripada kelewatan penyiapan projek, kontraktor telah menuntut kos untuk tuntutan kerugian dan perbelanjaan berjumlah RM5.31 juta daripada Kerajaan. Bagaimanapun, tuntutan tersebut masih dalam semakan JKR untuk kelulusan bayaran. Selain itu, kos perkhidmatan perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur (skop penyeliaan pembinaan) serta perunding Elektrik juga meningkat sejumlah RM2.89 juta.</p> <p>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 21 Mac 2017</p> <p><i>Tuntutan loss and expenses masih dalam semakan akhir Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan JKR Negeri Pulau Pinang untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan JKR pada April 2017 dan dijangka selesai dalam tempoh 6 bulan selepas itu. Merujuk kepada surat KKR pada September 2015 mendapati tambahan kos perkhidmatan perunding bagi skop pengawasan tapak berjumlah RM2.81 juta dan surat KKR pada Mei 2016 menyatakan tambahan kos perkhidmatan perunding elektrik berjumlah RM0.08 juta. Ini menjadikan peningkatan kos perkhidmatan perunding berjumlah RM2.89 juta.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan di tapak lewat dimulakan kerana kelemahan dalam memuktamadkan pembinaan bilangan ramp dan kelewatan kelulusan TMP serta pengalihan utiliti menyebabkan berlakunya tuntutan kerugian dan perbelanjaan oleh kontraktor dan peningkatan kos perkhidmatan perunding.</p>	<p>Dokumen tuntutan <i>Loss &amp; Expense</i> telah dikemukakan kepada pihak Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan selaku Urusetia Jawatankuasa Tuntutan pada 30 Mac 2017 untuk semakan dan tindakan selanjutnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.1	<p><b>Kaedah Pembinaan Penghadang Tengah Jalan Tidak Mematuhi Piawaian</b></p> <p>Mengikut Standard Specification For Road Works, Section 15 Parapets, Penghadang Tengah Jalan/New Jersey Barrier (NJB) perlu dibina secara berasingan (<i>partial</i>) setiap 10 meter. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati lukisan pembinaan yang disediakan oleh perunding memerlukan tetulang NJB dibina secara berterusan (<i>continuous</i>). Pemeriksaan Audit selanjutnya di tapak projek mendapati tetulang NJB tersebut telah dibina secara berterusan mengikut lukisan pembinaan. Ini menyebabkan pengagihan beban berterusan sepanjang NJB dan berlakunya rekahan kepada struktur konkrit barrier di kebanyakan NJB sepanjang 1,130 meter.</p>	<p>Pembaikan NJB telah dijalankan oleh pihak kontraktor. Antara kerja yang telah dibuat ialah seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Membersih <i>debris</i> di atas permukaan mengguna kain basah;</li> <li>b) Mengecat semula sekitar retakan dengan satu lapisan <i>epoxy protective coating</i>;</li> <li>c) Untuk keretakan melebihi daripada 1mm, <i>fill up the crack with putty</i> sebelum dicat dengan lapisan <i>epoxy protective coating</i>.</li> </ul> <p>Pihak kontraktor juga dalam proses untuk menjalankan <i>coring test</i> seperti yang dipohon oleh Bahagian Reka Bentuk Jalan Zon Utara (HODT). Keputusan ujian akan dipanjangkan kepada bahagian tersebut dengan kadar segera.</p>
9.5.3.2	<p>Semakan Audit menunjukkan perkara ini berlaku disebabkan kelemahan reka bentuk NJB yang disediakan oleh pihak perunding. Reka bentuk tetulang NJB telah dibuat secara berterusan dan tidak mematuhi Standard Specification For Road Works, Section 15 Parapets.</p> <p><i>Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 21 Mac 2017</i></p> <p><i>Kaedah pembinaan penghadang tengah jalan/NJB dilaksanakan berdasarkan reka bentuk kontrak. Tindakan awal telah diambil oleh pihak kontraktor dengan membuat groveline pada jarak 10 meter center to center untuk mengurangkan kadar keretakan pada struktur NJB tersebut. Pihak JKR telah berbincang dengan kontraktor dan pihak kontraktor bersetuju untuk membaiki dan membuat pembedulan ke atas struktur NJB tersebut. Walau bagaimanapun, perunding akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya kerana telah menyediakan reka bentuk yang tidak mengikut piawaian.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan penghadang tengah jalan/NJB adalah kurang memuaskan kerana kaedah pembinaannya tidak mematuhi piawaian.</p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia**

**Perenggan 10 : Pembangunan mySIKAP**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.b	<p><b>Kelemahan Dokumen Kontrak</b></p> <p>Semakan Audit mendapati harga dan jadual pembayaran bagi 3 item di Appendix G dalam dokumen kontrak sejumlah RM23.01 juta tidak diperincikan.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 10.5.2.c
10.5.2.c	<p>Semakan lanjut terhadap baucar bayaran bagi item tersebut mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bayaran sejumlah RM5.07 juta bagi <i>Project Office</i> dan sejumlah RM147,257 bagi menyediakan <i>Development Laboratory</i> di bawah JPJ <i>System Development Centre</i> telah dibuat. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan kuantiti dan nilai sebenar aset yang dibekalkan kerana tidak diperincikan dalam dokumen sokongan baucar bayaran.</li> <li>ii. Sehingga 21 Oktober 2015, bayaran sejumlah RM17.4 juta telah dibuat sepenuhnya bagi fasiliti dan perkhidmatan perunding, pengujian serta pemulihan bencana. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pecahan kos bagi fasiliti dan setiap perkhidmatan yang disediakan kerana tidak diperincikan dalam dokumen sokongan baucar bayaran. Selain itu, bayaran sejumlah RM4.50 juta telah dibuat bagi fasiliti dan perkhidmatan pemulihan bencana bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011 walaupun perkhidmatan tersebut hanya disahkan mula beroperasi pada 11 November 2011 seperti yang dinyatakan dalam borang penerimaan perkhidmatan. Bagaimanapun tiada bukti fasiliti telah disediakan sebelum perkhidmatan mula beroperasi.</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017</p> <p><i>Pihak JPJ mengambil maklum dengan kelemahan dokumen kontrak dan memastikan maklumat harga, kuantiti, lokasi dan spesifikasi bagi perjanjian kontrak akan datang adalah value for money.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, kandungan dokumen kontrak mySIKAP lemah dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan serta memberi implikasi pembayaran yang dilakukan tiada <i>value for money</i>.</p>	
10.5.5.3.3.l	<p><b>Kajian Keperluan Kapasiti Kerangka Utama mySIKAP</b></p> <p>Pihak JPJ telah membuat tiga perolehan kerangka utama IBM bagi tujuan penambahbaikan transaksi dan penyampaian perkhidmatan jabatan berjumlah RM218.89 juta. Perolehan tersebut melibatkan perkakasan, perisian, lesen dan penyenggaraan ketiga-tiga kerangka utama tersebut dari tahun 2009 sehingga 2014.</p>	<p>JPJ telah membuat kajian <i>capacity planning</i> bagi <i>mainframe</i> zEC12 dan laporan lengkap mengenai kajian ini telah diterima pada 5 Oktober 2016 dan telah dibentangkan dalam JPICT JPJ bil. 4/2016.</p> <p>Sebagai kawalan dalaman, Jabatan mensyaratkan kajian kapasiti kerangka utama mySIKAP perlu dilaksanakan sebelum sistem baru yang menggunakan Kerangka Utama sedia ada dibangunkan.</p>
10.5.5.3.3.m	<p>Perolehan tiga kerangka utama dalam tempoh enam tahun ini disebabkan oleh perkara berikut:</p> <p>i. Kitar Hayat Kerangka Utama IBM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut sejarah, kitar hayat kerangka utama IBM dari tahun 1994 hingga 2007, purata kitar hayat kerangka utama IBM adalah 4.4 tahun sebelum tamat tempoh pemasarannya.</li> <li>• Berdasarkan purata kitar hayat tersebut, perolehan kerangka utama IBM z9 BC pada tahun 2009 oleh JPJ adalah di penghujung kitar hayat dan perolehan IBM z10 EC pada tahun 2010 dan IBM zEC12 pada tahun 2014 oleh JPJ adalah di pertengahan kitar hayat. Ini menyebabkan kerangka utama tersebut hanya boleh dipertingkatkan bagi tempoh satu dan 2 tahun sahaja selepas perolehan dibuat.</li> </ul> <p>ii. Keperluan Permintaan Perubahan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sepanjang tempoh bulan April 2011 hingga April 2015, vendor telah melaksanakan sebanyak 139 perubahan terhadap mySIKAP tanpa</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>melibatkan sebarang pertambahan kos berdasarkan permintaan pihak JPJ.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara perubahan yang telah memberi impak besar kepada penggunaan CPU adalah pelaksanaan myIDENTITY (sistem bagi memudahkan warganegara dan bermastautin tetap berurusan dengan agensi Kerajaan); kerjasama atas talian bersama eInsurance; dan pelaksanaan <i>Automated Enforcement System</i> (AES) dan Lesen Memandu Malaysia (LLM).</li> <li>• Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan vendor telah melaksanakan kajian keperluan dan analisis impak sebelum melaksanakan sebarang perubahan seperti yang telah ditetapkan di dalam kontrak.</li> </ul> <p>Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017</p> <p><i>Asas spesifikasi ditentukan oleh jabatan berdasarkan saiz data dan transaksi semasa dan mengambil kira pandangan dan nasihat dari MAMPU dan pihak-pihak yang lain bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Pada ketika itu, kerangka utama IBM z10 EC adalah sesuai untuk memenuhi keperluan JPJ dan sudah sedia ada di pasaran. Proses perolehannya dapat dibuat terus tanpa perlu mendapatkan peruntukan tambahan. Selain itu, perubahan kepada spesifikasi perkakasan kerangka utama juga melalui proses yang teratur di mana pihak vendor telah mengemukakan surat permohonan rasmi kepada JPJ pada 29 Jun 2010 dan kelulusan MOF telah diperolehi pada 24 September 2010.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kajian keperluan kapasiti kerangka utama mySIKAP yang tidak dibuat dengan terperinci telah menyebabkan perolehannya tidak berhemat serta mengakibatkan imej JPJ dan Kerajaan terjejas semasa <i>National Roll Out</i> mySIKAP.</p>	
10.5.4.2	<p><b>Perjanjian Tahap Perkhidmatan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap SLA mendapati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mengikut Appendix D (klausu 2.3.12) kontrak mysikap 'The Company shall comply with the SLA as defined in the Functional and Technical Specifications.'</li> </ol>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 10.5.4.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>b. JPJ dan vendor telah menandatangani satu dokumen spesifikasi tahap perkhidmatan pada bulan Mei 2014 yang bertujuan menetapkan skop dan spesifikasi tahap perkhidmatan bagi perkhidmatan sokongan waranti pencegahan dan pemulihan. Bagaimanapun, tiada elemen denda dinyatakan dalam dokumen tersebut.</p> <p>c. Berdasarkan dokumen spesifikasi tahap perkhidmatan tersebut, sesuatu aduan perlu diselesaikan oleh vendor dalam tempoh 2 hingga 12 hari bekerja dari tarikh aduan dilaporkan berdasarkan tahap kritikal yang telah ditetapkan.</p> <p>d. Setakat akhir tahun 2016, sejumlah RM70.58 juta telah dibayar untuk perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh vendor.</p> <p>e. Analisis Audit terhadap data meja bantuan mysikap bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015 mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan prestasi vendor dalam penyelesaian aduan pengguna untuk tahun 2014 kerana tahap kritikal aduan tidak dikategorikan bagi setiap aduan yang diterima.</li> <li>ii. Daripada 4,854 aduan pengguna bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2015, sebanyak 1,219 (25%) aduan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan.</li> </ul> <p>f. Prestasi vendor terhadap penyelesaian aduan pengguna yang kurang memuaskan telah menyebabkan pengguna mySIKAP dan pelanggan JPJ tidak dapat memberi dan menerima perkhidmatan yang pantas dan terbaik. Bagaimanapun, pihak vendor tidak didenda kerana tiada klausa denda dinyatakan dalam dokumen spesifikasi tahap perkhidmatan.</p> <p><i>Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Pihak JPJ mengambil maklum dengan kelemahan ini dan telah memasukkan SLA yang lengkap dan memelihara kepentingan kerajaan termasuk mengenakan denda kepada vendor atas kelewatan menyelesaikan aduan dalam perjanjian penyenggaraan mySIKAP dan semua perjanjian perkhidmatan yang lain.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, JPJ gagal menyediakan SLA yang lengkap dan yang memelihara kepentingan Kerajaan. Ini menyebabkan tindakan yang berkesan seperti mengenakan denda kepada vendor atas kelewatan menyelesaikan aduan tidak dapat diambil. Selain itu, JPJ telah membayar perkhidmatan yang diterima tanpa mengambil kira SLA yang dipersetujui.</p>	
<p><b>10.5.5.1.c</b></p>	<p><b>Penggunaan mySIKAP - Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor</b></p> <p>Semakan dan analisis Audit terhadap data pembaharuan LKM melalui mySIKAP mendapati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. LKM bagi 3,086 kenderaan yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia dari tahun 2012 hingga 2016 telah diperbaharui di JPJ Sabah, Sarawak dan WP Labuan.</li> <li>ii. LKM bagi 1,104 kenderaan yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak dari tahun 2012 hingga 2016 telah diperbaharui di WP Labuan. Hasil yang dikutip bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM426,876.</li> <li>iii. Bagaimanapun, pegawai kaunter tidak membuat pengesahan lokasi sebenar kenderaan serta mengemaskinikan pengisytiharan kawasan sebelum memperbaharui LKM. Verifikasi sistem sedia ada hanya berpandukan kawasan yang diisytiharkan oleh petugas kaunter atau pemilik kenderaan/ejen di kios semasa membuat pembaharuan LKM.</li> <li>iv. Kelemahan kawalan dalaman ini telah mengakibatkan pemilik kenderaan boleh memperbaharui LKM di kawasan di mana kadar LKM adalah lebih rendah walaupun kenderaan tidak berada di kawasan yang berkaitan.</li> <li>v. Pergerakan kenderaan antara wilayah (Semenanjung, Sarawak, Sabah dan WP Labuan) perlu diisytiharkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melalui Permohonan Permit Untuk Mengangkut Barang Dalam Persekutuan (Borang Kastam 3). Sistem mysikap tidak mempunyai maklumat terkini lokasi kenderaan kerana tiada perkongsian maklumat di antara pihak JPJ dan JKDM berkenaan pergerakan kenderaan antara wilayah. Oleh itu, pihak Audit telah membuat semakan silang antara data Borang Kastam 3 dalam Sistem Maklumat Kastam dengan data pendaftaran kenderaan dan pembaharuan LKM dalam mysikap bagi mengesahkan lokasi sebenar</li> </ol>	<p>Maklumat Kastam No. 3 iaitu Permohonan/Permit Untuk Mengangkut Barang Dalam Persekutuan akan diintegrasikan dengan mySIKAP bagi menangani isu ketirisan hasil berpunca daripada tindakan pembaharuan LKM di luar kawasan perisytiharan.</p> <p>Bagi tujuan tersebut, JPJ akan mengadakan sesi perbincangan dengan pihak Bahagian Perkastaman dan Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi memperincikan isu-isu keperluan dan teknikal yang terlibat dalam pengintegrasian tersebut.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kenderaan yang memperbaharui LKM bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.</p> <p>vi. Hasil semakan Audit mendapati sebanyak 518 (17%) daripada 3,086 LKM bagi kenderaan yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia telah diperbaharui di JPJ Sabah, Sarawak dan WP Labuan tetapi tidak disokong dengan Borang Kastam 3 tersebut. Selain itu, sebanyak 351 (32%) daripada 1,104 LKM bagi kenderaan yang didaftarkan di Sabah dan Sarawak telah diperbaharui di JPJ WP Labuan juga tidak disokong dengan Borang Kastam 3. Ini mengakibatkan ketirisan hasil Kerajaan berjumlah RM773,340 bagi tempoh 2014 hingga 2016.</p> <p><i>Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Mengikut kaedah sedia ada, semua pembaharuan LKM di Sabah dan Sarawak perlu membuat pengisytiharan kawasan kenderaan itu berada. Oleh itu, pemilik kenderaan dan operator kaunter adalah bertanggungjawab untuk mengemas kini kawasan pengisytiharan. Namun demikian, amalan ini kadangkala telah disalahgunakan oleh pemilik kenderaan dengan membuat pengisytiharan palsu.</i></p> <p><i>Jabatan telah mewujudkan Standard Operating Procedures dengan mewujudkan kawalan dalaman bertarikh 1 Jun 2016 di mana petugas kaunter bertanggungjawab untuk mengemas kini pengisytiharan kawasan.</i></p> <p><i>Di samping itu, perkhidmatan kios di Sabah dan Sarawak telah digantung buat sementara waktu untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan pengisytiharan kawasan yang tidak betul.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan mySIKAP dalam mengenal pasti kawasan pengisytiharan kenderaan dan menetapkan kadar LKM mengikut lokasi terkini kenderaan telah menyebabkan ketirisan hasil Kerajaan sejumlah RM773,340 bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.</p>	
10.5.5.2.c	<p><b>Pengeluaran Lesen Memandu</b></p> <p>Analisis Audit menggunakan <i>Computer Assisted Audit Tools and Technique (CAATTs)</i> terhadap data senarai hitam lesen memandu dalam modul penguatkuasaan dan data pengeluaran/pembaharuan lesen penuh dalam mySIKAP mendapati perkara berikut:</p>	<p>Sistem telah ditambah baik telah mengambil kira semakan senaraihitam ke atas kelas lesen berbeza seperti lesen L dan P serta lesen penuh. Penambakan sistem telah selesai dan dilaksanakan pada 16 Mac 2017. Proses pertukaran lesen P kepada lesen penuh akan tertakluk kepada status rekod senaraihitam. Jika</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 1.10 juta lesen memandu yang terdiri daripada Lesen L, Lesen P dan Lesen Penuh telah dikeluarkan/diperbaharui di 5 cawangan JPJ yang dipilih. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 297,770 pernah disenaraihitamkan dan sebanyak 86,226 (29%) masih berstatus aktif.</p> <p>ii. Daripada senarai hitam yang masih berstatus aktif tersebut, sebanyak 365 pemegang Lesen L atau Lesen P yang disenaraihitamkan masih boleh memperoleh/memperbaharui Lesen Penuh.</p>	<p>pemohon mempunyai rekod senarai hitam, maka pemohon perlu menyelesaikan dahulu rekod senaraihitam sebelum lesen P dibenarkan oleh sistem untuk diproses kepada lesen penuh. Oleh itu, tiada implikasi keselamatan jalan raya yang berbangkit kepada pengguna jalan raya yang lain memandangkan proses pengeluaran lesen hanya dibenarkan kepada pemohon yang tidak ada rekod senaraihitam dalam pangkalan data JPJ.</p> <p>Penambahbaikan mySIKAP menerusi pelaksanaan sistem KEJARA baru di mana mereka (telah mengumpul mata demerit yang ditetapkan) yang digantung atau dibatalkan lesen di bawah sistem KEJARA baru akan disekat (disenaraihitam) daripada proses pengeluaran lesen P atau lesen penuh.</p>
10.5.5.2.d	<p>Kedadaan ini disebabkan sub-modul pelesenan pemandu L dan P tidak mempunyai fungsi sekatan untuk mengesan lesen yang disenaraihitamkan dalam Modul Penguatkuasaan.</p> <p><i>Maklum Balas JPJ yang Diterima Pada 9 Mei 2017</i></p> <p><i>Sistem yang dibangunkan sebelum ini tidak dapat mengesan senarai hitam bagi jenis lesen yang berbeza iaitu Lesen L atau Lesen P kepada Lesen Penuh semasa urus niaga permohonan dan pembaharuan lesen memandu. Oleh itu, operator kaunter membenarkan urus niaga itu berlaku.</i></p> <p><i>Jabatan ini telah mengambil tindakan dengan membuat pembetulan sistem modul pelesenan pemandu iaitu membuat tambahan semakan senarai hitam agar sistem berupaya mengesan senarai hitam bagi jenis lesen yang berbeza. Penambahbaikan sistem telah selesai dan User Acceptance Test (UAT) dilaksanakan pada 16 Mac 2017. Dengan penambahbaikan tersebut, proses penukaran lesen P kepada lesen penuh akan tertakluk kepada status rekod senarai hitam.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sistem yang dibangunkan adalah lemah kerana gagal mengesan Lesen L dan P yang disenaraihitamkan. Ini memberi implikasi keselamatan kepada pengguna jalanraya yang lain.</p>	

**MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

**Perenggan 11 : Sabah Electricity Sdn. Bhd. - Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik Dari Kimanis Ke Pencawang Masuk Utama Lok Kawi Dan Kolopis, Sabah**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.3.c	<p><b>Penetapan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) Kurang Jelas</b></p> <p>Semasa pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai, EPU telah menetapkan KPI projek adalah untuk meningkatkan tahap penjanaan, penghantaran dan liputan bekalan elektrik di Sabah ke tahap 99% menjelang tahun 2015. Pihak Audit mendapati KPI yang ditetapkan adalah kurang jelas dan tidak khusus kepada projek ini. Pihak Audit dimaklumkan, KeTTHA hanya memantau kualiti bekalan elektrik di Sabah dengan menggunakan bacaan <i>System Average Interruption Duration Index</i> (SAIDI).</p> <p><i>Maklum Balas KeTTHA yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Bagi makmal VM yang akan datang penetapan KPI yang lebih spesifik akan dibuat berdasarkan output projek. Sebagai contoh jika pembinaan stesen jana kuasa, kapasiti penjanaan akan diambil sebagai KPI.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara umumnya tahap pencapaian objektif dan outcome adalah memuaskan namun kaedah penetapan KPI adalah tidak memberi fokus secara khusus kepada projek ini.</p>	<p>Maklum balas KeTTHA adalah sama seperti maklum balas yang telah dimajukan kepada Ketua Audit Negara melalui surat rujukan KeTTHA.(S) 600-5/8/16 Jld.6 (4) bertarikh 9 Mei 2017.</p>
11.5.2.1.b	<p><b>Pengurusan Projek Pembinaan - Makmal Pengurusan Nilai (<i>Value Management Lab</i>)</b></p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati, pada 11 Oktober 2011, Jawatankuasa Tender Pengurusan SESB telah menambah skop pembinaan 132kV <i>loop in loop out</i> (LILLO) talian penghantaran dari PMU Kimanis ke PMU Lansat ke talian sedia ada 132kV Penampang-Beaufort yang mengakibatkan pertambahan kos berjumlah RM6.50 juta. Komponen ini pada asalnya tiada dalam skop dan reka bentuk semasa peringkat awal dan tidak diserahkan oleh SESB kepada VM untuk dibincangkan. Skop tambahan ini adalah sebagai langkah pencegahan (<i>backup plan</i>) bagi mengelak capacity payment yang perlu dibayar oleh SESB kepada IPP jika projek lewat disiapkan.</p>	<p>Maklum balas KeTTHA adalah sama seperti maklum balas yang telah dimajukan oleh KeTTHA kepada Ketua Audit Negara melalui surat rujukan KeTTHA.(S) 600-5/8/16 Jld.6 (4) bertarikh 9 Mei 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.1.c	<p>Selain itu semakan Audit mendapati, akibat dari penambahan skop pembinaan LILO, sebanyak 38 Quad Tower telah dibina dengan jumlah jarak 9 km bagi menghubungkan PMU Kimanis dan PMU Lansat serta dari PMU Lansat ke LILO. Semasa VM, pembinaan menara menggunakan <i>Quad Tower</i> tidak dipilih kerana risiko terlalu tinggi sekiranya menara tumbang akan menyebabkan sumber bekalan elektrik dari kedua-dua PMU terputus dan tidak dapat disalurkan ke sistem grid Sabah. Pihak Audit dimaklumkan bahawa SESB tetap menggunakan <i>Quad Tower</i> kerana risiko menara <i>Quad Tower</i> tumbang adalah kurang kerana jarak talian yang pendek dan terletak di kawasan tanah rata. Di samping itu, SESB dapat menjimatkan kos pengambilan tanah kerana keluasan tanah yang diambil sepanjang jajaran <i>Quad Tower</i> adalah kurang berbanding kaedah pembinaan dua menara secara berasingan serta tempoh pembinaan dapat dipendekkan.</p> <p><i>Maklum Balas KeTTHA yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dengan mengadakan sesi Pra VM Lab untuk semakan awal sebelum ke bengkel VM. Bagi tahun ini, pemilihan projek tertentu untuk pelaksanaan Value Engineering akan dibuat.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan VM tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya iaitu untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen serta kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Perkara ini berlaku kerana pihak SESB gagal memuktamadkan skop dan reka bentuk projek semasa peringkat awal yang akhirnya berlaku perubahan reka bentuk dalam pelaksanaan projek. Ia merupakan kerugian kepada proses VM kerana ia membincangkan skop dan reka bentuk yang tidak muktamad.</p>	
11.5.2.3.a	<p><b>Perunding Pengurusan Projek (<i>Project Management Consultant</i>) - Kelewatan Permohonan dan Kelulusan EOT PMC</b></p> <p>i. Artikel 3.1, Kontrak PMC menyatakan tempoh kontrak adalah selama 30 bulan bermula dari tarikh Notice to Proceed atau sehingga tempoh pelanjutan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Artikel 3.2 pula menjelaskan pelanjutan tempoh berkenaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak.</p> <p>ii. Berdasarkan jadual di atas, didapati berlaku kelewatan antara 237</p>	<p>Maklum balas SESB adalah sama seperti maklum balas yang telah dimajukan oleh SESB kepada Ketua Audit Negara melalui surat rujukan SESB/MP (KTL)/001/J17A/015 bertarikh 2 Mei 2017.</p> <p>Tambahan maklum balas oleh SESB yang telah dikemukakan kepada KeTTHA pada 14 Jun 2017</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>hingga 583 hari dalam meluluskan EOT untuk TNB Remaco. EOT Pertama hanya diluluskan pada 26 Januari 2015 sedangkan kontrak perkhidmatan TNB Remaco telah tamat pada 22 Jun 2013. Manakala EOT Kedua pula hanya diluluskan pada 24 Jun 2016 berbanding tarikh tamat EOT Pertama pada 31 Oktober 2015. Pihak Audit dimaklumkan bahawa, pelanjutan masa TNB Remaco lewat diluluskan kerana perlu menunggu pelanjutan masa kontraktor utama dimuktamadkan. Selain itu, pihak TNB Remaco juga didapati lewat mengemukakan permohonan EOT Kedua iaitu 114 hari selepas tarikh tamat EOT Pertama. Kelewatan dalam memberikan kelulusan EOT telah mengakibatkan implikasi undang-undang kepada kedua-dua pihak kerana pada masa itu kedua-dua pihak dilepaskan daripada segala obligasi kontrak di bawahnya (<i>contract at large</i>). Selain itu, ia juga boleh menjejaskan perancangan kewangan projek kerana EOT ini melibatkan tambahan kos berjumlah RM3.21 juta.</p>	<p>Sebagai langkah penambahbaikan, SESB telah membuat pemantauan yang lebih ketat bagi memastikan PMC yang dilantik di bawah RMK10-RP3, iaitu TNB REMACO untuk mematuhi sepenuhnya keperluan penyediaan laporan bulanan mengikut terma dan syarat kontrak.</p> <p>SESB juga akan mengeluarkan surat kepada TNB REMACO untuk membuat bayaran balik kepada SESB bagi kos penyediaan Laporan Kemajuan Bulanan yang gagal dihantar selari dengan terma dan syarat kontrak dan kaedah perundangan.</p>
<p><b>11.5.2.3.b</b></p>	<p><b>Laporan Kemajuan Bulanan Tidak Disediakan Sepenuhnya</b></p> <p>i. Semakan Audit mendapati TNB Remaco hanya mengemukakan kepada Audit Laporan Kemajuan Kerja Bulanan bagi bulan Disember 2010, Januari hingga Mac 2011, Oktober dan November 2011 serta November 2012 sahaja yang tidak selaras dengan Perenggan 5, Appendix A Kontrak PMC. Di samping itu, semakan Audit juga mendapati TNB Remaco hanya menyediakan Laporan Bulanan Izin Lalu dan Pengambilan Tanah sehingga 30 September 2015 sahaja walaupun perkhidmatan PMC telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2016. Semakan Audit selanjutnya mendapati SESB telah membayar penuh semua tuntutan yang dikemukakan oleh PMC.</p> <p>iii. Semakan Audit terhadap 63 (56.8%) sampel bayaran kepada TNB Remaco berjumlah RM7.34 juta (72.4%) mendapati pembayaran fi profesional PMC hanya berdasarkan tuntutan jam kerja sahaja dan tidak disokong dengan dokumen sokongan yang mengesahkan tahap atau kualiti pelaksanaan perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh PMC. Ini disebabkan tiada syarat berkenaan deliverables yang perlu dicapai oleh PMC sebelum bayaran dibuat.</p> <p><i>Maklum Balas SESB yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Sebagai penambahbaikan, kontrak perkhidmatan PMC bagi projek-projek</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>yang berikutnya (RMK10-RP3) telah mengguna pakai kaedah deliverable, di mana, tuntutan-tuntutan PMC akan dibayar berdasarkan kerja-kerja yang telah mereka laksanakan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan PMC yang dilaksanakan tidak dipantau sepenuhnya oleh SESB sebelum bayaran dibuat yang akhirnya boleh membawa kerugian kepada Kerajaan akibat pembayaran bagi perkhidmatan yang tidak disediakan. Namun begitu, kiraan anggaran kerugian tidak dapat ditentukan kerana bayaran PMC adalah berdasarkan jam kerja sahaja. Antara faktor penyebab adalah kerana tiada klausa khusus dalam perjanjian berkaitan deliverables sebelum bayaran diluluskan.</p>	
11.5.2.4.b	<p><b>Pelantikan Kontraktor Utama - Analisis Risiko Tidak Diambil Kira Sepenuhnya Dalam Proses Penilaian Tender</b></p> <p>Namun selepas proses rasionalisasi harga, Urus Setia Tender mengubah pendirian dan mengesyorkan kedua-dua Pakej A dan Pakej B dianugerahkan kepada HGPT dengan harga RM111.34 juta yang hanya mengambil kira faktor harga terendah secara agregat selepas mengambil kira keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tender Pengurusan pada 9 Mac 2012. Pada 3 April 2012, Lembaga Pengarah SESB telah meluluskan tender ini kepada HGPT dengan kos berjumlah RM111.34 juta dengan tempoh siap kedua-dua pakej selama 18 bulan secara reka dan bina. Pihak Audit dimaklumkan bahawa keputusan Lembaga Pengarah SESB tidak mempertimbangkan Pakej B kepada petender ketiga terendah adalah kerana SESB akan menanggung kos tambahan sebanyak RM14.6 juta. Selain itu, tidak ada jaminan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekiranya projek dianugerahkan kepada 2 kontraktor berlainan.</p> <p>Pada pendapat Audit, keputusan Lembaga Pengarah untuk menganugerahkan kedua-dua pakej tender kepada HGPT adalah tidak selari dengan keputusan awal yang ditetapkan iaitu untuk mengambil kira faktor risiko penyiapan projek. Kesannya, HGPT telah gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh kontrak dan projek lewat disiapkan antara 10 hingga 137 hari setelah mengambil kira 1 hingga 3 EOT yang diluluskan.</p>	<p>Maklum balas SESB adalah sama seperti maklum balas yang telah dimajukan oleh SESB kepada Ketua Audit Negara melalui surat rujukan SESB/MP (KTL)/001/J17A/015 bertarikh 2 Mei 2017.</p> <p>Tambahan maklum balas oleh SESB yang telah dikemukakan kepada KeTTHA pada 14 Jun 2017</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, analisa risiko yang lebih terperinci akan dibuat bagi projek-projek berikutnya sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah SESB sebagai pertimbangan untuk penganugerahan projek.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.5.a	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Pelanjutan Masa Kontraktor (<i>Extension Of Time - EOT</i>)</b></p> <p>Secara keseluruhan, lima daripada 11 pakej kerja pembinaan telah diluluskan EOT antara 137 hingga 511 hari. Bagi kerja Pakej A dan B, kerja lewat disiapkan antara 10 hingga 137 hari selepas mengambil kira kelulusan EOT. Sehubungan itu, kontraktor telah dikenakan <i>Delay Damages (DD) atau Liquidated and Ascertained Damages (LAD)</i> berjumlah RM7.27 juta. Manakala bagi kerja perlindungan cerun, tiga pakej telah lewat disiapkan antara 145 hingga 175 hari dan dikenakan DD/LAD berjumlah RM212,468.</p> <p>i. Kelewatan Permohonan dan Kelulusan Pelanjutan Masa (EOT) HGPT</p> <p>Klausa berkaitan permohonan dan kelulusan EOT ada dinyatakan dalam Perkara 20.1, <i>FIDIC Yellow Book</i>. Semakan Audit mendapati HGPT ada mengemukakan <i>Notice of Delay</i> kepada SESB untuk memaklumkan sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan projek lewat disiapkan. Semakan mendapati, daripada 6 permohonan EOT yang dikemukakan oleh HGPT, satu permohonan dikemukakan 107 hari selepas tarikh siap yang ditetapkan dalam kontrak. Semakan selanjutnya mendapati SESB mengambil masa antara 14 hingga 359 hari untuk meluluskan permohonan EOT.</p> <p>ii. Justifikasi Kelulusan EOT Secara <i>Global Settlement</i> Tidak Jelas</p> <p>Asas permohonan dan kelulusan EOT ada dinyatakan di Klausa 8.4 dan Klausa 8.5, <i>FIDIC Yellow Book</i> yang antaranya akibat perubahan cuaca dan bantahan penduduk. Semakan terhadap EOT No. 3 mendapati HGPT telah kemukakan permohonan pada 9 Disember 2013, namun semasa peringkat awal, PMC menyarankan kepada SESB agar tidak mempertimbangkan permohonan HGPT kerana justifikasi EOT tiada asas. Bagi melancarkan projek, <i>PMC's Steering Committee</i> telah ditubuhkan dengan ahli-ahlinya dilantik oleh Naib Presiden TNB bagi membantu PMC terutamanya berkaitan kelulusan EOT.</p> <p>Pada 23 Jun 2014, Jawatankuasa Teknikal Lembaga telah bersetuju untuk menerima cadangan <i>PMC's Steering Committee</i> iaitu mengesyorkan untuk memberi tarikh siap bagi EOT peringkat 3 pada 31 Julai 2015. Kelulusan EOT adalah secara <i>Global Settlement</i> di samping HGPT perlu membayar LAD sebanyak RM1.02 juta dan tiada EOT akan diberikan jika HGPT gagal menyiapkan kerja sebelum 31 Julai 2015. EOT secara <i>Global Settlement</i> juga membatalkan EOT 1 dan 2 sebelum ini dan EOT baru telah diluluskan untuk</p>	<p>Maklum balas SESB adalah sama seperti maklum balas yang telah dimajukan oleh SESB kepada Ketua Audit Negara melalui surat rujukan SESB/MP (KTL)/001/J17A/015 bertarikh 2 Mei 2017.</p> <p>Tambahan maklum balas oleh SESB yang telah dikemukakan kepada KeTTHA pada 14 Jun 2017</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, bagi projek-projek berikutnya, SESB akan meminta pihak kontraktor untuk mengemukakan permohonan EOT lebih awal bagi membolehkan sebarang pertikaian terhadap kuantum EOT dapat diselesaikan sebelum tarikh tamat kontrak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>peringkat 1 dan 2. Pada 7 Julai 2014, Lembaga Pengarah SESB telah meluluskan syor Jawatankuasa Teknikal Lembaga.</p> <p>Walaupun kelulusan EOT secara Global Settlement dibuat dengan syarat tiada lagi EOT akan diluluskan, namun pada 24 Jun 2016, Lembaga Pengarah SESB telah meluluskan EOT kedua selama 107 hari sehingga 15 November 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan EOT adalah kurang memuaskan akibat daripada kelewatan ketara untuk memberi kelulusan EOT yang akhirnya memberi kesan terhadap perundangan (<i>contract at large</i>). Selain itu, EOT secara Global Settlement juga tidak menyatakan dengan jelas mengenai asas atau sebab EOT diluluskan. Berdasarkan anggaran Audit, jumlah LAD yang boleh dikenakan kepada HGPT sekiranya EOT secara Global Settlement tidak diambil kira adalah berjumlah RM13.90 juta (maksimum 15% daripada harga kontrak) berbanding RM7.27 juta yang telah dikenakan.</p>	
11.5.2.6.a.ii	<p><b>Kualiti Pembinaan - Pelaksanaan Kerja Perlindungan Cerun Kurang Memuaskan</b></p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati SESB kemudiannya telah membuat permohonan pesanan kecemasan (<i>Request For Consent</i> - RFC Kecemasan) kerja perlindungan cerun berjumlah RM5.13 juta untuk peringkat 2 dan RM16.70 juta peringkat 3 selepas HGPT menyatakan kerja berkenaan tidak termasuk dalam harga kontrak asal. Pihak SESB juga menjelaskan bahawa dokumen tender yang disediakan oleh TNB Remaco selaku PMC projek ini hanya memasukkan perlindungan cerun jenis close turfing dan earth drain. Disebabkan kedudukan beberapa menara yang berada di lereng-lereng cerun, maka perlindungan cerun yang lebih kekal diperlukan untuk memastikan keselamatan menara-menara ini.</p>	<p>Maklum balas SESB adalah sama seperti maklum balas yang telah dimajukan oleh SESB kepada Ketua Audit Negara melalui surat rujukan SESB/MP (KTL)/001/J17A/015 bertarikh 2 Mei 2017.</p> <p>Tambahan maklum balas oleh SESB yang telah dikemukakan kepada KeTTHA pada 14 Jun 2017</p> <p>SESB sedang meneliti terma dan syarat kontrak bagi membolehkan tindakan lanjut diambil ke atas PMC.</p>
11.5.2.6.a.iii	<p>Kesan daripada perkara ini telah berlaku tambahan kos projek sebanyak RM21.83 juta (tidak termasuk GST) bagi kerja perlindungan cerun yang sepatutnya kerja tersebut dilaksanakan oleh kontraktor utama iaitu HGPT berdasarkan kontrak asal dan ulasan PMC.</p> <p><i>Maklum Balas SESB yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Sebagai penambahbaikan, SESB telah memasukkan peruntukan Provisional Item kos pembinaan cerun yang berkenaan di dalam projek-projek talian</i></p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>penghantaran di bawah (RMK10-RP3).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, HGPT sebagai kontraktor yang dilantik secara reka dan bina sewajarnya menyediakan skop dan reka bentuk yang paling sesuai selepas mengambil kira rupa bentuk muka bumi di mana menara akan dibina. Pihak SESB sewajarnya mengambil tindakan yang tegas terhadap HGPT yang telah menyebabkan SESB menanggung kos tambahan berjumlah RM21.83 juta.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KESIHATAN / JABATAN KERJA RAYA**

**Perenggan 12 : Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Pentadbiran Kontrak - Kegagalan Perunding Melaksanakan Perannya</b></p> <p>i. JUB telah dilantik oleh JKR sebagai perunding pada 10 Jun 2010 bagi bidang Ukur Bahan. Bagaimanapun, perunding tidak menunjukkan prestasi dan komitmen yang memuaskan dalam memberi khidmat kepakaran menyebabkan notis peringatan pertama dikeluarkan oleh HOPT pada 29 April 2011. HODT Ukur Bahan seterusnya pada 15 Julai 2011 telah memohon pandangan daripada Urus Setia Perunding Cawangan Kerja Ukur Bahan (CKUB) berkenaan pertukaran perkhidmatan perunding memandangkan prestasi semasa perunding ini yang tidak memuaskan, namun tiada keputusan dibuat berhubung perkara tersebut.</p> <p>ii. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 14 surat peringatan dan teguran telah dikeluarkan kepada perunding JUB oleh bahagian/cawangan JKR yang terlibat serta perunding FAU selaku perunding utama sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013 berhubung tahap prestasi perunding JUB yang tidak memuaskan. Antara perkara yang disebutkan dalam surat berkenaan adalah mengenai kegagalan perunding JUB menyediakan <i>Preliminary Detailed Abstract</i> (PDA), kelewatan menyerahkan dokumen tender yang lengkap dan kesilapan dalam menyediakan senarai kuantiti (BQ).</p> <p>iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap 6 laporan penilaian prestasi perunding JUB yang disediakan oleh HODT Ukur Bahan dalam tahun 2010, 2012 dan 2013 mendapati markah prestasi yang diperolehi perunding adalah antara 31.7% hingga 52.4% dan dilaporkan sebagai tidak memuaskan oleh HODT Ukur Bahan. HODT Ukur Bahan hanya mengemukakan permohonan untuk menamatkan perkhidmatan perunding JUB kepada Urus Setia Perunding CKUB melalui HOPT pada 26 April 2013 dan hanya disokong oleh HOPT</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 03/05/2017:</p> <p>JKR telah mengadakan mesyuarat bagi memberi teguran kepada JUB Teguh seawal 27 Mei 2011.</p> <p>Terdapat empat (4) surat amaran berkaitan prestasi telah dikeluarkan kepada JUB Teguh. Surat amaran terakhir sebelum projek ditender menunjukkan JUB Teguh sedang menyediakan Dokumen Tender. JUB akhirnya telah menyediakan Dokumen Tender dan dijual pada bulan November 2012 sebagaimana jadual pelaksanaan projek.</p> <p>JKR tidak menamatkan perkhidmatan JUB pada masa itu disebabkan akan mengambil masa yang lama untuk pelantikan perunding yang baru yang akan menjejaskan pelaksanaan projek ini. Selain itu, KKM melalui surat bertarikh 2 Ogos 2011 telah meminta JKR supaya melaksanakan projek ini mengikut perancangan yang telah ditetapkan (Rujuk Lampiran 1).</p> <p>Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada perunding bertarikh 12 Feb 2013. Pada 15 April 2013, Surat Tunjuk Sebab sekali lagi dikeluarkan kepada Perunding dan telah disalinkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan Urusetia Pelantikan Perunding. Mesyuarat Penamatan Perunding juga telah diadakan pada 5 Jun 2013. Perkhidmatan Perunding akhirnya ditamatkan pada 5 Sept 2013 kerana kegagalan Perunding JUB Teguh memperbaharui pendaftaran dengan Lembaga Juruukur Bahan di bawah Seksyen 16 Akta Juruukur Bahan 1967. Sehubungan itu LJBM telah membatalkan pendaftaran JUB Teguh Sdn Bhd di bawah Seksyen 15(1)(g) Akta Juruukur Bahan 1967.</p> <p>JKR telah membayar yuran perunding mengikut nilai kerja yang dibuat dengan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pada 30 Ogos 2013. Notis Penamatan Khidmat Perunding ini seterusnya hanya dikeluarkan pada 5 September 2013 oleh CKUB kerana kegagalan perunding JUB memperbaharui lesen pendaftaran perunding dengan Lembaga Juruukur Bahan dan bukan kerana prestasi perunding yang tidak memuaskan. JKR memaklumkan penamatan perunding tidak dibuat berdasarkan prestasi yang tidak memuaskan kerana peruntukan tersebut tidak dinyatakan secara khusus di dalam MOA. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap MOA di antara perunding JUB dengan JKR mendapati penamatan perkhidmatan perunding boleh dibuat berdasarkan Klausula 2 MOA yang menyatakan pihak Kerajaan tanpa apa-apa alasan boleh memberi notis 30 hari untuk menamatkan perkhidmatan perunding. Semakan Audit seterusnya juga mendapati sehingga tarikh Notis Penamatan Khidmat Perunding dikeluarkan kepada perunding JUB, sejumlah RM909,382 (58.8%) telah dibayar kepada perunding tersebut daripada RM1.55 juta kos perkhidmatan yang boleh diterima.</p> <p>Pada pendapat Audit, perunding JUB yang dilantik gagal melaksanakan peranannya. JKR pula kurang berkesan dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk menyelia dan mengambil tindakan segera menamatkan perkhidmatan perunding JUB walaupun prestasi perkhidmatan perunding ini tidak memuaskan dan telah dikesan sejak tahun 2010. Seterusnya, Kerajaan tidak mendapat <i>value for money</i> bagi sejumlah kos perkhidmatan yang telah dibayar kepada perunding JUB.</p>	<p>membaca bersama Borang BQSM/JKR FORM C (REVISED 1/83) <i>Scale of Fees</i> (Revised 2004) dan Akta Juruukur Bahan 1967 dan bayaran yuran yang dibuat adalah setimpal dengan perkhidmatan yang diberi.</p> <p>Pembayaran yuran bagi JUB adalah berdasarkan harga kontrak bernilai RM128 juta dan tidak mengambilkira nilai Perubahan Kerja dan pengukuran semula berjumlah RM18.29 juta. Sekiranya JUB tidak melakukan kesilapan dan peninggalan kuantiti, maka harga kontrak akan berjumlah RM146.29 juta, dan JUB akan layak dibayar yuran tambahan berjumlah RM196,160.25 berbanding jumlah yang dibayar berdasarkan harga kontrak RM128 juta. Perkiraan seperti di Lampiran 2.</p> <p>Oleh yang demikian, tidak timbul isu Kerajaan tidak mendapat '<i>value for money</i>', malahan Kerajaan telah mendapat manfaat seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kerajaan telah menggunakan anggaran PDA bagi memohon peruntukan projek;</li> <li>ii. Dokumen tender yang disediakan telah digunakan untuk pelawaan tender terhad dan rundingan harga;</li> <li>iii. Dokumen tender ini juga telah menjadi asas kepada dokumen kontrak antara Kerajaan dan Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. iaitu kontraktor yang melaksanakan projek ini;</li> <li>iv. Penamatan JUB dilaksanakan pada 5 September 2013. Walaupun terdapat rekod yang menunjukkan JUB memberi perkhidmatan dalam tahun 2013 sebelum penamatan dibuat, selaras dengan Akta Juruukur bahan 1967, bayaran yuran hanya dibuat bagi perkhidmatan semasa pendaftaran perunding masih berkuatkuasa iaitu sehingga 31 Disember 2012. Bagi Fasa 2, perkhidmatan yang dibayar yuran adalah bagi penyediaan Anggaran Awalan (PDA) dan Penyediaan Senarai kuantiti &amp; dokumen tender sahaja.</li> </ol> <p>Sebelum tahun 2014 perjanjian yang digunakan melibatkan perunding adalah ringkas tanpa sebarang piawaian khusus yang diperuntukkan. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi JKR untuk mengambil sebarang tindakan perundangan berlandaskan dokumen perjanjian terhadap perunding yang bermasalah. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2014, Kementerian Kewangan telah memperkenalkan 1PP PK3.3 (Pentadbiran Kontrak dan Format Perjanjian Piawai Perunding) bagi memantap dan menambahbaik format perjanjian sedia ada</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		yang melibatkan perunding. Oleh yang demikian, ianya memudahkan pihak JKR untuk menguruskan dan mentadbir segala hal berkaitan perunding dengan lebih berkesan.
12.5.2.1.b.i	<p><b>Perubahan Kerja dan Pengukuran Semula Projek Fasa 2</b></p> <p>KKM telah meluluskan ATDA projek fasa 2 berjumlah RM150.11 juta pada 23 Julai 2013. Bagaimanapun, pada 10 November 2016, JKR telah mengemukakan permohonan pindaan terhadap ATDA tersebut melibatkan pertambahan kos berjumlah RM18.29 juta iaitu bagi 36 perubahan kerja berjumlah RM16.23 juta, 5 pengukuran semula berjumlah RM1.01 juta dan perkhidmatan perunding berjumlah RM1.05 juta. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2016, sebanyak 18 perubahan kerja bernilai RM4.57 juta dan 2 pengukuran semula bernilai RM103,385 telah selesai dilaksanakan oleh kontraktor. Perubahan kerja dan pengukuran semula ini perlu dilaksanakan supaya kerja pembinaan yang lain tidak tertangguh dan pencapaian fizikal projek selari dengan jadual pelaksanaan. Bagaimanapun, kontraktor belum dibayar terhadap kerja yang telah dilaksanakan kerana ATDA (pindaan) berjumlah RM168.40 juta belum diluluskan oleh KKM. Ini kerana permohonan perubahan kerja dan pengukuran semula oleh JKR berjumlah RM18.29 juta belum diluluskan sehingga kini.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan membuat bayaran kepada kontraktor terhadap kerja yang telah dilaksanakan akan menjejaskan keupayaan kewangan kontraktor.</p>	
12.5.2.1.b.ii	Semakan Audit mendapati permohonan perubahan kerja dan pengukuran semula oleh kontraktor perlu dilakukan kerana BQ yang disediakan oleh perunding ukur bahan iaitu perunding JUB tidak mengikut lukisan yang dikemukakan oleh HODT Ukur Bahan antara 30 Mei 2012 hingga 14 Ogos 2012 (Jadual 12.5) sebaliknya BQ tersebut disediakan mengikut lukisan <i>Pre-Tender/Taking Off Drawing</i> pada bulan November 2011. Ini menyebabkan banyak item, komponen dan bahan bangunan tidak diambilkira dalam BQ yang disediakan oleh perunding JUB.	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 03/05/2017:</p> <p>Semakan ke atas dokumen tender yang disediakan perunding adalah bagi menentukan kecukupan kandungan dokumen dan bukan bagi memastikan ketepatan kuantiti yang dikira. Ini kerana perunding bertanggungjawab menggunakan “<i>reasonable skill, care and diligence in the discharge of his professional services</i>” sebagaimana ditetapkan di dalam MOA Fasal 5 – <i>Obligation of the Consulting QS</i>.</p> <p>Tiada klausa di dalam MOA untuk JUB Teguh mengambil <i>Professional Indemnity Insurance</i>. Sebagai langkah proaktif, HODT Ukur Bahan telah meminta JUB Teguh memberi Deklarasi Dokumen Tawaran bertarikh 29 Nov 2012 yang menyatakan “Saya/Kami mengesahkan dan memperakukan bahawa Dokumen Tawaran telah disemak dengan teliti mengikut amalan professional yang mantap. Saya telah mengambil tanggungjawab penuh ke atas dokumen tawaran yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dikemukakan adalah berdasarkan semua akta, garis panduan, undang-undang kecil, brief, terma rujukan, dan syarat-syarat kontrak yang diluluskan oleh Kerajaan”.</p> <p>Deklarasi ini telah ditandatangani oleh Pengarah Syarikat / Juruukur Bahan Berdaftar yang juga telah menandatangani perjanjian kontrak MOA bagi projek ini. Percanggahan kuantiti hanya dapat ditentukan tanpa keraguan apabila projek dilaksanakan di tapak bina.</p> <p>Pelantikan juruperunding adalah bagi membantu mempercepatkan proses perolehan melalui penyediaan dokumen tender, senarai kuantiti dan lain-lain perkhidmatan. Sekiranya pihak JKR perlu menyemak kecukupan kuantiti, maka perkara tersebut akan melibatkan masa yang panjang dan pertindihan penggunaan sumber dan seterusnya menewaskan tujuan perunding dilantik.</p>
12.5.2.1.b.iii	<p>Berdasarkan justifikasi permohonan pindaan ATDA, pihak Audit juga mendapati perubahan kerja dan pengukuran semula oleh kontraktor perlu dilakukan kerana terdapat kelemahan dalam koordinasi dan kolaborasi di antara semua HODT serta perunding dalam mengenalpasti keperluan reka bentuk di peringkat awal. Penyeliaan yang kurang berkesan oleh HOPT turut menyebabkan berlaku pertambahan dan percanggahan dalam lukisan tender serta BQ. Selain itu, pihak Audit juga mendapati perunding sivil dan struktur telah gagal mereka bentuk mengikut kehendak komponen-komponen IBS seperti penggunaan saiz <i>starter bar</i> yang tidak sesuai dan pemilihan kaedah pembinaan komponen konkrit.</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 03/05/2017:</p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pendapat audit mengenai penyeliaan kerja-kerja perunding yang kurang berkesan kerana berdasarkan MoA, perunding berperanan sebagai pihak yang bertanggungjawab merekabentuk dan membuat verifikasi ke atas segala kerja-kerja yang dilaksanakan berdasarkan kepakaran profesional mereka. Pihak JKR sepatutnya hanya bertindak sebagai pentadbir kontrak dan autoriti bagi projek ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi kes ini, JKR mendapati pihak perunding tidak melaksanakan peranan yang berkesan sehingga mengakibatkan berlakunya kesilapan ke atas kerja-kerja rekabentuk. JKR selaku pentadbir kontrak telah memainkan peranan dengan mengambil tindakan <i>corrective</i> bagi menyelesaikan perkara ini melalui mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan perubahan kerja (<i>Variation Order (VO)</i>) terpaksa dilaksanakan.</p> <p>Sebagai tambahan, mesyuarat tapak dan mesyuarat teknikal secara berkala juga dilaksanakan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan projek ini.</p>
12.5.2.1.b.iv	<p>Berdasarkan surat daripada HODT Arkitek kepada perunding FAU pada 14 Mac 2012 juga menunjukkan perunding FAU gagal memainkan peranan sebagai perunding utama yang bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan semua lukisan tender dan BQ yang disediakan mengikut setiap bidang adalah betul dan lengkap.</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 03/05/2017:</p> <p>HODT Arkitek telah memastikan mesyuarat dan perbincangan antara perunding di mana FAU Arkitek merupakan <i>Lead Consultant</i> sebagaimana yang disyaratkan di dalam MoA (Memorandum Perjanjian Perunding). HODT Arkitek juga telah mengeluarkan surat peringatan, amaran dan teguran kepada FAU Arkitek yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>menekankan tentang prestasi perunding yang tidak memuaskan.</p> <p>Perunding telah mengemukakan surat pengesahan telah mematuhi semua keperluan kontrak serta mengikut semua perbincangan yang telah diadakan.</p>
<p><b>12.5.2.1.b.v</b></p>	<p>Pemuktamadan dan <i>sign-off room data</i> bagi memastikan reka bentuk/susun atur memenuhi keperluan fungsi dan operasi Kompleks Obstetrik HTAR tidak dibuat selepas sesi <i>room data interaction</i> (RDI) bersama pelanggan yang diadakan pada tahun 2010. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Pemuktamadan Dan <i>Sign Off Room Data</i> pada 13, 14 dan 16 Jun 2016 menunjukkan bahawa sesi RDI telah dilaksanakan sekali lagi menyebabkan berlaku pertambahan input/keperluan baru daripada KKM/HTAR yang bercanggah dengan lukisan tender.</p> <p><i>Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 4 Mei 2017</i></p> <p><i>RDI akan dijadikan sebagai satu proses wajib yang mana KKM perlu memuktamadkan output RDI bersama JKR (sign off) sebelum maklumat tersebut dijadikan input oleh JKR dalam menentukan keperluan projek selanjutnya. Bahagian Pembangunan KKM juga sedang menambah baik mekanisme bagi menangani sebarang perubahan yang dipohon oleh pelanggan sebelum dan selepas RDI dimuktamadkan bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan projek yang lebih berkesan dan teratur.</i></p> <p><i>Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 4 Mei 2017</i></p> <p><i>i. Pegawai Penguasa mempunyai kuasa sebagaimana yang dibenarkan dalam kontrak untuk menentukan sama ada perunding bertanggungjawab ke atas kegagalan atau perubahan ke atas rekabentuk struktur IBS yang disebabkan oleh pihak perunding dan mengakibatkan pertambahan kos kontrak. Pertambahan kos kontrak yang terbit daripada kegagalan atau perubahan rekabentuk ini akan dituntut daripada pihak perunding berdasarkan kepada Klausula 7.4(b) CE's obligation on design of the Works dalam Memorandum of Agreement (MoA) between The Government of Malaysia &amp; KL Prima Consult Sdn. Bhd.</i></p> <p><i>ii. HODT Arkitek telah mengambil inisiatif mengeluarkan dan menggunakan Checklist Deliverables (senarai semak kecukupan dokumen) perunding</i></p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 03/05/2017:</p> <p>Interaksi data ruang atau <i>Room Data</i> merupakan proses bagi membantu kerja rekabentuk yang diadakan untuk projek-projek kesihatan yang kompleks diantara KKM, JKR dan perunding. Interaksi data ruang tidak disenaraikan sebagai keperluan di dalam dokumen Sistem Pengurusan Bersepadu JKR. Ini merujuk kepada carta alir kerja pada fasa rekabentuk Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR bagi projek yang dijalankan secara konvensional (Rujuk Lampiran 3)</p> <p>Dokumen data ruang bukan sebahagian daripada dokumen kontrak dan juga bukan dokumen yang akan digunakan oleh pihak kontraktor untuk dijadikan rujukan pembinaan. Dokumen data ruang hanya digunakan semasa pembinaan sebagai senarai semakan oleh KKM, JKR dan juga perunding. Ia juga digunakan untuk pemeriksaan <i>mock-up room</i> dan untuk <i>testing and commissioning</i>. Dokumen data ruang ini boleh disiapkan sebelum atau selepas tender.</p> <p>Sesi <i>Room Data Interaction</i> (RDI) ini telah berjalan sebelum projek ini ditender pada 2010 dan selepas itu fokus diberikan untuk penyiapan lukisan tender dan lukisan pembinaan bagi mematuhi jadual dan penyerahan projek kepada kontraktor. Ianya telah disambung semula oleh Pasukan Projek Kerja Bangunan (PPKB) bagi tujuan memuktamad dan <i>signing off</i>. Perubahan yang berlaku adalah keutamaan (<i>preference</i>) KKM berdasarkan keadaan semasa projek walaupun menyedari akan ada pertambahan kos dan perubahan kerja di tapak kerana kerja pembinaan telah pun berjalan.</p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pendapat audit mengenai penyeliaan kerja-kerja perunding yang kurang berkesan kerana berdasarkan MoA, perunding berperanan sebagai pihak yang bertanggungjawab merekabentuk dan membuat verifikasi ke atas segala kerja-kerja yang dilaksanakan berdasarkan kepakaran profesional mereka. Pihak JKR sepatutnya hanya bertindak sebagai pentadbir kontrak dan autoriti bagi projek ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, bagi kes ini, JKR mendapati pihak perunding tidak melaksanakan peranan yang berkesan sehingga mengakibatkan berlakunya kesilapan ke atas kerja-kerja rekabentuk. JKR selaku pentadbir kontrak telah memainkan peranan dengan mengambil tindakan <i>corrective</i> bagi menyelesaikan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>bagi setiap fasa pelaksanaan projek sehingga siap pembinaan.</i></p> <p>iii. <i>Menggabungkan kepakaran teknikal (Joint Venture) perunding yang tidak berpengalaman dengan yang berpengalaman dalam pembinaan fasiliti kesihatan terutamanya Hospital.</i></p> <p>v. <i>Bagi pembinaan projek hospital yang kompleks pada masa akan datang, penggunaan Building Information Modelling (BIM) telah disyaratkan oleh JKR untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah percanggahan dan perubahan lukisan pembinaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, koordinasi dan kolaborasi di antara KKM, JKR dan perunding adalah tidak memuaskan. Selain itu, JKR juga kurang berkesan dalam menyelia kerja-kerja perunding.</p>	<p>perkara ini melalui mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan perubahan kerja (<i>Variation Order (VO)</i>) terpaksa dilaksanakan.</p> <p>Sebagai tambahan, mesyuarat tapak dan mesyuarat teknikal secara berkala juga dilaksanakan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan projek ini.</p>
12.5.3.3.	<p><b>Kerja Pembinaan</b></p> <p>22 (62.9%) daripada 35 Laporan Ketidakpatuhan (NCR) ditutup melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara 3 hingga 254 hari. Antara punca kelewatan penutupan NCR adalah kerana kelewatan kontraktor membuat tempahan aksesori bagi <i>reducer</i> dan <i>bending</i> yang digunakan pada <i>trunking</i> menyebabkan penghantaran tempahan lewat sampai ke tapak.</p> <p><i>Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 4 Mei 2017</i></p> <p>i. <i>JKR akan memastikan kontraktor yang disenarai/dilantik adalah berpengalaman dan berdaftar dengan pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori pengkhususan B29 seperti mana surat kepada MoF berkaitan cadangan penambahbaikan pemilihan petender bagi tender terhad fasiliti kesihatan dan cadangan kriteria pra kelayakan tender terbuka kontraktor untuk pelaksanaan projek pembinaan Hospital Kerajaan bertarikh 29 Mac 2017.</i></p> <p>ii. <i>JKR dan perunding akan melaksanakan pemantauan berkala secara mingguan ke atas kontraktor bagi memastikan isu berkenaan kelewatan penutupan NCR tidak akan berulang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, berdasarkan pencapaian fizikal 62%, kerja pembinaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Laporan Ketidakpatuhan tidak diambil tindakan segera oleh kontraktor.</p>	<p>Laporan Ketidakpatuhan Produk (NCP) yang dilaporkan di dalam Mesyuarat Tapak yang diadakan pada setiap bulan adalah merupakan satu mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh JKR. Pihak kontraktor sentiasa diingatkan untuk mematuhi tempoh yang telah ditetapkan di dalam Borang NCP yang dikeluarkan dalam penutupan NCR tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.4.2.	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal diadakan secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali di antara wakil KKM, JKR, kontraktor, perunding dan HTAR bagi membincangkan status projek, laporan dan bayaran kemajuan kerja serta masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 39 mesyuarat telah diadakan dan analisis Audit mendapati kadar kehadiran wakil KKM adalah rendah iaitu 8 (20.5%) daripada jumlah Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal yang diadakan. Pada pendapat Audit, kadar kehadiran wakil KKM ke Mesyuarat Tapak Dan Koordinasi Teknikal adalah kurang memuaskan yang memberi kesan kepada kelemahan perancangan projek dan pelaksanaan kerja pembinaan.</p> <p><i>Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 27 Mac 2017</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="331 730 1171 866">i. <i>Penstrukturan semula skop kerja dan pelaksanaan tugas telah dilaksanakan bermula bulan Jun 2016 dengan pengwujudkan 5 unit pemantauan projek bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan KKM berdasarkan zon (utara/timur/selatan/tengah).</i></li> <li data-bbox="331 898 1171 1121">ii. <i>Strategi pemantauan pelaksanaan projek pembangunan KKM dibuat berpandukan kepada kemajuan fizikal di tapak, EOT dan kemajuan kewangan projek yang menjadi teras penentuan 'level of criticality' sesuatu projek. Melalui kaedah ini, pemantauan yang lebih fokus dapat dilaksanakan terhadap projek-projek yang mengalami kelewatan kemajuan fizikal melebihi 10%, tempoh EOT yang diberi satu tahun atau lebih dan penurunan kemajuan kewangan projek di bawah 75% berbanding unjuran.</i></li> </ul>	



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KESIHATAN / JABATAN KERJA RAYA**

**Perenggan 13 : Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>13.5.1.1.c</b>	<p><b>Prestasi Pembinaan - Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati setelah tapak projek dan lukisan pembinaan diserahkan kepada kontraktor pada 10 Julai 2012, masih terdapat banyak pindaan terhadap lukisan pembinaan tersebut berdasarkan kepada surat menyurat dan minit-minit mesyuarat seperti Jadual 13.3. Kelemahan perunding untuk menyelaraskan dan memuktamadkan lukisan pembinaan di antara semua disiplin menyebabkan berlaku banyak perubahan dan percanggahan dalam lukisan pembinaan, yang turut menjadi punca kepada kelewatan pelaksanaan dan pencapaian projek. Lanjutan masa melalui kelulusan EOT 1 dan 3 masing-masing selama 158 hari dan 123 hari terpaksa diberikan kepada kontraktor kerana kelemahan tersebut oleh perunding. JKR pula gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan untuk meverifikasi dan mengesah lengkap dan tiada percanggahan sesuatu lukisan pembinaan serta gagal menyelia dan mengambil tindakan segera terhadap perunding.</p>	<p>Kesemua lukisan yang digunapakai semasa tender telah diverifikasikan oleh semua perunding dan semakan telah dibuat bersama pihak HODT, JKR. Perunding yang dilantik merupakan syarikat perunding yang dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan projek ini mengikut skop dan tugas yang telah dipersetujui di dalam Memorandum of Agreement (MOA). Sebagai Perunding yang dilantik untuk melaksanakan projek adalah menjadi tanggungjawab ke atas pihak perunding untuk memastikan kesemua lukisan telah dikordinasikan dengan baik.</p> <p>Bagi tender semula projek ini, pihak JKR telah mengadakan mesyuarat bersama pihak Perunding untuk penyediaan lukisan tender. Bengkel semakan lukisan juga telah diadakan di tapak projek bersama semua perunding.</p> <p>Lampiran 13.5.1.1.(C) Kronologi Verifikasi Rekabentuk</p>
<b>13.5.1.1.d</b>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati NUTP pertama telah dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor pada 27 November 2014 berdasarkan kemajuan kerja tidak memuaskan dan setelah 6 kali surat amaran/peringatan diberikan. NUTP ke 2 pula dikeluarkan pada 29 Julai 2015, juga setelah 6 kali surat amaran/peringatan diberikan. Bagaimanapun, MJPSB telah membuat rayuan kepada JKR Negeri supaya tidak melaksanakan NUTP pertama dan ke 2 masing-masing pada 24 Disember 2014 dan 24 Ogos 2015 serta berjanji untuk menambah baik pengurusan di tapak pembinaan dan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Pada 9 September 2015, JKR Negeri telah mengemukakan pengesyoran Notis Penamatan Kontrak kepada Ibu Pejabat JKR apabila mendapati pengurusan dan kemajuan kerja kontraktor di tapak pembinaan tidak berubah. Pada 10 September 2015, satu perbincangan berkaitan perkara tersebut telah diadakan antara Menteri Kerja Raya, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Pasukan Projek Hospital Bera dan</p>	<p>Perkhidmatan Kontraktor telah ditamatkan pada 8 Disember 2016</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>MJPSB di Kementerian Kerja Raya. Hasil daripada perbincangan tersebut mendapati MJPSB bersetuju untuk mendapatkan khidmat kontraktor lain bagi membantunya menyiapkan projek. Pada 25 September 2015, MJPSB telah mengemukakan cadangan kepada JKR Negeri untuk mendapatkan khidmat kontraktor Anjung Perkasa Sdn. Bhd. (APSB) dan JKR Negeri melalui maklum balas kepada MJPSB pada 5 Oktober 2015 telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Pada 1 November 2015, APSB bersetuju untuk menyiapkan projek termasuk pengujian dan pentauliahan peralatan sehingga 29 November 2016. Bagaimanapun, berdasarkan Laporan Kemajuan Projek bagi bulan Mei 2016 menunjukkan pencapaian fizikal projek pakej 2 adalah 57% berbanding 62% yang dijadualkan. Berdasarkan kemajuan kerja tersebut dan peratusan kerja siap mengikut unjuran yang ditetapkan bagi tempoh tersebut, adalah diragui kontraktor dapat menyiapkan kerja dalam tempoh 6 bulan seperti yang dijanjikan pada 29 November 2016.</p>	
13.5.1.1.e	<p>Seterusnya, 8 lagi surat amaran/peringatan telah diberikan termasuk Surat Amaran Kelewatan Kerja Di Tapak pada 10 Ogos 2016 dan Surat Tiada Aktiviti Kerja Serta Kemudahan Asas Di Tapak pada 5 Oktober 2016. Pada 17 Oktober 2016, NUTP ke 3 telah dikeluarkan oleh JKR Negeri dan Perakuan Tidak Siap Kerja pula dikeluarkan pada 28 November 2016. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akhirnya telah dikeluarkan pada 8 Disember 2016 dengan peratus pencapaian fizikal projek kekal pada 57%.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor yang dilantik tidak berupaya melaksanakan projek walaupun setelah diluluskan tempoh lanjutan masa selama 690 hari (23 bulan). Kontraktor juga telah dikeluarkan 20 amaran/peringatan berserta 3 NUTP menyebabkan objektif pembinaan Hospital Bera tidak tercapai.</p>	Perkhidmatan Kontraktor telah ditamatkan pada 8 Disember 2016
13.5.1.2.a	<p><b>Pencapaian Kewangan Projek</b></p> <p>Kos kontrak asal pembinaan hospital berjumlah RM88 juta. Semakan Audit mendapati setakat bulan Mei 2016, sebanyak 11 pelarasan harga kontrak (PHK) telah diluluskan melibatkan pengurangan berjumlah RM1.58 juta. Setelah mengambil kira PHK, kos kontrak yang diselaraskan berjumlah RM86.42 juta. Ketika penamatan kontrak pada bulan Disember 2016 dengan pencapaian fizikal projek sebanyak 57%, sejumlah RM47.19 juta (54.6%) telah dibelanjakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.2.b	Kaedah pelaksanaan projek pakej 2 ini dilaksanakan secara konvensional dengan pelantikan perunding Arkitek, Sivill dan Struktur, Elektrik serta Ukur Bahan. Kos asal perkhidmatan perunding berjumlah RM10.67 juta. Bagaimanapun, lanjutan masa melalui kelulusan EOT kepada kontraktor untuk menyiapkan projek menyebabkan kos perkhidmatan perunding meningkat kepada RM13.08 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.41 juta (22.6%). Sehingga 13 Jun 2016, sejumlah RM1.28 juta dan RM1.13 juta telah dipohon melalui tuntutan <i>As Tendered Detailed Abstract</i> (ATDA).	
13.5.1.3.b	<p><b>Outcome Projek Tidak Tercapai</b></p> <p>Kegagalan menyiapkan Hospital Bera yang telah berlanjutan selama 2 tahun daripada tarikh siap asal menyebabkan <i>outcome</i> projek pembinaan Hospital Bera untuk memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Daerah Bera tidak tercapai.</p>	
13.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Pemilihan Kontraktor Yang Dilantik Oleh MoF Tidak Layak</b></p> <p>Mengikut Garis Panduan Penilaian Tender, bagi sesuatu tender terbuka yang dilaksanakan secara pra-kelayakan, agensi hendaklah terlebih dahulu mengiklan tender dengan menjemput kontraktor yang berkelayakan untuk memasuki tender pra-kelayakan tersebut. Bagi tender bernilai melebihi RM50 juta, lembaga perolehan agensi hendaklah mengemukakan perakuan kepada MoF untuk dimuktamadkan. MoF akan mengeluarkan surat keputusan kepada agensi setelah keputusan muktamad dibuat.</p>	<p><u>Maklum balas KKR</u></p> <p>JKR telah mengemukakan semula ATDA No. pindaan 4 sebagaimana surat pada 5hb Mei 2017 dan 29hb Mei 2017 kepada Bahagian Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia.</p> <p>Lampiran 13.5.2.1. (H)</p>
13.5.2.1.b	<p>Pada 23 Jun 2010, JKR telah mengemukakan permohonan kepada MoF mengenai cadangan perolehan projek pembinaan Hospital Bera, Pahang untuk dilaksanakan secara tender terbuka pra-kelayakan. Namun MoF melalui suratnya kepada JKR pada 29 September 2010, tidak meluluskan permohonan tersebut walaupun berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan Bilangan 8/2010 bertarikh 16 Ogos 2010 telah bersetuju meluluskan permohonan JKR untuk melaksanakan perolehan projek tersebut secara tender terbuka pra-kelayakan. MoF selanjutnya telah memutuskan supaya perolehan projek dilaksanakan secara tender terhad di kalangan 7 syarikat yang telah disenaraikan olehnya tertakluk kepada syarat syarikat-syarikat tersebut berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta lulus penilaian teknikal dan kewangan seperti yang ditetapkan dalam pekeliling perbendaharaan.</p>	<p>i. Surat kelulusan ATDA Pindaan No. 4 pada 5hb Mei 2017</p> <p>ii. Surat kelulusan ATDA Pindaan No. 4 pada 29hb Mei 2017</p> <p>Maklumbalas KKR seperti di Confirmatory Letter bertarikh 03/05/2017</p> <p>JKR telah mencadangkan perolehan secara pra kelayakan kepada KKM supaya kontraktor yang dilantik adalah berkeupayaan dan berpengalaman dalam pembinaan projek hospital memandangkan projek ini merupakan projek yang berimpak tinggi. KKM juga telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan permohonan telah dikemukakan kepada MoF melalui surat pada 23 Jun 2010. Walau bagaimanapun, MoF melalui surat bertarikh 29 September 2010 tidak meluluskan permohonan tersebut sebaliknya memutuskan projek ini dilaksanakan secara tender terhad di kalangan tujuh (7) kontraktor.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.1.c	<p>Berdasarkan keputusan MoF, JKR telah mengeluarkan Surat Pelawaan Tender pada 11 Januari 2011. Taklimat dan lawatan bersama kesemua petender telah diadakan pada 25 Januari 2011. Laporan Penilaian Tender yang telah disediakan pada 30 Jun 2011 telah dibentangkan kepada Lembaga Perolehan 'A' JKR pada 1 Julai 2011 dengan pengesyoran Jawatankuasa Penilaian Tender bahawa tiada petender yang layak dipertimbangkan kerana gagal dalam penilaian tender. Keputusan Lembaga Perolehan 'A' JKR telah dibuat pada 12 Julai 2011 dengan perakuan bahawa tiada petender layak dipertimbangkan memandangkan kesemua petender gagal dalam penilaian tender dan seterusnya mencadangkan supaya tender tersebut ditender semula secara tender terbuka. Perakuan Lembaga Perolehan 'A' JKR ini telah dikemukakan kepada MoF untuk dimuktamadkan pada 14 Julai 2011.</p>	<p>Berhubung dengan permohonan telah diajukan kepada MoF, JKR berpandangan adalah tidak menjadi kesalahan permohonan dibuat terus kepada MoF memandangkan ia merupakan pihak autoriti yang lebih tinggi dan agensi pusat yang mengawal selia perolehan kerajaan.</p> <p><u>Maklum Balas KKM</u></p> <p>Pihak JKR menerusi surat bertarikh 5 Mei 2017 telah mengemukakan ATDA Pindaan 4 (Tender Semula).</p> <p>Pihak JKR telah diminta untuk membuat semakan semula ke atas pengiraan kos perkhidmatan perunding supaya lebih tepat dan teratur sebelum Kementerian memanjangkan permohonan kenaikan kos kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).</p>
13.5.2.1.d	<p>Berikutan perakuan Lembaga Perolehan 'A' tersebut, Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK) MoF pada bulan September 2011 telah menyediakan Memorandum Pertimbangan berhubung Perakuan Tender terhadap cadangan perolehan projek itu kepada Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan 1. Dalam memorandum pertimbangan tersebut, BPK MoF telah mengesyorkan supaya cadangan perolehan projek pembinaan Hospital Bera, Pahang pakej 2 ditender semula secara tender terbuka serta kelulusan diberi kepada JKR untuk memendekkan tempoh iklan daripada 21 hari ke 14 hari bagi projek ini. Seterusnya, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK) Bil. 8/2011 bertarikh 15 September 2011 menunjukkan JPMK telah bersetuju dengan syor oleh BPK, MoF. Bagaimanapun, surat daripada BPK, MoF pada 21 September 2011 kepada JKR sebaliknya memaklumkan bahawa MoF telah memutuskan supaya pelaksanaan tender bagi perolehan projek ini secara tender terhad di kalangan 7 syarikat dikekalkan. JKR seterusnya diminta untuk meneruskan penilaian teknikal dan hasil keputusan penilaian tersebut dikemukakan untuk pertimbangan MoF selanjutnya.</p>	<p>Susulan itu, pihak JKR telah mengemukakan ATDA Pindaan 4 setelah dipinda semula pada 26 Mei 2017 dan surat permohonan kenaikan kos telah dikemukakan oleh pihak KKM kepada pihak UPE, JPM pada 29 Mei 2017.</p> <p>Pihak UPE, JPM telah memohon maklumat tambahan berhubung kenaikan kos tersebut pada 13 Jun 2017 dan perkara ini telah dipanjangkan kepada JKR untuk maklumbalas.</p>
13.5.2.1.e	<p>Seterusnya CKUB pada 13 Oktober 2011 dalam suratnya kepada CKK, memaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' JKR Bilangan 16/2011 bertarikh 12 Oktober 2011 telah memutuskan supaya JKR menyediakan semula penilaian tender bagi projek ini dan hendaklah disediakan oleh pegawai penilai yang lain dengan yang terdahulu. Mesyuarat tersebut juga telah memutuskan supaya hasil keputusan penilaian tender itu dikemukakan terus kepada MoF untuk keputusan muktamad tanpa perlu melalui Lembaga Perolehan 'A' JKR.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.1.f	<p>Pada 24 Oktober 2011, berdasarkan kepada pengesyoran Jawatankuasa Penilaian Tender setelah penilaian semula ke atas petender diteruskan hingga ke peringkat kedua dari segi teknikal seperti mana arahan MoF, Pengarah CKK telah membuat perakuan bahawa tiada petender yang layak dipertimbangkan untuk ditawarkan melaksanakan projek tersebut. CKK seterusnya pada 25 Oktober 2011, telah mengemukakan Laporan Penilaian Tender (Penilaian Semula) kepada urusetia tender, CKUB.</p>	
13.5.2.1.g	<p>Pada 28 Oktober 2011, terdapat surat daripada Pejabat Perdana Menteri (PM) kepada Setiausaha BPK MoF yang ditandatangani oleh Setiausaha Sulit PM, memaklumkan mengenai catatan minit oleh YAB PM bertarikh 20 September 2011 yang menyebut “Bersetuju dibuat tender terhadap dan meneruskan penilaian teknikal”. Catatan minit tersebut antara sebab yang mendorong MoF memutuskan supaya mengekalkan pelaksanaan tender bagi perolehan projek ini secara tender terhadap di kalangan 7 petender yang disenaraikan oleh MoF seperti dalam suratnya kepada JKR pada 21 September 2011, walaupun JPMK sebelum itu pada 15 September 2011 telah bersetuju dengan syor BPK MoF serta perakuan oleh Lembaga Perolehan ‘A’ JKR.</p>	
13.5.2.1.h	<p>Selanjutnya, pada 29 November 2011 berdasarkan laporan penilaian ke atas pengemukaan dokumen tambahan baru, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Arkitek) CKK sekali lagi memperakukan bahawa tiada petender yang layak dipertimbangkan untuk disetujuterima. CKUB pada 5 Disember 2011, telah mengemukakan Laporan Penilaian Tender (Penilaian Semula) dan Laporan Tambahan Ke Atas Penilaian Semula Tender (Berdasarkan Maklumat Tambahan Baru) tersebut kepada MoF. Berdasarkan kepada kedua-dua Laporan Penilaian semula oleh JKR itu, BPK MoF pada 6 Januari 2012 telah menyediakan Memorandum Pertimbangan YAB Menteri Kewangan dengan mengekalkan pengesyoran sebelumnya iaitu cadangan perolehan projek pembinaan Hospital Bera, Pahang pakej 2 ditender semula secara tender terbuka serta kelulusan diberi kepada JKR untuk memendekkan tempoh iklan daripada 21 hari ke 14 hari bagi projek ini. Bagaimanapun, melalui memorandum tersebut, YAB Menteri Kewangan pada 10 Januari 2012 telah memberi persetujuan supaya tender bagi perolehan projek ini ditawarkan kepada MJPSB secara rundingan terus dengan syarat harga dirundingkan pada paras anggaran Jabatan atau yang terendah. Keputusan YAB Menteri Kewangan itu telah dimaklumkan oleh BPK MoF kepada JKR melalui suratnya bertarikh 11 Januari 2012. Syarikat MJPSB yang ditawarkan ini adalah antara petender dalam kalangan 7 syarikat yang disenaraikan oleh MoF dan telah dilaporkan tidak layak dipertimbangkan kerana telah gagal dalam penilaian tender oleh JKR.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 3 Mei 2017</i></p> <p><i>Bagi mengatasi masalah kontraktor kurang berpengalaman dalam mengendalikan projek pembinaan hospital pada masa akan datang, cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ialah mewujudkan Kepala dan Sub-Kepala khusus bagi projek kesihatan (pendaftaran kontraktor). Ini untuk memastikan hanya kontraktor berwibawa sahaja yang dilantik bagi melaksanakan projek kesihatan. Dalam hal ini, pihak CIDB telah mewujudkan bidang pengkhususan kod B29 untuk Kerja Bangunan Kesihatan pada 17 Oktober 2016 bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan sahaja melaksanakan kerja-kerja berkaitan fasiliti kesihatan.</i></p> <p><i>Dalam Mesyuarat Khas berhubung ATDA Hospital Bera yang telah diadakan pada 5 April 2017 di KKM, pihak KKM telah memohon JKR untuk mengemukakan ATDA Pindaan No. 4 (tender semula) berdasarkan perbincangan seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Mendapatkan jumlah kos sebenar kontrak yang ditamatkan mengambil kira bayaran interim terkini, wang jaminan pelaksanaan, bayaran pendahuluan dan denda ganti rugi dikenakan.</i></li> <li><i>ii. Membuat pelarasan perunding bagi kontrak yang ditamatkan. Pelarasan yang dibuat hendaklah telah diluluskan dan diperakukan di peringkat pihak berkuasa melulus (PBM) yang berkenaan seperti mana tatacara perolehan perkhidmatan perunding.</i></li> <li><i>iii. Mendapatkan kos sebenar berdasarkan kelulusan dan perakuan PBM bagi perkhidmatan perunding tender semula.</i></li> </ol> <p><i>Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor yang tidak layak oleh MoF kerana telah gagal dalam penilaian tender oleh JKR menjadi antara punca kepada kegagalan projek apabila kontraktor tidak berupaya menyiapkan projek sehingga Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor terpaksa dikeluarkan. Ini telah menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan dari segi masa, kos dan kegagalan mencapai objektif projek. Selain itu, tindakan JKR mengemukakan permohonan kepada MoF mengenai cadangan perolehan projek untuk dilaksanakan secara tender terbuka pra-kelayakan adalah tidak selari dengan garis panduan yang ditetapkan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.2.b	<p><b>Kelemahan Pengurusan Dalam Pelaksanaan Projek oleh Pihak JKR</b></p> <p>Berdasarkan kepada fakta-fakta dan kenyataan yang disemak menunjukkan keputusan PP menerima permohonan cadangan pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS yang telah disediakan oleh perunding kepada reka bentuk struktur sistem IBS yang baru oleh kontraktor adalah kurang wajar. Walaupun berlaku penjimatan terhadap kos projek berhubung perubahan kerja-kerja struktur yang melibatkan sistem IBS berjumlah RM475,000 seperti yang dilaporkan, namun aspek masa yang akan terlibat dalam proses pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS ini tidak diambil kira oleh pihak JKR. Semakan Audit juga menunjukkan pihak kontraktor dan pembekal IBS gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan antaranya seperti keperluan menyedia dan mengemukakan program kerja yang diselaraskan antara kontraktor dan pembekal IBS kepada perunding dan JKR; serta keperluan menyedia dan mengemukakan lukisan terperinci/<i>shop drawings</i> bagi kerja-kerja berkaitan berlandaskan lukisan pembinaan yang telah disahkan oleh Jurutera Profesional juga kepada perunding dan JKR. Ketidakpatuhan kontraktor dan pembekal IBS terhadap penetapan syarat-syarat kelulusan ini sepatutnya telah dapat dikesan oleh pihak JKR dan perunding mengenai masalah kelewatan serta kualiti kerja yang akan wujud. Namun, pihak JKR dan perunding tidak mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor serta pembekal IBS dan membenarkan cadangan tersebut diteruskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, cadangan pertukaran reka bentuk struktur sistem IBS yang baru oleh kontraktor dan pembekal IBS yang telah diluluskan oleh pihak JKR telah menjadi antara punca kepada kelewatan pelaksanaan projek dan projek gagal disiapkan serta menyebabkan Kerajaan terpaksa mengalami kerugian yang lebih besar. Ini telah menunjukkan kelemahan pengurusan dalam pelaksanaan projek oleh pihak JKR.</p>	<p>Pihak JKR telah meneliti dan memberi kelulusan di atas perubahan sistem IBS di atas sebab-sebab berikut :-</p> <p>1) Pertukaran sistem IBS yang dipohon oleh kontraktor pada dasarnya akan mempercepatkan kerja dan menjimatkan kos. Pihak kontraktor telah pun mengemukakan cadangan supaya lantai jenis '<i>Pre stress hollow core</i>' ditukar kepada jenis '<i>half slab</i>' kerana pembinaan boleh dibuat dengan membawa acuan dan segala keperluan pembinaan '<i>half slab</i>' ke tapak. Justeru itu, penggunaan '<i>ready mix concrete</i>' tempatan boleh dimanfaatkan berbanding dengan menggunakan '<i>hollow core</i>' yang tidak boleh dibina ditapak dan perlu membawa pembekal dari Kuala Lumpur atau Seremban.</p> <p>Penggunaan <i>Pre cast column dan wall panel</i> juga memberikan kesan yang sama dari segi pengangkutan serta kaedah pemasangan yang rumit dan mengambil masa yang lama. Manakala <i>Pre cast beam</i> yang diselaraskan dengan menggunakan <i>half slab dan insitu column</i> adalah lebih cepat kerana ianya di bina di tapak.</p> <p>Disamping itu juga, pembinaan IBS ditapak bina akan dapat mengenalpasti kecacatan struktur dengan segera serta pemantauan semasa kerja-kerja '<i>concreting</i>' dijalankan. Pembinaan ditapak bina juga akan mengelakkan double handling kerana pengangkutan yang dekat dan penggunaan struktur yang pre matured dapat dielakkan.</p> <p>2) Pihak JKR telah menyedari bahawa kontraktor yang dilantik adalah bukan kontraktor yang berkelayakan dan berpengalaman yang mana telah pun gagal dalam proses penilaian tender sebelum ini. Sekiranya kontraktor mematuhi cadangan rekabentuk asal (yang kebanyakannya pre-cast yang dibuat dikilang) maka memerlukan kepakaran dalam pemasangan sistem pre-cast termasuk kemampuan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakannya. Oleh demikian, pihak JKR membenarkan pihak kontraktor menggunakan rekabentuk mereka sendiri yang kebanyakannya kerja '<i>casting</i>' dilakukan di tapak supaya kontraktor boleh melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Walaubagaimanapun, kontraktor telah gagal mengkoordinasi bersama pembekal IBS mereka sehingga berlaku kelewatan projek.</p> <p>3) Didapati juga bahawa skor IBS rekabentuk baru oleh kontraktor telah meningkat daripada 70% kepada 75%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Kesimpulannya kelulusan pertukaran rekabentuk sistem IBS adalah bukan penyebab berlakunya kegagalan projek tetapi ianya adalah berpunca daripada kontraktor yang dilantik tidak kompeten dan lemah dalam pengurusan sistem IBS mereka sendiri yang meliputi aspek pengurusan kewangan serta komunikasi dengan pembekal IBS yang dilantik.</p> <p>Lampiran 13.5.2.2. (B) Kronologi pertukaran rekabentuk asal kepada IBS.</p>
13.5.2.3.a.i	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Kontraktor Gagal Melantik Penyelaras Mekanikal dan Elektrik <i>Industrialized Building System</i> Berkelayakan</b></p> <p>Mengikut klausa 28 dalam Arahan Kepada Petender, Seksyen I - Kehendak-kehendak Am Kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan lukisan koordinasi kerja mekanikal dan elektrikal bagi penyelarasan bersepadu kerja-kerja di tapak bina. Kontraktor hendaklah juga melantik Penyelaras M&amp;E IBS yang mempunyai Ijazah dalam bidang mekanikal atau elektrik serta berpengalaman dalam bidang pembinaan bagi memantau dan mengawasi kerja-kerja berdasarkan lukisan koordinasi. Penyelaras M&amp;E IBS ini perlu dilantik daripada tarikh milik tapak projek atau selewat-lewatnya semasa kerja pembinaan <i>ground beam</i> dijalankan. Selain itu, klausa 57 Seksyen II - Senarai Kuantiti pula turut menyatakan, <i>all mechanical and electrical works (e.g. conduits, openings, back boxes, etc.) shall be coordinated with architectural and structural works for implementation of IBS including Modular Coordination. The successful tenderer shall appoint an IBS M&amp;E coordinator with 5 years minimum experience to realize this coordination and implementation for the whole project.</i></p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di Confirmatory Letter bertarikh 03/05/2017</p> <p>Kontraktor mengalami kesukaran untuk melantik Penyelaras M&amp;E IBS atas faktor demografi.</p> <p>Tiada bayaran penuh dibuat bagi kerja pemasangan kekuda bumbung walaupun kerja telah siap dilaksanakan disebabkan tiada pengesahan daripada Independent Inspection Authority/Inspector Welder.</p> <p>JKR telah sedaya upaya untuk menguatkuasakan klausa kontrak dengan cara mengeluarkan surat amaran dan peringatan kepada kontraktor di atas ketidakpatuhan dalam melaksanakan projek. Oleh itu, JKR telah mengeluarkan NUTP (3 kali) dan juga penamatan kontraktor di atas ketidakpatuhan kontraktor berhubung penyediaan inspector welder tersebut.</p>
13.5.2.3.a.ii	<p>Semakan Audit terhadap maklumat pelantikan Penyelaras M&amp;E IBS oleh MJPSB mendapati pelantikan tersebut hanya mula dibuat pada bulan November 2012 iaitu 4 bulan selepas tarikh milik tapak. Terdapat 3 kali pelantikan Penyelaras M&amp;E IBS dilaksanakan oleh kontraktor kerana Penyelaras M&amp;E IBS yang dilantik sebelumnya telah berhenti. Selanjutnya, didapati berlaku ketiadaan Penyelaras M&amp;E IBS di tapak bagi tempoh 7 dan 12 bulan setelah pemberhentian Penyelaras M&amp;E IBS lantikan pertama dan kedua masing-masing sehingga pelantikan Penyelaras M&amp;E IBS kali ketiga dilaksanakan mulai bulan Disember 2015 hingga November 2016. Secara keseluruhannya, Penyelaras M&amp;E IBS hanya bertugas di tapak pembinaan selama 29 bulan (54.7%) daripada tempoh kontrak selama 53 bulan. Semakan Audit selanjutnya terhadap maklumat pelantikan 2 Penyelaras M&amp;E IBS terdahulu mengesahkan kelayakan mereka yang telah menepati Kehendak-</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kehendak Am Kontrak. Bagaimanapun, berdasarkan rumusan penilaian kakitangan kontraktor yang dibuat oleh perunding arkitek bagi tempoh bulan Disember 2015 hingga November 2016 mendapati kontraktor telah melantik Penyelaras M&amp;E IBS ketiga yang hanya memiliki Diploma Kejuruteraan Elektrikal Kuasa. Berdasarkan surat bertarikh 10 Jun 2016 yang dikeluarkan oleh perunding arkitek kepada kontraktor turut menyatakan hasil pemantauan daripada bulan Disember 2015 hingga Mei 2016 mendapati Penyelaras M&amp;E IBS yang dilantik tidak arif mengenai cara-cara pengendalian dan tugas, terutamanya gagal menyelia kerja M&amp;E di tapak dengan menggunakan lukisan koordinasi M&amp;E.</p>	
<p><b>13.5.2.3.b</b></p>	<p><b>Kontraktor Gagal Melantik <i>Independent Inspection Authority/Inspector Welder</i></b></p> <p>Mengikut klausa 5.2 dalam JKR <i>Standard Specifications For Structural Steel Work</i>, Seksyen I - Kehendak-kehendak Am Kontrak menyatakan, <i>the contractor shall appoint an Independent Inspection Authority to endorse the welder's certification and also to approve the welding procedures and test procedures for welding works</i>. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit-minit Mesyuarat Tapak Bilangan 34 serta Mesyuarat Pemantauan Mingguan Bilangan 29, 30 dan 31 menunjukkan antara perkara yang dibangkitkan dalam semua mesyuarat tersebut ialah mengenai kegagalan kontraktor untuk melantik pihak <i>Independent Inspection Authority/Inspector Welder</i>. Ini menunjukkan bahawa tiada pengesahan telah dibuat oleh pihak <i>Independent Inspection Authority/Inspector Welder</i> terhadap kerja-kerja kimpalan kerangka bumbung yang telah dilaksanakan di tapak pembinaan. Oleh itu, kerja-kerja pemasangan bumbung selanjutnya tidak boleh dilaksanakan selagi pengesahan tidak dibuat terhadap kerja-kerja kimpalan kerangka bumbung. Seterusnya semakan Audit terhadap NCR yang dikeluarkan oleh perunding mendapati laporan mengenai ketidaksempurnaan kerja-kerja kimpalan pada sambungan kerangka bumbung besi di Blok A. Lawatan dan pemeriksaan Audit pada 21 Jun 2016 di tapak pembinaan mendapati bumbung yang belum dipasang di Blok A selain kerja-kerja kimpalan tersebut yang tidak sempurna.</p>	
<p><b>13.5.2.3.c</b></p>	<p><b>Kekurangan Bilangan Pekerja di Tapak Pembinaan</b></p> <p>Berdasarkan norma bilangan pekerja yang diperlukan bagi menyiapkan projek mengikut jadual adalah antara 175 hingga 272 pekerja. Bilangan ini dianggap wajar dan mencukupi berdasarkan kompleksiti dan tahap kemahiran melakukan tugas. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap data yang dikemukakan bagi tempoh bulan Januari 2015 hingga Mei 2016 menunjukkan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kekurangan bilangan pekerja di tapak pembinaan projek antara 9.7% hingga 83.0% berbanding norma yang ditetapkan. Seterusnya semakan Audit mendapati isu kekurangan pekerja telah dibincangkan dalam Mesyuarat Tapak Bilangan 32, 33 dan 34. Kontraktor juga sedia maklum tentang keperluan pekerja di tapak yang masih belum mencukupi.</p> <p><i>Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 3 Mei 2017</i></p> <p><i>Bagi Penyelaras M&amp;E IBS yang ketiga, JKR mendapati beliau tidak cekap melaksanakan kerja-kerja penyeliaan serta gagal menepati piawaian yang ditetapkan. Oleh yang demikian, tiada sebarang bayaran bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Kontraktor mengalami kesukaran untuk melantik Penyelaras M&amp;E IBS atas faktor demografi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melantik Penyelaras M&amp;E IBS yang berkelayakan dan untuk tempoh 24 bulan (45.3%) daripada tempoh kontrak selama 53 bulan serta gagal melantik pihak <i>Independent Inspection Authority/Inspector Welder</i> selain kekurangan pekerja di tapak pembinaan telah menyumbang kepada kegagalan projek. Selain itu, JKR kurang berkesan dalam menguatkuasakan pematuhan terhadap klausa kontrak.</p>	
13.5.3.2	<p><b>Laporan Ketidakpatuhan Yang Belum Diambil Tindakan</b></p> <p>Kerja rektifikasi perlu diambil tindakan pembaikan dan pembedahan dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kerja-kerja pembinaan seterusnya tidak tertangguh dan dapat dilaksanakan selari dengan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan. Kelewatan menyiapkan kerja rektifikasi yang besar menyebabkan tempoh penyiapan projek terjejas. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pembinaan bermula sehingga 31 Mei 2016 sebanyak 321 kerja rektifikasi dalam bidang arkitek, elektrik, mekanikal, sivil dan struktur yang dinyatakan melalui NCR, telah dikeluarkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 207 (64.5%) NCR belum diambil tindakan oleh kontraktor. Daripada 207 NCR, 55 NCR merupakan kerja yang melibatkan Sivil &amp; Struktur. Antara NCR tersebut adalah reka bentuk kerangka bumbung tidak sama dengan lukisan, pemasangan anggota kekuda bumbung tidak mengikut lukisan pembinaan, kimpalan tidak berkualiti dan penebukan tiang sehingga menampakkan rasuk besi tetulang. Kegagalan kontraktor mengambil tindakan terhadap 27 NCR <i>major</i> yang dikeluarkan oleh perunding boleh melemahkan struktur bangunan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada kontraktor setiap kali mesyuarat tapak dan mesyuarat pemantauan mingguan.</p>	<p>Faktor kejayaan sesuatu projek bukan hanya bergantung kepada penyeliaan dan pengawasan projek sahaja, malah ianya bergantung kepada keupayaan dan pengalaman kontraktor yang dilantik dalam melaksanakan sesuatu projek.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 3 Mei 2017</i></p> <p><i>Jumlah NCR yang tinggi adalah disebabkan oleh kegagalan kontraktor melaksanakan kerja dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi. Walau bagaimanapun, JKR telah berkali-kali mengingatkan kontraktor di dalam mesyuarat pemantauan mingguan dan mesyuarat tapak yang diadakan setiap bulan. Kontraktor telah disenaraihitam di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [Akta 520].</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melaksanakan kerja dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan telah dan akan menjejaskan kualiti pembinaan. Jumlah NCR yang tinggi dan belum diambil tindakan pembaikan dan pembedahan menunjukkan penyeliaan serta pengawasan perunding/JKR kurang berkesan.</p>	
<p><b>13.5.3.3.b</b></p>	<p><b>Penyimpanan Bahan Binaan Tidak Teratur</b></p> <p>Lawatan dan pemeriksaan Audit di tapak pembinaan pada 21 Jun 2016 mendapati kontraktor gagal menyimpan bahan binaan dengan kaedah yang sesuai mengikut bahan tersebut menyebabkan bahan binaan berkarat.</p> <p><i>Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 3 Mei 2017</i></p> <p><i>JKR telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan NCR terhadap bahan binaan yang rosak dan tidak dapat digunakan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang tindakan diambil oleh kontraktor sehinggalah penamatan projek. Oleh yang demikian, tiada bayaran akan dibuat bagi NCR yang telah dikeluarkan berkaitan bahan binaan tersebut dan perkara ini diambil kira dalam perakuan muktamad yang masih dalam peringkat penyediaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kaedah penyimpanan bahan binaan di tapak projek yang tidak sesuai boleh menyebabkan bahan binaan rosak dan tidak dapat digunakan.</p>	<p>JKR juga telah mengarahkan perunding ukur bahan tidak memperakui apa-apa bayaran dalam perakuan muktamad yang akan dikeluarkan bagi bahan binaan yang tidak sempurna.</p> <p>Lampiran 13.5.3.3. (B) Surat Pengurus Besar Pembinaan kepada kontraktor bertarikh 10 Mei 2017</p>
<p><b>13.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Pemantauan - Mesyuarat, Perbincangan dan Bengkel</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mei 2016, JKR telah mengadakan mesyuarat, perbincangan dan bengkel sebanyak 97 kali berkaitan pengurusan projek dan kerja pembinaan.</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di Confirmatory Letter bertarikh 03/05/2017</p> <p>JKR telah mengadakan pelbagai mesyuarat, perbincangan, bengkel untuk menyelesaikan masalah isu-isu berbangkit semasa pelaksanaan projek dengan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>13.5.4.1.b</b></p>	<p>Antara perkara yang dibincangkan adalah kemajuan kerja yang tidak memberangsangkan seperti kelewatan penyiapan bumbung Blok A (Blok Utama) telah menjejaskan semua bidang kerja terutamanya kerja mekanikal dan elektrik. Selain itu, terdapat pelbagai isu pengurusan di tapak yang masih tidak dapat diselesaikan seperti kekurangan pekerja dan pekerja tidak mahir.</p> <p><i>Maklum Balas KKM yang Diterima Pada 3 Mei 2017</i></p> <p><i>KKM telah mengambil langkah proaktif dengan memantau prestasi pelaksanaan projek ini secara berkala menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTPK) KKM yang dipengerusikan oleh KSU sejak Mesyuarat JTPK Bil. 12 Tahun 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun mesyuarat, perbincangan dan bengkel melibatkan JKR, perunding, kontraktor dan KKM dibuat dengan kerap namun ia masih tidak berkesan kerana tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam pelaksanaan projek.</p>	<p>tujuan melancarkan lagi perjalanan projek dan seterusnya membantu kontraktor menyiapkan projek. Walaubagaimanapun kontraktor didapati lemah dan tidak berkemampuan untuk menjalankan kerja dengan cekap.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**Jabatan Tenaga Manusia**

**Perenggan 14 : Perolehan Projek Naik Taraf Institut Latihan Perindustrian**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>14.5.2.1.</b></p>	<p><b>Pengurusan Perolehan - Pecah Kecil Perolehan</b></p> <p>Perancangan perolehan tahunan agensi adalah penting untuk memastikan perolehan tidak dipecah kecil untuk mengelak sebut harga atau tender. Berdasarkan AP 181 (a), perolehan kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender. Kementerian/Jabatan dilarang memecah kecil nilai perolehan bagi mengelakkan pelawaan secara tender. Semakan Audit mendapati 48 sebut harga bernilai RM9.98 juta dan 17 pembelian terus bernilai RM0.44 juta bagi perolehan kerja yang ditawarkan sepanjang tahun 2013, telah dipecahkecilkan di ILP Bukit Katil, ILP Kuantan, ILP Labuan dan ILP Kuala Lumpur bagi mengelakkan perolehan secara tender.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016</i></p> <p><i>KSM/JTM tidak berhasrat untuk tidak mematuhi tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa atau memecah kecil perolehan tetapi sebaliknya sentiasa berusaha untuk mengekalkan prestasi perbelanjaan disamping menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan arahan perbendaharaan, pekeliling, prosedur dan tatacara semasa yang berkuatkuasa. Peruntukan yang banyak (melebihi RM500,000) disediakan di dalam satu tahun sahaja (2013) menyebabkan KSM/JTM sukar untuk membelanjakan peruntukan yang telah disalurkan secara optimum kerana proses perolehan kerja dibuat secara tender akan memakan masa yang lama antara lima ke enam bulan untuk melaksanakan proses pemilihan dan pelantikan perunding, proses penyediaan dokumen tender, proses tender dan proses penilaian tender. Manakala proses pelaksanaan kerja-kerja naiktaraf dan memulihara struktur bangunan memerlukan masa diantara sembilan hingga 12 bulan. Oleh kerana terdapat kekangan dari segi masa dan peruntukan serta ditambah dengan komitmen</i></p>	<p>Merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 yang dikemukakan melalui surat bertarikh 7 April 2017, Jabatan Audit Negara telah meringkaskan maklumat berkaitan perolehan kerja secara sebutharga dan pembelian terus seperti di Jadual 4 (muka surat 4) di dalam LKAN. KSM/JTM mohon agar Jabatan Audit Negara menggunakan Jadual 15 (Perkara 5.3.1) seperti yang digunakan di dalam laporan awal Jabatan Audit Negara kerana jadual yang diringkaskan ini tidak menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku. KSM/JTM kluatir laporan ini akan dibaca dalam persepsi yang berbeza dari maksud sebenar.</p> <p>Perincian skop kerja yang dilaksanakan menunjukkan bahawa skop dan butiran kerja yang dilaksanakan adalah tidak bertindih (<i>Overlap</i>) dengan skop yang dilaksanakan di dalam tender dan sebutharga lain yang dilaksanakan dalam tahun yang sama. Setiap skop kerja yang dilaksanakan di kawasan/bangunan yang tertentu tidak dilaksanakan secara berulang di kawasan/bangunan yang lain di institut yang sama dalam tahun yang sama.</p> <p>KSM/JTM mohon Jabatan Audit Negara menyemak semula maklumat berkaitan bilangan sebutharga (48 sebutharga) yang membawa kepada nilai keseluruhan sebanyak RM9.98juta seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Audit bertarikh 7 April 2017. Walau bagaimanapun, laporan awal Jabatan Audit Negara bertarikh 10 Oktober 2016, menyatakan bilangan keseluruhan sebutharga yang dilaporkan adalah sebanyak 52 sebutharga dengan nilai keseluruhan adalah RM10.68 juta. Di dalam laporan awal Jabatan Audit Negara bertarikh 10 Oktober 2016 ada kenyataan “46 sebut harga dan 17 pembelian terus bagi perolehan kerja telah dilaksanakan di ILP Bukit Katil, ILP Kuantan, ILP Labuan dan ILP Kuala Lumpur bagi mengelakkan perolehan secara tender” di mana kenyataan ini berbeza dengan laporan akhir bertarikh 7 April 2017 serta Jadual 15 (Perkara 5.3.1) seperti</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>jabatan yang tinggi untuk membelanjakan peruntukan yang disediakan secara maksima, KSM dan JTM melalui beberapa mesyuarat dan perbincangan telah memutuskan untuk melaksanakan perolehan projek naiktaraf fizikal secara sebutharga diperingkat jabatan. Manakala projek naiktaraf ILP Labuan pula dilaksanakan secara tender yang diurus selia oleh Kementerian kerana peruntukan bagi tahun 2014 disediakan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, KSM tidak mematuhi prosedur perolehan Kerajaan dengan memecah kecil perolehan tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.</p>	<p>yang digunakan di dalam laporan awal Jabatan Audit Negara.</p> <p>KSM/JTM pertama kali mendapat kelulusan peruntukan bagi projek Naiktaraf ILP dalam tempoh Rolling Plan (RP-3) RMKe-10. Oleh kerana perancangan dan pelaksanaan projek secara <i>Rolling Plan</i> ini baru diperkenalkan oleh EPU pada ketika itu maka tahap kefahaman pegawai-pegawai pembangunan dan kewangan di KSM/JTM adalah sangat minima.</p> <p>Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan peruntukan bagi RP3 (RMKe-10) untuk tahun 2013 dan tiada butiran projek dinyatakan dalam kelulusan peruntukan bagi tahun 2014, KSM/JTM melalui beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah memutuskan untuk melaksanakan perolehan secara sebutharga bagi sebahagian perolehan kerja tahun 2013. Hasrat KSM/JTM adalah bagi memastikan kemudahan yang lebih sempurna, keadaan kondusif dan selamat bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat menyumbang kepada objektif utama untuk melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang teknikal untuk memenuhi keperluan industri.</p> <p>Pemahaman pegawai-pegawai di KSM/JTM pada ketika itu berkaitan butiran kerja yang dilaksanakan juga adalah berbeza daripada pemahaman sebenar. KSM/JTM berandaian bahawa butiran kerja yang dilaksanakan di kawasan/bangunan yang berbeza adalah ditafsirkan sebagai bukan pecah kecil.</p> <p>Pencapaian pelaksanaan perolehan tender dan sebutharga serta prestasi pelaksanaan projek pembangunan dibentangkan secara berkala di dalam perbincangan dan mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTP) di peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh KSU serta dihadiri oleh wakil-wakil Jabatan, Wakil ICU, Wakil MOF, Audit Dalam KSM, Wakil UPE dan Pegawai-pegawai KSM.</p> <p>Walaupun perolehan dilaksanakan secara sebutharga, KSM/JTM sentiasa memastikan prinsip-prinsip perolehan (Akauntabiliti Awam, Diurus Secara Telus, Nilai Faedah Terbaik, Saingan Terbuka dan Adil &amp; Saksama) sentiasa dipatuhi dan tidak berlaku sebarang penyelewengan serta tidak merugikan wang Kerajaan.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan:-</u></p> <p>Bermula pada tahun 2014, penambahbaikan dari segi kaedah perolehan berdasarkan kepada <i>Rolling Plan</i> (RP) ke 3 dan ke 4 RMKe-10 telah dibuat bagi memastikan proses perolehan dibuat secara teratur berdasarkan kepada tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																				
		KSM/JTM juga telah mengemukakan Surat Kelulusan Khas ke Kementerian Kewangan bagi Pelaksanaan Perolehan secara Sebut Harga pada 12 April 2017 bagi kerja-kerja yang berkaitan.																				
14.5.2.2.b	<p><b>Kontrak Perolehan Kerja Secara Tender</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999/1PP Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, PK4 membenarkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan lain dengan menggunakan peruntukan Kerja Awalan (<i>preliminaries</i>). Bagi projek bernilai melebihi RM500,000, perkhidmatan pengangkutan boleh diperuntukkan di dalam kontrak. Kelulusan ini tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:</p> <p>i. Penggunaan Pengangkutan dan Peralatan Tanpa Kelulusan</p> <p>Kelulusan bagi perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebelum ia dimasukkan dalam dokumen tender. Semakan Audit mendapati perunding bagi tender naik taraf ILP Jitra, Kuantan, Miri dan Labuan telah memasukkan keperluan perkhidmatan tersebut di dalam dokumen tender tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.</p> <p>ii. Perkhidmatan Pengangkutan Tidak Disediakan</p> <p>Penggunaan perkhidmatan kenderaan dibenarkan bagi projek melebihi RM500,000 dengan kemudahan kenderaan sama ada motosikal atau pacuan 4 roda 2,500cc disediakan oleh kontraktor bagi kegunaan Pegawai Penguasa atau wakilnya. Semakan Audit mendapati perkhidmatan kenderaan tersebut tidak disediakan oleh kontraktor sungguhpun telah dinyatakan dalam kontrak naik taraf ILP Jitra, Kuantan dan Labuan. Semakan juga mendapati bagi kontrak ILP Jitra, KSM telah mengarahkan agar kos penerbangan bagi tujuan lawatan ke tapak projek oleh pegawai KSM ditanggung oleh kontraktor.</p>	<p>Penjelasan/Ulasan Auditi</p> <p>Dalam Dokumen Kontrak Kementerian tidak menyatakan jenis kenderaan yang perlu disediakan oleh kontraktor dan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK4, Garis Panduan Penggunaan Khidmat Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja, perkara 10 (i) "Khidmat pengangkutan adalah dibenarkan bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500 ribu sahaja dan kenderaan Jabatan sedia ada tidak mencukupi untuk digunakan bagi tujuan tersebut". Projek-projek yang dilaksanakan oleh KSM adalah bernilai RM1 juta hingga RM3.79 juta dan tidak layak untuk pacuan 4 roda malah ianya hanya layak untuk motosikal sahaja seperti Jadual PK4 10 (i)(a)(1)(iv) berikut:-</p> <p style="text-align: center;">Jadual PK4 10 (i)(a)(1)(iv)</p> <table border="1" data-bbox="1198 826 2051 1198"> <thead> <tr> <th data-bbox="1198 826 1529 895" rowspan="2">Anggaran Harga Tender</th> <th colspan="2" data-bbox="1529 826 2051 858">Jenis Khidmat Pengangkutan</th> </tr> <tr> <th data-bbox="1529 858 1800 895">Kenderaan (4WD)</th> <th data-bbox="1800 858 2051 895">Motosikal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1198 895 1529 959">Melebihi RM500 ribu hingga RM3 juta</td> <td data-bbox="1529 895 1800 959" style="text-align: center;">-</td> <td data-bbox="1800 895 2051 959" style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 959 1529 1023">Melebihi RM3 juta hingga RM5 juta</td> <td data-bbox="1529 959 1800 1023" style="text-align: center;">-</td> <td data-bbox="1800 959 2051 1023" style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1023 1529 1086">Melebihi RM5 juta hingga RM20 juta</td> <td data-bbox="1529 1023 1800 1086" style="text-align: center;">1</td> <td data-bbox="1800 1023 2051 1086" style="text-align: center;">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1086 1529 1150">Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta</td> <td data-bbox="1529 1086 1800 1150" style="text-align: center;">2</td> <td data-bbox="1800 1086 2051 1150" style="text-align: center;">3</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1150 1529 1198">Melebihi RM50 juta</td> <td data-bbox="1529 1150 1800 1198" style="text-align: center;">3</td> <td data-bbox="1800 1150 2051 1198" style="text-align: center;">3</td> </tr> </tbody> </table> <p>i. Penggunaan Pengangkutan Dan Peralatan Tanpa Kelulusan</p> <p><u>Pengangkutan</u></p> <p style="text-align: center;"><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p>	Anggaran Harga Tender	Jenis Khidmat Pengangkutan		Kenderaan (4WD)	Motosikal	Melebihi RM500 ribu hingga RM3 juta	-	1	Melebihi RM3 juta hingga RM5 juta	-	2	Melebihi RM5 juta hingga RM20 juta	1	2	Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta	2	3	Melebihi RM50 juta	3	3
Anggaran Harga Tender	Jenis Khidmat Pengangkutan																					
	Kenderaan (4WD)	Motosikal																				
Melebihi RM500 ribu hingga RM3 juta	-	1																				
Melebihi RM3 juta hingga RM5 juta	-	2																				
Melebihi RM5 juta hingga RM20 juta	1	2																				
Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta	2	3																				
Melebihi RM50 juta	3	3																				

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016</i></p> <p><i>Kementerian memandang serius ketidak patuhan untuk mendapat kelulusan Pegawai Pengawal sebelum dimasukkan dalam dokumen tender. Pihak KSM telah mengeluarkan surat peringatan kepada penyelia projek berkaitan pematuhan PK 4 mengenai pentadbiran kontrak, perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kenderaan projek sepatutnya disediakan sebagaimana dinyatakan dalam kontrak.</p>	<p>Kementerian mengambil maklum akan ketidakpatuhan kepada Pekeliling Kementerian Kewangan PK4 berkaitan perkhidmatan pengangkutan. Walau bagaimanapun, KSM telah menggunakan keseluruhan kos pengangkutan yang dinyatakan dalam kontrak. Tiada kerugian yang berlaku di pihak Kerajaan.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>KSM telah mengeluarkan surat peringatan kepada penyelia projek berkaitan pematuhan PK4 mengenai pentadbiran kontrak, perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan.</p> <p>Surat permohonan kelulusan khas MOF bagi penggunaan pengangkutan dan peralatan projek tanpa kelulusan pegawai pengawal telah dihantar pada 11 April 2017.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Tidak berkaitan</p> <p><u>Peralatan</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Kemudahan Peralatan sebagaimana dalam Dokumen Kontrak</p> <p><u>ILP Jitra</u> KSM telah mengambil tindakan untuk memulangkan peralatan kepada Kontraktor ST Wawasan pada 24 Mei 2016 seperti dinasihatkan oleh pasukan Audit Negara.</p> <p><u>ILP Kuantan</u> Tarikh pemulangan peralatan telah dibuat kepada Kontraktor Maju Jaya pada 9 Julai 2015 sebelum pasukan Audit Negara membuat auditan.</p> <p><u>ILP Labuan</u> Tarikh pemulangan peralatan telah dibuat kepada B Rafael Enterprise pada 17 November 2014 sebelum pasukan Audit Negara membuat auditan.</p> <p><u>ILP Miri</u> KSM telah mengambil tindakan untuk memulangkan peralatan kepada</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Kontraktor Rosmawati pada 1 Julai 2016 seperti dinasihatkan oleh pasukan Audit Negara.</p> <p>ii. Perkhidmatan Pengangkutan Tidak Disediakan</p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p><u>ILP Jitra</u></p> <p>a. <i>The Contractor shall provide the necessary transport service from the office(s) of the S.O. or his staff/representative or from designated pick-up points to the Site and vice versa for all scheduled site visit, inspection, meeting etc for the whole duration of the contract until the expiry of Defect Liability Period as requested by the S.O. or his staff/representative.</i></p> <p>b. <i>The Contractor shall notify the relevant officer should there be any delay in the pick-up times. If the Contractor fails to notify of the delay or fails to provide the required transport, the officer shall have the option to arrange alternative transport and the contractor shall bear the expenses and an appropriate adjustment shall be made to the Contract Sum.</i></p> <p>Bagi ILP Jitra, kontraktor menyediakan <i>alternative transport</i> sebagaimana perkara (b) dalam dokumen kontrak seperti di atas.</p> <p>Mengikut Jadual PK4 10 (i)(a)(1)(iv) projek-projek di antara RM3 juta hingga RM5 juta disediakan kenderaan motosikal sahaja. Oleh kerana jenis pengangkutan ini tidak sesuai, pihak kontraktor telah menyediakan perkhidmatan kapal terbang (KLIA - Alor Setar – KLIA) sebagai pengangkutan ganti untuk projek ini dan kereta daripada lapangan terbang ke tapak projek.</p> <p><u>ILP Kuantan</u></p> <p><i>The Contractor shall provide as a TRANSPORT SERVICE ONLY for the S.O. or his representative, within fourteen days (14) from the Acceptance of Tender.</i></p> <p><i>The vehicles shall be used to transport the S.O. and his representatives to the site and other purposes related to the Project. The Contractor shall make arrangement to pick the S.O. and his representatives from their office in Putrajaya or other instructed location to the site or other location for the</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><i>purpose of the Project.</i></p> <p><i>Should the Contractor failed to fulfill their obligation under this Clause the S.O. or his representatives may opt for other option and all costs incurred by the S.O. or representatives shall be claimed to the Contractor.</i></p> <p>Mengikut Kontrak ILP Kuantan kontraktor perlu menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan bukan terhadap kepada perkhidmatan kapal terbang. Oleh itu, pegawai projek telah menggunakan perkhidmatan kereta dan penyata perbelanjaan perjalanan dan kosnya adalah melebihi daripada RM5,000.00 yang telah dibelanjakan seperti di dalam kontrak.</p> <p><u>ILP Labuan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>The Contractor shall be responsible to provide transport for the S.O. and its representative including of consultants and their representatives to and from airport/site for all scheduled site visit, meeting, etc. for the whole duration of the contract until the expiry of the Defect Liability Period.</i></li> <li>2. <i>The Contractor shall also provide transport within the site for the sole use of the Clerk of Work as and when required.</i></li> </ol> <p>Mengikut Kontrak ILP Labuan kontraktor perlu menyediakan perkhidmatan pengangkutan kereta daripada lapangan terbang ke tapak projek dengan kos sebanyak RM3,000.00 dan telah digunakan sebagaimana dalam Kontrak.</p> <p><u>ILP Miri</u></p> <p>Tidak ada apa-apa kenyataan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk projek ini dan tidak pun dinyatakan di dalam dokumen Kontrak tetapi telah dibangkitkan oleh pasukan Audit.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan (Terkini)</u></p> <p>Surat permohonan kelulusan khas MOF bagi penggunaan pengangkutan dan peralatan projek tanpa kelulusan pegawai pengawal telah dihantar pada 11 April 2017.</p> <p>Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 31 Mei 2017 telah mengambil maklum akan permohonan kelulusan khas bagi penggunaan pengangkutan dan peralatan tanpa kelulusan Pegawai Pengawal. Kementerian Kewangan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		telah memohon supaya teguran dibuat kepada pegawai terlibat agar mematuhi peraturan perolehan yang berkuatkuasa dan memastikan perkara sama tidak berulang lagi pada masa hadapan. Surat teguran kepada semua Pegawai untuk mematuhi peraturan semasa juga telah dikeluarkan pada 9 Jun 2017.
14.5.3.1.	<p><b>CPC Dikeluarkan Sebelum Kerja Siap Sepenuhnya</b></p> <p>Berdasarkan CPC, perunding dan kontraktor telah memperakukan bahawa semua kerja telah disiapkan dan peralatan telah dibekalkan sebagaimana kontrak. Semakan Audit di ILP Jitra dan ILP Miri mendapati kontraktor tidak menyiapkan kerja sepenuhnya dan sebahagian peralatan tidak dibekalkan berjumlah RM40,915 walaupun CPC telah dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. CPC bagi ILP Jitra telah dikeluarkan pada 4 Ogos 2015. Bagaimanapun, semakan mendapati kerja berjumlah RM9,000 melibatkan bayaran <i>stamp duty</i>, <i>road marks/sign</i> dan <i>fire curtain</i> masih tidak dibuat/dibekalkan sehingga lawatan Audit pada 15 Mei 2016 (selepas 9 bulan CPC diperakukan).</li> <li>b. Bagi ILP Miri, CPC telah dikeluarkan pada 27 November 2015. Bagaimanapun, masih terdapat kerja yang belum disiapkan seperti pemasangan karpas di bahagian pentadbiran, pusat sumber dan perpustakaan serta kemasan cat gelanggang sukan dan padang futsal. Perkara ini diakui sendiri oleh kontraktor sebagaimana dinyatakan dalam Mesyuarat Pra Penyerahan Projek yang diadakan pada 13 November 2015. Dalam mesyuarat tersebut, kontraktor telah menyatakan bahawa status penyediaan kerja pada tarikh akhir kontrak iaitu pada 7 November 2015 adalah 92.9%. Semakan juga mendapati <i>toilet refurbishment work</i> di Pusat Sumber bernilai RM31,915 tidak dibuat oleh kontraktor sehingga lawatan Audit pada 16 Jun 2016 (selepas 7 bulan CPC diperakukan).</li> </ol> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016</i></p> <p><i>KSM telah mengeluarkan CPC berdasarkan syor daripada perunding.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, CPC sepatutnya dikeluarkan selepas kerja mencapai penyediaan praktikal sebagaimana kehendak kontrak. Kegagalan kontraktor menyiapkan kerja sepatutnya dikenakan denda.</p>	<p><u>ILP Jitra</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>PK4 perkara 7(i)(b) dan surat Arahan KPKR Bil. 6/2009 bertarikh 2 September 2009 Perkara 3.8 menyatakan Perunding boleh dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa. Pegawai Penguasa telah mengeluarkan CPC di atas pengesyoran dari semua Perunding yang dilantik selaku Wakil Pegawai Penguasa yang mana semua perunding telah menandatangani dan memperakukan dalam Lampiran Perakuan Siap Kerja bahawa kerja-kerja pembinaan bagi projek yang tersebut di atas telah disiapkan sepenuhnya mengikut rekabentuk, spesifikasi dan perjanjian serta telah memenuhi semua kehendak-kehendak pihak berkuasa tempatan dan kontrak.</p> <p>Maklumbalas berkaitan skop kerja yang dibangkitkan :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Stamp Duty</i> - Mengikut peraturan, <i>Stamp Duty</i> tidak dikenakan bayaran bagi semua kontrak kerajaan (dokumen tandatangan stamp duty. Walaubagaimanapun kontraktor telah tersilap dengan memasukkan caj bayaran <i>stamp duty</i> di dalam BQ sebanyak RM5,000.00. Jumlah untuk item ini tidak dituntut oleh kontraktor.</li> <li>ii. <i>Road Marks/Sign</i> - <i>Road Marking</i> dan <i>Road Work</i> telah disahkan siap oleh Perunding pada 18 Julai 2016. Surat penjelasan daripada Perunding Shaari Jamaludin Architect bertarikh 12 Januari 2017 dan gambar road marking dan road works telah dilaksanakan.</li> <li>iii. <i>Fire Curtain c/w solenoid actuator</i> Fire Curtain telah siap dipasang pada 15 Julai 2015 dan disahkan pemeriksaan oleh BOMBA pada 5 Januari 2016. Walau bagaimanapun telah dibuka semula pada 10 Mei 2016 untuk membolehkan kontraktor menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sub switch bengkel penyejukbekuan dan</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>penyamanan udara bagi mengelakkan daripada berlaku kerosakan/kesan kekotoran kepada <i>fire curtain</i> tersebut. Semasa lawatan Audit Negara pada 19 Mei 2016, <i>fire curtain</i> masih belum dipasang semula dan hanya di pasang semula selepas teguran audit.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>i. <i>Stamp Duty</i></p> <p>KSM akan memastikan semua perunding mematuhi peraturan dan tidak memasukkan caj <i>stamp duty</i> dalam Kontrak.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>i. <i>Stamp Duty</i> Telah selesai pada 26 Mac 2015.</p> <p>ii. <i>Road Marks/Sign</i> Telah selesai dan disahkan oleh perunding pada 18 Julai 2016.</p> <p>iii. <i>Fire Curtain c/w solenoid actuator</i> Telah selesai pada 19 Mei 2016.</p> <p><u>ILP Miri</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>KSM telah mengeluarkan CPC berdasarkan semakan pada 7 November 2015 di mana pihak perunding telah mengesyorkan supaya CPC dikeluarkan memandangkan hanya kerja-kerja <i>touch up dan housekeeping</i> sahaja yang belum siap. Kerja-kerja tersebut tidak mengganggu operasi dan aktiviti staf ataupun pelajar di ILP Miri. Secara amnya projek berkenaan telah siap dengan merujuk kepada Klausa 39.0 dan PK4, Bab VI: Penyiapan Kerja, Penyerahan Kerja dan Kecacatan, perkara 2.2 (b) “Kerajaan boleh mendapat penggunaan yang penuh, dan dengan sewajarnya dan mendapat manfaat berhubung dengan tujuan kerja dilaksanakan meskipun masih terdapat baki kerja yang sangat kecil sifatnya yang perlu dilaksanakan dengan syarat ia tidak menghalang atau mengurangkan penggunaan yang penuh, dengan wajar dan mendapat manfaat.”</p> <p>Untuk ILP Miri seperti yang dinyatakan dalam minit mesyuarat Pra-CPC pada 13</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>November 2015 hanya tinggal kerja kemas untuk karpet di Pusat Sumber iaitu Bilik Komputer yang hampir siap dan kerja kemas cat untuk gelanggang sukan dan futsal yang juga hampir siap. Kerja kemas ini tidak mengganggu operasi dan aktiviti staf ataupun para pelajar di ILP Miri sebab secara amnya projek berkenaan telah siap sepenuhnya. Pemasangan karpet di Bahagian Pentadbiran dan Perpustakaan telah siap sepenuhnya dan pejabat serta perpustakaan telah beroperasi seperti biasa.</p> <p>Kerja kemas karpet meliputi perkara seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengemas kemas akhir bahagian cantuman karpet jenis <i>tiles</i>.</li> <li>Mengemas bahagian sambungan karpet ke dinding.</li> <li>Mengemas bahagian karpet yang ada lebih benang karpet.</li> <li>Mengemas lekatan karpet ke permukaan lantai.</li> <li>Mengemas bahagian permukaan karpet yang tidak sekata.</li> </ol> <p>Kerja kemas cat di gelanggang sukan dan futsal adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengemas bahagian terlebih cat.</li> <li>Mengemas bahagian sambungan kawasan cat yang mempunyai 2 warna berbeza.</li> <li>Mengemas garisan gelanggang supaya mempunyai lebar yang sekata.</li> <li>Mengemas kawasan cat supaya mempunyai warna sekata.</li> <li>Mengemas kawasan yang dikotori oleh cat.</li> </ol> <p>Peratusan kerja ditapak yang dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat CPC sebanyak 92.91% adalah merujuk kepada KEMAJUAN KEWANGAN pada 7 November 2015. Kerja-kerja kemas adalah termasuk dalam peratusan kemajuan kerja yang tertunggak. Pihak perunding membuat pengesahan semula peratus kemajuan kerja ditapak iaitu 99.71%.</p> <p>Merujuk kepada perancangan kerja di tapak, pihak pengurusan ILP Miri telah beroperasi di pejabat pentadbiran dan perpustakaan yang baru siap dibaikpulih 3 minggu lebih awal dari tarikh siap projek. Ini telah memberi manfaat kepada pihak kerajaan dengan tiada gangguan dalam pengurusan pentadbiran ILP Miri.</p> <p>Dalam PK4, Bab VI: Penyiapan Kerja, Penyerahan Kerja dan Kecacatan, perkara 2.2 (b) "Kerajaan boleh mendapat penggunaan yang penuh, dan dengan sewajarnya dan mendapat manfaat berhubung dengan tujuan kerja dilaksanakan meskipun masih terdapat baki kerja yang sangat kecil sifatnya yang perlu dilaksanakan dengan syarat ia tidak menghalang atau mengurangkan penggunaan yang penuh, dengan wajar dan mendapat manfaat."</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Perunding juga telah menyediakan <i>CPC Defect Inspection Checklist</i> untuk semua kerja dalam skop kontrak yang mana pemeriksaan akhir pada 7 November 2015 mengesahkan kerja-kerja di Blok Pentadbiran, Pusat Sumber, Dewan Kuliah Utama, kafeteria, perparitan, <i>foyer</i>, rumah pengawal, jalanraya dan gelanggang sukan telah siap dengan kecacatan kecil.</p> <p>Pada 20 Disember 2016 pihak KSM telah memohon perunding untuk memberi penjelasan berkaitan isu tandas di Pusat Sumber.</p> <p>Berhubung <i>toilet refurbishment</i> di Pusat Sumber yang tidak dilaksanakan, pihak perunding telah menjelaskan melalui surat bertarikh 31 Disember 2016 dan surat penjelasan dari kontraktor bertarikh 2 Januari 2017 memaklumkan tentang lantai dan jubin tandas pusat sumber masih elok dan lebihan peruntukan tersebut telah digunakan untuk menampung kekurangan kuantiti untuk Padang Futsal. Pertambahan kuantiti ini bertujuan untuk memastikan padang futsal mengikut standard Majlis Sukan Negara.</p> <p>Perunding juga memaklumkan pada 16 Jun 2016, pihak Audit ada mengukur Padang Futsal dan mengetahui kuantiti yang dibina di Padang Futsal adalah lebih dari kuantiti dalam BQ tetapi tidak melaporkannya di dalam laporan Audit.</p> <p>Kementerian telah meluluskan dokumentasi Kelulusan Pertambahan Kuantiti Sementara di Padang Futsal dan pengurangan Kuantiti di tandas Pusat Sumber dalam mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Kuantiti Sementara pada 3 Mac 2017.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan (Terkini)</u></p> <p>KSM akan memastikan semua Perubahan Skop Kerja mendapat kelulusan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja dan Jawatankuasa Kelulusan Kuantiti Sementara. Surat peringatan kepada semua Pegawai untuk mematuhi peraturan semasa juga telah dikeluarkan pada 9 Jun 2017.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Telah selesai pada mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Kuantiti Sementara pada 3 Mac 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>14.5.3.2.</b></p>	<p><b>Ukuran Sebenar Kurang Daripada BQ</b></p> <p>Perunding bertanggungjawab menyediakan dokumen kontrak yang mengandungi butiran kerja secara terperinci yang perlu dibuat oleh kontraktor. Semakan semula dan pengesahan perlu dibuat oleh perunding dan KSM bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah betul. Ia juga bertujuan untuk memastikan bayaran yang dibuat adalah mengikut kerja sebenar yang dijalankan. Semakan Audit mendapati wujud perbezaan antara ukuran yang dinyatakan dalam BQ dan ukuran kerja yang sebenar dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan lebih bayaran oleh Kerajaan sebanyak RM161,629.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 14 April 2017</i></p> <p><i>Berdasarkan pengukuran semula di tapak, terdapat perbezaan di antara ukuran BQ dengan ukuran sebenar. Bagi ILP Jitra, penolakan kos sebanyak RM6,905 dibuat terhadap bayaran penultimate no. 2 manakala di ILP Miri kontraktor telah menyerahkan cek lebih bayaran sebanyak RM66,584 pada 24 Oktober 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan perunding dan pihak KSM mengesahkan kerja dengan tepat menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian akibat kerja yang tidak disempurnakan mengikut BQ.</p>	<p><u>ILP Jitra</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Pengukuran mengikut dokumen kontrak Klausa 26.4 menggunakan <i>Standard Method of Measurement (SMM)</i> dari <i>The Institution of Surveyors Malaysia</i> dan kaedah pengukuran semula ini juga dilaksanakan oleh JKR sebagaimana surat pengesahan JKR bertarikh 14 April 2017.</p> <p><u>Water proofing</u> Kuantiti BQ adalah 295m<sup>2</sup>. Ukuran pihak audit sebanyak 227m<sup>2</sup> yang menyatakan perbezaan kuantiti sebanyak 68m<sup>2</sup> (RM3,060.00). Perbezaan pengukuran yang dibuat oleh pihak auditor tidak mengambil kira kawasan dinding setinggi 300mm yang sepatutnya perlu diambil kira dalam kaedah kerja <i>water proofing</i>.</p> <p>Kuantiti yang dilaksanakan di tapak adalah seperti pengiraan dan lukisan yang disertakan. Kuantiti pengukuran semula oleh Perunding dan Juruukur adalah sebanyak 273.07m<sup>2</sup>. Perbezaan pengurangan sebanyak 21.93m<sup>2</sup> (RM990.00). Penolakan kos sebanyak RM 990.00 telah dibuat dalam Bayaran Penultimate no. 2 pada 16 Disember 2015.</p> <p><u>Road/Car park</u> Bagi kerja-kerja <i>road/carpark</i> ia merupakan Kuantiti Sementara dalam Senarai Kuantiti (BQ) dokumen tender. Ia perlu diukur semula setelah kerja siap di tapak dan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Kerja Tambahan Kuantiti Sementara untuk kelulusan dan diperakukan.</p> <p>Antara item yang dikategorikan sebagai kuantiti sementara adalah seperti kerja tanah, premix, kerja infra, pasir dan batu.</p> <p>Mengikut ukuran BQ kuantiti adalah sebanyak 1815m<sup>2</sup> manakala ukuran yang diukur oleh Pasukan Audit 935m<sup>2</sup> dengan perbezaan 880m<sup>2</sup>.</p> <p>Kuantiti bagi kerja '<i>Premix</i>' di dalam senarai kuantiti (BQ) adalah kuantiti sementara. Kuantiti muktamad telah dibuat pengukuran berdasarkan lukisan terbina yang telah disediakan oleh Juruukur Berlesen (Juruukur Hikmah) dan kerja yang dilaksanakan di tapak. Tambahan sebanyak RM31,631.00 untuk kerja - kerja <i>Roads And Carparks</i>.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><u>Road Curb</u> Mengikut ukuran BQ kuantiti adalah sebanyak 444m manakala ukuran yang diukur oleh Pasukan Audit 95m dengan perbezaan 349m.</p> <p>Kuantiti bagi kerja 'Road Curb' di dalam senarai kuantiti (BQ) adalah kuantiti sementara. Kuantiti muktamad telah dibuat pengukuran berdasarkan lukisan terbina yang telah disediakan oleh Juruukur Berlesen (Juruukur Hikmah). Kuantiti pengukuran semula oleh Perunding dan Juruukur adalah sebanyak 275m. Perbezaan pengurangan sebanyak 169m (RM5,915.00).</p> <p>Penolakan kos sebanyak RM5,915.00 telah dibuat dalam Bayaran Penultimate no. 2.</p> <p><u>Tindakan/Penambahbaikan</u></p> <p>Perunding Ukurbahan Mzakhirussain Consult telah menghantar Permohonan Kelulusan Kuantiti Sementara dan Pelarasan Harga Kontrak kepada pihak KSM untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Kerja Tambahan Kuantiti Sementara.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Surat kepada JKR telah dihantar pada 10 April 2017 untuk mendapatkan pengesahan cara Pengukuran mengikut dokumen kontrak Klausula 26.4 menggunakan <i>Standard Method of Measurement</i> dari <i>The Institution of Surveyors Malaysia</i>.</p> <p>Jawatankuasa Kerja Tambahan Kuantiti Sementara bersidang pada 25 April 2017.</p> <p><u>ILP Miri</u></p> <p><u>Painting External Wall</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u> Kuantiti kerja cat dinding luaran di dalam BQ adalah mengikut lukisan terbina (<i>as-built drawing</i>) ILP Miri untuk bangunan Pentadbiran dan Pusat Sumber. Kuantiti kerja cat dinding luaran adalah meliputi semua kawasan dinding luar bangunan tersebut.</p> <p>Berdasarkan pengukuran semula di tapak pada 14 Julai 2016, kuantiti sebenar iaitu 1,782.02m<sup>2</sup> adalah lebih dari pihak Audit (1,186m<sup>2</sup>) dan kuantiti asal BQ (1,516m<sup>2</sup>). Kuantiti ukuran semula di tapak adalah lebih banyak kerana mengambil</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>kira semua bahagian bangunan termasuk sisi tiang, <i>window &amp; door sill</i>, sebahagian bawah dan atas <i>beam</i> dan bahagian dinding di bawah sisi bumbung.</p> <p>Tiada pembayaran balik dikenakan kerana kuantiti kerja mengecat di tapak adalah lebih dari kuantiti dalam BQ.</p> <p><u>Partition wall</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Perbezaan kuantiti adalah disebabkan ketinggian <i>partition wall</i> di dalam BQ adalah mengikut ketinggian satu aras seperti di dalam lukisan terbina (as-built drawing) iaitu 4350mm. Di tapak, ketinggian <i>partition wall</i> hanya sampai ke paras siling kerana di atas siling adalah untuk laluan kabel elektrik, telefon dan <i>aircond duct</i>.</p> <p>Berdasarkan pengukuran semula di tapak pada 14 Julai 2016, kuantiti sebenar iaitu 286.92m<sup>2</sup> adalah kurang dari pasukan Audit (312m<sup>2</sup>) kerana ukuran semula kuantiti telah ditolak dengan kuantiti keluasan pintu yang terdapat di <i>partition wall</i> tersebut. Kuantiti keluasan pintu-pintu pada <i>partition wall</i> ialah 24.57m<sup>2</sup>. Jika keluasan pintu dicampurkan ke dalam kuantiti <i>partition wall</i>, jumlah kuantiti adalah hampir sama dengan kuantiti oleh Audit. Walaupun demikian kuantiti ukuran semula masih kurang dari kuantiti asal BQ kerana mengambil kira hanya keluasan dinding yang dibina hingga ke paras siling sahaja.</p> <p>Kontraktor diminta membayar balik lebihan bayaran sebanyak RM23,092.60 kepada Jabatan Tenaga Manusia dan pelarasan harga kontrak akan dilakukan.</p> <p>Kontraktor telah menyerahkan cek lebihan bayaran untuk keseluruhan item bagi kerja yang tidak dibuat dan ukuran BQ melebihi ukuran sebenar berjumlah RM66,584.64 kepada KSM pada 24 Oktober 2016.</p> <p><u>Half Glass</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Perbezaan kuantiti adalah disebabkan hanya tingkap kaca sahaja yang dikira kuantiti. Di dalam BQ menyatakan '<i>...half glass dry wall partition with gypsum board....</i>' Di mana bermaksud dinding tersebut adalah dinding <i>drywall</i> mempunyai kaca sebahagiannya. Di dalam BQ dan lukisan pembinaan tiada menyatakan saiz tingkap kaca yang diperlukan. Oleh itu, saiz tingkap kaca yang dipasang ditapak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>adalah tertakluk pada penerimaan dan kesesuaian dinding <i>drywall</i> yang dipasang.</p> <p>Ketinggian <i>half glass dry wall partition</i> di dalam BQ adalah mengikut ketinggian satu aras seperti di dalam lukisan terbina (<i>as-built drawing</i>) iaitu 4350mm. Di tapak, ketinggian <i>half glass dry wall partition</i> hanya sampai ke paras siling kerana di atas siling adalah untuk laluan kabel elektrik, telefon dan <i>aircond duct</i>.</p> <p>Berdasarkan pengukuran semula di tapak pada 14 Julai 2016, kuantiti sebenar iaitu 108.51m<sup>2</sup> adalah lebih dari pihak audit (25m<sup>2</sup>). Kuantiti ukuran semula adalah mengikut deskripsi di dalam BQ. Walaupun demikian kuantiti ukuran semula masih kurang dari kuantiti asal BQ kerana mengambil kira hanya keluasan dinding yang dibina hingga ke paras siling sahaja.</p> <p>Kontraktor diminta membayar balik lebihan bayaran sebanyak RM 4,847.04 kepada Jabatan Tenaga Manusia dan pelarasan harga kontrak akan dilakukan.</p> <p>Kontraktor telah menyerahkan cek lebihan bayaran untuk keseluruhan item bagi kerja yang tidak dibuat dan ukuran BQ melebihi ukuran sebenar berjumlah RM66,584.64 kepada KSM pada 24 Oktober 2016.</p> <p><u>Game Court</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Kuantiti keluasan untuk gelanggang <i>volley ball</i>, <i>tennis</i> dan <i>netball / basket ball</i> di dalam BQ adalah mengikut lukisan terbina (<i>as-built drawing</i>) ILP Miri. Walaupun demikian, saiz asal <i>Game Court</i> adalah kurang dari saiz yang dinyatakan di dalam lukisan <i>as-built</i>.</p> <p>Berdasarkan pengukuran semula di tapak pada 14 Julai 2016, kuantiti sebenar untuk <i>Volley Ball</i> ialah 1070.73m<sup>2</sup> berbanding audit (1050m<sup>2</sup>), kuantiti untuk <i>Tennis</i> ialah 1259.89 berbanding audit (1278m<sup>2</sup>) dan kuantiti untuk <i>Netball/Basketball/Takraw</i> ialah 2216.82m<sup>2</sup> berbanding audit (2222m<sup>2</sup>). Jumlah keseluruhan kuantiti <i>Game Court</i> adalah hampir sama dengan kuantiti di dalam laporan Audit iaitu 4547.44m<sup>2</sup> (ukuran semula) berbanding 4550m<sup>2</sup> (laporan audit).</p> <p>Kontraktor diminta membayar balik lebihan bayaran sebanyak RM12,829.60 kepada Jabatan Tenaga Manusia dan perlarasan harga kontrak akan dilakukan.</p> <p>Kontraktor telah menyerahkan cek lebihan bayaran untuk keseluruhan item bagi kerja yang tidak dibuat dan ukuran BQ melebihi ukuran sebenar berjumlah RM66,584.64 kepada KSM pada 24 Oktober 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><u>Toilet</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Perbezaan kuantiti adalah disebabkan kuantiti di dalam BQ adalah mengikut ketinggian dinding tandas di dalam lukisan terbina (<i>as-built drawing</i>) iaitu 4350mm untuk blok <i>Admin</i>, 3600mm untuk <i>Library</i> dan 4350mm untuk <i>Resources Center</i>. Di tapak ketinggian <i>wall tiles</i> hanya sampai ke paras siling.</p> <p>Berdasarkan pengukuran semula di tapak pada 14 Julai 2016, kuantiti sebenar untuk <i>wall tile</i> di tandas <i>Admin</i> ialah 161.06m<sup>2</sup> adalah hampir sama dengan pihak audit (166m<sup>2</sup>). Begitu juga dengan kuantiti ukuran semula untuk tandas <i>Library</i> iaitu 143m<sup>2</sup> berbanding kuantiti audit (130m<sup>2</sup>). Walaupun demikian, kuantiti ukuran semula masih kurang dari kuantiti asal BQ kerana mengambil kira hanya keluasan dinding yang dibina hingga ke paras siling sahaja.</p> <p>Untuk kerja pemasangan jubin dinding tandas Pejabat Pentadbiran dan Perpustakaan, kontraktor diminta membayar balik lebihan bayaran sebanyak RM15,949.40 kepada Jabatan Tenaga Manusia dan perlarasan harga kontrak akan dilakukan.</p> <p>Kuantiti Pengukuran Semula - Kerja Siap dan gambar. Kontraktor diminta membayar balik lebihan bayaran sebanyak RM 9,866.00 kepada Jabatan Tenaga Manusia dan perlarasan harga kontrak akan dilakukan.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>Kontraktor telah menyerahkan cek bayaran untuk keseluruhan item bagi kerja yang tidak dibuat dan ukuran BQ melebihi ukuran sebenar berjumlah RM66,584.64 kepada KSM pada 24 Oktober 2016. Terimaan telah dibuat melalui sistem eSPKB pada tarikh 23 November 2016.</p> <p><u>Tarikh/Tempho Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Surat kepada JKR telah dihantar pada 10 April 2017 untuk mendapatkan pengesahan cara Pengukuran mengikut dokumen kontrak Klausula 26.4 menggunakan <i>Standard Method of Measurement</i> dari <i>The Institution of Surveyors Malaysia</i>.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.4.1	<p><b>Kelemahan Pengurusan Projek - Projek Dimulakan Tanpa Kebenaran Merancang</b></p> <p>Kebenaran Merancang (DO) merupakan kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Subseksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan dengan jelas tentang keperluan perundangan bagi mendapatkan DO daripada PBT sebelum memula, berusaha atau menjalankan sebarang pembangunan di atas tapak. Semakan Audit mendapati bagi Projek Menaiktaraf dan Memulihara Struktur Bangunan ILP Jitra, DO tidak diperoleh daripada Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) sebelum kerja tapak bermula pada 10 November 2014. Permohonan DO oleh perunding Shaari Jamaludin Architect kepada MDKP hanya dibuat pada 20 Januari 2015 manakala MDKP hanya meluluskan DO pada 3 Mac 2016 sedangkan projek telah disiapkan pada 19 Julai 2015. Semakan juga mendapati perunding telah dikenakan denda sebanyak RM15,488 oleh MDKP disebabkan kemungkaran kontraktor yang telah memulakan kerja binaan sebelum mendapat kelulusan.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016</i></p> <p><i>Perunding Arkitek lewat dalam mendapatkan kelulusan kebenaran merancang. KSM telah meminta pihak Arkitek menjelaskan pembayaran denda yang telah dikenakan kepada Perunding Shaari Jamaludin Architect.</i></p>	<p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Selaku ketua perunding dan Wakil SO di tapak pihak arkitek hendaklah memastikan semua keperluan PBT termasuk proses-proses Kebenaran Merancang diambil kira dalam melaksanakan projek. Walau bagaimanapun dalam perkara ini Perunding Arkitek lewat dalam mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>KSM telah meminta pihak Arkitek Shaari Jamaludin Architect menjelaskan pembayaran denda yang telah dikenakan kepada pihak dan bayaran telah dijelaskan oleh perunding Shaari Jamaludin Architect sebanyak RM15,488.00 pada MDKP bertarikh 30 Julai 2015.</p> <p>Surat penjelasan daripada Perunding Shaari Jamaludin Architect berkenaan penemuan audit bertarikh 12 Januari 2017.</p> <p>Surat mohon penjelasan daripada Perunding Arkitek Shaari Jamaludin telah dihantar berkaitan dengan kelulusan Kebenaran Merancang pada 13 Januari 2017.</p> <p>KSM telah memastikan semua pojek mendapatkan Kelulusan Merancang sebelum di tender.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Tidak berkaitan</p>
14.5.5.1. (a)	<p><b>Perolehan Peralatan - Peralatan Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi</b></p> <p>1PP Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan AM 2.2 menyatakan peralatan/bekalan yang diterima hendaklah menepati spesifikasi yang ditetapkan; kualiti dan kuantiti peralatan/bekalan adalah mengikut pesanan; dan peralatan/bekalan diterima dalam keadaan baik, sempurna dan selamat untuk digunakan. Oleh yang demikian, peralatan/bekalan yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi mengelakkan kerugian kepada pihak Kerajaan. Klausula 23.1. Kontrak</p>	<p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>a. Seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara di dalam Laporan Ketua Audit Negara bertarikh 7 April 2017, <i>Solid wood computer table</i> yang dibekalkan oleh pembekal ke ILP Kota Samarahan adalah merupakan <u>peralatan sokongan</u> yang dibekalkan bersama dengan item utama (MasterCAM X6) iaitu:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																							
	<p>Perolehan Peralatan 2013 menyatakan jika pembekal telah menyerahkan peralatan dalam keadaan rosak atau tidak menepati spesifikasi, Kerajaan boleh sama ada menolak peralatan tersebut dan memberi notis bertulis meminta pembekal menggantikan peralatan dalam tempoh 30 hari selepas menerima notis daripada Kerajaan. Sekiranya pembekal gagal menghantar peralatan gantian dalam tempoh ditetapkan, Kerajaan boleh membeli peralatan yang dikehendaki itu daripada pembekal lain; menolak semua peralatan yang dihantar oleh pembekal asal dan menamatkan kontrak atau mengenakan denda 5% daripada nilai peralatan yang dipesan dan merampas bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati <i>solid wood computer table</i> di ILP Kota Samarahan dibekalkan tidak mengikut spesifikasi.</p>	<p>i. MasterCAM x6 – 7 unit  ii. Computer – 7 unit  iii. Computer Table – 7 unit  iv. Computer Chair – 7 unit  v. Printer – 1 unit</p>																							
<p><b>14.5.5.1. (b)</b></p>	<p>Berdasarkan Jadual Teknikal pada Dokumen Tender bagi tiga perolehan peralatan seperti di jadual berikut, setiap perolehan tersebut hendaklah dilengkapi dengan <i>solid wood computer table</i>. Bagaimanapun, pihak pembekal bagi perolehan tersebut hanya membekalkan meja komputer berasaskan <i>chipboard</i> bukan <i>solid wood</i> dan diterima oleh ILP Kota Samarahan. Harga meja komputer berasaskan <i>chipboard</i> adalah lebih murah berbanding <i>solid wood</i>, bagaimanapun ia tidak dapat ditentukan harga. Ini bermakna berlaku <i>improper payment</i> ke atas perbezaan harga meja komputer antara <i>chipboard</i> dan <i>solid wood</i>.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 14 April 2017</i></p> <p><u><i>Solid Wood Computer Table - ILP Kota Samarahan</i></u>  <i>Peralatan yang dibekalkan oleh syarikat telah dibuat pemeriksaan dan pengujian berdasarkan kepada spesifikasi tawaran syarikat seperti di dalam dokumen kontrak. KSM/JTM akur dengan penemuan berkaitan spesifikasi meja komputer yang tidak jelas yang menyebabkan kekeliruan semasa proses penerimaan peralatan. Bagi mengelakkan kekeliruan ini tidak berulang KSM/JTM mengambil tindakan penambahbaikan dengan menetapkan agar spesifikasi teknikal bagi meja komputer perlu dinyatakan dengan lebih spesifik.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan peralatan tidak dibuat dengan memuaskan menyebabkan bayaran telah dibuat ke atas bekalan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi kontrak.</p>	<p>KSM/JTM telah membuat kajian pasaran bagi keseluruhan item yang dibekalkan dan hasil kajian pasaran tersebut mendapati <i>computer table</i> yang dibekalkan oleh pembekal adalah sesuai dengan harga pasaran. Butirannya adalah seperti berikut:-</p> <p>i. MasterCAM x6 – RM26,250.00  ii. Computer – RM5,668.00  iii. Computer Table – RM480.00  iv. Computer Chair – RM196.00  v. Printer – RM5,949.97</p> <p>Jumlah Harga Keseluruhan berdasarkan kepada kajian pasaran adalah seperti berikut :-</p> <table border="1" data-bbox="1288 954 1989 1358"> <thead> <tr> <th rowspan="2">PERINCIAN ITEM</th> <th colspan="2">Harga berdasarkan kajian pasaran.</th> </tr> <tr> <th>Seunit (RM)</th> <th>x 7 unit (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>i. MasterCAM X6</td> <td>26,250.00</td> <td>183,750.00</td> </tr> <tr> <td>ii. Computer</td> <td>5,668.00</td> <td>39,676.00</td> </tr> <tr> <td>iii. Computer Table</td> <td>480.00</td> <td>3,360.00</td> </tr> <tr> <td>iv. Computer Chair</td> <td>196.00</td> <td>1,372.00</td> </tr> <tr> <td>v. Printer (1 unit)</td> <td>5,949.97</td> <td>5,949.97</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH HARGA KESELURUHAN</td> <td>38,543.97</td> <td>234,107.97</td> </tr> </tbody> </table> <p>Berdasarkan kepada kajian pasaran, harga peralatan sokongan (meja komputer</p>	PERINCIAN ITEM	Harga berdasarkan kajian pasaran.		Seunit (RM)	x 7 unit (RM)	i. MasterCAM X6	26,250.00	183,750.00	ii. Computer	5,668.00	39,676.00	iii. Computer Table	480.00	3,360.00	iv. Computer Chair	196.00	1,372.00	v. Printer (1 unit)	5,949.97	5,949.97	JUMLAH HARGA KESELURUHAN	38,543.97	234,107.97
PERINCIAN ITEM	Harga berdasarkan kajian pasaran.																								
	Seunit (RM)	x 7 unit (RM)																							
i. MasterCAM X6	26,250.00	183,750.00																							
ii. Computer	5,668.00	39,676.00																							
iii. Computer Table	480.00	3,360.00																							
iv. Computer Chair	196.00	1,372.00																							
v. Printer (1 unit)	5,949.97	5,949.97																							
JUMLAH HARGA KESELURUHAN	38,543.97	234,107.97																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dan kerusi) yang dibekalkan oleh pembekal bagi ILP Kota Samarahan adalah merupakan harga yang munasabah dan bersesuaian dengan spesifikasi yang diterima. Meja komputer dari jenis <i>solidwood</i> (berasaskan material jenis kayu seperti jati, nyatoh, belian dan lain-lain) adalah tidak mungkin diperolehi di pasaran dengan kadar harga RM480.00 seperti dapatan kajian pasaran KSM/JTM.</p> <p>Kesimpulannya, berdasarkan kepada perincian kajian pasaran, KSM/JTM berpandangan bahawa tidak berlaku <i>improper payment</i> bagi peralatan sokongan (meja komputer dan kerusi) yang dibekalkan oleh pembekal bagi ILP Kota Samarahan.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>KSM/JTM mengambil tindakan penambahbaikan dengan menetapkan agar spesifikasi teknikal bagi setiap item perlu dinyatakan dengan lebih spesifik. Semakan spesifikasi dibuat dan mendapatkan pengesahan daripada Jawatankuasa Kepakaran bagi bidang berkaitan dan Pengarah institut.</p>
14.5.5.2.	<p><b>Peralatan Tidak Dibekalkan dan Denda Tidak Dikutip</b></p> <p>Klausa 28.1. kontrak perolehan peralatan menyatakan sekiranya peralatan tidak diserahkan oleh pembekal, Kerajaan berhak menamatkan perjanjian dengan mengenakan denda sebanyak lima peratus (5%) dan bon pelaksanaan hendaklah dirampas; dan pembekal hendaklah membayar harga peralatan yang dipesan itu sebagai pampasan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati 9 peralatan bernilai RM0.71 juta telah digugurkan daripada kontrak akibat kegagalan pihak pembekal untuk membekalkan peralatan tersebut mengikut harga, spesifikasi atau tempoh penghantaran yang ditetapkan. Berdasarkan rekod, KSM hanya mengenakan denda terhadap kontraktor manakala tindakan lain seperti penamatan kontrak dan rampasan bon tidak dilakukan walaupun ia diperuntukkan dalam kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, KSM perlu menguatkuasakan terma kontrak sebagaimana dipersetujui bersama bagi menjaga kepentingan Kerajaan.</p>	<p><u>Penjelasan/Ulasan Audit</u></p> <p>Daripada keseluruhan 9 item yang digugurkan daripada kontrak seperti dilaporkan oleh pasukan Audit (Jadual 9, muka surat 13 Laporan Audit bertarikh 7 April 2017), 7 item telah diselesaikan sepertimana maklum balas KSM/JTM sebelum ini.</p> <p>Manakala status bagi 2 lagi item adalah seperti berikut:-</p> <p>i. <i>Digital Vital (Item Computer Aided Manufacturing – CAM Software c/w Desktop Workstation)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Status sehingga 23 Mac 2017: Syarikat telah membuat permohonan pelepasan denda pada 22 Februari 2017</li> <li>- Status sehingga 10 April 2017 : Cawangan Perolehan, JTM sedang membuat kertas perakuan bagi rayuan syarikat untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JK Sebutharga JTM yang dijangka diadakan pada minggu hadapan (17~21 April 2017)</li> <li>- Selanjutnya akan dimajukan ke Sektor Perolehan, Bhg. PKPSM, KSM untuk diangkat dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan B, KSM yang dijangka</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>diadakan pada hujung bulan April 2017.</p> <p>ii. Pakatan Bersaudara (<i>Item AC/DC SMAW Welding Machine</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Status sehingga 23 Mac 2017: Syarikat membuat permohonan penangguhan bayaran denda pada 24 Februari 2017.</li> <li>- Status sehingga 10 April 2017: Syarikat belum membuat bayaran denda.</li> <li>- JTM telah mengeluarkan surat Peringatan Keempat pada 10 April 2017.</li> </ul> <p><u>Tindakan Penambahbaikan (Terkini)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peringatan berterusan kepada syarikat yang masih belum menyelesaikan tindakan yang dikenakan.</li> <li>- KSM/JTM akan mengambil tindakan ke atas syarikat dengan melaporkan ke Kementerian Kewangan berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan (PK8 - Ketidapatuhan Dalam Perolehan Kerajaan) jika syarikat masih tidak menyelesaikan denda yang dikenakan.</li> <li>- Permohonan rayuan pengecualian denda bagi syarikat Digital Vital Sdn. Bhd. tidak diluluskan pada 16 Mei 2017 dan keputusan Lembaga B, KSM Bil. 1/2017 yang telah bersidang pada 3 Februari 2017 adalah dikekalkan. Surat keputusan Permohonan rayuan tersebut telah dihantar kepada syarikat pada 29 Mei 2017. Sehingga 9 Jun 2017 tiada pembayaran dibuat oleh syarikat. Tindakan selanjutnya adalah susulan surat peringatan. Surat Peringatan Pertama telah dikeluarkan pada 13 Jun 2017.</li> <li>- Syarikat Pakatan Bersaudara Enterprise Sdn. Bhd. telah membayar denda sebanyak RM18,400.00 dan No. resit 02101117000003 bertarikh 25 April 2017.</li> </ul>
14.5.5.3.	<p><b>Perolehan Peralatan Sebelum Kursus Dijalankan</b></p> <p>a. 1PP Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan AM 2.4 antaranya menyatakan setiap peralatan/bekalan yang diperolehi hendaklah digunakan secara optimum serta digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat. Selain itu, penggunaan peralatan hendaklah mengikut tujuan sebenar ianya diperolehi. Semakan Audit mendapati ILP Miri dalam perancangan untuk</p>	<p><u>Penjelasan/Ulasan Audit</u></p> <p>ILP Miri telah membuat permohonan pembelian peralatan <i>Overhead Line Cable Puller</i> dan <i>AC Single Phase Capacitor Start &amp; Run Monitor &amp; Double Reduction Warm Gearbox</i> untuk pelaksanaan latihan sepenuh masa dan kursus jangka pendek. Peralatan tersebut telah digunakan oleh ILP Miri bagi melaksanakan latihan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>melaksanakan program baru iaitu Program Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah Tahap 4. Bagi tujuan pelaksanaan program, sebanyak 4 peralatan telah dibeli dengan kos berjumlah RM80,310 melalui kaedah sebut harga dan peralatan telah diterima pada 14 November 2014. Permohonan bagi pentauliahan program telah dihantar ke Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Sarawak pada 20 Mei 2016. Bagaimanapun, kelulusan daripada JPK Sarawak masih belum diperoleh sehingga tarikh pengauditan.</p> <p>b. Lawatan Audit di ILP Miri pada 17 Jun 2016 mendapati <i>Overhead Line Cable Puller</i> dan <i>AC Single Phase Capacitor Start &amp; Run Monitor &amp; Double Reduction Warm Gearbox</i> masih belum digunakan memandangkan pelaksanaan Program Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Voltan Rendah Tahap 4 belum diluluskan.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016</i></p> <p><i>Penilaian Pentauliahan telah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bersama Panel Penilaian pada 3 Oktober 2016. Permohonan pentauliahan dibuat pada 20 Mei 2016 kerana kekangan Pegawai Penilai/Pegawai Pengesah Dalam (PP/PPD) yang berkelayakan seperti ditetapkan untuk tujuan tersebut. Walaupun proses pentauliahan sedang diperoleh, peralatan tersebut digunakan untuk tujuan kursus jangka pendek.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan yang lemah menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum.</p>	<p>sepenuh masa dan kursus jangka pendek. Bagi latihan sepenuh masa, peralatan tersebut digunakan bagi modul-modul berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul Single Phase AC Motor</li> <li>ii. Modul Three Phase AC Motor</li> <li>iii. Modul Industrial Wiring System</li> </ol> <p>Selain itu, peralatan tersebut juga digunakan dalam pelaksanaan kursus jangka pendek seperti senarai modul berikut:-</p> <p><u>Kursus Chargeman</u>: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul Cable</li> <li>ii. Modul Street Lighting</li> </ol> <p><u>Kursus Wiremen</u>: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul Types, uses and care of AC Motors</li> <li>ii. Modul Starters amid Control of Electric Motors</li> <li>iii. Modul Principles and applications of simple control devices</li> </ol> <p>ILP Miri telah menyediakan Jadual Pelaksanaan &amp; Perancangan Kursus Jangka Pendek Customised/Modular Bidang Teknologi Elektrik ILP Miri 2014 – 2017.</p> <p>Bilangan peserta dari kalangan pekerja industri yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan kursus dari tahun 2014 hingga tahun 2017 adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kursus Wiremen: <ul style="list-style-type: none"> <li>2014 – 64 orang peserta</li> <li>2015 – 93 orang peserta</li> <li>2016 – 67 orang peserta</li> <li>2017 - 53 orang peserta</li> </ul> </li> <li>ii. Kursus Chargemen: <ul style="list-style-type: none"> <li>2014 – 48 orang peserta</li> <li>2015 – 79 orang peserta</li> <li>2016 – 71 orang peserta</li> <li>2017 – 81 orang peserta</li> </ul> </li> </ol> <p>Keseluruhan pekerja industri yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan kursus yang menggunakan peralatan tersebut adalah seramai 422 orang. Perancangan kursus bagi tahun 2017 pula adalah sebanyak 11 kursus jangka</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>pendek telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2017 dan dijangka seramai 134 orang peserta akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan kursus tersebut. 6 daripada 11 kursus jangka pendek tersebut sedang berlangsung dan dijangka tamat pada penghujung Mei 2017. Berdasarkan kepada penjelasan tersebut, peralatan-peralatan berkenaan telah digunakan secara optimum.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>KSM/JTM memastikan semua perolehan peralatan adalah berdasarkan keperluan latihan seperti ditetapkan di dalam <i>National Occupational Skills Standard (NOSS)</i> dan silibus latihan. Tindakan ini telah mula dilaksanakan dalam format permohonan peralatan projek di bawah <i>Rolling Plan ke-2 (RMKe-11)</i>.</p>
14.5.5.4.	<p><b>Kerosakan Peralatan Lewat Dibaiki</b></p> <p>ILP Miri telah membuat perolehan mesin <i>Bandsaw</i> dengan harga RM68,000 bagi Bengkel Pemasangan Paip Minyak dan Gas (PPMG) melalui tender peralatan tahap 3 &amp; 5 tahun 2013. Peralatan telah diterima pada 25 September 2014 dan mempunyai tempoh satu tahun jaminan. Lawatan Audit pada 20 Jun 2016 di ILP Miri mendapati mesin ini telah mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan sejak 7 September 2015. ILP Miri telah memaklumkan kepada pihak pembekal iaitu Perniagaan Restu Jaya Sdn. Bhd. berkaitan kerosakan tersebut memandangkan masih dalam tempoh jaminan. Bagaimanapun sehingga 15 Ogos 2016, kerosakan tersebut masih belum dibaiki untuk tempoh 343 hari. Proses pembelajaran di bengkel PPMG ILP Miri terganggu akibat kerosakkan mesin <i>Bandsaw</i>. ILP Miri juga terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi bagi pembelian gas untuk pemotongan batang paip yang besar.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 14 April 2017</i></p> <p><i>KSM/JTM telah mengambil tindakan berterusan terhadap perkara ini dan selaras dengan peruntukan dalam kontrak, pihak ILP Miri telah membuat laporan kerosakan peralatan tersebut dalam tempoh jaminan. Surat peringatan telah dikeluarkan pada 22 Disember 2015 dan 31 Mac 2016. Pihak institut juga telah menghubungi pihak syarikat melalui emel secara berterusan bermula 6 Jun 2016 sehingga yang terkini iaitu pada 29 Ogos 2016. Kerja pembaikan telah disempurnakan pada 7 April 2017 dan mesin dapat digunakan pada tarikh yang sama.</i></p>	<p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>ILP Miri sentiasa berhubung dengan syarikat Perniagaan Restu Jaya bagi mendapatkan maklumbalas berhubung kerja-kerja pembaikan peralatan tersebut seperti yang telah dilaporkan di dalam maklum balas Laporan Awal Audit Negara. Kerja-kerja pembaikan telah disempurnakan pada 5 hingga 7 April 2017 dan mesin <i>Bandsaw</i> tersebut telah mula digunakan semula untuk tujuan latihan bermula daripada 7 April 2017.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>KSM/JTM memastikan ketetapan di dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh syarikat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kegagalan memperbaiki kerosakan dengan segera menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan oleh pelajar dan menjejaskan objektif pembeliannya.</p>	
<p><b>14.5.6.</b></p>	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak perolehan kerja dan bekalan telah lewat ditandatangani antara 30 hingga 117 hari dari tempoh yang ditetapkan.</p> <p><i>Maklum Balas KSM yang Diterima Pada 4 November 2016</i></p> <p><i>Pada masa ini, penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah urusetia akan memastikan sebulan selepas SST ditandatangani draf kontrak tersebut dihantar untuk semakan Penasihat Undang-undang (PUU) KSM. Seterusnya beberapa peringkat Surat Peringatan dikeluarkan kepada pihak terlibat sekiranya lewat untuk mengemukakan dokumen tersebut. Selain itu, item berkaitan pengurusan menandatangani kontrak dalam tempoh 4 bulan daripada SST ini juga telah dimasukkan ke dalam Sistem Pemantauan Kontrak (Sistem iCON) yang dibangunkan secara dalaman oleh KSM untuk pemantauan kontrak-kontrak perolehan di KSM.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak tidak menjaga kepentingan Kerajaan.</p>	<p><u>Perolehan Kerja</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>Kelewatan dalam menandatangani Kontrak Kerja tersebut adalah disebabkan oleh kelewatan di pihak perunding yang dilantik bagi pihak Kerajaan dalam mengemukakan dokumen-dokumen sokongan kontrak (sebagai contoh lukisan kerja, insurans dan lain-lain) daripada perunding/kontraktor. Kementerian ini hanya menerima dokumen tersebut setelah dua bulan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, walau pun telah beberapa kali peringatan diberikan. Perkara ini diperingatkan dalam Mesyuarat Tapak yang dilaksanakan secara berkala. Pegawai di Cawangan Perolehan KSM juga turut memberikan peringatan secara lisan melalui telefon bagi memastikan dokumen dikemukakan segera.</p> <p>Setelah dokumen dikemukakan, dokumen perlu disemak di peringkat Penasihat Undang-undang (PUU) KSM dan perkara ini mengambil masa sehingga sebulan untuk semakan. Selanjutnya, dokumen pindaan perlu dikembalikan semula kepada Perunding untuk dijilidkan. Dokumen yang telah dijilidkan juga lewat dikembalikan semula ke KSM.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>Pada masa ini, penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah Cawangan Perolehan KSM akan memastikan sebulan selepas SST ditandatangani, draf kontrak disediakan dan dokumen-dokumen sokongan oleh pihak perunding dihantar untuk semakan Penasihat Undang-undang (PUU) KSM. Seterusnya beberapa peringkat Surat Peringatan dikeluarkan kepada pihak terlibat sekiranya lewat untuk mengemukakan dokumen tersebut. Selain itu, item berkaitan pengurusan menandatangani kontrak dalam tempoh 4 bulan daripada SST ini juga telah dimasukkan ke dalam Sistem Pemantauan Kontrak (Sistem iCON) yang dibangunkan secara dalaman oleh KSM untuk pemantauan kontrak-kontrak perolehan di KSM. KSM telah membuat rekod Senarai Hitam nama-nama perunding dan kontraktor yang gagal memberikan kerjasama yang baik kepada KSM. Rekod dimasukkan dalam Sistem iCON. Kementerian juga telah mengemukakan Surat Kelulusan Khas ke Kementerian Kewangan bertarikh 11</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>April 2017 bagi Kelewatan Menandatangani Kontrak Kerja ini.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan (Terkini)</u></p> <p>Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 31 Mei 2017 telah mengambil maklum akan permohonan kelulusan khas bagi kelewatan menandatangani kontrak perjanjian tender kerja tahun 2015 dan memohon supaya teguran dibuat kepada pegawai berkaitan agar mematuhi peraturan perolehan yang berkuatkuasa dan memastikan perkara sama tidak berulang lagi pada masa hadapan. KSM telah mengeluarkan surat teguran bertarikh 9 Jun 2017 kepada pegawai berkaitan.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Dalam tindakan/pertimbangan Kementerian Kewangan.</p> <p><u>Perolehan Bekalan</u></p> <p><u>Penjelasan/Ulasan Auditi</u></p> <p>i. Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Mengujijuga dan pentauliahan Peralatan Latihan Tahap 3 &amp; 5 ini melibatkan seramai 123 pembekal dan 27 ILJTM. Penyerahan &amp; taklimat dokumen kontrak untuk Tender tersebut telah diadakan pada 25.10.2013 jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Kuliah Utama, ILP Kuala Lumpur dengan jemputan kepada 123 pembekal yang Berjaya.</p> <p>ii. Surat peringatan penghantaran kontrak telah dikeluarkan pada 7 November 2013 kepada pembekal-pembekal yang masih gagal menyelesaikan urusan kontrak tersebut dengan segera bagi mengelakkan proses pembayaran tergendala.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>KSM telah membuat rekod Senarai Hitam nama-nama perunding dan kontraktor yang gagal memberikan kerjasama yang baik kepada KSM. Rekod dimasukkan dalam Sistem iCON.</p> <p><u>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</u></p> <p>Tidak berkaitan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**Jabatan Kebajikan Masyarakat**

**Perenggan 15 : Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1.	<p><b>Prestasi Program - Pencapaian Kewangan</b></p> <p>a. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 di bawah program bantuan, peruntukan yang disalurkan berjumlah RM1.504 billion telah dibelanjakan sepenuhnya. Manakala bagi perkhidmatan kepada warga emas, peruntukan sejumlah RM89.08 juta telah disalurkan tetapi perbelanjaan telah melebihi peruntukan asal iaitu berjumlah RM92.59 juta (103.9%).</p> <p>b. Perbelanjaan 100% untuk skim BOT bagi tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2014 hingga 2016 menggambarkan perancangan kewangan telah dilaksanakan dengan teliti. Bagaimanapun, pada tahun 2014, PAWE hanya membelanjakan sebanyak 80.3% dari peruntukan yang disalurkan. Ini kerana terdapat 23 PAWE baru yang ditubuhkan dan tidak semua PAWE baru ini beroperasi pada awal tahun. Manakala bagi UPWE, perbelanjaan hanya mencapai 74.3% dan 68% bagi tahun 2014 dan 2016 disebabkan oleh elaun pemandu dan pembantu pemandu yang tidak digunakan sepenuhnya kerana ketiadaan pemandu atau sering bertukar. Bagi RSK pula, terdapat lebih perbelanjaan bagi tahun 2014 dan 2016 kerana pembayaran emolumen kakitangan. Ini menggambarkan perancangan dan pengurusan yang kurang berkesan bagi peruntukan yang telah disalurkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perbelanjaan BOT dan PAWE adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan perbelanjaan UPWE tidak mencapai objektif disebabkan oleh masalah ketiadaan pemandu atau sering bertukar.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.2.a	<p><b>Penerima Program Bantuan dan Perkhidmatan</b></p> <p>Secara umumnya bilangan penerima bantuan kewangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan permohonan atau pendaftaran warga emas bagi tahun berkaitan.</p>	<p>Pelupusan kenderaan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) secara hadiah kepada Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) telah selesai dilaksanakan pada bulan Mei 2016. Aktiviti Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) telah berjalan seperti biasa. Mengikut rekod bilangan warga emas yang menggunakan perkhidmatan UPWE meningkat dari 716 orang pada tahun 2015 kepada 2031 orang pada tahun 2016. Pada bulan Februari 2017 seramai 855 warga emas telah menggunakan perkhidmatan UPWE.</p>
15.5.1.2.b	<p>Analisis Audit mendapati terdapat penurunan bilangan penerima BOT dari tahun 2014 hingga 2016. Ini kerana penilaian terhadap kelayakan pemohon telah dibuat dengan lebih teliti. Bagi perkhidmatan PAWE pula, terdapat peningkatan jumlah warga emas yang berdaftar di PAWE pada tahun 2015 menunjukkan aktiviti yang dijalankan PAWE berjaya menarik minat penglibatan warga emas. Bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada tahun 2016 kerana ada warga emas yang telah meninggal dunia serta ada yang telah berusia dan tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti PAWE. Manakala bagi UPWE, terdapat penurunan ketara bagi tahun 2015 berbanding 2014 kerana terdapat proses pelupusan kenderaan UPWE kepada NGO iaitu Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) secara hadiah. Tempoh pelupusan yang mengambil masa lebih 10 bulan menyebabkan kenderaan UPWE tidak digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada warga emas.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh pelupusan kenderaan yang mengambil masa lebih 10 bulan menyebabkan peruntukan UPWE tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya dan warga emas tidak mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.</p>	
15.5.2.1.b	<p><b>Pengurusan Program Bantuan Kewangan Bulanan - Bantuan Orang Tua (BOT) - Bayaran Secara Tunai</b></p> <p>Semakan Audit mendapati arahan menyalurkan bantuan melalui bank telah dilaksanakan sepenuhnya oleh JKM cawangan Negeri Sabah dan Kedah semenjak tahun 2011. Bagaimanapun, JKM negeri Melaka dan Selangor masih belum melaksanakan sepenuhnya arahan tersebut di mana negeri tersebut menggunakan dua kaedah pembayaran iaitu secara tunai (JKM terus membayar kepada penerima) dan bank. Lima daripada 12 PKMD yang dilawati iaitu 3 PKMD di Melaka dan 2 PKMD di Selangor telah melaksanakan bayaran secara tunai kepada 1,824 (16.7%) daripada 10,894 jumlah penerima melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016. Pihak Audit dimaklumkan wujud keperluan untuk membuat bayaran tunai atas faktor penerima BOT menghadapi masalah kesihatan fizikal; kesihatan mental; klien sebatang kara/tiada waris; lokasi bank yang jauh; mufis/bankrap dan permintaan pemimpin tempatan.</p>	<p>Arahan pembayaran melalui bank sepenuhnya berkuatkuasa mulai Ogos 2017 melalui Surat Arahan <i>JKM/PW600/04/1JLD.29(30) bertarikh 13 Jun 2017</i>. Pemantauan secara mingguan dibuat bagi memastikan bayaran melalui bank dilaksanakan secara 100%.</p> <p>Pelaksanaan bayaran 100% melalui bank menjadi <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.1.c	<p>Pihak Audit telah melaksanakan lawatan Audit terhadap proses pembayaran BOT di PKMD Melaka Tengah bermula dari proses pengeluaran wang tunai di bank oleh pegawai PKMD sehingga BOT dibayar kepada penerima di Jawatankuasa Pembangunan &amp; Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Bukit Baru, Melaka. Hasil lawatan tersebut, didapati wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran tunai BOT. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pegawai PKMD terpaksa menunggu polis pengiring di bank dengan wang tunai sejumlah RM87,600 termasuk RM45,300 bagi BOT di khalayak ramai yang terdiri daripada pelanggan bank;</li> <li>ii. wang tunai yang dibawa ke pejabat PKMD dikira secara beramai-ramai bagi pengasingan mengikut penerima;</li> <li>iii. satu majlis penyerahan wang tunai diadakan di JAPERUN Bukit Baru, Melaka kepada penerima. Penerima perlu mengecop ibu jari dalam borang pembayaran secara tunai. Pihak Audit mendapati kebanyakan cap ibu jari tidak jelas dan pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar bukanlah pegawai yang sebenarnya menyerahkan wang tunai BOT kepada penerima;</li> <li>iv. pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar dan saksi hanya akan menandatangani borang pembayaran secara tunai selepas majlis selesai;</li> <li>v. proses pengagihan wang tunai kepada penerima dibuat dengan membekalkan kad yang hanya dicatat '300' tanpa ciri-ciri kawalan. Mereka yang menerima kad tersebut berkumpul bersama dengan penerima lain-lain bantuan untuk menerima wang tunai daripada wakil JAPERUN. Keadaan ini boleh mengakibatkan sesiapa sahaja mewujudkan kad palsu dengan mudah dan beratur bersama untuk menerima wang tunai tersebut; dan</li> <li>vi. dalam kes di mana penerima tidak dapat hadir untuk menerima bantuan BOT dan telah mewakilkan orang lain bagi pihaknya, didapati tiada surat kuasa wakil dikemukakan kepada pegawai pembayar seperti kehendak Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010 dan Arahan Perbendaharaan 99 (g).</li> </ol>	<p>PKMD Sabak Bernam telah melaksanakan bayaran Bantuan Orang Tua (BOT) melalui bank 100% mulai Mei 2017.</p> <p>Jawatankuasa Siasatan Dalam KPWKM ditubuhkan pada Jun 2017 bagi mengenal pasti sebab bayaran dibuat terhadap penerima yang telah meninggal dunia untuk tindakan <i>preventive</i> atau <i>corrective</i>.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.1.d	<p>Di PKMD Sabak Bernam, penyerahan wang tunai dibuat terus kepada penerima BOT melibatkan tujuh hingga 13 penerima. Hasil semakan dokumen mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. berlaku kelewatan agihan kepada penerima sehingga 10 hari melibatkan 160 kes;</li> <li>ii. catatan pengesahan penerimaan tidak lengkap; dan</li> <li>iii. penerima telah meninggal dunia tetapi masih wujud sebagai penerima bantuan dan terdapat pengesahan cap jari penerima melibatkan 2 kes dengan nilai bantuan berjumlah RM900 seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• penerima telah meninggal dunia pada 2 September 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Ogos (dibayar pada 6 September 2016) dan September 2016 (dibayar pada 29 September 2016); dan</li> <li>• penerima telah meninggal dunia pada 19 April 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Mei 2016 (dibayar pada 4 Mei 2016).</li> </ul> </li> </ul> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>JKM telah mengeluarkan surat arahan bil.JKM/PW600/04/1JLD.29( ) bertarikh 5 Mei 2017 yang mengarahkan agar semua kes bantuan hendaklah dibayar bantuan melalui bank dan bayaran tunai hanya boleh dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu sahaja. Sehingga 28 April 2017, 94.9% kes bantuan telah dibayar melalui bank manakala 5.1% dibayar secara tunai. Bagi 2 kes penerima yang telah meninggal dunia tetapi bayaran telah dibuat berjumlah RM900, bayaran balik telah diterima pada 21 April 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bantuan BOT secara tunai adalah kurang memuaskan serta terdedah kepada risiko kehilangan dan penyalahgunaan wang awam.</p>	
15.5.3.1.a.i	<p><b>Perkhidmatan Aktiviti Kepada Warga Emas - Pusat Aktiviti Warga Emas - Bantuan Geran Operasi - Perbelanjaan Tidak Mengikut Garis Panduan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan Garis Panduan PAWE, bantuan geran penyenggaraan</li> </ul>	<p>Jenis-jenis perbelanjaan PAWE yang dibenarkan telah ditambahbaik dan diluluskan oleh Ketua Pengarah JKM dan digunapakai mulai Mac 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																		
	<p>berjumlah RM33,330 setahun disalurkan kepada setiap PAWE bagi tujuan pembayaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan Audit terhadap perbelanjaan bagi 11 PAWE yang dilawati mendapati terdapat 7 PAWE telah membuat perbelanjaan yang tidak tersenarai dalam garis panduan PAWE seperti pembelian dan penyenggaraan aset, tuntutan perjalanan serta pemberian bonus berjumlah RM70,988. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang permohonan dibuat dan tiada sebarang kelulusan diperoleh atas perbelanjaan yang telah dibuat. Pihak Audit dimaklumkan pembelian barang tersebut atas keperluan mendesak untuk keselamatan dan keperluan menjalankan program.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>JKM telah melaksanakan tindakan penambahbaikan iaitu:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>Deraf Garis Panduan PAWE telah disediakan, diteliti serta ditambahbaik selaras dengan teguran audit.</i></li> <li><i>Pada 17 Februari 2017, minit bebas jadual agihan baru PAWE telah diluluskan oleh Ketua Pengarah JKM melibatkan jadual agihan baharu memperuntukan tentang agihan yang mengariskan tentang bekalan dan bahan yang perlu dibeli.</i></li> <li><i>Lawatan naziran daripada Ibu Pejabat dan JKM Negeri telah dirancang untuk dilaksanakan secara berkala.</i></li> <li><i>Mesyuarat Gaji Minima, KWSP dan PERKESO telah diadakan pada 19 April 2017 di Bahagian Warga Emas, JKM bersama Majlis Perundingan Gaji Negara, Agensi KWSP dan PERKESO bersama JKM.</i></li> <li><i>Permohonan kenaikan elaun telah dimajukan kepada Kementerian Kewangan setiap tahun melalui Dasar Baru bagi tahun 2018.</i></li> <li><i>Cadangan untuk mengadakan perjanjian pengoperasian PAWE antara JKM dan NGO's.</i></li> <li><i>Permohonan peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan bagi PAWE sediaada tahun 2018.</i></li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, garis panduan yang disediakan tidak lengkap dan menyeluruh. Ini menyebabkan banyak pembelian yang dibuat tidak mengikut garis panduan dan bukanlah keperluan yang mendesak.</p>	<p>Lawatan naziran daripada JKM Negeri telah dilaksanakan seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1294 341 2047 746"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Negeri</th> <th>Tarikh</th> <th>PAWE</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Selangor</td> <td>8 Februari 2017</td> <td>PAWE Sg Buloh</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Sabah</td> <td>19 Mei 2017</td> <td>PAWE Sandakan</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">3.</td> <td rowspan="3">Melaka</td> <td>28 Februari dan 29 Mac 2017</td> <td>PAWE Bukit Baru</td> </tr> <tr> <td>28 Februari dan 29 Mac 2017</td> <td>PAWE UTC Melaka</td> </tr> <tr> <td>16 Mac 2017</td> <td>PAWE Alor Gajah</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">4.</td> <td rowspan="3">Kedah</td> <td>15 Mac 2017</td> <td>PAWE Kulim</td> </tr> <tr> <td>15 Mac 2017</td> <td>PAWE Bandar Baharu</td> </tr> <tr> <td>8 Mei 2017</td> <td>PAWE Sungai Petani</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">5.</td> <td rowspan="2">Perlis</td> <td>6 Januari 2017</td> <td>PAWE Perlis</td> </tr> <tr> <td>16 Mei 2017</td> <td>PAWE Perlis</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Negeri	Tarikh	PAWE	1.	Selangor	8 Februari 2017	PAWE Sg Buloh	2.	Sabah	19 Mei 2017	PAWE Sandakan	3.	Melaka	28 Februari dan 29 Mac 2017	PAWE Bukit Baru	28 Februari dan 29 Mac 2017	PAWE UTC Melaka	16 Mac 2017	PAWE Alor Gajah	4.	Kedah	15 Mac 2017	PAWE Kulim	15 Mac 2017	PAWE Bandar Baharu	8 Mei 2017	PAWE Sungai Petani	5.	Perlis	6 Januari 2017	PAWE Perlis	16 Mei 2017	PAWE Perlis
Bil	Negeri	Tarikh	PAWE																																	
1.	Selangor	8 Februari 2017	PAWE Sg Buloh																																	
2.	Sabah	19 Mei 2017	PAWE Sandakan																																	
3.	Melaka	28 Februari dan 29 Mac 2017	PAWE Bukit Baru																																	
		28 Februari dan 29 Mac 2017	PAWE UTC Melaka																																	
		16 Mac 2017	PAWE Alor Gajah																																	
4.	Kedah	15 Mac 2017	PAWE Kulim																																	
		15 Mac 2017	PAWE Bandar Baharu																																	
		8 Mei 2017	PAWE Sungai Petani																																	
5.	Perlis	6 Januari 2017	PAWE Perlis																																	
		16 Mei 2017	PAWE Perlis																																	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.3.1.a.ii	<p><b>Salah Guna Bantuan Geran</b></p> <p>Semakan Audit terhadap laporan Penyata Terimaan dan Bayaran serta penyata bank PAWE mendapati empat daripada 11 PAWE yang dilawati telah menyalahguna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan PAWE dan penyelia yang ditugaskan untuk menyelia PAWE. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat bulan April 2017, keseluruhan pinjaman tersebut yang berjumlah RM95,200 telah dibayar balik. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pinjaman tersebut dibuat dengan persetujuan jawatankuasa PAWE tanpa pengetahuan pihak JKM.</p> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Surat Amaran dan Peringatan Salahguna Geran Pengoperasian telah dihantar kepada NGO pada 8 Mei 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan geran adalah tidak teratur kerana bertentangan dengan garis panduan PAWE. Bantuan geran telah disalahgunakan untuk tujuan peribadi dan aktiviti persatuan yang menyebabkan kekurangan duit untuk menampung perbelanjaan bagi aktiviti PAWE.</p>	<p>Surat pematuhan kegunaan geran pengoperasian PAWE yang diedarkan kepada semua PAWE pada 8 Februari 2017 telah diedarkan semula pada bulan Jun 2017.</p> <p>Jawatankuasa Siasatan Dalam KPWKM ditubuhkan pada Jun 2017 bagi mengenalpasti tujuan pinjaman diberikan untuk tindakan <i>preventive</i> atau <i>corrective</i>.</p> <p>Garis Panduan PAWE telah ditambahbaik dengan memasukkan elemen pemantauan dari semasa ke semasa dan melalui laporan kewangan yang perlu dikemukakan oleh PAWE kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan pematuhan kepada syarat penggunaan geran.</p>
15.5.3.1.b.i	<p><b>Peralatan dan Kelengkapan PAWE - Lebihan Belanja bagi Perolehan Peralatan dan Kelengkapan PAWE</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada 13 Februari 2013, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluluskan skop pembelian peralatan dan kelengkapan sejumlah RM80,000 bagi PAWE baru dan RM50,000 bagi PAWE sedia ada. Sekiranya terdapat penjimatan di mana-mana PAWE, lebihan amaun tersebut boleh digunakan oleh PAWE lain yang memerlukan peruntukan tambahan.</li> <li>• Semakan Audit mendapati perolehan bagi tiga jenis keperluan iaitu peralatan senaman/aktiviti, peralatan (selain peralatan senaman/aktiviti) dan pelbagai pada tahun 2014 bagi tiga PAWE telah terlebih belanja sejumlah RM46,733. Had amaun peruntukan yang diluluskan berjumlah RM41,990 manakala perbelanjaan sebenar yang telah dilakukan berjumlah RM88,723. Pihak Audit mendapati tiada</li> </ul>	<p>Senarai pembelian peralatan dan kelengkapan serta pembaikan premis bagi Pusat Aktiviti Warga Emas Baharu sedia ada telah ditambahbaik dengan menetapkan bilangan kuantiti tanpa menyatakan harga kerana harga yang ditetapkan tidak dapat digunakan di sesetengah tempat dan PAWE perlu membeli peralatan tersebut. Senarai telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal pada 26 Mei 2017 dan skop ini diguna pakai mulai Jun 2017.</p> <p>Mesyuarat Penubuhan PAWE Baharu tahun 2017 telah diadakan pada 6 Jun 2017 bersama Bahagian Pengurusan, Cawangan Perolehan JKM bagi menerangkan prosedur perolehan peralatan dan pembaikan PAWE kepada JKM Negeri bagi mengelakkan ketidaktepatan prosedur kewangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kelulusan bagi perbelanjaan melebihi amaun yang dihadkan oleh JKM. Pihak Audit dimaklumkan perbelanjaan dibuat disebabkan keperluan mendesak dan kesuntukan masa.</p> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Agihan pembelian peralatan dan kelengkapan serta pembaikan premis bagi penubuhan PAWE baru yang telah disediakan akan digunapakai mulai tahun 2017.</i></p>	
15.5.3.1.b.ii	<p><b>Kelengkapan Tidak Digunakan/Rosak dan Kerja Pembaikan Tidak Berkualiti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Audit pada 10 November 2016 ke PAWE Bandar Baharu, Kedah merupakan PAWE baru tetapi premisnya adalah bangunan lama Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu. PAWE ini telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang baru serta telah diubah suai dengan menggunakan peruntukan sedia ada. Semakan Audit mendapati: <ul style="list-style-type: none"> <li>- satu <i>Treadmill</i> telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tahun 2016 serta tiada peruntukan untuk membaikinya (<b>Gambar 15.5</b>);</li> <li>- langsir telah rosak dan tercabut;</li> <li>- dua basikal senaman tidak pernah digunakan. Temu bual Audit bersama dengan penyelia PAWE menyatakan bahawa warga emas tidak berminat untuk menggunakannya; dan</li> <li>- dinding di kebanyakan lokasi menggelembung akibat serapan air dan cat tertanggal menjejaskan persekitaran yang kondusif.</li> </ul> </li> </ul> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Pihak PAWE telah melaksanakan inisiatif dengan mengadakan jadual penggunaan peralatan senaman. PAWE juga telah melaksanakan pembaikan bagi langsir yang rosak dan tercabut serta membaik pulih semula dinding yang menggelembong akibat serapan air dan cat tertanggal.</i></p>	<p>Mengikut rekod, peralatan senaman telah mula digunakan oleh 10 orang warga emas mulai April 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.3.1.b.iii	<p><b>PAWE Baru Masih Tidak Beroperasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian Warga Emas, JKM telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu diambil kira sebelum penubuhan PAWE baru. Antaranya adalah bilangan warga emas di sesuatu komuniti, lokasi yang strategik dan mudah diakses oleh warga emas, bangunan yang sesuai serta komuniti penggerak yang berminat untuk memberi komitmen terhadap PAWE. Selain itu, pandangan dan nasihat daripada PKMN/PKMD juga perlu didapatkan dengan disertakan gambar premis PAWE baru yang dicadang.</li> <li>Lawatan Audit pada 17 Oktober 2016 terhadap premis sementara bagi PAWE Beaufort, Sabah mendapati PAWE tersebut masih belum beroperasi sejak penubuhannya pada bulan November 2015 serta penyelia dan pembantu penyelia juga masih belum dilantik. Sungguhpun demikian, didapati sejumlah RM15,000 telah digunakan untuk menampung perbelanjaan Jawatankuasa Pengurusan PAWE ke persidangan PAWE dan aktiviti gotong royong dan lain-lain. Semakan Audit selanjutnya mendapati peralatan dan kelengkapan yang diterima sejak bulan Disember 2015 masih belum digunakan, tidak disimpan dengan teratur serta boleh mendedahkan kepada risiko kerosakan dan kehilangan. Pihak Audit dimaklumkan penyelia telah dilantik pada 11 November 2016 namun kemudiannya meletak jawatan pada 1 Januari 2017.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Mesyuarat khas telah diadakan pada 28 April 2017 dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Beaufort, Sabah. Mesyuarat tersebut telah memutuskan lokasi baru di kuarters kerajaan yang terletak di pekan Beaufort, Sabah; Pengerusi PAWE perlu mengemukakan surat permohonan untuk menggunakan kuarters kerajaan sebagai PAWE serta Setiausaha baru juga dilantik di kalangan ahli jawatankuasa PAWE Beaufort.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE tidak memuaskan kerana perbelanjaan melebihi peruntukan serta berlaku pembaziran kerana <i>treadmill</i> dan basikal yang dibeli tidak digunakan. Selain itu, Pengurusan PAWE di Beaufort adalah tidak cekap kerana tidak beroperasi walaupun telah lebih setahun ditubuhkan.</p>	<p>PAWE Beaufort telah mula beroperasi mulai Jun 2017 di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Beaufort sementara menunggu kelulusan premis kerajaan yang baharu.</p> <p>Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Bahagian Beaufort telah mengemukakan surat permohonan kuarters kerajaan bagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Daerah Beaufort kepada Pegawai Daerah Beaufort pada 6 Jun 2017.</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa PAWE pada 22 Mei 2017 telah meluluskan pelantikan En. Rahman bin Karno sebagai Setiausaha yang baharu.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.2	<p><b>Rumah Seri Kenangan</b></p> <p>Lawatan Audit telah dibuat ke 3 RSK iaitu RSK Cheng, Melaka; RSK Bedong, Kedah; dan RSK Cheras, Selangor bagi menilai kualiti penyediaan makanan dan juga kerja pembersihan. Secara keseluruhannya pengurusan penyediaan makanan adalah teratur dan sistematik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek kerja-kerja pembersihan di RSK Bedong, Kedah dan RSK Cheras, Selangor di mana pembersihan di luar bangunan belum mencapai tahap yang memuaskan kerana di beberapa lokasi rumput tidak dipotong, rumput menjalar di pagar, terdapat sampah di kawasan pemetungan dan bahan binaan bertaburan.</p> <p><i>Maklum Balas KWPKM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Kontraktor kebersihan telah mematuhi kerja-kerja pembersihan sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian kontrak. Syarat dan tanggungjawab syarikat pembersihan bagi mengangkut sampah dari tong sampah besar keluar sebanyak 4 kali seminggu telah disediakan di dalam kontrak baharu pembersihan yang akan berkuatkuasa 1 Julai 2017.</i></p>	<p>Kontraktor telah mula melaksanakan perkhidmatan mengangkut sampah mulai April 2017 sebanyak 4 kali seminggu.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Perenggan 16 : Pengurusan Perolehan Keperluan Peralatan Domestik Dan Alat Ganti Pesawat Di Markas Pemerintahan Bantuan Udara Dan Materiel Udara**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																				
<b>16.5.2.1.a</b>	<p><b>Pengurusan Perolehan - Kaedah Perolehan Kontrak Pusat Sistem Panel</b></p> <p>Perolehan barangan siap/perkhidmatan gunasama boleh dibuat daripada panel kontraktor/pembekal yang dilantik oleh Perbendaharaan. Harga perolehan adalah berdasarkan harga yang ditawarkan dikalangan panel tersebut. Bagi perolehan alat ganti pesawat, proses perolehan dilakukan melalui proses tender dan rundingan terus. Bagi perolehan alat ganti <i>Non Proprietary</i> pesawat TUDM, MPBU telah melaksanakan <i>Direct Procurement Agreement</i> (DPA) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM98.85 juta yang dikongsi bersama dengan 28 syarikat panel yang dilantik dan dipersetujui oleh Kementerian Kewangan. Kontrak ini berkuat kuasa selama 3 tahun mulai 1 April 2014 sehingga 31 Mac 2017 dan sejumlah RM89.93 juta (90.98%) telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.</p>	<p>Di peringkat MPBU, rundingan bersama syarikat Kharisma Wira Sdn Bhd telah diadakan pada 19 Mei 2017 dan syarikat memohon rayuan kepada TUDM untuk mengemukakan dokumen sokongan mengurangkan jumlah denda lewat. TUDM memberi tarikh akhir sehingga 20 Jun 2017 kepada syarikat untuk memajukan dokumen sokongan tersebut.</p> <p><u>Status LD bagi 20 daripada 21 Syarikat</u></p> <p>Di peringkat Bahagian Perolehan, 20 daripada 21 syarikat (LD bagi satu (1) syarikat iaitu Syarikat Kharisma Wira Sdn Bhd masih belum dikemukakan kepada Bahagian Perolehan kerana masih dalam proses rundingan dengan pihak MPBU) yang dikenakan tuntutan LD telah diberi surat peringatan menjelaskan bayaran LD sebelum 26 Mei 2017.</p> <p>Sehingga 1 Jun 2017, sebanyak 9 syarikat telah membuat bayaran penuh seperti di bawah:-</p>																				
<b>16.5.2.1.b</b>	<p>Syarat penghantaran dinyatakan dalam kontrak dan mengikut Klausa 15, Kerajaan boleh mengenakan denda atau <i>Liquidated Damages</i> (LD) terhadap penghantaran yang melebihi tempoh <i>Estimate Delivery Date</i> (EDD). LD yang dikenakan akan dimuktamadkan apabila mesyuarat bersama syarikat dilaksanakan bagi memberi peluang kepada syarikat untuk membuktikan bahawa pengenaan LD terhadapnya adalah tidak tepat. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2015 hingga 2016 mendapati sejumlah RM1.01 juta LD yang dikenakan terhadap 22 syarikat masih belum dimuktamadkan kerana kelewatan mengadakan mesyuarat dengan syarikat. Kelewatan mesyuarat adalah disebabkan oleh kesukaran mencari tarikh yang bersesuaian bagi kedua-dua belah pihak; kekangan masa; pengerusi mesyuarat LD tidak menurunkan kuasa kepada pegawai lain dan MPBU mempraktikkan pengumpulan dan penggabungan beberapa surat LD yang diterima.</p>	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bil.</th> <th style="text-align: center;">Nama Syarikat</th> <th style="text-align: center;">LD Dikenakan (RM)</th> <th style="text-align: center;">Jumlah LD Dipersetujui (RM)</th> <th style="text-align: center;">Tarikh Pembayaran LD</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Solid Partners Sdn Bhd</td> <td style="text-align: right;">45,641.71</td> <td style="text-align: right;">11,855.38</td> <td style="text-align: center;">31/5/2017</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Destini Prima Sdn Bhd</td> <td style="text-align: right;">9,962.92</td> <td style="text-align: right;">7,070.24</td> <td style="text-align: center;">1/6/2017</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Naber Corporation (M) Sdn Bhd</td> <td style="text-align: right;">16,024.18</td> <td style="text-align: right;">2,462.54</td> <td style="text-align: center;">22/5/2017</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Nama Syarikat	LD Dikenakan (RM)	Jumlah LD Dipersetujui (RM)	Tarikh Pembayaran LD	1	Solid Partners Sdn Bhd	45,641.71	11,855.38	31/5/2017	2	Destini Prima Sdn Bhd	9,962.92	7,070.24	1/6/2017	3	Naber Corporation (M) Sdn Bhd	16,024.18	2,462.54	22/5/2017
Bil.	Nama Syarikat	LD Dikenakan (RM)	Jumlah LD Dipersetujui (RM)	Tarikh Pembayaran LD																		
1	Solid Partners Sdn Bhd	45,641.71	11,855.38	31/5/2017																		
2	Destini Prima Sdn Bhd	9,962.92	7,070.24	1/6/2017																		
3	Naber Corporation (M) Sdn Bhd	16,024.18	2,462.54	22/5/2017																		
<b>16.5.2.1.c</b>	<p>Bagi tempoh yang sama, Bahagian Rancang dan Piawai MPBU telah melaksanakan 10 siri mesyuarat di mana 8 syarikat telah dikenakan LD berjumlah RM196,641. Hasil daripada mesyuarat rundingan bersama pembekal, jumlah tersebut telah dikurangkan kepada RM127,149.</p>																					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
<p>Pengurangan LD ini adalah disebabkan oleh kelewatan tindakan <i>Brought on Charge</i> (BoC) dalam sistem SPKB; penghantaran/penerimaan alatan oleh syarikat ditangguhkan oleh MPBU disebabkan penghantaran di hujung tahun; pembelian <i>priority</i> (Rush Order) <i>Ex-Stock</i> dan menunggu Surat Pengecualian Cukai Kastam. Sehingga tarikh pengauditan selesai, Bahagian Perolehan telah mengeluarkan surat tuntutan kepada 8 syarikat berjumlah RM127,149. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM19,880 telah dibayar oleh 3 syarikat. Setakat ini tiada notis peringatan dikeluarkan kepada 5 syarikat yang masih belum membayar denda tersebut. Kelewatan menyelesaikan tuntutan LD ini boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan memandangkan kontrak tersebut tamat pada bulan Mac 2017.</p>	4	Talent Global Sdn Bhd	2,862.23	2,188.77	31/5/2017	
	5	D'Aquarian (M) Sdn Bhd	46,409.20	32,534.89	31/5/2017	
	6	Bagati Corporation Sdn Bhd	1,141.67	182.67	22/5/2017	
	7	Sierra 3 Aviation Construction Sdn Bhd	6,973.35	1,143.66	31/5/2017	
	8	RhinoShield Industries (M) Sdn Bhd	9,064.80	1,390.99	31/5/2017	
	9	24-Qiblatin Synergy Sdn Bhd	20,646.47	18,951.69	31/5/2017	
	<p>Satu syarikat telah membuat pembayaran separuh seperti berikut:</p>					
	1	ASE Teknik Sdn Bhd	115,961.01	30,180.36	<p>RM15,180.36 telah dibuat bayaran pada 1/6/2017. Mohon penangguhan bayaran kedua RM15,000.00 pada 29/7/2017.</p>	
	<p>ki 10 syarikat lagi belum membuat bayaran. Surat peringatan untuk menjelaskan bayaran pada atau sebelum 22 Jun 2017 telah dikeluarkan pada 13 Jun 2017. Sekiranya syarikat gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan pemotongan bayaran bagi tuntutan syarikat akan dibuat. Senarai syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:</p>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
		<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>LD Dikenakan (RM)</b>	<b>Jumlah LD Dipersetujui (RM)</b>	<b>Tarikh Akhir Pembayaran</b>
		1	Inversys Corporation Sdn Bhd	90,776.06	22,768.81	22.6.2017
		2	Latnor Aviation Sdn Bhd	28,705.63	24,380.23	22.6.2017
		3	Petrolife Engineering (M) Sdn Bhd	16,272.00	3,390.00	22.6.2017
		4	Vas Aero (M) Sdn Bhd	3,797.19	3,493.86	22.6.2017
		5	13-Major Logistic Sdn Bhd	31,034.69	21,837.56	22.6.2017
		6	Muadamzam Oto (M) Sdn Bhd	54,091.63	43,720.39	22.6.2017
		7	Cranfield Aero Svcs & Safety Equipments Sdn Bhd	66.74	66.74	22.6.2017
		8	Zetro Services Sdn Bhd	37,666.77	35,954.26	22.6.2017
		9	Seri Aero Jaya Sdn Bhd	44,092.19	31,110.50	22.6.2017
		10	Top Entity Sdn Bhd	8,217.14	7,978.96	22.6.2017
		<p><b><u>Status LD bagi 6 buah syarikat terdahulu.</u></b></p> <p>Sehingga 13 Jun 2017, sebanyak 5 syarikat telah membuat bayaran penuh iaitu Naber Corporation (M) Sdn. Bhd, Talent Global Sdn. Bhd, Vas Aero (M) Sdn. Bhd, Bagati Corporation Sdn Bhd dan FJ Global Solution (M) Sdn Bhd. Sebanyak satu syarikat masih belum membuat bayaran penuh iaitu syarikat Aeroclear (Asia) Sdn Bhd. Syarikat Aeroclear (Asia) Sdn Bhd telah memohon untuk membayar baki penghabisan sebanyak RM6,447.80 pada 18 Jun 2017 seperti di jadual di bawah:</p>				

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
		Bil	Nama Syarikat	LD Dikenakan (RM)	LD Dipersetujui (RM)	Status Pembayaran
		1	Aeroclear (Asia) Sdn. Bhd	12,319.69	11,663.82	Bayaran telah selesai pada 21/3/2017
				8,992.61	8,698.66	Bayaran telah selesai pada 3/5/2017
				37,697.61	26,447.80	Bayaran sebanyak RM10 ribu telah selesai pada 22/5/2017 dan RM10 ribu lagi pada 31/5/2017. Baki sebanyak RM6,447.80 akan dibayar pada 18/6/2017.
		2	Bagati Corporation Sdn. Bhd	19,064.24	11,947.67	Bayaran telah selesai pada 21/3/2016
				41,054.69	19,869.93	Bayaran telah selesai pada 22/5/2017
		3	Naber Corporation (M) Sdn. Bhd	7,304.17	5,991.87	Bayaran telah selesai pada 21/3/2017
		4	Talent Global Sdn. Bhd	2,279.32	1,323.43	Bayaran telah selesai pada 21/3/2017
		5	Vas Aero (M) Sdn. Bhd	31,355.25	30,024.16	Bayaran telah selesai pada 6/4/2017
		6	FJ Global Solution (M) Sdn Bhd	13,031.85	13,031.85	Bayaran telah selesai pada 6/4/2017



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>16.5.3</b></p>	<p><b>Pembelian Aset Dicaj Bawah Peruntukan Bekalan dan Bahan-Bahan Lain</b></p> <p>Kategori Bekalan dan Bahan-bahan Lain adalah bagi pembelian barang tak luak yang berharga RM1,000 atau lebih setiap unit tetapi tidak disenaraikan sebagai Harta Modal. Berdasarkan sampel, pihak Audit mendapati pada tahun 2015 dan 2016 sejumlah RM160,038 daripada peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain telah digunakan untuk membeli aset yang sepatutnya dicajkan di bawah peruntukan Harta Modal. Semakan selanjutnya mendapati peralatan yang dibeli direkod dalam senarai Harta Modal. Semakan terhadap daftar dan pengesahan fizikal aset mendapati semua aset berada di lokasi seperti di dalam daftar. Pembelian aset ini dibuat antaranya bagi keperluan operasi gudang serta kerja-kerja pembersihan hangar dan pesawat. Pembelian aset ini akan menjejaskan peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 12 Mei 2017</i></p> <p><i>MPBU membuat perolehan alatan tersebut berdasarkan kepada keperluan daripada unit-unit TUDM. Perolehan dibuat merujuk kepada Perenggan 3.2 kepada AM 2.1 tanpa merujuk kepada Lampiran A kepada tatacara tersebut. Perolehan ini telah ditapis dalam Jawatankuasa Tapisan Perolehan dan Sebut Harga B Domestik MPBU. Permohonan kelulusan khas perolehan Harta Modal bertarikh 29 Mac 2017 masih dalam proses pertimbangan Kementerian Kewangan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan MPBU membuat perolehan Harta Modal menggunakan peruntukan Bekalan dan Bahan-bahan Lain adalah tidak teratur kerana tidak menggunakan peruntukan yang sewajarnya.</p>	<p>Surat permohonan kelulusan telah dimajukan ke Kementerian Kewangan (MoF) pada 29 Mac 2017. Satu perjumpaan dengan wakil MoF juga telah diadakan untuk menjelaskan mengenai perkara ini. TUDM masih belum menerima maklum balas dari MoF dan permohonan kelulusan ini masih dalam pertimbangan MoF.</p>
<p><b>16.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Stor di Materiel Udara (MATRA) - Automated Storage And Retrieval System Rosak</b></p> <p><i>Automated Storage and Retrieval System (ASRS) merupakan sistem yang dibangunkan bagi memproses penyimpanan dan pengeluaran alatan dengan kos berjumlah RM54.60 juta dan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2005. Tempoh jaminan bagi ASRS berakhir pada bulan Ogos 2007. Lawatan Audit ke MATRA 2 pada bulan Disember 2016 mendapati ASRS tidak berfungsi sepenuhnya. Hasil semakan ke atas Laporan Kerosakan ASRS dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan mendapati server ASRS menjadi kurang stabil pada tahun 2008 dan akhirnya tidak berfungsi pada</i></p>	<p>Status terkini kerja-kerja pembaikan <i>Automated Storage and Retrieval System (ASRS)</i> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>ASRS Server Repair - 100%</i></li> <li>b. <i>Full System Diagnostic Check - 100%</i></li> <li>c. <i>ASRS Crane Parts and Repair - 95%</i></li> <li>d. <i>Platform Migration - 100%</i></li> <li>e. <i>Bin Storage Realignment - 50%</i></li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bulan Jun 2013. Semakan Audit juga mendapati tiada kontrak senggaraan diwujudkan setelah tempoh jaminan ASRS tamat. Kontrak Perkhidmatan Penyenggaraan <i>Automated Storage and Retrieval System</i> (ASRS) di MATRA 2 Pangkalan Udara Subang hanya diwujudkan dan ditandatangani pada bulan Jun 2014 selama 3 tahun berkuatkuasa pada 29 Ogos 2013 hingga 28 Ogos 2016 dengan nilai kontrak berjumlah RM10.45 juta.</p>	<p>Kerja-kerja pembaikan dijadualkan siap sepenuhnya pada 20 Jun 2017 dan ASRS beroperasi sepenuhnya pada 21 Jun 2017.</p>
<p><b>16.5.4.1.b</b></p>	<p>Bagaimanapun kontrak ini tidak meliputi pembaikan server yang merupakan punca utama kerosakan ASRS. Skop kontrak tersebut hanya meliputi senggaraan pencegahan (firm fixed), senggaraan baik pulih, pembelian alat ganti untuk perkhidmatan dan latihan. Sejumlah RM6.99 juta telah dibelanjakan bagi pembayaran firm fixed kepada kontraktor tersebut. Semasa pemeriksaan fizikal dijalankan, proses pengeluaran dan penyimpanan peralatan domestik dan alat ganti pesawat dibuat secara manual dan mengambil masa yang lebih panjang. Selain itu, peralatan domestik dan alat ganti pesawat terpaksa disimpan di tempat terbuka (Charge-In Bay) memandangkan rak-rak ASRS tidak lagi sesuai digunakan sebagai tempat simpanan.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Permohonan lanjutan tempoh, tambahan had bumbung dan perluasan skop bagi meliputi dukungan pembaikan yang dimajukan pada tahun 2015 telah diluluskan bagi tempoh 3 tahun mulai 29 Ogos 2016 sehingga 28 Ogos 2019. Skop senggaraan meliputi kerja-kerja ASRS Server Repair; ASRS Crane Parts and Repair; Platform Migration; Bin Storage Realignment dan Full System Diagnostic Check. Proses pembaikan telah bermula pada bulan November 2016. Kemajuan kerja-kerja pembaikan ASRS sehingga 9 Mei 2017 yang meliputi perluasan 5 skop telah ditaklimatkan kepada Timbalan PTU seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>ASRS Server Repair - 100%</i></li> <li>b. <i>Full System Diagnostic Check - 90%</i></li> <li>c. <i>ASRS Crane Parts and Repair - 80%</i></li> <li>d. <i>Platform Migration - 90%</i></li> <li>e. <i>Bin Storage Realignment - 10%</i></li> </ol> <p><i>Mesyuarat pemantauan secara berkala setiap minggu dengan kontraktor, MPBU-R&amp;P dan PERO-5 telah dilaksanakan oleh MATRA 2. Sistem dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada 21 Jun 2017.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, ketiadaan kontrak penyenggaraan ASRS telah melewati pembaikan ASRS seterusnya menjejaskan kecekapan proses penyimpanan dan pengeluaran stok di MATRA 2.</p>	
<p><b>16.5.5</b></p>	<p><b>Pengurusan Stok Tidak Aktif, Tidak Bergerak dan Usang</b></p> <p>Perintah Udara (PU) 4101 Seksyen 52 Arahan Materiel Udara telah menetapkan beberapa garis panduan berhubung dengan pengurusan Stok Tidak Aktif (STA), Stok Tidak Bergerak (STB) dan Stok Usang supaya urusan dapat dikendalikan dengan lebih teratur serta dapat mengurangkan atau menghindarkan STA, STB dan Stok Usang.</p>	<p>Status terkini sehingga 13 Jun 2017 adalah seperti berikut:-</p> <p>a. Dokumen masih di dalam proses semakan di Cawang Pengurusan Aset KEMENTAH dan kuasa kelulusan pelupusan dijangka diperolehi pada 3 Julai 2017.</p>
<p><b>16.5.5.1</b></p>	<p>Lawatan Audit di MATRA 1 (Pangkalan Udara Kuala Lumpur), MATRA 2 (Pangkalan Udara Subang) dan MATRA 4 (Pangkalan Udara Kuantan) pada bulan November dan Disember 2016 mendapati komponen dan material STA dan STB serta Stok Usang yang berada di dalam simpanan MATRA adalah bernilai RM561.94 juta. Ini meliputi di MATRA 1, Stok Usang bernilai RM17.79 juta; di MATRA 2, STA bernilai RM1.40 juta, STB bernilai RM5.65 juta dan Stok Usang bernilai RM14.61 juta. Di MATRA 4, STA bernilai RM203.17 juta dan STB bernilai RM319.32 juta. Stok-stok ini merangkumi stok baru, stok yang telah digunakan atau dalam proses pembaikan, stok yang disimpan sebagai apungan dan stok yang tidak boleh digunakan.</p>	<p>b. Baki 2,924 baris alatan telah dibuat pemeriksaan oleh Tim LPA melalui 8 siri LPA 1. Laporan lembaga pemeriksaan aset alih kerajaan telah dimajukan ke Bahagian Materiel-Khidmat Kewangan untuk tindakan selanjutnya. Satu (1) siri LPA 2 telah membuat surat permohonan ke Bahagian Materiel-Khidmat Kewangan dan masih menunggu tindakan selanjutnya. 112 daripada 2,924 baris alatan telah diperiksa dan selebihnya masih dalam proses pemeriksaan dan dijangka siap sepenuhnya pada 30 Ogos 2017.</p>
<p><b>16.5.5.2</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap 350 sampel daripada keseluruhan 23,386 item komponen dan material STA, STB dan Stok Usang mendapati 90% daripadanya tidak digunakan sejak tarikh <i>Brought on Charge</i> (BoC) iaitu tarikh daftar alatan berkenaan ke dalam Sistem Pengurusan Komputer Bersepadu (SPKB). Antara sampel item material STA dan STB bagi pesawat C130H seperti <i>probe temp, fan tube, disk valve, regulator</i> dan <i>door assy mlg</i> berjumlah RM1.05 juta di mana tiada pengeluaran dibuat sejak tahun 2010 iaitu sejak tarikh BoC alatan bagi kesemua 5 item material tersebut. Ini kerana tiada permohonan daripada Skuadron terlibat.</p>	<p>c. Sebanyak 56 baris alatan STA/STB bagi pesawat Hawk telah dilupuskan pada 6 April 2017 dan sebanyak 4 baris alatan pesawat MB339 juga telah dibuat pelupusan pada 6 April 2017. Dalam masa yang sama, MATRA 4 masih meneruskan aktiviti mengenal pasti dan mengasingkan alatan STA/STB dari masa ke semasa bagi semua pesawat dalam inventori MATRA 4. Proses pelupusan ini adalah aktiviti yang berterusan bila ada keperluan dan dilaksanakan dari masa ke semasa.</p>
<p><b>16.5.5.3</b></p>	<p>Semakan selanjutnya terhadap sampel item komponen dan material Stok Usang bagi pesawat Nuri seperti <i>cable ignition, casing assy, manif assy, manifold assy fuel</i> dan <i>main spray bar</i> berjumlah RM235,266 juga mendapati tiada pengeluaran dibuat dari tarikh BoC antara tahun 2002 hingga 2010. Ini disebabkan oleh tiada permohonan daripada Skuadron yang terlibat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.5.4	<p>STA, STB dan Stok Usang akan sentiasa bertambah setiap tahun kerana dasar <i>life cycle cost</i> adalah terlalu cepat, perolehan asal bersama pesawat, pembelian alat ganti pesawat secara <i>Minimum Order Quantity</i> (MOQ) / <i>in-bulk</i>, kit alatan yang lama serta pesawat yang ditamatkan perkhidmatan tetapi alat ganti pesawat masih ada. Peningkatan STA, STB dan Stok Usang akan memberi kesan kepada penyimpanan, pengendalian dan rekod serta berlakunya pembaziran dan kerugian kepada Kerajaan.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 12 Mei 2017</i></p> <p><i>Tindakan terhadap alatan STA, STB dan Stok Usang telah dilaksanakan oleh MPBU secara berterusan setiap tahun mengikut keperluan. Stok STA, STB yang terdapat di dalam rekod SPKB adalah keseluruhan stok yang dipegang oleh TUDM termasuk komponen-komponen rosak yang dikeluarkan dari pesawat sementara menunggu untuk pembaikan dan komponen-komponen yang telah dikembalikan selepas dari pembaikan yang disimpan oleh TUDM sebagai aset apungan. MATRA telah mengambil tindakan berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="383 788 1173 922">a. <i>Lembaga Pelupusan Am (LPA) bagi kesemua peralatan komponen dan material seperti di MATRA 1 telah dijalankan pada 9 Mac 2017. Syor LPA di MATRA 1 bagi 15 siri pelupusan telah diperolehi dan menunggu Kuasa Kelulusan Pelupusan dari Cawang Pengurusan Aset KEMENTAH</i></li> <li data-bbox="383 954 1173 1171">b. <i>Pemeriksaan secara fizikal di MATRA 2 telah dilaksanakan mulai 1 Mac 2017 di mana alatan dikenalpasti sama ada disimpan semula bagi alatan yang masih perlu atau dibuat pelupusan. LPA di MATRA 2 untuk 7 siri pelupusan melibatkan sebanyak 2,312 baris alatan (usang) sistem pesawat Cessna yang bernilai RM6,365,017.88 sedang berjalan mulai 9 Mei hingga 16 Mei 2017. Bagi alatan STA/STB, sebanyak 743 alatan telah diperiksa dan baki 2,924 alatan sedang dilaksanakan.</i></li> <li data-bbox="383 1203 1173 1337">c. <i>MATRA 4 telah memperolehi Kuasa Kelulusan Pelupusan sebanyak 56 baris alatan STA/STB pesawat Hawk bernilai RM 2,140,739.17 dan 4 baris alatan STA/STB pesawat MB339A bernilai RM857.54. Baki selebihnya sedang dalam tindakan pengasingan dan mengenalpasti status penggunaan alatan.</i></li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>MPBU telahpun mengambil tindakan untuk mengurangkan STA/STB dengan melupuskan semua alat ganti bagi pesawat yang telah dikeluarkan dari perkhidmatan dan alatan yang tidak boleh digunakan. Selain itu MPBU telah memperketatkan tatacara perolehan bagi sebarang alatan yang melibatkan komponen dan material bagi pesawat dan melaksanakan Performance Based Contract bagi mengatasi permasalahan bunching up stok di dalam simpanan TUDM.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak MPBU mempunyai rekod yang lengkap berkenaan STA, STB dan Stok Usang. Bagaimanapun, pengelasan stok sama ada baru atau terpakai tidak dibuat. Ini menyebabkan jumlah stok keseluruhan dalam kategori STA, STB dan Stok Usang adalah tinggi seterusnya jumlah sebenar stok baru yang tidak digunakan tidak dapat ditentukan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Tentera Udara Diraja Malaysia**

**Perenggan 17 : Penyenggaraan Dan Penggunaan Kenderaan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.2.b	<p><b>Pengurusan Penyenggaraan dan Pembaikan - Carta Aliran Kerja</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tiada tempoh masa yang ditetapkan bagi keseluruhan pelaksanaan proses kerja tersebut. Ini menyebabkan tempoh masa yang diambil bagi setiap proses kerja berbeza antara Pangkalan Udara. Pihak Audit telah membuat analisis terhadap tempoh kerja-kerja yang perlu dibuat bagi setiap proses kerja sehingga Pesanan Kerajaan dikeluarkan adalah selama 21 hari dan telah dipersetujui oleh pihak TUDM.</p>	<p>Kontrak Tambahan Pertama ini melibatkan pindaan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Klausula Takrifan iaitu <i>Request For Repair Quotation (RFRQ)</i> dan <i>Tear Down Inspection (TDI) Report</i>.</li> <li>ii. Klausula Membuat Pesanan iaitu tempoh masa aliran proses kerja, denda lewat 2% bagi <i>RFRQ</i> dan perolehan sebut harga di luar kontrak.</li> </ul>
17.5.2.2.c	<p>Berdasarkan tempoh masa yang dipersetujui dalam Jadual 17.5 bagi pelaksanaan proses kerja, analisis Audit terhadap proses kerja sebenar di peringkat TUDM bagi 74 kerja penyenggaraan berjadual dan 142 kerja pembaikan luar jangka yang melibatkan proses mengeluarkan tawaran sebutharga, mesyuarat JKTek dan JTP serta pengeluaran Pesanan Kerajaan mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tawaran Sebut Harga (RFQ) <ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi pembaikan luar jangka, sebanyak 41 tawaran Sebutharga (Request For Quotation - RFQ) dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan, 87 RFQ lewat dikeluarkan antara 7 hingga 311 hari dan baki 14 RFQ tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat. Manakala bagi kerja penyenggaraan berjadual sebanyak 16 RFQ telah dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan, 38 RFQ lewat dikeluarkan melibatkan kelewatan antara 7 hingga 156 hari dan 20 RFQ tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat.</li> </ul> </li> <li>ii. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal <ul style="list-style-type: none"> <li>Selepas menerima sebut harga daripada kontraktor di dapati sebanyak</li> </ul> </li> </ul>	<p>Draf klausula tambahan berkaitan dengan cadangan tempoh masa aliran proses kerja melibatkan TUDM dan Kontraktor telah diangkat ke MTU-Kontrak pada 13 Jun 2017 untuk semakan sebelum diangkat ke Bahagian Undang-Undang untuk kelulusan. Sesi pemakluman Kontrak Tambahan Pertama kepada semua 9 syarikat terlibat dijangka diadakan pada 5 Julai 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>42 sebutharga dibincangkan dalam mesyuarat JKTek dalam tempoh yang ditetapkan, 59 sebutharga lewat dibincangkan dalam mesyuarat JKTek dengan kelewatan antara 7 hingga 265 hari dan baki 41 tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat. Bagi penyenggaraan berjadual sepatutnya tidak perlu melalui JKTek kerana skop kerja telah ditetapkan dalam dokumen kontrak tetapi ia tetap dibawa ke mesyuarat JKTek di mana sebanyak 28 sebut harga dibincang dalam tempoh yang ditetapkan, 15 dibincangkan antara 7 hingga 350 hari dan baki 31 tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat.</p> <p>iii. Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan Perolehan</p> <p>Bagi pembaikan luar jangka sebanyak 32 kerja pembaikan dibincangkan dalam mesyuarat JTP dalam tempoh yang ditetapkan selepas mesyuarat JKTek manakala berlaku kelewatan antara 7 hingga 390 hari untuk 95 kerja pembaikan dan baki 15 kerja tidak dapat ditentukan tempoh. Bagi penyenggaraan berjadual, sebanyak 13 kerja dibincang dalam mesyuarat JTP dalam tempoh yang ditetapkan selepas mesyuarat JKTek, 48 kerja lewat dibincangkan dengan kelewatan antara 7 hingga 138 hari dan baki 13 kerja penyenggaraan tidak dapat ditentukan kerana ketiadaan maklumat. Antara sebab kelewatan ini berlaku adalah kerana tempoh masa tidak ditetapkan, tidak cukup korum dan kelewatan JKTek bermesyuarat.</p> <p>iv. Pengeluaran Pesanan Kerajaan</p> <p>Bagi kerja pembaikan luar jangka, pengeluaran 57 Pesanan Kerajaan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan selepas mesyuarat JTP dijalankan. Manakala berlaku kelewatan antara 7 hingga 158 hari untuk 73 Pesanan Kerajaan dan baki 12 Pesanan Kerajaan tidak dapat ditentukan tempoh. Bagi kerja penyenggaraan berjadual sebanyak 35 Pesanan Kerajaan dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan, 35 Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan antara 7 hingga 122 hari dan 4 Pesanan Kerajaan tidak dapat ditentukan tempoh kerana ketiadaan maklumat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.2.e	<p>Analisis Audit terhadap pelaksanaan proses kerja keseluruhan bagi 216 kerja penyenggaraan dan pembaikan meliputi 142 kerja pembaikan luar jangka dan 74 penyenggaraan berjadual mendapati tempoh masa yang diambil oleh TUDM untuk memproses 55 (25.5%) permohonan kerja adalah antara 9 hingga 246 hari iaitu lebih lama berbanding tempoh masa yang diambil oleh kontraktor untuk menyiapkan kerja penyenggaraan. Manakala 17 (7.9%) kerja penyenggaraan melibatkan tempoh masa yang lebih panjang di peringkat kontraktor antara 5 hingga 378 hari dan baki 144 (66.6%) kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dapat ditentukan tempoh masa yang diambil kerana maklumat tidak lengkap atau tiada tarikh.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Pertahanan yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Kementerian telah melaksanakan penambahbaikan terhadap tempoh pelaksanaan proses kerja sedia ada dengan mengeluarkan Pindaan Arahan Perlaksanaan Kontrak Senggaraan dan Membaikpulih AGSV dan AGSE di Pangkalan-Pangkalan TUDM bertarikh 16 Mac 2017 melibatkan peringkat Pangkalan-pangkalan Udara yang bertanggungjawab terhadap Senggaraan dan Pembaikan di bawah kos RM100 ribu dan MPBU-Sistem Grup E dan MPBU-Cawang Khidmat Pembaikan bagi kos melebihi RM100 ribu ke atas. Tempoh masa keseluruhan proses kerja yang ditetapkan adalah 7 hari bekerja bagi senggaraan berjadual dan 34 hari bekerja bagi pembaikan tidak berjadual yang melibatkan kos berjumlah di bawah RM100,000. Manakala 58 hari bekerja bagi pembaikan tidak berjadual melebihi RM100,000. Tempoh ini termasuk 14 hari yang diberikan kepada kontraktor bagi mengembalikan RFQ. Pindaan terhadap klausa kontrak yang berkaitan dengan cadangan tempoh masa aliran proses kerja melibatkan pihak TUDM dan Kontraktor akan dimajukan kepada Bahagian Kontrak KEMENTAH selewat-lewatnya 30 April 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan penetapan tempoh masa untuk proses penyenggaraan dan pembaikan menyebabkan kelewatan penyenggaraan dan seterusnya menjejaskan operasi AGSV.</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
17.5.2.2. f	<p><b>Analisis Audit terhadap proses kerja yang melibatkan kontraktor mendapati perkara berikut:</b></p> <p>i. kontraktor yang dilantik perlu memberi maklumbalas terhadap permohonan sebutharga (RFQ) yang dikeluarkan oleh Cawangan Material dalam tempoh 14 hari. Analisis terhadap 216 RFQ yang telah dikeluarkan kepada kontraktor mendapati sebanyak 127 (58.8%) RFQ telah dikembalikan oleh kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan, berlaku kelewatan mengembalikan 55 (25.5%) RFQ antara 7 hingga 423 hari manakala pengembalian 34 (15.7%) RFQ tidak dapat ditentukan tempoh kerana maklumat tidak lengkap.</p> <p>ii. <i>Turn Around Time</i> (TAT) adalah tempoh masa yang dipersetujui oleh kontraktor dan TUDM dalam mesyuarat JKTek dan JTP untuk melaksanakan penyenggaraan atau pembaikan. Sebarang kelewatan membolehkan pengenaan denda lewat sebanyak 2% sebulan. Semakan Audit mendapati TAT yang dipersetujui adalah antara satu hari hingga 60 hari. Bagaimanapun, didapati 93 (43.1%) daripada 216 kes melebihi tempoh TAT dengan kelewatan antara satu hari hingga 372 hari. Mengikut pengiraan Audit denda lewat yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM52,570, di mana PU Subang mencatatkan denda tertinggi yang tidak dikenakan berjumlah RM22,441. Bagaimanapun, pihak TUDM tidak pernah mengambil tindakan untuk mengenakan denda kepada kontraktor menyebabkan kerugian kepada kerajaan. Sebanyak 55 kes tidak dapat dipastikan sama ada melebihi TAT atau pun tidak kerana maklumat tidak lengkap seperti ketiadaan tarikh <i>Pre Delivery Inspection</i> (PDI) atau ketiadaan tarikh Pesanan Kerajaan ditandatangani. Manakala 68 kes telah diselesaikan dalam tempoh TAT yang dipersetujui.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Pertahanan yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>TUDM telah memohon untuk menambah klausa tambahan kepada klausa kontrak sedia ada bagi Tempoh Menjawab Sebutharga melalui surat bertarikh 28 Mac 2017 iaitu sekiranya kontraktor tidak mengemukakan sebutharga selepas tempoh 30 hari, Kerajaan perlu memanggil kontraktor untuk perbincangan dan sekiranya tiada tawaran dari kontraktor selepas 50 hari dari tarikh keluar RFQ, Kerajaan berhak menawarkan Sebutharga secara Luar Kontrak. Pihak kontraktor akan didenda sebanyak 2% dari nilai Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan bagi kerja tersebut.</i></p>	<p>MPBU telah membuat semakan semula ke atas denda lewat yang patut dikenakan kepada syarikat dan didapati terdapat 7 syarikat yang terlibat. Mesyuarat Jawatankuasa Denda Lewat ke atas 7 syarikat telah selesai diadakan oleh TUDM (MPBU-Cawang Rancang &amp; Piawaian) antara 8 - 17 Mei 2017. Notis tuntutan Denda Lewat (LD) telah dimajukan ke Bahagian Perolehan untuk tindakan tuntutan bayaran oleh syarikat seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1227 563 2049 1358"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>NAMA SYKT</th> <th>JUMLAH LD DIKENAKAN SELEPAS MESY JKLD (RM)</th> <th>TARIKH SURAT DIMAJUKAN KE BHG. PEROLEHAN UNTUK TUNTUTAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Aerospace Technology System Sdn Bhd (ATSC)</td> <td>5,705.68</td> <td>MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (33) bertarikh 18 Mei 2017</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Maju Engineering Services Sdn Bhd</td> <td>3,894.49</td> <td>MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (34) bertarikh 18 Mei 2017</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Duromac (M) Sdn Bhd</td> <td>2,058.12</td> <td>MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (21) bertarikh 09 Mei 2017</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Muadamzam Oto (M) Sdn Bhd</td> <td>212.56</td> <td>MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (35) bertarikh 18 Mei 2017</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Motor Technology &amp; Industri Sdn Bhd</td> <td>11,112.88</td> <td>MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (39) bertarikh 24 Mei 2017</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	NAMA SYKT	JUMLAH LD DIKENAKAN SELEPAS MESY JKLD (RM)	TARIKH SURAT DIMAJUKAN KE BHG. PEROLEHAN UNTUK TUNTUTAN	1.	Aerospace Technology System Sdn Bhd (ATSC)	5,705.68	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (33) bertarikh 18 Mei 2017	2.	Maju Engineering Services Sdn Bhd	3,894.49	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (34) bertarikh 18 Mei 2017	3.	Duromac (M) Sdn Bhd	2,058.12	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (21) bertarikh 09 Mei 2017	4.	Muadamzam Oto (M) Sdn Bhd	212.56	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (35) bertarikh 18 Mei 2017	5.	Motor Technology & Industri Sdn Bhd	11,112.88	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (39) bertarikh 24 Mei 2017
BIL	NAMA SYKT	JUMLAH LD DIKENAKAN SELEPAS MESY JKLD (RM)	TARIKH SURAT DIMAJUKAN KE BHG. PEROLEHAN UNTUK TUNTUTAN																							
1.	Aerospace Technology System Sdn Bhd (ATSC)	5,705.68	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (33) bertarikh 18 Mei 2017																							
2.	Maju Engineering Services Sdn Bhd	3,894.49	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (34) bertarikh 18 Mei 2017																							
3.	Duromac (M) Sdn Bhd	2,058.12	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (21) bertarikh 09 Mei 2017																							
4.	Muadamzam Oto (M) Sdn Bhd	212.56	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (35) bertarikh 18 Mei 2017																							
5.	Motor Technology & Industri Sdn Bhd	11,112.88	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (39) bertarikh 24 Mei 2017																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini									
	<p>Surat denda lewat telah diedarkan pada 17 Mac 2017 kepada semua kontraktor AGSV/AGSE untuk memajukan justifikasi berkaitan pengenaan denda lewat sebelum 27 Mac 2017. Kegagalan Kontraktor mengemukakan justifikasi yang dikehendaki pada tarikh yang ditetapkan dianggap pihak Kontraktor bersetuju dengan denda lewat tersebut. MPBU telah menetapkan tarikh mesyuarat Liquidated Damage (LD) untuk tujuh syarikat yang terlibat pada 8 Mei 2017, 11 Mei 2017 dan 17 Mei 2017. MPBU juga telah mengarahkan pangkalan-pangkalan TUDM untuk memajukan Laporan Denda Lewat secara berkala (4 bulan) melalui Pindaan Arahan Pelaksanaan Kontrak Senggaraan dan Membaikpulih AGSV dan AGSE di Pangkalan-Pangkalan TUDM bertarikh 16 Mac 2017.</p> <p>Pada pendapat Audit kelewatan kontraktor mengemukakan sebut harga menyebabkan pelaksanaan proses kerja lewat dilaksanakan. Denda berjumlah RM52,570 sepatutnya dikenakan atas kelewatan melebihi TAT.</p>	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="1227 256 1317 379">6.</td> <td data-bbox="1317 256 1581 379">Amdac (M) Sdn Bhd</td> <td data-bbox="1581 256 1776 379">4,300.09</td> <td data-bbox="1776 256 2049 379">MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (36) bertarikh 18 Mei 17</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1227 379 1317 497">7.</td> <td data-bbox="1317 379 1581 497">Jati Bumi General Services Sdn Bhd</td> <td data-bbox="1581 379 1776 497">64.01</td> <td data-bbox="1776 379 2049 497">MPBU/R&amp;P/7005/6 Jld.6 (40) bertarikh 24 Mei 17</td> </tr> </table>	6.	Amdac (M) Sdn Bhd	4,300.09	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (36) bertarikh 18 Mei 17	7.	Jati Bumi General Services Sdn Bhd	64.01	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (40) bertarikh 24 Mei 17	<p>Seterusnya Bahagian Perolehan telah mengeluarkan Notis Tuntutan Denda Lewat kepada 7 syarikat antara tarikh 12 hingga 30 Mei 2017. Memandangkan tiada syarikat yang membuat bayaran LD sehingga 9 Jun 2017, Bahagian Perolehan telah mengambil tindakan mengeluarkan Surat Peringatan Pertama pada 13 Jun 2017 dengan mengarahkan bayaran LD hendaklah dijelaskan sebelum 20 Jun 2017.</p>
6.	Amdac (M) Sdn Bhd	4,300.09	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (36) bertarikh 18 Mei 17								
7.	Jati Bumi General Services Sdn Bhd	64.01	MPBU/R&P/7005/6 Jld.6 (40) bertarikh 24 Mei 17								
17.5.2.3	<p><b>Pegangan AGSV</b></p> <p>a. Manual Publikasi TUDM (PU 9201) menetapkan “<i>The quantifiable mission of the RMAF logistic is to ensure all assets including aircraft have the minimum availability of 70% with 90% confidence level of being mission capable all times</i>”. Berdasarkan kepada statistik tahun 2014 hingga 2016 bagi 8 jenis kenderaan AGSV, didapati 47.3% daripada peratusan tahunan AGSV tidak mencapai tahap 70% pegangan yang telah ditetapkan.</p> <p>b. Semakan selanjutnya mendapati 125 (67.9%) daripada 184 sampel AGSV telah melebihi tempoh had umur yang ditetapkan seterusnya menyumbang kepada peratusan pegangan di bawah 70%.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Pertahanan yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>TUDM telah menambahbaik pengurusan AGSV di pangkalan dengan menetapkan keperluan optimum yang perlu disiapsiagakan dan untuk mencapai peratusan yang ditetapkan, TUDM telah mengeluarkan arahan berkaitan tempoh masa kerja yang lebih sistematik, mengkaji semula keutamaan rancangan pelupusan dan penggantian AGSV serta memastikan penajaan perolehan AGSV dan AGSE mengikut pelan rancangan perolehan</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 17.5.2.3									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>TUDM bagi tahun 2018 hingga 2022. Bagi tahun 2018, TUDM telah menyediakan permohonan bajet mengurus bagi perolehan penggantian AGSV berjumlah RM30.52 juta.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kenderaan yang melebihi tempoh had umur yang ditetapkan dan tidak ekonomik dibaiki menjejaskan tahap 70% pegangan AGSV yang ditetapkan.</p>	
17.5.3.1	<p><b>Pelantikan Kontraktor - Persijilan <i>Approved Maintenance Organisation</i></b></p> <p>a. <i>Approved Maintenance Organisation (AMO)</i> merupakan sijil yang dikeluarkan oleh <i>Directorate General Technical Airworthiness (DGTA)</i> kepada kontraktor yang terlibat dengan penyenggaraan pesawat dan juga peralatan berkaitan pesawat. Perenggan 19, Lampiran A Surat Setuju Terima (SST) menyatakan, kontraktor perlu mendapatkan sijil <i>Approved Maintenance Organisation (AMO)</i> daripada <i>Directorate General Technical Airworthiness (DGTA)</i> sebelum layak menjalankan kerja senggaraan atau pembaikan. Berdasarkan kepada prosedur sedia ada, kontraktor hanya memohon sijil AMO setelah mendapat tawaran kontrak atau SST. Syarat ini tidak dinyatakan dalam iklan tender kerana permohonan sijil AMO adalah berasaskan kepada skop serta spesifikasi kontrak yang diperolehi dan tidak boleh dipohon oleh kontraktor sebelum kontrak ditawarkan.</p> <p>b. Semakan Audit mendapati tiada tempoh yang ditetapkan untuk kontraktor memperolehi sijil AMO setelah SST ditandatangani. Didapati empat kontraktor yang telah dilantik memperolehi sijil penuh AMO dalam tempoh 84 hingga 241 hari setelah SST ditandatangani. Manakala satu kontraktor memperolehi sijil interim AMO dalam tempoh 137 hari untuk pelbagai jenis AGSV dan 245 hari untuk <i>aircraft Refueller</i> dan <i>Fuel Dispenser</i> setelah SST ditandatangani. Ini menyebabkan 10 kerja penyenggaraan dan pembaikan AGSV di PU Labuan tertangguh antara 34 hingga 137 hari dan masih belum dijalankan sehingga tarikh lawatan Audit pada 16 Disember 2016.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Pertahanan yang Diterima Pada 5 Mei 2017</i></p> <p><i>Bagi kontrak akan datang TUDM meletakkan keutamaan pemilihan kontraktor berlandaskan peraturan 4.1.1 klausa e, Technical Airworthines Management Manual (TAMM) berkaitan sijil AMO serta menetapkan tempoh tiga bulan</i></p>	<p>Pada ketika ini hanya terdapat satu kontrak sahaja yang masih belum memperolehi pensijilan AMO iaitu Syarikat Maju Engineering Sdn Bhd untuk Pangkalan Udara Labuan. Interim pertama telah diberikan pada 9 Jan 2017 dan Audit bagi pensijilan penuh akan diadakan pada 15 Jun 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>untuk memperoleh sijil interim AMO dan maksima 6 bulan untuk sijil penuh AMO setelah SST ditandatangani. Selain itu TUDM juga memohon tambahan klausa kontrak dengan memasukkan tempoh dan tindakan membatalkan kontrak sekiranya sijil penuh AMO tidak diperolehi oleh kontraktor dalam tempoh 180 hari.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan kontraktor memperoleh sijil AMO menjejaskan proses penyenggaraan AGSV.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Jabatan Imigresen Malaysia**

**Perenggan 18 : Pengurusan Pengusiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Dan Depot Tahanan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.1	<p><b>Pengurusan Pengusiran PATI - Bilangan PATI yang Diusir Adalah Berbeza</b></p> <p>Sistem myIMMs telah digunakan oleh JIM bermula pada 1 November 2010. Berdasarkan sistem myIMMs, data dan maklumat berkaitan PATI yang diusir bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 ialah seramai 7,836 PATI, bagaimanapun Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JIM merekodkan seramai 179,364 PATI. Sehubungan itu terdapat perbezaan berjumlah 171,528 PATI antara data dalam sistem myIMMs dan maklumat tersebut. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan data.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 26 April 2017</i></p> <p><i>Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod, JIM sedang menyemak perbezaan di antara kedua-dua data tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan maklumat pengusiran PATI adalah tidak memuaskan kerana perbezaan yang ketara antara data dalam sistem myIMMs dengan maklumat di Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JIM.</p>	<p>Hasil semakan mendapati bahawa jumlah keseluruhan pengusiran melalui depot bagi tahun 2014 – 2016 berjumlah 179,499 orang.</p> <p>Hasil semakan laporan yang dijana daripada <i>e-service MyIMMs</i> mendapati bahawa pengusiran yang dibuat daripada depot tahanan imigresen seluruh negara adalah berjumlah 23,551 orang. Oleh itu, perbezaannya adalah 155,948 orang. JIM telah menggerakkan <i>task force</i> bagi mengesan dokumen COM Manual untuk dikemaskini dalam sistem MyIMMs.</p>
18.5.2.2	<p><b>Maklumat PATI yang Diusir dan Disenarai Hitam Tiada Dalam Sistem myIMMs</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 457 sampel PATI iaitu 405 rekod PATI di depot yang dilawati dan 52 orang PATI yang diusir di KLIA2 dan Terminal Pasir Gudang mendapati seramai 223 orang PATI tidak disenarai hitam serta-merta semasa PATI diusir dalam sistem myIMMs. Kegagalan menyenarai hitam PATI lebih awal sebelum diusir boleh menyebabkan PATI yang telah diusir boleh memasuki semula Malaysia dengan mudah. Penjelasan lanjut berkaitan PATI</p>	<p>JIM telah memulakan mengesan dokumen COM Manual bagi 11 PATI yang tidak dapat disenarai hitamkan sebelum maklumat mereka dikemaskini dalam sistem MyIMMs</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang tidak disenarai hitam adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Analisis Audit terhadap 405 sampel PATI di 3 depot tahanan yang dilawati mendapati seramai 195 orang PATI daripada pelbagai warganegara telah diusir dan seramai 210 orang PATI masih belum diusir kerana dalam proses pendakwaan. Daripada 195 orang PATI yang telah diusir seramai 192 (98.5%) orang tidak disenarai hitam di dalam sistem myIMMs dan hanya 3 (1.5%) orang PATI sahaja yang telah disenarai hitam.</li> <li>ii. Pemeriksaan Audit di Terminal Pasir Gudang berhubung pengusiran ke atas 38 orang PATI Warganegara Indonesia (WNI) yang mempunyai pasport dan tiket yang ditanggung sendiri mendapati pasport kesemua PATI tersebut telah dicop senarai hitam namun 17 (44.7%) daripadanya tidak disenarai hitam dalam sistem myIMMs.</li> <li>iii. Pemeriksaan Audit selanjutnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) mendapati seramai 14 orang PATI daripada Depot Tahanan Semenyih telah diusir melalui laluan udara ke Yangon, Myanmar. Proses pengusiran udara dilakukan apabila PATI yang terlibat telah mempunyai tiket yang dibiayai sendiri dan permit keluar telah dikeluarkan oleh Kedutaan Myanmar. Semakan Audit mendapati kesemua 14 (100%) orang PATI tersebut tidak disenarai hitam di dalam sistem myIMMs.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Penyelia di Depot Tahanan Pekan Nenas, Semenyih dan Langkap telah mengaktifkan senarai hitam semua rekod PATI di dalam sistem MyIMMs pada bulan Februari dan April 2017. Satu rekod PATI di Depot Tahanan Semenyih dan 10 rekod PATI di Depot Tahanan Langkap tidak dapat disenaraihitamkan kerana gagal mengesan rekod biometrik. JIM sedang menyasat 11 rekod yang masih tidak dapat disenarai hitam.</i></li> <li>ii. <i>Bagi pemeriksaan di Terminal Pasir Gudang, Penyelia telah mengaktifkan senarai hitam semua 12 rekod PATI di dalam sistem myIMMs manakala 5 orang PATI tidak disenaraihitamkan kerana tidak dapat disabit dengan kesalahan dan dokumen perjalanan telah tamat tempoh semasa dalam tahanan.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. Pada bulan April 2017, penyelia di depot tahanan telah mengemaskini dan mengaktifkan senarai hitam kesemua 14 rekod PATI yang diusir melalui KLIA2 di dalam sistem myIMMs.</p> <p>iv. JIM telah mewujudkan pasukan naziran bagi memantau dan memastikan semua depot tahanan mengemaskini rekod PATI.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pengusiran adalah tidak cekap dan berkesan kerana JIM gagal untuk menyenarai hitam PATI yang telah diusir dan boleh menyebabkan PATI memasuki semula Malaysia.</p>	
18.5.2.3	<p><b>Maklumat PATI yang Diusir dan Disenarai Hitam Tidak Ditukar Status/Diaktifkan ke <i>Suspect List</i> Dalam Sistem myIMMs</b></p> <p><i>Suspect List</i> (SL) bermaksud PATI yang telah disenarai hitam dan perlu dimasukkan ke dalam sistem myIMMs. Pihak JIM telah menetapkan sesuatu status SL di dalam sistem myIMMs seperti 'aktif' dan 'baru'. Status 'aktif' bermaksud data PATI telah dimasukkan ke dalam Sistem myIMMs dan telah diaktifkan senarai hitam oleh pegawai penyelia manakala status 'baru' pula bermaksud data PATI telah dimasukkan ke dalam Sistem myIMMs namun masih belum diaktifkan senarai hitam oleh pegawai penyelia.</p> <p>Analisis Audit mendapati seramai 198 (6.3%) daripada 3,129 PATI yang berstatus SL dalam sistem myIMMs masih berstatus 'baru' dan tidak diaktifkan. Kesan daripada pihak JIM tidak mengaktifkan status PATI tersebut, satu (0.5%) PATI warganegara Indonesia telah masuk ke Malaysia pada 6 November 2015 di Jeti Pasir Gudang walaupun PATI tersebut telah di SL 'baru' pada 19 Oktober 2015.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Pada bulan April 2017, JIM telah mengaktifkan seramai 182 daripada 198 orang PATI di dalam SL MyIMMs dan 14 orang PATI tidak diaktifkan kerana telah tamat tempoh SL. JIM sedang membuat semakan lanjut 2 PATI yang masih belum diaktifkan.</i></p>	<p>Hasil semakan mendapati 16 orang PATI telah diaktifkan dan tamat tempoh SL.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>18.5.2.4</b></p>	<p><b>PATI Melempi Pintu Masuk Malaysia Walaupun Berstatus Aktif Dalam Sistem myIMMs</b></p> <p>Berdasarkan analisis Audit, daripada 2,337 PATI berstatus 'aktif' bagi tahun 2014 hingga 2016, seramai 2 (0.1%) PATI telah berjaya memasuki semula Malaysia.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 26 April 2017</i></p> <p>i. Hasil semakan mendapati pemegang pasport Indonesia bernombor A459XXXX dalam senarai syak menggunakan nama yang berlainan, maka sistem tidak memberikan amaran kepada pegawai yang bertugas. JIM telah membuat aduan berkenaan perkara ini melalui ADUKOM JIM.</p> <p>ii. JIM sedang menjalankan siasatan lanjut berkenaan perkara bagaimana pemegang pasport nombor A857XXXX boleh memasuki Malaysia walaupun sistem telah menunjukkan subjek ini ditolak kemasukannya.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pengusiran PATI yang telah disenarai hitam berstatus 'baru' dan 'aktif' adalah tidak memuaskan kerana PATI boleh memasuki semula Malaysia setelah diusir.</p>	<p>Siasatan awalan telah dilaksanakan oleh Bahagian Integriti JIM Johor sebagai input kepada siasatan Bahagian Integriti Ibu Pejabat.</p>
<p><b>18.5.2.5</b></p>	<p><b>Nama PATI Tidak Dicatatkan di Dalam Sistem myIMMs</b></p> <p>Pihak Audit telah menganalisis sebanyak 99,529 senarai nama PATI yang telah dimasukkan ke dalam sistem myIMMs di depot tahanan seluruh negara bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Hasil daripada analisis Audit mendapati seramai 27 (0.03%) PATI dari Depot Tahanan Juru yang ditahan dan dimasukkan ke dalam sistem myIMMs tidak mempunyai nama, jantina dan jenis kesalahan. Maklumat yang terdapat dalam sistem myIMMs adalah pengenalan biometrik, tarikh masuk depot tahanan dan nama pegawai pendaftar masuk di depot serta nombor rujukan.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Hasil semakan, JIM telah mengenal pasti 13 nama dan jantina PATI yang disenaraikan. JIM sedang menjana semula daripada sistem MyIMMs baki 14 PATI yang tidak mempunyai nama, jantina dan jenis kesalahan.</i></p>	<p>Hasil semakan, JIM telah mengenalpasti 27 nama dan jantina PATI yang disenaraikan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.6	<p><b>Ageing PATI di Depot Tahanan</b></p> <p>a. Analisis Audit mendapati PATI yang ditahan kurang daripada 1 bulan di depot tahanan seluruh negara dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seramai 1,653 PATI. Seramai 4,972 PATI telah ditahan antara 1 hingga 3 bulan manakala 873 PATI telah ditahan dan berada di dalam depot tahanan antara 4 hingga 12 bulan. Semakan selanjutnya mendapati seramai 176 PATI telah ditahan di depot tahanan melebihi 1 tahun dan boleh menyebabkan kos pengurusan PATI meningkat.</p> <p>b. Pihak KDN memaklumkan faktor PATI berada lama di depot tahanan dalam tempoh tersebut terutama bagi tempoh melebihi 6 bulan disebabkan majoriti tahanan adalah warganegara Myanmar beretnik Rohingya di mana pihak UNHCR tidak dapat membuat pengesahan status pelarian bagi warganegara Myanmar. Selain itu masalah dokumentasi, mengenalpasti kerakyatan PATI dan tidak mendapat kerjasama daripada pihak kedutaan negara berkaitan pembiayaan kos penghantaran pulang PATI ke negara asal telah menyebabkan PATI berada lama di depot tahanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penahanan PATI yang terlalu lama di depot tahanan menambahkan kos pengurusan PATI kepada pihak JIM.</p>	
18.5.3.1.b	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Kontrak Perkhidmatan Feri Kepada Syarikat yang Sama Semenjak Tahun 2007 Hingga 2017</b></p> <p>Pada 1 November 2007 hingga 31 Oktober 2009, JIM telah mengikat kontrak dengan syarikat perkhidmatan feri (kontraktor) bagi tempoh dua tahun setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) secara rundingan terus dengan kadar RM205 bagi seorang PATI. Sehingga kini, kontrak tersebut telah diperbaharui sebanyak 4 kali dan kontrak yang terakhir diperbaharui adalah pada 1 November 2015 hingga 31 Oktober 2017. Semakan Audit mendapati surat kelulusan diperoleh daripada MOF bagi lanjutan pertama hingga lanjutan ke-4. Kelulusan lanjutan ke-4 masih dibuat walaupun pada kelulusan lanjutan ke-3 pihak MOF sendiri telah menetapkan syarat bahawa "perlanjutan ini adalah untuk kali ini sahaja dan muktamad. Perolehan seterusnya hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa secara tender terbuka".</p>	<p>Mesyuarat Penyelarasan kontrak telah diadakan pada 13 Jun 2017. Mesyuarat telah memutuskan supaya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kajian untuk mendapatkan keputusan dasar mengenai keperluan penghantaran PATI ke Indonesia; dan</li> <li>ii. Penyediaan dokumen pelawaan tender supaya kontrak baru dapat bermula pada 1 November 2017.</li> </ul> <p>Memandangkan keputusan dasar mengenai penghantaran pulang PATI Indonesia ini akan memerlukan penglibatan Pengurusan Atasan dan juga persetujuan/pandangan daripada Kerajaan Indonesia yang dijangka akan melewati tempoh tamat kontrak semasa, penyediaan dokumen pelawaan baru perlu mengikut skop kontrak sedia ada dengan penambahbaikan dan pindaan mengikut teguran Audit seperti lokasi penghantaran, makan dan pengesahan insurans.</p> <p>Pelan pelaksanaan perolehan adalah seperti berikut:-</p>
18.5.3.1.c	<p>Analisis Audit daripada kontrak yang ditandatangani mendapati JIM dan kontraktor telah mengikat kontrak selama 10 tahun bermula dari tahun 2007</p>	<p>16/6/2017 - 15/7/2017 - Pemurnian spesifikasi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hingga 2017.	17/7/2017 - Mesyuarat Spesifikasi KDN 20/7/2017 - Penyediaan dokumen tender
18.5.3.1.d	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah PATI yang diusir dan pembayaran yang telah dibuat oleh JIM bagi lanjutan pertama hingga lanjutan ke-4 adalah seramai 135,036 orang dengan kos keseluruhan sebenar berjumlah RM27.38 juta.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>KDN mengambil maklum pandangan Audit bahawa kontrak telah dilanjutkan dalam tempoh yang lama dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Memandangkan kontrak semasa akan tamat pada 31 Oktober 2017, KDN bercadang untuk melaksanakan perolehan seterusnya secara tender terbuka dengan penambahbaikan dari segi spesifikasi dan perincian klausa-klausa kontrak yang terlibat seperti yang dicadangkan.</i></p>	<p>27/7/2017 - Iklan Tender 7/8/2017 - Taklimat tender 7/9/2017 - Tutup tender 7-21/9/2017 - Penilaian 1/10/2017 - Pembentangan ke Lembaga Perolehan KDN. 15/10/2017 - Mengeluarkan Surat Setuju Terima 1/11/2017 - Tarikh mula kontrak baru.</p>
18.5.3.2	<p><b>Tiada Bukti Pengesahan Insurans Perlindungan PATI Diambil</b></p> <p>a. Merujuk kepada Klausa 10 kontrak yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor dari tahun 2007 hingga 2017 menetapkan antara perkhidmatan yang perlu disediakan oleh kontraktor adalah insurans perlindungan untuk semua PATI yang bakal menaiki feri/kapal dan berada dalam pelayaran tersebut.</p> <p>b. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, tiada bukti insurans perlindungan PATI telah diambil kerana dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan oleh pihak JIM kepada pihak Audit.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Pada 26 Oktober dan 8 Disember 2016, JIM telah meminta pihak kontraktor mengemukakan jaminan insurans perlindungan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2015. Bagaimanapun, sehingga kini pihak syarikat tidak dapat mengemukakan dokumen tersebut. Syarikat hanya dapat mengemukakan salinan insurans dan slip bayaran premium bagi tahun 2016 dan 2017 sahaja.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor adalah kurang memuaskan kerana JIM tidak mengemukakan bukti insurans disediakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.3.3	<p><b>Klausa Kontrak Dengan Syarikat Perkhidmatan Feri Tidak Dipatuhi</b></p> <p>a. Berdasarkan Klausa 11 Pengangkutan Dan Penghantaran dalam dokumen kontrak menyatakan kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap penghantaran PATI dari Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Surabaya dan dalam keadaan di mana PATI didapati berasal dari daerah yang berlainan, kontraktor masih bertanggungjawab menghantar PATI yang berkenaan ke pelabuhan yang berhampiran dengan daerah asal PATI tanpa melibatkan sebarang tambahan kos kepada Kerajaan Malaysia.</p> <p>b. Pemerhatian Audit mendapati selepas PATI tiba di Pelabuhan Tanjung Pinang, proses penghantaran PATI ke destinasi masing-masing melalui pelabuhan terdekat telah diurus dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Indonesia.</p> <p>c. Sehubungan itu tiada bukti kontraktor telah membuat penghantaran pulang ke Surabaya sebagaimana kehendak kontrak. Kontraktor hanya menghantar PATI ke Pelabuhan Tanjung Pinang sahaja. Bagaimanapun, tiada sebarang dokumen bagi mengesahkan bilangan PATI yang tiba di Pelabuhan Tanjung Pinang bersamaan dengan bilangan PATI yang diusir dari pusat transit pengusiran Pasir Gudang. Perakuan bayaran telah dibuat walaupun syarat dalam klausa kontrak tidak dipatuhi.</p> <p>d. Selain itu, kadar yang dikenakan oleh kontraktor sejumlah RM212 seorang PATI termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (GST) adalah lebih tinggi jika dibandingkan bayaran yang dikenakan oleh pengusaha syarikat feri swasta ke Tanjung Pinang. Contohnya perjalanan pergi dan balik dari Jeti Stulang Laut, Johor Baharu ke Pelabuhan Tanjung Pinang, Indonesia adalah RM160.</p> <p>e. Berdasarkan pengiraan Audit jika harga kos penghantaran pulang adalah RM160 maka terdapat perbezaan berjumlah RM52 daripada harga kontrak untuk seorang PATI. Bagi tahun 2014 hingga 2016, pengusiran PATI adalah seramai 53,924 PATI dan perbezaan kos terlibat dianggarkan adalah berjumlah RM2.80 juta.</p> <p>f. Pihak KDN memaklumkan kos penghantaran seorang PATI iaitu RM212 seorang bukan sahaja mengambil kira destinasi penghantaran tetapi termasuk sajian dan penginapan jika pelayaran tergendala.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 26 April 2017</i></p> <p><i>KDN bersetuju dengan pandangan pihak Audit bahawa penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi kontrak ini. Sehubungan dengan itu, KDN berhasrat untuk melaksanakan perolehan ini secara tender terbuka selepas tempoh kontrak ini tamat pada 31 Oktober 2017. Kontrak baharu akan ditambah baik dari segi perincian spesifikasi yang meliputi keperluan dan tanggungjawab syarikat terutamanya apabila berlaku penangguhan pelayaran. Penyediaan kontrak juga akan mengambil kira prosedur, skop dan bidang kuasa JIM.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Klaus 11 dalam kontrak tidak dipatuhi kerana PATI yang diusir tidak dihantar ke Surabaya pada kos sejumlah RM212.</p>	
18.5.3.4	<p><b>Pengurusan Dokumen Terkawal di Penempatan Transit Kurang Memuaskan</b></p> <p>Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan dokumen terkawal semasa proses pengusiran didapati kontraktor mempunyai maklumat berhubung bilangan dan nama PATI WNI yang akan diusir serta tarikh pergerakan dari setiap depot tahanan sebagaimana dalam kontrak. Bagaimanapun, penyaluran maklumat tersebut boleh menyebabkan risiko penyalahgunaan maklumat jika tanpa kawalan pihak JIM. Pihak Audit juga mendapati kontraktor yang berurusan dengan konsulat Indonesia tanpa penglibatan pihak JIM untuk proses pengesahan dan pengecaman PATI WNI.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Ibu Pejabat JIM telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 8 Mei 2017 di mana semua komandan depot tahanan seluruh negara yang ingin membuat penghantaran PATI perlu memberikan salinan senarai PATI kepada Ketua Imigresen Pasir Gudang sebagai penyelarasan bagi tujuan berurusan dengan pihak konsulat Indonesia.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen terkawal tidak teratur kerana maklumat terkawal tersebut telah disalurkan kepada pihak ketiga dan tiada kawalan daripada pihak JIM.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.4.1.c	<p><b>Pengurusan Depot Tahanan - Kontraktor Pembekalan Makanan Gagal Mematuhi Syarat Ditetapkan di Dalam Kontrak</b></p> <p>Pemeriksaan Audit di tiga depot tahanan yang dilawati mendapati penyediaan makanan PATI disediakan di dapur dalam kawasan depot tahanan dan kebersihan dapur adalah memuaskan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati penyediaan makanan di Depot Tahanan Langkap dan Semenyih adalah mengikut menu yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Bagi Depot Tahanan Pekan Nenas, menu yang sepatutnya dibekalkan oleh kontraktor antaranya adalah air sirap dan lauk daging. Namun kontraktor hanya membekalkan air kosong dan makanan yang tidak bersamaan dengan menu yang dinyatakan dalam kontrak.</p>	<p><u>Tambahan:-</u></p> <p>Surat pemakluman kepada JIM untuk menguatkuasakan Fasal 13.1.1 dan Fasal 17 kontrak KDN/PL/JIM/6/2015 telah dikeluarkan pada 20 April 2017 (salinan surat dilampirkan).</p> <p><i>Fasal 13.1.1 - Setuju Terima Pembekalan itu dan Kontraktor boleh dikenakan membayar satu amaun sebanyak 5% daripada nilai Pembekalan yang belum diserahkan sebagai pampasan kepada Kerajaan.</i></p>
18.5.4.1.d	<p>Anggaran harga air sirap bagi makan tengah hari dan malam adalah berharga RM0.20 sehari bagi seorang PATI. Bagi penyediaan minuman selama 365 hari di Depot Tahanan Pekan Nenas yang boleh menampung seramai 1,250 PATI, perbezaan harga bagi 3 tahun dalam tempoh 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM273,750. Ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 10 April 2017</i></p> <p><i>Komandan Depot Tahanan Pekan Nenas telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 5 Februari 2017 kepada kontraktor terbabit supaya mematuhi kontrak yang telah dipersetujui dan arahan tersebut telah dipatuhi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penyediaan makanan adalah memuaskan kecuali penyediaan makanan mengikut menu di Depot Tahanan Pekan Nenas yang tidak mematuhi kontrak.</p>	<p><i>Fasal 17 - "Set Off"</i></p> <p>Pemotongan/caj/denda yang dikenakan adalah berdasarkan kepada hidangan makan tengahari dan makan malam yang melibatkan menu air sirap.</p>
18.5.4.2.	<p><b>Bilik Kuarantin Tidak Disediakan dan Tidak Terurus</b></p> <p>Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Malaysia mengenai Kaedah-Kaedah Pentadbiran Dan Pengurusan Tahanan menyatakan bilik kuarantin perlu disediakan bagi tahanan yang mempunyai penyakit berjangkit sebelum rawatan diberikan, tertakluk kepada nasihat oleh pegawai perubatan. Pemeriksaan Audit di Depot Tahanan Langkap mendapati bilik kuarantin bagi PATI lelaki telah disediakan bagaimanapun bilik kuarantin bagi PATI wanita tidak disediakan. PATI wanita yang berpenyakit diletakkan bersama-sama dengan PATI yang lain termasuk bayi dan kanak-kanak. Ini menjejaskan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kesihatan bukan sahaja kepada PATI yang lain tetapi kepada anggota Imigresen sendiri. Selain itu, pemeriksaan Audit di Depot Tahanan Semenyih mendapati dua daripada lapan bilik kuarantin di dua blok tahanan lelaki tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana berlaku kebocoran sistem paip sejak bulan Jun 2016.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 11 Mei 2017</i></p> <p><i>Projek pembinaan blok tahanan lelaki di Depot Tahanan Langkap dijangka siap pada 23 Jun 2017. Mengikut perancangan, semua tahanan lelaki akan dipindahkan ke blok tahanan baru yang dilengkapi dengan bilik kuarantin. Bagi dua blok tahanan lelaki yang lama akan dijadikan blok tahanan wanita yang telah tersedia dengan sel pengasingan.</i></p> <p><i>Pembaikan kebocoran bilik kuarantin telah dimasukkan sebagai pembaikan kecil di Depot Tahanan Semenyih di bawah bajet pembangunan bagi Rolling Plan 3 RMK-11 yang berjumlah RM46 juta bagi penambahbaikan dan pembaikan depot tahanan seluruh negara. JIM juga sedang meneliti keperluan pembaikan segera kebocoran 2 bilik kuarantin.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan depot tahanan adalah kurang memuaskan dari aspek bilik kuarantin yang tidak disediakan dan tidak terurus.</p>	
<p><b>18.5.5.2.</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, diperingkat JIM Negeri dan depot tahanan beberapa mesyuarat telah diadakan untuk memantau aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan pengusiran PATI dan depot tahanan. Antara mesyuarat yang diadakan di peringkat JIM Negeri adalah seperti Mesyuarat Pengurusan Jabatan, Mesyuarat Depot Tahanan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK).</p>	<p>JIM telah melaksanakan penstrukturan semula di peringkat Ibu Pejabat, di mana pada asalnya Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat memantau dan menyelia bagi semua aktiviti penguatkuasaan, pengurusan depot, pengusiran, anti-pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Di dalam struktur baru Bahagian Penguatkuasa dipecahkan kepada 4 bahagian berasingan di mana salah satunya adalah Bahagian Pengurusan Depot Dan Tahanan. Tugas utama bahagian ini untuk memantau pengurusan depot tahanan dan pengusiran di Depot Tahanan Imigresen di seluruh Malaysia. Bahagian Pengurusan Depot Dan Tahanan ini diletakkan di bawah Sektor Operasi yang diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)</p>
<p><b>18.5.5.3.</b></p>	<p>Agenda mesyuarat antaranya membincangkan isu-isu yang berkaitan pengusiran PATI, masalah di depot tahanan sama ada isu tersebut diuruskan di peringkat Kementerian atau JIM negeri. Pelaksanaan aktiviti, pengurusan anggota dan perolehan peralatan serta keperluan yang berkaitan dengan operasi harian turut dibincangkan. Kesemua mesyuarat ini telah diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah di peringkat ibu pejabat JIM manakala Pengarah JIM negeri</p>	<p>JIM juga telah menyediakan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen (ATKPI) mengenai Prosedur Pentadbiran Dan Pengurusan Depot Imigresen di mana melalui ATKPI ini, penambahbaikan berkenaan proses kerja, tindakan dan kawalan keselamatan dapat dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	atau Komandan Depot Tahanan bagi peringkat negeri dan depot tahanan.	
18.5.5.4.	<p>Semakan Audit terhadap maklum balas minit mesyuarat mendapati setiap isu yang dibincangkan telah diambil tindakan. Isu berbangkit yang memerlukan perhatian dan tindakan ibu pejabat JIM akan dipanjangkan oleh pihak JIM negeri melalui Pengarah Negeri.</p> <p><i>Maklum Balas KDN dan JIM yang Diterima Pada 10 April 2017</i></p> <p><i>JIM telah melaksanakan penstrukturan semula di peringkat Ibu Pejabat, di mana pada asalnya Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat memantau dan menyelia bagi semua aktiviti penguatkuasaan, pengurusan depot, pengusiran, anti-pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Di dalam struktur baru Bahagian Penguatkuasa dipecahkan kepada 4 bahagian berasingan di mana salah satunya adalah Bahagian Pengurusan Depot Dan Tahanan. Tugas utama bahagian ini untuk memantau pengurusan depot tahanan dan pengusiran di Depot Tahanan Imigresen di seluruh Malaysia.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan secara berterusan diadakan melalui pelbagai mesyuarat di semua peringkat namun masih wujud kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah pematuhan prosedur pengusiran dan pentadbiran kontrak yang kurang memuaskan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Polis Diraja Malaysia**

**Perenggan 19 : Pengurusan Ekshibit di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.1.a.ii	<p><b>Pengurusan Ekshibit - Penyimpanan Ekshibit Kurang Cekap dan Teratur - Penyimpanan Ekshibit Kategori Bahan Kimia</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pada umumnya pengurusan simpanan ekshibit bahan kimia adalah kurang memuaskan. Pemeriksaan terperinci bersama pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada 6 dan 8 September 2016 di 2 Stor BPS mendapati bahan kimia yang disimpan tidak diurus dengan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sistem pengudaraan di stor berkenaan tidak berfungsi dengan berkesan antaranya berlaku kerosakan kipas ekzos dan kipas ekzos tidak mencukupi menyebabkan tiada pengaliran udara segar di dalam stor. Pengukuran tahap kualiti udara menggunakan kaedah persampelan cekau (grab sampling) yang dijalankan mendapati aras bacaan bahan kimia terampai di udara di dalam stor berkenaan merekodkan bacaan <i>1,3-Butadiene</i> sebanyak 42.48 bahagian per sejuta (bsj) (2,124%) dan 77.45 bsj (3,873%) masing-masing. Aras bacaan bahan kimia terampai di udara ini melebihi had pendedahan yang dibenarkan iaitu sebanyak 2 bsj berdasarkan Peraturan USECHH 2000;</li> <li>• bahan kimia seperti aseton dan asid hidroklorik dari rampasan makmal dadah yang mudah terbakar dan bahaya tidak dilabel, tidak mempunyai tanda amaran, tidak disusun dan tidak diasing berdasarkan sifat fisiokimia bahan kimia tersebut.</li> <li>• peralatan perlindungan diri seperti respirator dan sarung tangan yang bersesuaian tidak disediakan untuk</li> </ul>	<p>Bahagian Perundangan/Siasatan JSJN Bukit Aman telah berbincang bersama Bahagian Kewangan Kepolisian Am/ Belanjawan (KKA/B) JSJN Bukit Aman mengenai permohonan peruntukan terhadap penambahbaikan stor ekshibit dan alat kelengkapan bagi penjaga stor di mana telah mendapat teguran serius daripada Jabatan Audit Negara khususnya kepada stor ekshibit yang menyimpan bahan kimia. Pada 26 April 2017, satu mesyuarat yang telah dihadiri KKA/B JSJN Bukit Aman berkenaan unjuran peruntukan JSJN dan telah mengemukakan keperluan untuk penambahbaikan terhadap pengurusan stor ekshibit JSJN.</p> <p>Ekoran daripada mesyuarat tersebut, pada 12 Mei 2017 satu mesyuarat telah diadakan oleh Bahagian Analisis dan Pembangunan Teknologi (TechAD), Jabatan StaRT untuk membincangkan keperluan stor khas bagi menyimpan rampasan dadah terutamanya bahan kimia telah diadakan. Turut hadir adalah pegawai dari JSJN Bukit Aman, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) dan wakil <i>National Institute Of Occupational Safety and Health</i> (NIOSH). Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menjelaskan lagi tentang keperluan bagi penambahbaikan terhadap pengurusan stor ekshibit JSJN. Susulan daripada mesyuarat itu, telah diputuskan untuk mengadakan lawatan stor ekshibit terhadap (3) daerah seperti ketetapan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Stor ekshibit Dang Wangi, Kuala Lumpur – 19 Mei 2017</li> <li>• Stor ekshibit Narkotik PJS1 dan Balai Ara Damansara Petaling Jaya Selangor – 22 Mei 2017</li> <li>• Stor berpusat Seberang Perai Utara, Pulau Pinang – 25 Mei 2017</li> </ul> <p>Pemilihan tempat adalah berdasarkan kuantiti bahan kimia yang masih dalam simpanan daerah tersebut kecuali Stor ekshibit Dang Wangi.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengelakkan penjaga stor daripada terdedah kepada bahan kimia berbahaya ketika mengendalikan bahan kimia tersebut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prosedur Kerja Selamat (<i>Safe Operating Procedures</i>) untuk mengendalikan bahan kimia tidak disediakan dan Penaksiran Risiko Kepada Kesihatan (CHRA) untuk menentukan tahap risiko pendedahan kepada bahan kimia dan kecukupan langkah kawalan pendedahan kepada bahan kimia sedia ada belum dilaksanakan;</li> <li>• kemudahan <i>emergency eye wash</i> dan <i>emergency shower</i> bagi tindakan awal untuk kes kecemasan tidak disediakan; dan</li> <li>• ruang kerja penjaga stor BPS terletak di dalam stor ekshibit yang menyimpan bahan kimia dan hanya mempunyai satu laluan keluar masuk. Ini menyebabkan risiko kepada penjaga stor berkenaan yang terdedah secara langsung dengan bahan kimia sepanjang waktu bekerja.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, penyimpanan ekshibit kategori bahan kimia adalah kurang memuaskan kerana pengurusan stor tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Prosedur Kerja Selamat tidak disediakan. Ketidakpatuhan ini boleh mengakibatkan risiko kebakaran, memudaratkan kesihatan penjaga stor dan pencemaran persekitaran.</p>	<p>Kehadiran sesi lawatan tersebut telah melibatkan wakil pegawai-pegawai daripada Jabatan/ Bahagian/ Cawangan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPP Analisis dan Pembangunan Teknologi (TechAD), Jabatan StaRT Bukit Aman.</li> <li>• KPP Pembangunan dan Penyelenggaraan, Jabatan StaRT.</li> <li>• Ketua Jabatan StaRT Kontinjen yang terlibat.</li> <li>• PT Perundangan/Siasatan JSJN Bukit Aman</li> <li>• Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah yang terlibat.</li> <li>• PT Bangunan Kontinjen yang terlibat.</li> <li>• Ketua Bahagian StaRT Daerah yang terlibat.</li> <li>• Bahagian Keperluan Kepolisian Am/ Belanjawan JSJN.</li> <li>• En. Aziz bin Derashid (Jurutera Awam Penguasa, Ibu Pejabat JKR Malaysia).</li> <li>• Ir. Azidah binti Kasim (Jurutera Mekanikal Penguasa Kanan, Ibu Pejabat JKR Malaysia).</li> <li>• Pn. Azlita binti Othman (Cawangan Arkitek, Ibu Pejabat JKR Malaysia).</li> <li>• En. Yuzainie bin Yusof (Bahagian Higen Industri, Jabatan Perundangan, Penyelidikan dan Pembangunan NIOSH).</li> <li>• En. Nor Mohd Razif Noraini (Bahagian Higen Industri, Jabatan Perundangan, Penyelidikan dan Pembangunan NIOSH).</li> </ul> <p>Hasil pemerhatian dan kajian daripada lawatan tersebut, beberapa tindakan telah diambil hingga setakat hari ini adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• JSJN telah mengeluarkan surat arahan kepada semua kontinjen No Rujukan: JSJN KPN (PR) 35/43/1 bertarikh 06 Jun 2017 iaitu cadangan pelupusan ekshibit dadah bahan kimia di bawah Seksyen 407A Kanun Tatacara Jenayah kepada Pengarah Pendakwaan Negeri Kontinjen walaupun kes berkenaan belum selesai.</li> <li>• Laporan mengenai keperluan bagi penambahbaikan stor ekshibit dan penjaga stor telah dibawa ke pengetahuan Pengarah Jabatan Start, No. Rujukan: KPN StaRT 164 bertarikh 8 Jun 2017.</li> <li>• Ekoran daripada laporan tersebut, pada 14 Jun 2017 (Rabu) cawangan Selenggara Fasiliti Bangunan, JKR akan mengadakan mesyuarat penyelarasan keperluan stor khas untuk menyimpan rampasan makmal dadah yang mempunyai bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh Tn. Hj. Md Sahibudin</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		bin Zakaria (Bahagian Fasiliti Bangunan KDN & Kesihatan). Surat No. Rujukan: (13) JKR/SKS (FB)/040.100/111/004 Jld.7 bertarikh 06 Jun 2017 adalah berkaitan.
19.5.2.1.b.i	<p><b>Penyimpanan Ekshibit</b></p> <p>Semakan Audit mendapati penyimpanan ekshibit di 12 daripada 15 stor yang dilawati tidak diuruskan dengan teratur iaitu telah disimpan secara berlonggok, bertindan dan tidak sistematik. Ini antaranya disebabkan oleh ruang penyimpanan yang terhad, tempat penyimpanan tidak mencukupi, kelewatan dalam proses perlucuthakan/pelupusan ekshibit dan pertambahan bilangan ekshibit setiap tahun tanpa penambahan ruang stor. Ini telah mengakibatkan terdapat ekshibit disimpan di ruangan yang tidak bersesuaian seperti di kuarters dan rumah kedai.</p>	<p>Tindakan telah diambil bagi (3) daerah yang telah dibuat pemeriksaan awal di mana melibatkan (4) stor ekshibit iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Stor Ekshibit Dang Wangi, Kuala Lumpur – 19 Mei 2017</li> <li>• Stor Ekshibit Narkotik PJS1, Petaling Jaya, Selangor – 22 Mei 2017</li> <li>• Balai Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor – 22 Mei 2017</li> <li>• Stor Ekshibit Berpusat Seberang Perai Utara, Pulau Pinang – 25 Mei 2017</li> </ul> <p>Pengasingan ekshibit dadah dan bahan kimia telah pun dibuat di (4) stor berkenaan. Semua ekshibit disusun dan dilabel dalam keadaan teratur. Bagi bahan kimia yang masih dalam simpanan stor selain daripada (4) stor berkenaan, satu surat arahan No Rujukan: JSJN KPN (PR) 35/43/1 bertarikh 06 Jun 2017 mengenai cadangan pelupusan ekshibit dadah bahan kimia di bawah Seksyen 407A Kanun Tatacara Jenayah kepada Pengarah Pendakwaan Negeri Kontinjen walaupun kes belum selesai telah diedarkan.</p> <p>Masih terdapat (2) kes di daerah Petaling Jaya yang melibatkan penyimpanan bahan kimia yang disimpan di Balai Ara Damansara. Bagi kes berhubung Kg Baru Subang Rpt 6484/12 (IP: ADB/1179/12) yang telah selesai pada 08 Disember 2016 kini menunggu rayuan di Mahkamah Rayuan. Permohonan untuk pelupusan telah dibuat sebelum ini namun Hakim kes tidak membenarkan pelupusan awal sehingga kes itu selesai. Manakala bagi kes Kelana Jaya Rpt :10291/13 (IP:ADB/1404/13) telah selesai pada 10 April 2015. Kelulusan peruntukan untuk pelupusan ekshibit berkenaan telah diperolehi pada 12 Mei 2017. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan pihak Kualiti Alam Sdn. Bhd. akan membuat mesyuarat pada 15 Jun 2017 untuk tujuan sebut harga.</p> <p>Telah mengarahkan semua kontinjen mematuhi Arahan PJSJN Bil. 2/2016, No Rujukan: KPN(PR) 56/38/3 bertarikh 01 Mac 2016 berkenaan Prosedur Tetap Operasi (SOP) Pelupusan Barang Kes Makmal Haram Dadah.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.1.b.ii	<p>Didapati CCTV juga tidak disediakan di 9 stor dan satu CCTV tidak berfungsi untuk memastikan keselamatan penyimpanan ekshibit secara berterusan bagi tujuan pemantauan keselamatan.</p> <p><i>Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 24 Januari 2017 dan 28 Februari 2017</i></p> <p><i>JSJN telah mengambil tindakan penambahbaikan sistem pengurusan stor ekshibit seperti di bawah:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>a. Mengasingkan ekshibit yang dikategorikan bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya;</i></li> <li><i>b. Menghantar surat cadangan kepada Jabatan StaRT PDRM pada 23 Januari 2017 untuk menubuhkan stor ekshibit khas/bersepadu di setiap kontinjen/ daerah;</i></li> <li><i>c. Menghantar surat cadangan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM pada 23 Januari 2017 untuk mengadakan Manual MS ISO berkaitan dengan pengurusan stor ekshibit dadah;</i></li> <li><i>d. Ketua JSJN Pulau Pinang telah membuat permohonan untuk menaik taraf beberapa ruang bilik serta stor kepada JSJN pada 14 Januari 2017;</i></li> <li><i>e. JSJN Daerah Petaling Jaya telah mengasingkan dan menempatkan ekshibit yang terdiri daripada bahan kimia yang mudah terbakar dan berbahaya di dalam satu kontena khas;</i></li> <li><i>f. Proses penambahbaikan stor barang kes dan pemasangan CCTV akan diambil tindakan oleh pihak Ketua Polis Daerah masing-masing bergantung kepada peruntukan semasa yang disediakan; dan</i></li> <li><i>g. Selain itu, Pengarah Petaling Jaya JSJN telah mengedarkan surat kepada Ketua Polis Selangor bertarikh 23 Januari 2017 berkaitan dengan cadangan keperluan stor ekshibit yang bersesuaian di 2 daerah Selangor berkaitan.</i></li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penyimpanan stor ekshibit adalah kurang memuaskan kerana ekshibit tidak disimpan dengan teratur dan boleh menyebabkan risiko kepada pendedahan kecurian dan kehilangan.</p>	Maklum bals kekal seperti di perenggan 19.5.2.1.b.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.2.b	<p><b>Ekshibit Dadah Lewat Dikemukakan</b></p> <p>Analisis Audit mendapati JSJN telah lewat menghantar 147 ekshibit kepada Jabatan Kimia Malaysia. Tempoh yang diambil untuk penghantaran ekshibit ke Jabatan Kimia Malaysia adalah antara 1 hari hingga 83 hari, Selain itu, sebanyak 260 laporan analisis kimia dan ekshibit lewat diserahkan oleh Jabatan Kimia Malaysia kepada PDRM melebihi 30 hari iaitu antara 1 hari hingga 480 hari.</p>	<p>Salinan Surat teguran tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada 28 Februari 2017.</p>
19.5.2.2.c	<p>Pihak PDRM memaklumkan kelewatan penghantaran ekshibit adalah disebabkan oleh Pegawai Penyiasat mempunyai tugas lain seperti terlibat dengan kes perbicaraan di mahkamah dan tugas yang tidak dirancang di samping menjalankan tugas hakiki. Selain itu, untuk kes yang menarik perhatian awam, ekshibit perlu disimpan sehingga sidang media selesai diadakan. Maklum balas Jabatan Kimia Malaysia menyatakan satu kes yang melewati 480 hari dari tempoh yang ditetapkan kerana ia melibatkan banyak jenis peralatan makmal haram dan pelbagai jenis bahan serta cecair <i>unknown</i> yang rumit untuk dianalisis.</p> <p><i>Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 28 Januari 2017</i></p> <p><i>Surat teguran telah diberikan oleh Timbalan Pengarah Perlucuthakan Harta/Perundangan/Tahanan, JSJN pada 28 Februari 2017 kepada pegawai penyiasat bagi 8 ekshibit yang dikenalpasti lewat dihantar iaitu melebihi 10 hari dari tarikh kertas siasatan dibuka.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan menyerahkan ekshibit dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan kelewatan prosiding mahkamah dan lambakan ekshibit di stor.</p>	
19.5.2.3.b	<p><b>Ekshibit Berstatus NFA dan Telah Selesai Kes Belum Diambil Tindakan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 440 sampel ekshibit bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati tindakan pelupusan ekshibit harta telah diambil oleh BPH di 4 kontinjen yang dilawati iaitu IPK Kuala Lumpur, IPK Selangor, IPK Pulau Pinang dan IPK Kedah. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 913 sampel ekshibit dadah daripada kertas siasatan untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 di BPS mendapati tiada tindakan pelupusan diambil terutamanya bagi 49 ekshibit yang berstatus NFA.</p>	<p>Tindakan pelupusan ekshibit telah dilaksanakan oleh kontinjen Selangor pada 12 Januari 2017 di Sentosa Brickworks, Lot 2810 Mukim Serendah, Sg. Choh Rawang Selangor dan kontinjen Kuala Lumpur pada 20 April 2017 Di Pusat Kualiti Alam SDN. BHD, Ladang Tanah Merah, A3 Division, 71960 Bukit Pelanduk N. Sembilan.</p> <p>Bagi kontinjen Pulau Pinang, permohonan peruntukan telah diluluskan pada 12 Mei 2017 oleh Kementerian Dalam Negeri seperti dalam surat No. Rujukan: KPN</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		47/3/1-F/4(04) dan akan menetapkan tarikh yang sesuai setelah mendapat kelulusan daripada Syarikat Kualiti Alam. Semboyan makluman No Rujukan: JSJN KPN (PR) 35/43/1 bertarikh 25/05/2017 telah diedarkan kepada kontinjen Pulau Pinang.
19.5.2.3.c	Pihak Audit dimaklumkan oleh IPD yang terlibat, proses pelupusan memerlukan kos yang tinggi dan dilaksanakan mengikut keperluan disebabkan kekangan peruntukan. Sehubungan dengan itu, pelupusan tidak dapat dilaksanakan dan menyebabkan kesesakan ekshibit di dalam stor.	Bahagian KKA/B JSJN telah mengedarkan arahan kepada semua kontinjen, No Rujukan: JSJN KPN (PR) 35/43/1 bertarikh 23 Februari 2017 berkenaan agihan peruntukan untuk kerja-kerja pelupusan ekshibit dadah dan bahan kimia JSJN. Semua kontinjen perlu mengemukakan permohonan tersebut berserta sebut harga yang diperlukan untuk melaksanakan pelupusan.
19.5.2.3.d	<p>Selain itu, berdasarkan maklumat stor yang dikemukakan oleh 8 IPD dilawati setakat bulan September 2016, sebanyak 136 harta dan 65,282 ekshibit dadah telah selesai kes mahkamah masih berada di stor. Didapati sejumlah 6 (4.4%) harta dan 14,423 (22.1%) ekshibit dadah masih berada di stor walaupun kes mahkamah telah selesai melebihi 10 tahun. Tiada bukti menunjukkan tindakan penyelesaian diambil terhadap ekshibit tersebut.</p> <p><i>Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 24 Januari 2017</i></p> <p><i>Pihak JSJN telah melaksanakan proses pelupusan ekshibit secara berkala pada kos minima dengan kerjasama agensi kerajaan atau swasta di seluruh negara bagi tahun 2015 dan 2016. Pada tahun 2017, empat kontinjen iaitu Kontinjen Selangor, Kuala Lumpur, Kedah dan Pulau Pinang adalah dicadang untuk dilaksanakan pelupusan ekshibit bagi kes yang telah selesai dan No Further Action (NFA).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pelupusan ekshibit harta adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelupusan ekshibit dadah adalah kurang memuaskan kerana lewat diambil tindakan yang menyebabkan kesesakan di stor JSJN.</p>	<p>Pemantauan yang tegas dilakukan terhadap kontinjen yang tidak menjalankan pelupusan sebagaimana arahan PJSJN Bil. 01/2016, No Rujukan KPN (PR) 56/38/3 bertarikh: 19 Januari 2016. Semboyan peringatan kepada kontinjen yang masih belum melaksanakan pelupusan ekshibit dadah telah diedarkan kepada kontinjen, No Rujukan JSJN KPN (PR) 35/43/1 bertarikh 09 Jun 2017.</p> <p>Tindakan ini bertujuan supaya setiap tahun, semua kontinjen melaksanakan pelupusan ekshibit dadah dan bahan kimia bagi kes yang telah selesai untuk mengatasi masalah lambakan dan kesesakan stor ekshibit JSJN.</p>
19.5.3.2	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap aktiviti pemantauan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 secara umumnya mendapati pemantauan secara berterusan telah mula dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun mulai tahun 2015 dan 2016 kecuali di IPD Seberang Perai Tengah.</p> <p>Semakan Audit terhadap Daftar Pemeriksaan Mengejut di IPK pula mendapati pemeriksaan mengejut setiap 6 bulan sekali hanya dilaksanakan di IPK Pulau</p>	<p>Pada 06 Jun 2017, No Ruj: JSJN KPN (PR) 35/43/1, satu makluman awal berkenaan pemeriksaan mengejut yang akan dijalankan terhadap pengurusan dan pengendalian ekshibit dadah di stor ekshibit bagi kontinjen akan dilaksanakan. Pemeriksaan akan dijalankan oleh Bahagian Perundangan/ Siasatan JSJN Bukit Aman pada tarikh yang terdekat untuk memastikan pengurusan dan pengendalian ekshibit dadah yang dijalankan mengikut prosedur telah diambil tindakan oleh kontinjen yang terlibat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pinang bagi tempoh tahun 2015 dan 2016.</p> <p><i>Maklum Balas PDRM yang Diterima Pada 21 Februari 2017</i></p> <p><i>Pihak JSJN akan memohon kerjasama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi tujuan pemeriksaan mengejut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan ekshibit adalah kurang memuaskan kerana pemantauan dan pemeriksaan tidak dilaksanakan secara berterusan ke atas ekshibit yang disimpan di stor dan boleh mengakibatkan kerosakan dan kehilangan ekshibit tidak dapat dikesan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Polis Diraja Malaysia**

**Perenggan 20 : Perolehan Helikopter Saiz Sederhana Model AW 139 Untuk Pasukan Gerakan Udara**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.1.1.	<p><b>Prestasi Perolehan - Pencapaian Kewangan</b></p> <p>a. Pada 3 April 2015, MOF telah meluluskan perolehan 2 helikopter AW 139 dengan anggaran siling berjumlah RM140 juta. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 29 Jun 2015 dengan tawaran harga kontrak berjumlah RM138.9 juta kepada Syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn. Berhad setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga pada 12 Jun 2015.</p> <p>b. Bagaimanapun, kontraktor telah memohon kepada KDN pada 26 Oktober 2015 untuk pindaan nilai matawang dari Ringgit Malaysia kepada matawang Euro dalam kontrak. Ini kerana helikopter, peralatan sokongan dan perkhidmatan berkaitan yang dibekalkan di bawah kontrak ini adalah merupakan keluaran <i>Original Equipment Manufacturer</i> (OEM) luar negara iaitu syarikat Agusta Westland, Italy yang mana kontraktor perlu membayar kepada OEM di dalam matawang Euro sebagaimana perjanjian pembelian yang telah dimeterai antara kontraktor dengan syarikat Agusta Westland.</p> <p>c. Permohonan menggunakan matawang Euro bagi kontrak ini tidak dipertimbangkan oleh MOF pada 8 Disember 2015. Namun, pada 22 Januari 2016 MOF telah memberi kelulusan semula dan kontrak telah ditandatangani di dalam matawang Euro pada 9 Mac 2016. Selain itu, satu Kontrak Tambahan telah dikeluarkan pada 14 April 2016 yang melibatkan perubahan terma bayaran bagi bayaran kemajuan ketiga hingga kelapan berdasarkan Kadar Pertukaran Bulanan matawang Euro yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Bayaran kemajuan pertama dan kedua telah dibayar dalam matawang Ringgit Malaysia berjumlah RM30 juta sebagaimana yang ditetapkan dalam jadual bayaran kemajuan seperti di SST.</p>	<p>Kementerian Dalam Negeri (KDN) merancang perolehan ini dilaksanakan secara tender terbuka dan menggunakan mata wang Ringgit Malaysia.</p> <p>Walau bagaimanapun, KDN menerima surat daripada Pejabat YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa YAB Perdana Menteri telah bersetuju dan meluluskan perolehan ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn Bhd. Seterusnya, Kementerian Kewangan (MoF) melalui suratnya bertarikh 6 Mac 2015 memaklumkan kepada KDN bahawa YAB Perdana Menteri secara prinsipnya telah bersetuju dan meluluskan hasrat syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn Bhd untuk pelaksanaan perolehan secara rundingan terus. MoF menerusi suratnya bertarikh 3 April 2015 telah memberikan kelulusan untuk pelaksanaan perolehan tersebut.</p> <p>Syarikat telah memohon pertukaran nilai kontrak daripada Ringgit Malaysia (RM) ke dalam mata wang Euro ke KDN pada 26 Oktober 2015 berasaskan kepada krisis kejatuhan mata wang Ringgit yang mendadak. KDN telah memajukan permohonan tersebut ke MoF menerusi surat bertarikh 11 November 2015 dan menekankan implikasi yang wujud sekiranya permohonan ini dipertimbangkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terdapat kenaikan kos projek secara keseluruhan sekiranya situasi mata wang asing masih kekal mengukuh berbanding Ringgit Malaysia (RM); dan</li> <li>2. Pembayaran kemajuan pelaksanaan kontrak akan dilaksanakan berdasarkan kepada kadar mata wang yang ditetapkan pada hari pembayaran dilaksanakan.</li> </ol> <p>MoF menerusi maklum balasnya bertarikh 8 Disember 2015 telah memutuskan untuk <u>tidak mempertimbangkan</u> permohonan tersebut berdasarkan kepada justifikasi berikut:</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>d. Sehubungan itu, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peningkatan anggaran siling perolehan 2 buah helikopter tersebut daripada RM140 juta kepada RM156.2 juta iaitu pertambahan berjumlah RM16.2 juta. Oleh itu, pihak kontraktor telah mengemukakan bon pelaksanaan yang baharu bernilai RM2.61 juta setelah mengambil kira perubahan nilai kontrak dengan tempoh sah laku adalah 12 bulan selepas tamat kontrak pada 30 Jun 2019.</p> <p>e. Setakat 30 November 2016, sebanyak 7 (87.5%) daripada 8 Bayaran Kemajuan telah dibayar berjumlah EUR33.11 juta (99.3%) daripada nilai kontrak EUR33.35 juta dan masih berbaki EUR0.24 juta. Jumlah pembayaran dalam nilai matawang Ringgit Malaysia dengan mengambilkira Kadar Pertukaran Bulanan matawang Euro yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia adalah berjumlah RM152.06 juta. Sehubungan itu, pertambahan kos sebenar dalam matawang Ringgit Malaysia adalah berjumlah RM13.08 juta (9.4%) berbanding dengan nilai kontrak asal yang berjumlah RM138.98 juta.</p> <p>f. Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan adalah memuaskan kerana dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, perancangan awal dalam penetapan nilai kontrak tidak dilaksanakan dengan cekap daripada aspek penggunaan matawang.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Harga kontrak dipinda menggunakan mata wang Euro pada harga €33,353,330.77 iaitu bersamaan nilai asal kontrak RM138,990,000.00 (1EURO = RM4.1672) semasa Surat Setuju Terima ditandatangani pada 29 Jun 2015;</li> <li>2. Perbelanjaan tambahan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM17.43 iaitu perbezaan sekiranya nilai kontrak menggunakan mata wang Euro berdasarkan kadar pertukaran pada bulan Disember 2015 (1EURO = RM4.6871).</li> </ol> <p>KDN telah memaklumkan keputusan MoF tersebut kepada pihak syarikat menerusi surat bertarikh 14 Disember 2015.</p> <p>Walau bagaimanapun, syarikat menerusi surat bertarikh 29 Disember 2015 telah membuat rayuan untuk menukar nilai kontrak daripada Ringgit Malaysia ke Euro tanpa pengetahuan dan persetujuan KDN.</p> <p>Berdasarkan rayuan syarikat tersebut, MoF selanjutnya menerusi suratnya bertarikh 22 Januari 2016 merujuk kepada surat permohonan Kementerian bertarikh 11 November 2015 dan rayuan syarikat Galaxy Helicopters (M) Sdn Bhd bertarikh 29 Disember 2015 <u>telah meluluskan</u> penggunaan mata wang asing Euro seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggunakan mata wang Euro sebagai nilai kontrak pada harga sebanyak EURO33,353,330.77 berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing harian pada 29 Jun 2015 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (1EURO = RM4.1672);</li> <li>2. Membatalkan mata wang Ringgit Malaysia sebagai nilai kontrak pada harga sebanyak RM138,990,000.00; dan</li> <li>3. Permohonan tambahan peruntukan adalah tidak dibenarkan dan KDN hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada melalui penjimatan bagi menampung perbezaan nilai kontrak.</li> <li>4. MoF turut menggariskan perkara-perkara seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Meminda nilai kontrak dan jadual bayaran yang baharu;</li> <li>ii. Menyelaraskan semula jumlah bayaran yang telah dibuat sebelum ini berdasarkan jadual dan nilai bayaran kontrak yang baharu;</li> </ol> </li> </ol>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>iii. Menyelaraskan semua Bon Pelaksanaan yang perlu dikemukakan oleh Kontraktor berdasarkan nilai kontrak yang baharu; dan</p> <p>iv. Surat MoF bertarikh 8 Disember 2015 adalah dibatalkan.</p> <p>Memandangkan MoF merupakan pihak berkuasa melulus perolehan ini, KDN akur dengan arahan tersebut dan seterusnya telah meminda nilai dan jadual bayaran kontrak kepada mata wang Euro. Oleh itu, perancangan awal KDN untuk menggunakan mata wang Ringgit Malaysia diubah kepada mata wang Euro disebabkan oleh keputusan MoF.</p> <p>Bagi tujuan pembayaran, nilai bayaran perlu ditukarkan daripada nilai tuntutan syarikat dalam mata wang Euro kepada kadar bulanan Ringgit Malaysia sepertimana ditetapkan Bank Negara Malaysia. Perkara ini selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 9) – Pertukaran Mata Wang Asing yang menyatakan seperti berikut:</p> <p>“6. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN 6.1.2 Bayaran Atau Pemindahan Dana Dalam Mata Wang Asing</p> <p>Semua bayaran atau pemindahan dana dalam mata wang asing hendaklah diakaun mengikut kadar pertukaran bank sebenar.”</p> <p>Rujukan FAQ Bank Negara Malaysia turut menyatakan bahawa pelaksanaan bayaran oleh Bank tempatan kepada syarikat tempatan dalam mata wang asing adalah tidak dibenarkan.</p>
20.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Perolehan - Pematuhan Klausu Kontrak - Harga Kontrak Berbeza Berbanding Dengan Perincian Harga</b></p> <p>Klausu 5 – <i>Contract Price</i> menyatakan harga helikopter, peralatan dan perkhidmatan yang dibekalkan dan dihantar bagi kontrak ini adalah berjumlah EUR33.35 juta. Sehingga 22 Disember 2016, bayaran kemajuan yang telah dilaksanakan adalah berjumlah EUR33.11 juta. Analisis Audit mendapati Perincian Harga mengikut spesifikasi kontrak berjumlah (Appendix 4) EUR32.47 juta adalah berbeza dengan nilai kontrak yang dinyatakan dalam Klausu 5 iaitu perbezaan sejumlah EUR0.88 juta. Pihak Audit tidak dapat mengenalpasti klasifikasi perincian harga bagi jumlah perbezaan tersebut, walaupun kontrak ini telah disemak di peringkat Bahagian Perolehan dan Bahagian Penasihat Undang-undang serta kontrak telah ditandatangani oleh</p>	<p>Nilai kontrak sebenar <u>tidak terlebih nyata</u> kerana nilai kontrak berjumlah €33,353,330.77 merupakan refleksi kepada kelulusan Kementerian Kewangan bertarikh 22 Januari 2016 yang menetapkan bahawa nilai kontrak asal yang dipersetujui dalam Ringgit Malaysia bernilai RM138,990,000.00 ditukarkan kepada mata wang Euro dengan mengambil kira kadar pertukaran mata wang asing harian pada 29 Jun 2015 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (1EURO = RM4.1672).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pegawai Pengawal.</p> <p><i>Maklum Balas KDN yang Diterima Pada 28 April 2017</i></p> <p><i>Sebagaimana diperincikan dalam Appendix 4 - Quantities and Prices Breakdown dalam kontrak utama, perbezaan nilai kontrak secara keseluruhan tidak memberikan sebarang implikasi kewangan tambahan. Harga kontrak telah dinyatakan dalam Appendix 5 - Payment And Delivery Schedules And Milestones dalam dokumen kontrak utama yang menjadi asas kepada pembayaran kemajuan kontrak yang mana ia telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sebagai tindakan penambahbaikan, perubahan kepada perincian Appendix 4 sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada akhir bulan Jun 2017. Perubahan ini boleh dilaksanakan kerana kontrak masih berkuat kuasa dan selaras dengan Klausula 34 - Amendments To The Contract.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah kurang memuaskan bagi penetapan perincian harga kerana ia berbeza dengan nilai kontrak.</p>	<p>Nilai kontrak asal : RM138,990,000.00</p> <p>Kelulusan MoF (22 Jan 2016) : <u>RM138,990,000.00</u> 4.1672</p> <p>Nilai kontrak diselaraskan : <b>€33,353,330.77</b></p> <p>Terma bayaran yang dilaksanakan kepada pihak pembekal adalah berdasarkan kepada <u>nilai kontrak yang telah dipersetujui oleh MoF</u> dan bukanlah kepada perincian harga kontrak sepertimana dinyatakan pada Appendix 4 Dokumen Kontrak.</p> <p>Perincian harga kontrak tidak memperincikan harga setiap item yang disenaraikan kerana sebahagian daripada item dan komponen yang tersenarai adalah termasuk (<i>inclusive</i>) dalam nilai pesawat secara keseluruhan sepertimana dibekalkan oleh <i>Original Equipment Manufacturer (OEM)</i>.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan (Corrective):</u></p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, perubahan kepada perincian Appendix 4 akan selesai pada 30 Jun 2017. Perubahan ini boleh dilaksanakan kerana kontrak masih berkuat kuasa dan selaras dengan Klausula "34 – Amendments To The Contract" Dokumen Kontrak Utama.</p>
20.5.2.1.b	<p>Sijil Final Acceptance Test Dikeluarkan Tanpa Mematuhi Spesifikasi Kontrak</p> <p>i. Klausula 10 - <i>Inspection and Acceptance of the Helicopter and Equipment</i> perkara 10.33 dalam kontrak menetapkan setelah selesai pemeriksaan akhir dan penerimaan helikopter serta peralatan, Kerajaan dan kontraktor akan menandatangani Sijil <i>Final Acceptance Test (FAT)</i>. Berdasarkan spesifikasi kontrak, setiap helikopter perlu dilengkapi dan dipatuhi dengan 288 perkara sebelum FAT boleh ditandatangani.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati Sijil FAT telah ditandatangani pada 30 September 2016 bagi helikopter 1 dan 2 walaupun lima perkara dalam spesifikasi kontrak bernilai EUR823,000 masih belum dipenuhi/ dilengkapi bagi kedua-dua helikopter tersebut. Ia melibatkan <i>4-axis Dual Digital Automatic Flight Control System And Winch Man Trim (WTR) For Third Crew Operation, Life Jacket With</i></p>	<p>Kedua-dua buah helikopter telah diterima secara rasmi oleh pihak Kerajaan menerusi <i>Certificate of Final Acceptance Test (FAT)</i> yang ditandatangani bertarikh 30 September 2016 dan 13 Oktober 2016 masing-masing.</p> <p>Tim FAT menerusi laporannya diterima bertarikh 30 September 2016 turut menyenaraikan 5 item yang masih belum dilengkapi oleh pihak syarikat. Walau bagaimanapun, Tim FAT mengesahkan bahawa kedua-dua helikopter berkenaan boleh diterima kerana semua operasi PGU tidak terganggu dan masih boleh dilaksanakan.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Tim FAT menandatangani sijil FAT dengan menguatkuasakan peruntukan Klausula "<u>27.2 – Waiver</u>" Dokumen Kontrak Utama iaitu <u>penepian</u> oleh Kerajaan untuk Kontraktor memenuhi semua spesifikasi. Penepian tersebut dibuat kerana:-</p> <p>i. <i>Certificate of Airworthiness (CoA)</i> yang telah dikeluarkan oleh Jabatan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini									
	<p><i>Survival Locator Light</i> (12 unit); <i>Night Vision Goggles</i> (NVG) (4 unit) <i>Preferably NVLS BM8043 Model Or Latest Model</i>; <i>Four (4) Units Of Aircrew Life Jacket With Personal Locator Beacons</i> (PLB) <i>And Breathing Apparatus For Each Helicopter</i>; serta <i>Ops Manual</i>.</p> <p>iii. Sijil FAT ditandatangani oleh 3 orang wakil Kerajaan dan 2 orang wakil kontraktor setelah mengambil kira syor Laporan Pasukan FAT. Pasukan FAT mengesyorkan bahawa pihak Kerajaan boleh menerima kedua-dua helikopter tersebut dan menandatangani FAT walaupun masih terdapat spesifikasi belum dipenuhi. Ini berdasarkan pertimbangan faktor seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• semua operasi PGU masih boleh dilaksanakan;</li> <li>• latihan penerbangan malam menggunakan <i>Night Vision Goggles</i> (NVG) hanya boleh dimulakan setelah semua juruterbang mencapai 100 jam penerbangan. Ini hanya boleh dicapai dalam tempoh minimum 6 bulan selepas penerimaan. Dalam tempoh tersebut, dijangkakan NVG telah dibekalkan oleh pihak kontraktor;</li> <li>• jumlah nilai kos untuk 4 item yang tidak menepati spesifikasi kontrak berjumlah EUR 0.08 juta adalah lebih rendah berbanding nilai bon yang dikenakan kepada kontraktor iaitu berjumlah RM2.61 juta; dan</li> <li>• <i>Hover Mode and Search and Rescue Mode</i> bagi item 1.6.2 telah dipersetujui di peringkat PDI status pembekalannya. Spesifikasi ini akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor dalam tempoh waranti setelah penerimaan helikopter melalui peruntukan <i>Technical Change</i> Klausula 9 dalam kontrak.</li> </ul> <p>iv. Selain itu, syor Laporan FAT juga dibuat berdasarkan maklum balas daripada kontraktor yang menyatakan kesanggupannya untuk memenuhi semua perkara yang masih belum dipatuhi. Maklum balas kontraktor tersebut telah dikemukakan pada 22 September 2016 bagi helikopter 1 dan 13 Oktober 2016 bagi helikopter 2. Lanjutan itu, bayaran kemajuan bagi pelaksanaan FAT ke atas helikopter 1 dan 2 telah dibayar sepenuhnya pada 7 November 2016 berjumlah EUR4.56 juta.</p>	<p>Penerbangan Awam Malaysia (DCAM) bertarikh 26 Ogos 2016 (Pesawat 1) dan 28 September 2016 (Pesawat 2) mengesahkan bahawa kedua-dua pesawat tersebut <i>fit to fly</i>;</p> <p>ii. Membolehkan sesi latihan Juruterbang PGU dilaksanakan segera untuk menjamin kesiapsiagaan operasi. Kesiapsiagaan Juruterbang terlatih mencukupi adalah diperlukan bagi mengoptimumkan pengoperasian pesawat PDRM;</p> <p>iii. Item yang masih belum diterima tidak menjejaskan keselamatan dan pengoperasian pesawat sepertimana diluluskan oleh DCAM menerusi CoA;</p> <p>iv. Menjamin kesiagaan pesawat dalam menghadapi bencana banjir pada hujung tahun 2016.</p> <p>Dalam memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara, KDN telah menetapkan agar syarikat akan dikenakan tindakan berikut:</p> <p>i. Dikenakan Denda Lewat Pembekalan bagi item yang lewat dibekalkan;</p> <p>ii. Tempoh waranti bagi peralatan yang lewat dibekalkan hanya akan bermula dari tarikh penerimaan rasmi oleh Kerajaan;</p> <p>iii. Bon Pelaksanaan akan dilepaskan sekiranya syarikat masih gagal memenuhi spesifikasi yang dipersetujui sehingga tempoh kontrak tamat; dan</p> <p>iv. Bayaran kemajuan akhir bernilai €239,969.7 akan ditahan oleh Kerajaan sehingga semua spesifikasi dan obligasi dipenuhi sepenuhnya.</p> <p>Kementerian sentiasa memantau status semasa pembekalan item yang masih tergendala seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 1228 2089 1396"> <thead> <tr> <th data-bbox="1198 1228 1261 1257">Bil</th> <th data-bbox="1261 1228 1675 1257">Item</th> <th data-bbox="1675 1228 2089 1257">Status</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1198 1257 1261 1342">1</td> <td data-bbox="1261 1257 1675 1342">2.1.9 <i>Life Jacket With Survival Locator Light (Qty 12)</i></td> <td data-bbox="1675 1257 2089 1342">Telah diterima pada 28 Mac 2017.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1342 1261 1396">2</td> <td data-bbox="1261 1342 1675 1396">2.1.19 <i>NVG Goggles (Qty 4) Preferably NVLS BM8043</i></td> <td data-bbox="1675 1342 2089 1396">Aset merupakan <i>customised item</i> dan memerlukan <i>lead time</i> yang</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Item	Status	1	2.1.9 <i>Life Jacket With Survival Locator Light (Qty 12)</i>	Telah diterima pada 28 Mac 2017.	2	2.1.19 <i>NVG Goggles (Qty 4) Preferably NVLS BM8043</i>	Aset merupakan <i>customised item</i> dan memerlukan <i>lead time</i> yang
Bil	Item	Status									
1	2.1.9 <i>Life Jacket With Survival Locator Light (Qty 12)</i>	Telah diterima pada 28 Mac 2017.									
2	2.1.19 <i>NVG Goggles (Qty 4) Preferably NVLS BM8043</i>	Aset merupakan <i>customised item</i> dan memerlukan <i>lead time</i> yang									




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
	v. Selanjutnya, pemeriksaan Audit telah dilaksanakan terhadap 45 (15.9%) daripada 283 perkara dalam spesifikasi yang telah dipatuhi semasa penerimaan helikopter 1 dan 2. Adalah didapati kesemua 45 perkara tersebut telah diterima dan mematuhi spesifikasi kontrak.			<i>Model or Latest Model</i>	panjang mengikut keperluan <i>end user</i> dan dibekalkan dari Bulgaria. Kelengkapan akan diterima lengkap pada 30 September 2017.
	vi. Pihak KDN menyatakan bahawa Sijil FAT telah ditandatangani selaras dengan CoA yang telah dikeluarkan oleh DCAM bagi mengesahkan kedua-dua helikopter tersebut <i>fit to fly</i> ; bagi membolehkan sesi latihan juruterbang PGU dilaksanakan segera untuk menjamin kesiapsiagaan operasi serta membolehkan kesiapsiagaan juruterbang terlatih yang mencukupi bagi mengoptimumkan pengoperasian helikopter PGU; item yang masih belum diterima tidak menjejaskan keselamatan dan pengoperasian helikopter sepertimana yang diluluskan oleh DCAM melalui CoA; dan menjamin kesiapsiagaan helikopter dalam menghadapi bencana banjir pada hujung tahun 2016. Selain itu, komitmen yang telah diberikan oleh pihak kontraktor iaitu kesediaan untuk dikenakan LAD bagi item yang lewat dibekalkan; jaminan tempoh waranti bagi peralatan yang lewat dibekalkan hanya akan bermula daripada tarikh penerimaan rasmi oleh Kerajaan; Bon Pelaksanaan akan dilelapkan sekiranya kontraktor masih gagal memenuhi spesifikasi yang dipersetujui sehingga tempoh kontrak tamat; dan bayaran kemajuan akhir bernilai EUR239,969.27 akan ditahan oleh Kerajaan sehingga semua spesifikasi dan obligasi dipenuhi sepenuhnya.	3	3.1.11	<i>Four (4) Units of Aircrew Life Jacket With Personal Locator Beacons (PLB) and Breathing Apparatus for Each Helicopter</i>	Telah diterima 28 Mac 2017.
		4	5.1.5	<i>Ops Manual</i>	Telah diterima oleh pada 21 Mac 2017.
		5	1.6.2	<i>Equipped with 4-axis dual digital automatic flight control system (DAFCS) enhanced with hover mode (HOV) and SAR mode and Winch man trim (WTR) for third crew operation.</i>	90% kemajuan keseluruhan telah dilaksanakan. Pemasangan perkakasan telah selesai dilaksanakan. Manakala baki pemasangan peringkat perisian akan dilaksanakan setelah diterima daripada OEM dan dijangka selesai pada 31 Julai 2017.
	<p><i>Maklum Balas KDN yang Diterima Pada 28 April 2017</i></p> <p><i>Bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara, KDN sentiasa memantau status semasa pembekalan item yang masih tergendala dan status terkini adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. 4-axis Dual Digital Automatic Flight Control System And Winch Man Trim (WTR) For Third Crew Operation – 90% kemajuan telah dilaksanakan;</i></li> <li><i>ii. Life Jacket With Survival Locator Light (12 unit) – telah diterima pada 28 Mac 2017;</i></li> <li><i>iii. Night Vision Goggles (NVG) (4 unit) Preferably NVLS BM8043 Model Or Latest Model – akan diterima pada 30 Jun 2017;</i></li> <li><i>iv. Four (4) Units Of Aircrew Life Jacket With Personal Locator Beacons (PLB) And Breathing Apparatus For Each Helicopter - telah</i></li> </ul>	<p>Bayaran Denda Lewat berjumlah RM250,740.27 (€52,356.45) telah diterima oleh Kementerian daripada pihak pembekal pada 7 April 2017.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan (Punitive):</u></p> <p>Sebagai tindakan penambahbaikan, Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kerajaan telah mengenakan Denda Lewat berjumlah €25,076.80 (Pesawat 1) dan €11,398.55 (Pesawat 2) bagi kelewatan pembekalan pesawat, manakala Denda Lewat berjumlah €25,728.30 (Pesawat 1) dan €26,628.15 (Pesawat 2) bagi kelewatan pembekalan kelengkapan operasi sepertimana dinyatakan dalam Laporan FAT bertarikh 30 September 2016;</li> <li>ii. Bon Pelaksanaan akan dilelapkan sekiranya syarikat masih gagal memenuhi spesifikasi yang dipersetujui sehingga tempoh kontrak tamat; dan</li> </ul>			




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>diterima pada 28 Mac 2017; dan</i></p> <p>v. <i>Ops Manual – telah diterima pada 21 Mac 2017.</i></p> <p><i>Sebagai tindakan penambahbaikan, KDN telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. LAD berjumlah EUR36,475.35 telah dikenakan atas kelewatan pembekalan helikopter dan EUR52,356.45 LAD telah diterima pada 7 April 2017 atas kelewatan pembekalan kelengkapan operasi;</i></li> <li><i>ii. Bon Pelaksanaan akan diletakkan sekiranya syarikat masih gagal memenuhi spesifikasi yang dipersetujui sehingga tempoh kontrak tamat; dan</i></li> <li><i>iii. bayaran kemajuan akhir bernilai EUR239,969.27 akan ditahan oleh KDN sehingga semua spesifikasi dan obligasi dipenuhi sepenuhnya.</i></li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak berkaitan Sijil FAT adalah kurang memuaskan kerana sijil dikeluarkan sebelum spesifikasi kontrak dipatuhi sepenuhnya.</p>	<p>iii. Bayaran kemajuan akhir bernilai €239,969.27 akan ditahan oleh Kerajaan sehingga semua spesifikasi dan obligasi dipenuhi sepenuhnya.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Perenggan 21 : Pengurusan Projek Pembaikan Struktur Bangunan dan Lain-Lain Kemudahan Sekolah Di Negeri Sabah**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.1.	<p><b>Kualiti Kerja - Kebocoran/Keretakan Pada Struktur/Permukaan Bangunan/Binaan</b></p> <p>Pemeriksaan fizikal Audit mendapati pembaikan bagi naik taraf bangunan sekolah yang dilakukan telah mengalami kebocoran atau keretakan walaupun baru dibaiki dalam tempoh 12 hingga 17 bulan. Kesemua projek ini masih di bawah tanggungan kecacatan sehingga 31 Mac 2017 bagi SMK Datuk Peter Mojuntin, 24 Jun 2017 bagi SMK Agaseh dan 24 Ogos 2017 bagi SMK Pulau Gaya.</p>	 <p>Kerja – kerja telah siap dilaksanakan dengan mengikis cat yang lama dan di cat semula</p>
21.5.3.2.	<p><b>Pengaratan dan Pereputan Pada Bahan yang Digunakan</b></p> <p>Pemeriksaan Audit terhadap kerja naik taraf yang telah dijalankan mendapati jeriji tingkap dan handrail besi pada keseluruhan bahagian tangga telah berkarat dan cat mengelupas. Selain itu, terdapat juga penggantian pintu dan bahan binaan berasaskan kayu telah reput dan patah. Semua kerja ini baru dibaiki dalam tempoh antara 12 hingga 17 bulan. Kesemua projek ini masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p>	 <p>Kerja – kerja telah siap dilaksanakan dengan mengikis kesan – kesan lumut dan di cat semula</p>
21.5.3.3.	<p><b>Kualiti Kerja Pembaikan Tidak Kemas</b></p> <p>Pemeriksaan Audit terhadap kerja pembaikan yang telah dijalankan mendapati kerja penyambungan saluran paip, pemasangan jubin dan siling serta item lain adalah tidak kemas,</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian sentiasa memastikan segala Perakuan Siap Kerja (CPC) atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) hendaklah diperakukan oleh kontraktor dan perunding serta disokong oleh sekolah/PPD/JPN.</i></p>	 <p>Kerja – kerja pembaikan kebocoran telah di baiki dan mengecat semula siling yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Projek ini masih lagi berada dalam tempoh tanggungan kecacatan. Oleh itu Kementerian dan JPN akan memastikan semua kecacatan dibaiki dengan kualiti yang memuaskan oleh kontraktor. CMGD akan diberikan selepas kerja pembaikan kecacatan siap sepenuhnya. Tujuannya untuk memastikan bahawa semua kerja kecacatan dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan amalan terbaik kejuruteraan.</i></p> <p><i>Kementerian telah mengeluarkan surat arahan membaiki kecacatan kepada pihak kontraktor dan perunding untuk dilaksanakan dalam tempoh 2 minggu. Semakan akhir kepada senarai pembaikan kecacatan semasa tempoh tanggungan kecacatan akan dibuat sebelum CMGD dikeluarkan. Kontraktor akan dikenakan tindakan berdasarkan Syarat-syarat Kontrak sekiranya gagal membaiki kecacatan di dalam tempoh tanggungan kecacatan.</i></p>	<p>terkena resapan air</p>  <p>Kerja – kerja pembaikan kebocoran bumbung telah di baiki dan mengecat semula siling yang terkena resapan air</p>  <p>Menampal semula kesan keretakan pada kemas lepaan simen dan mengecat semula dinding parapet</p>  <p>Menampal semula kesan keretakan pada tiang dan mengecat semula tiang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1464 256 1809 491" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1406 491 1863 523" data-label="Caption"> <p>Kerja – kerja lepaan semula lantai konkrit</p> </div> <div data-bbox="1464 523 1809 767" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1352 767 1921 799" data-label="Caption"> <p>Handrail tangga yang berkarat telah dicatkan semula</p> </div> <div data-bbox="1464 799 1809 1018" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1352 1018 1921 1050" data-label="Caption"> <p>Handrail tangga yang berkarat telah dicatkan semula</p> </div> <div data-bbox="1464 1050 1809 1284" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1294 1284 1975 1316" data-label="Caption"> <p>Kerja – kerja mengecat semula jeriji tingkap yang telah berkarat</p> </div>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1469 256 1807 501" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1223 504 2056 531">Membuang Cross Bracing yang telah reput dan menggantikan kayu yang baru</p> <div data-bbox="1469 531 1807 775" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1267 778 2007 805">Membuang dan menggantikan bingkai kayu serta kerja mengecat baru</p> <div data-bbox="1469 805 1807 1050" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1258 1053 2016 1080">Kerja – kerja membuang lebih kerangka besi telah siap dilaksanakan</p> <div data-bbox="1469 1080 1807 1324" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1240 1327 2033 1370">Pengorekan semula tanah supaya permukaan kotak pbumian berada di permukaan tanah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1453 256 1818 507" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1308 512 1966 539">Pembaikan sambungan saluran paip air hujan yang tertanggal</p> <div data-bbox="1453 539 1818 770" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1402 775 1877 802">Penambahan Cross Bracing Kayu yang baru</p> <div data-bbox="1453 802 1818 1043" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1402 1048 1877 1075">Paku besi yang terjulur keluar telah dibuang</p> <div data-bbox="1453 1075 1818 1308" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1424 1313 1854 1340">Pengantian jubin lantai yang telah rosak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>21.5.3.4.</b></p>	<p><b>Kerja Pembaikan Tidak Sempurna</b></p> <p>Pemeriksaan Audit di SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu pada 16 Ogos 2016 mendapati kerja pembaikan handrail telah dilaksanakan di Blok Tandas. Namun begitu, didapati ruang antara handrail dengan dinding blok tandas adalah luas iaitu 762mm. Keadaan ini boleh memberi risiko kepada pelajar/pengguna terjatuh ke dalam air apabila melalui kawasan tersebut. Pemeriksaan Audit di SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang pada 17 Ogos 2016 pula mendapati kerja pembaikan <i>louver window</i> telah dilaksanakan di tingkat 2 (Kelas 4C2C). Bagaimanapun, bilah kaca tingkap tidak sepadan (lebih pendek) dengan klip keluli tingkap tersebut. Keadaan ini boleh menyebabkan bilah kaca tingkap tertanggal, jatuh dan pecah apabila tingkap ditutup atau dilanggar pelajar.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian akan mewujudkan satu Pasukan Pemeriksaan Audit yang terdiri daripada pasukan teknikal BPPA, Kementerian dan JPN untuk mengenal pasti skop kerja pembaikan yang telah siap dilaksanakan serta membuat semakan terhadap pengesahan tahap keselamatan bangunan yang telah disyorkan oleh perunding.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kerja pembaikan kurang berkualiti disebabkan oleh penyeliaan semasa kerja-kerja sedang dijalankan kurang berkesan. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan tidak mendapat <i>value for money</i> bagi kos yang telah dibelanjakan serta mencatatkan pemandangan. Kerja pembaikan yang tidak sempurna memberi risiko keselamatan pelajar/pengguna. Sekiranya tidak dibaiki dengan segera, Kerajaan perlu menampung kos pembaikan lebih tinggi apabila tempoh tanggungan kecacatan tamat.</p>	<div data-bbox="1458 256 1823 504" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1279 507 2000 536">Penambahan Bracing Kayu yang baru serta kerja – kerja mengecat</p> <div data-bbox="1458 555 1823 778" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1249 786 2027 815">Penggantian semula ram kaca yang sama dengan klip keluli bagi tingkap</p>
<p><b>21.5.3.5.</b></p>	<p><b>Kerja Pembaikan Tidak Mengikut <i>Bills of Quantity</i>/Piawaian Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya)</b></p> <p>Kerja yang dilaksanakan mesti mengikut spesifikasi yang ditetapkan sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam kontrak perjanjian dan Bills of Quantity. Selain itu, piawaian yang berkaitan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) hendaklah juga dipatuhi. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi boleh mengakibatkan kualiti kerja terjejas, pembaziran, tidak mencapai matlamat pembaikan dan mempunyai risiko keselamatan dan ketidakelesaan kepada pengguna.</p>	<div data-bbox="1476 1118 1800 1353" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1279 1353 1995 1382">Trunking dan Peti Agihan (DB) telah dipasang pada fixing brackets</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Surat Amaran telah dikeluarkan kepada kontraktor bagi menjawab isu kualiti kerja ini. Kontraktor akan disenaraihitam oleh KPM sekiranya isu kualiti kerja ini tidak mendapat maklum balas yang sewajarnya daripada kontraktor.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kerja yang tidak menepati <i>Bills of Quantity</i> yang ditetapkan adalah merupakan satu pelanggaran terhadap syarat kontrak yang boleh merugikan pihak Kerajaan. Kerja yang tidak mengikut piawaian Jabatan Teknik juga boleh menyebabkan kualiti kerja terjejas.</p>	<div data-bbox="1458 256 1818 488" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1350 491 1928 515">Kabel lampu telah dipasang melalui Konduit jenis PVC</p> <div data-bbox="1458 517 1818 764" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1395 767 1883 791">Penambahan sistem saluran air hujan (gutter)</p> <div data-bbox="1464 794 1814 1046" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1234 1050 2047 1102">Penyambungan pada earth electrode dengan menggunakan kaedah thermic welding telah siap dilaksanakan</p> <div data-bbox="1464 1106 1814 1353" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1283 1356 1995 1380">Pemasangan copper bridge antara trunking telah siap dipasangkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1487 256 1789 480" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1196 483 2078 539">Jika trunking dibengkokkan kepada sudut 45 darjah, kabel utama di dalam trunking tidak akan muat disebabkan panjang kabel bertambah</p> <div data-bbox="1480 539 1796 778" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1308 783 1966 810">Penambahan pelapik getah di atas lantai di depan papan suis</p>
21.5.3.6. (a)	<p data-bbox="331 839 1171 890"><b>Surau yang Masih Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan Telah Dirobohkan dan Dibina Surau Baru Tanpa Akuan Roboh</b></p> <p data-bbox="331 922 1171 1337">Salah satu skop pembaikan di SMK Datuk Peter Mojuntin ialah pembaikan surau dengan kos berjumlah RM135,735. Antara skop kerja yang dilaksanakan termasuklah pembaikan struktur bangunan yang rosak disebabkan serangan anai-anai dan kulat yang memberi kesan terhadap integriti dan kekuatan struktur kayu surau tersebut. Kerja pembaikan lain termasuklah penggantian dan kerja kemas semula kepada pintu, tingkap, gril, dinding kayu, lantai kayu, dinding pembahagi dan perabot kayu yang rosak. Penggantian sistem bumbung baru juga telah dilaksanakan disebabkan keadaan bumbung yang bocor dan usang. Skop pembaikan juga melibatkan kerja elektrik dan mekanikal seperti pendawaian semula, penggantian lampu dan kelengkapan elektrik baru, pembaikan sistem perpaipan dan sanitari, pemasangan alat pendingin hawa dan alat pencegah kebakaran. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit pada 17 Ogos 2016, didapati surau yang siap dibaiki pada 31 Mac 2015 ini telah dirobohkan untuk tujuan pembinaan surau baru.</p>	<p data-bbox="1196 922 2078 1002">Pihak KPM dan JPN Sabah tidak dimaklumkan oleh Pengetua sekolah berkaitan pembinaan surau baru ini. Bersetuju dengan Audit bahawa perlu wujud koordinasi antara KPM dan agensi lain.</p> <div data-bbox="1458 1034 1818 1273" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1384 1273 1899 1353">SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah - Surau Selepas Dibaiki (Gambar Dikemukakan oleh Kontraktor)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.6. (b)	Semakan lanjut mendapati tiada perakuan syor roboh/pelupusan aset tak alih sebagaimana ketetapan dalam Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2012, Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan Bab G - Pelupusan Aset.	
21.5.3.6. (c)	<p>Projek pembinaan surau baru ini diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dengan kos kontrak RM469,960. Surat Setuju Terima adalah pada 20 Julai 2016 dengan tempoh projek selama 12 minggu iaitu mulai 27 Julai 2016 hingga 18 Oktober 2016. JPN Sabah memaklumkan bahawa surau tersebut telah siap dibina dan digunakan mulai 3 Januari 2017. Permohonan bagi pembinaan projek surau ini telah dikemukakan oleh Pengerusi Surau Nur Hikmah, SMK Datuk Peter Mojuntin kepada YAB Perdana Menteri pada 23 November 2015. Pada tarikh tersebut, projek pembaikan struktur bangunan dan lain-lain kemudahan sekolah termasuk surau masih dalam tempoh tanggungan kecacatan iaitu mulai 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2017.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Pihak Kementerian tidak dimaklumkan berkaitan permohonan sekolah kepada JPM bagi membina surau baru. Oleh kerana itu, penyenggaraan surau dilaksanakan Kementerian berdasarkan permohonan sekolah disebabkan faktor keselamatan pelajar yang menggunakan surau tersebut.</i></p> <p><i>Pihak SMK Datuk Peter Mojuntin dimaklumkan oleh pegawai pejabat daerah bahawa peruntukan yang diberikan JPM untuk surau baru (berstruktur konkrit) hanya boleh digunakan bagi tahun semasa dan kontraktor perlu mengambil alih tapak dengan kadar segera. Pihak sekolah terpaksa menerima projek ini kerana jika tidak, projek tersebut akan ditarik balik dan berkemungkinan pihak sekolah tidak mempunyai peluang untuk mendapat surau berstruktur konkrit pada masa akan datang.</i></p> <p><i>Permohonan untuk merobohkan tidak dibuat kerana jika permohonan diluluskan tetapi tiada kepastian peruntukan diberikan, ia akan memberi impak kepada keselamatan murid dan jemaah yang masih perlu untuk menggunakan surau ini bagi aktiviti keagamaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan surau baru berjumlah RM469,960 merupakan satu pembaziran kerana pembaikan surau lama berjumlah RM135,735 telah siap dan sedia untuk digunakan. Pembaziran ini dapat dielakkan sekiranya wujud koordinasi yang berkesan antara ICU, JPM dan</p>	<div data-bbox="1464 256 1809 491" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1384 496 1895 576" data-label="Caption"> <p>SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah - Surau Selepas Dibaiki (Gambar Dikemukakan oleh Kontraktor)</p> </div> <div data-bbox="1249 608 2047 932" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1330 967 1951 1046" data-label="Caption"> <p>SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah – Surau Baru yang Telah Siap Dibina (29.12.2016) (Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sabah)</p> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian Pendidikan. Selain itu, tatacara pelupusan aset tak alih tidak dilakukan mengikut ketetapan.	
21.5.4.	<p><b>Pemantauan Projek</b></p> <p>Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan pengurusan projek pembangunan sekolah diuruskan dengan cekap dan teratur serta siap dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya. Mesyuarat tapak secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali adalah perlu di antara BPPA, JPN dan kontraktor yang dilantik bagi membincangkan status projek, laporan, bayaran kemajuan kerja dan masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati mesyuarat/lawatan tapak telah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali sepanjang tempoh projek dilaksanakan dan telah dihadiri oleh wakil BPPA, kontraktor dan wakil JPN/PPD. Hasil mesyuarat/lawatan telah dicatatkan dalam minit mesyuarat. Laporan kemajuan telah disediakan setiap bulan dan dikemukakan kepada Kementerian serta dibincangkan di mesyuarat tapak.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 21 April 2017</i></p> <p><i>Kementerian sentiasa mengambil langkah penambahbaikan dalam memastikan produk yang dihasilkan oleh kontraktor sempurna mengikut skop dan spesifikasi kontrak. Langkah yang telah diambil ialah mewakilkan kuasa Pegawai Penguasa kepada Pengarah JPN dan di peringkat Kementerian mewujudkan Pasukan Pemeriksa Audit melibatkan Jabatan Teknikal BPPA dan JPN untuk membuat penilaian sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan adalah baik berikutan projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan. Bagaimanapun, penyeliaan kerja-kerja di tapak kurang berkesan kerana terdapat kualiti kerja/bahan yang tidak sempurna dan perlu pembaikan.</p>	Pasukan Pemeriksa Audit BPPA, KPM telah dilantik untuk membuat penilaian sebelum projek diserahkan kepada Kerajaan.



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Perenggan 22 : Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Piai, Pontian, Johor**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.1.1	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>a. Semakan Audit mendapati EOT No. 4 berkaitan kerja-kerja menaik taraf keperluan elektrik di blok bengkel dipohon oleh SSSB pada 7 Mac 2016 iaitu lewat selama 222 hari selepas tarikh siap semasa (29 Julai 2015). Perakuan Kerja Tidak Siap/<i>Certificate of Non-Completion</i> (CNC) pula hanya dikeluarkan kepada SSSB pada 20 September 2016 iaitu 21 hari selepas tamat tempoh EOT No. 4 pada 30 Ogos 2016. Punca kelewatan EOT dipohon oleh SSSB dan CNC dikeluarkan oleh Kementerian tidak dapat ditentukan oleh pihak Audit. Jumlah denda yang terkumpul sejak 31 Ogos 2016 sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM1.2 juta (123 hari/ RM9,779.56 sehari).</p> <p>b. Pihak SSSB telah memohon lanjutan masa No. 5 pada 3 Januari 2017 kepada perunding M&amp;R Architect Sdn. Bhd. dan belum mendapat sebarang kelulusan. CNC dikeluarkan setelah Pegawai Penguasa berpendapat bahawa tiada asas atau alasan wajar bagi kelambatan dan lanjutan masa diberikan. Ini membawa maksud, lanjutan masa tidak lagi boleh diluluskan selepas CNC dikeluarkan.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017</i></p> <p><i>Jangkaan bekalan elektrik ke compact-substation oleh TNB adalah pada bulan April 2017. Perunding M&amp;R telah mengemukakan cadangan permohonan Lanjutan Masa No.5 kepada KPM pada 27 Januari 2017. Namun, permohonan lanjutan masa yang diangkat untuk kelulusan perlu mendapat tarikh siap kerja daripada pihak TNB terlebih dahulu.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, projek ini gagal disiapkan sehingga kini walaupun telah diluluskan lanjutan masa selama 884 hari. Kegagalan ini berpunca daripada pengurusan projek yang tidak cekap dalam menentukan spesifikasi peralatan/mesin dan beban elektrik bengkel.</p>	<p>EOT No. 4 lewat dimohon oleh kontraktor disebabkan oleh menunggu keputusan TNB sama ada perlu menaik taraf <i>sub-station</i> kepada <i>double chamber</i> atau <i>sub station baru</i> atau pun <i>compact substation</i> setelah keperluan bekalan elektrik di blok bengkel dikenalpasti bertambah. Ini adalah disebabkan oleh dasar TNB yang tidak membenarkan dua (2) meter elektrik diletakkan bagi satu premis. Walau bagaimana pun, pihak TNB akhirnya telah memutuskan agar SMV Tg Piai menggunakan compact substation sebagai tambahan. Pengecualian diberikan kepada SMV Tg. Piai untuk menggunakan dua (2) meter elektrik. Proses perbincangan, rundingan dan keputusan ini mengambil masa selama lebih daripada setahun dan telah bermula sebelum tarikh tamat EOT No. 3 lagi. Setelah keputusan diperolehi, barulah pihak kontraktor dapat membuat permohonan lanjutan masa tersebut.</p> <p>CNC disediakan oleh Perunding Arkitek dan telah diterima oleh KPM pada 5 September 2016. Proses semakan pegawai sehingga tandatangan Pegawai Penguasa telah mengambil masa hampir dua minggu.</p> <p>EOT No. 5 masih belum dibentangkan di Mesyuarat Lanjutan Masa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa disebabkan tarikh bekalan elektrik ke <i>compact sub station</i> baru sahaja dapat ditentukan. Bekalan elektrik ke sub station telah bermula pada 8 Mei 2017 dan permohonan baru telah dihantar oleh kontraktor pada 24 Mei 2017. Mesyuarat Penyelarasan EOT diadakan pada 9 Jun 2017 bersama perunding dan kontraktor. Permohonan EOT ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lanjutan Masa yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa.</p> <p>CNC adalah prosedur yang perlu diikuti jika projek tidak dapat disiapkan mengikut masa yang ditentukan. Pengeluaran sijil ini adalah berdasarkan Klausula 40, Syarat-syarat Kontrak yang melayakkan kontraktor dikenakan <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD). Syarat-syarat Kontrak tidak menyatakan bahawa selepas pengeluaran CNC, tiada lagi lanjutan masa boleh diberikan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.1.2	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>a. Kos keseluruhan kontraktor dan perunding berdasarkan kontrak asal dan perjanjian tambahan adalah berjumlah RM60.77 juta. Setakat 31 Disember 2016, prestasi keseluruhan perbelanjaan bagi projek ini adalah berjumlah RM48.55 juta (79.9%).</p> <p>b. Setakat 31 Disember 2016, Kementerian telah meluluskan dua Pelarasan Harga Kontrak (PHK) berjumlah RM0.93 juta melibatkan pelarasan bagi tujuh item Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan satu Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS). Nilai kontrak semasa selepas pelarasan adalah berjumlah RM55.01 juta.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017</i></p> <p><i>Kos projek ini selaras dengan pelarasan harga yang perlu dibuat dan perkara ini boleh dilaksanakan di bawah Perubahan Kerja dan Akaun Muktamad item 16.1.2 di dalam Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Edisi Ke-3 2010. Pelarasan harga yang dibuat adalah selaras dengan peruntukan kontrak Klausula 26.7 (Kelulusan Kuantiti Sementara) dan Klausula 24.2 (Wang Peruntukan Sementara).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tahap prestasi perbelanjaan bagi projek ini (79.9%) adalah memuaskan. Walaupun terdapat peningkatan kos sebanyak 1.71% (RM0.93 Juta) namun ianya masih tidak melebihi kos projek selepas pengurusan nilai iaitu RM57.9 juta.</p>	<p>Sebanyak RM51.7 juta atau 82% telah dibelanjakan dari jumlah keseluruhan kos projek sehingga 31 Mei 2017.</p> <p>Pelarasan harga adalah dibolehkan di dalam kontrak dan dibuat berdasarkan nilai sebenar kerja di tapak. Proses penyelarasan harga akan diteruskan sehingga penutupan akaun akhir kontraktor.</p>
22.5.1.3	<p><b>Pengurusan Nilai</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 17 skop asal projek yang telah dianalisis dalam Makmal Pengurusan Nilai ini mendapati dua daripadanya tidak mengikut rumusan makmal yang dipersetujui di mana ianya dibina melebihi keperluan yang dicadangkan. Pembinaan sebenar ini adalah mengikut keperluan dokumen kontrak. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah kos pembinaan sebenar kerana ia memerlukan kepakaran teknikal berdasarkan lukisan pembinaan dan perincian bahan binaan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa penambahan ini masih menepati <i>Ground Floor Area</i> projek.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan sebenar yang tidak mengikut cadangan</p>	<p>Projek ini tidak memenuhi keseluruhan keputusan Makmal Pengurusan Nilai disebabkan oleh keperluan pembelajaran, di mana bilangan makmal dan bilik tutorial ditambah 1 unit setiap satu untuk memudahkan para pelajar mengikuti kursus-kursus di sekolah tersebut. Jika tidak ditambah, para pelajar terpaksa menunggu giliran untuk menggunakan makmal dan bilik tutorial.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	makmal pengurusan nilai menyebabkan objektif untuk memastikan setiap projek mencapai tahap nilai yang optimum iaitu <i>best value for money</i> adalah tidak dicapai secara menyeluruh.	
22.5.2	<p><b>Pelantikan Perunding dan Kontraktor</b></p> <p>Semakan terhadap pengurusan pelantikan perunding dan kontraktor tidak dapat dilakukan oleh pihak Audit kerana Kementerian gagal mengemukakan dokumen-dokumen pelantikan perunding dan kontraktor kerana tidak dapat dikesan.</p> <p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada proses tender terhad bagi pelantikan kontraktor dan kaedah pelantikan perkhidmatan perunding bagi projek ini adalah teratur, telus dan sempurna. Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen pembinaan tidak diurus dengan cekap dan teratur.</p>	KPM masih lagi berusaha untuk mengesan dokumen-dokumen tersebut.
22.5.3	<p><b>Kontrak Perjanjian Lewat Ditandatangani</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan PK 4 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak perjanjian bagi SSSB lewat ditandatangani selama 144 hari. Mengikut maklum balas Kementerian, kelewatan persetujuan pelarasan harga dicapai daripada SSSB iaitu pada 24 Julai 2012 serta kelewatan penerimaan lukisan kontrak daripada Perunding-perunding iaitu pada 24 September, 1 Oktober dan 2 November 2012 telah melewati penyediaan dokumen kontrak ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p>	<p>KPM telah berusaha untuk memastikan kontrak ditandatangani mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kontraktor telah diingatkan untuk menyerahkan dokumen kontrak untuk ditandatangani.</p> <p>KPM telah pun membuat penambahbaikan prosedur kerja bagi memastikan semua kontrak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas Surat setuju Terima (SST) dikeluarkan. Adalah tanggungjawab bagi semua Pengurus Projek untuk memastikan pihak kontraktor menyiapkan dokumen kontrak dalam tempoh tersebut.</p>
22.5.4.1	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Reka Bentuk Pembinaan yang Kurang Sesuai</b></p> <p>Reka bentuk yang sempurna dengan mengambil kira fungsi dan kegunaannya serta ciri-ciri keselamatan akan memberi nilai tambah kepada sesuatu projek yang dilaksanakan. Lawatan Audit ke tapak pembinaan pada 11 Oktober 2016 mendapati reka bentuk pembinaan pintu pagar utama kurang sesuai di mana terdapat ruang kosong/jarak yang luas antara dinding tembok pondok pengawal dan tiang pintu pagar. Keadaan ini membolehkan sesiapa sahaja keluar masuk dengan mudah sepanjang masa yang mewujudkan risiko pencerobohan. Pembinaan adalah mengikut keperluan dokumen kontrak. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa jarak dan ruang yang</p>	Pihak kontraktor akan diarah untuk menyediakan pintu pagar yang sempurna bagi pintu pagar utama sekolah demi keselamatan pelajar setelah KPM meluluskan cadangan perubahan kerja tersebut melalui Mesyuarat Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS pada pertengahan Julai 2017.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	disediakan adalah untuk kegunaan laluan pelajar masuk ke SMV tanpa perlu membuka pintu pagar utama.	
22.5.4.2	<p><b>Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan</b></p> <p>Kualiti kerja merupakan asas yang memberi kesan kepada kualiti projek dan seterusnya menjimatkan kos penyenggaraan dalam jangka masa panjang serta menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna. Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja pemasangan dan membekal bahan yang berkualiti supaya binaan yang dilaksanakan kukuh dan tahan lama serta kemas dan boleh diduduki/digunakan dengan selesa.</p> <p>a. terdapat keretakan/rekahan pada binaan di lima lokasi. Bagaimanapun, pembaikan telahpun dibuat selepas teguran Audit bagi keretakan berlubang pada permukaan lantai konkrit di laluan berbumbung ke kantin dan asrama; lebihan besi tetulang yang tertinggal semasa kerja-kerja konkrit lantai dijalankan di blok asrama lelaki serta kesan lubang pada tapak anak tangga di Blok Asrama Lelaki dan lantai konkrit di Bilik Makmal, Blok Akademik.</p> <p>b. terdapat kebocoran/kesan resapan air pada bahagian bumbung di dua lokasi dan kipas telah berkarat. Bagaimanapun, pembaikan telahpun dibuat selepas teguran Audit bagi kesan kebocoran pada siling di surau</p>	Pihak kontraktor telah menjalankan kerja-kerja pembaikan kepada kemas. Perkara-perkara ini telah disempurnakan bagi tujuan penyerahan.
22.5.4.3	<p><b>Kerja-kerja Elektrik Tidak Mengikut Spesifikasi Teknikal Elektrik Dalam Dokumen Kontrak</b></p> <p>Kerja-kerja elektrik hendaklah dilaksanakan menepati spesifikasi kontrak dan tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kerja elektrik yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam dokumen kontrak antaranya penggunaan bahan yang tidak sesuai dan pemasangan yang tidak sempurna.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017</i></p> <p><i>Terdapat beberapa kerja-kerja yang telah diperbaiki dan ada yang sedang dalam tindakan. Perunding sedang menyediakan jadual kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak untuk tindakan kontraktor. Kontraktor telah</i></p>	Perunding M&E telah memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan memenuhi kefungsiannya dan keselamatan. Perubahan yang dibuat adalah dengan persetujuan Perunding M&E dengan mengambilkira kesesuaian kawasan tersebut yang terletak di tepi laut. Semua kecacatan dan kerosakan telah dibaiki oleh pihak kontraktor.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>diarahkan oleh perunding agar membuat kerja-kerja pembaikan pada mana-mana bahagian kualiti kerja yang tidak memuaskan dan melaksanakan pembetulan/pembaikan selaras dengan dokumen kontrak bagi kerja-kerja elektrik yang tidak mengikut spesifikasi. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengikut skop projek seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak klausa 35.1 (Materials, Goods And Workmanship).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sebahagian kerja pembinaan adalah kurang memuaskan kerana kelemahan pemantauan oleh pihak Pegawai Penguasa. Masih terdapat kecacatan dan kerosakan yang ditemui tidak dibaiki.</p>	
22.5.5.1.b	<p><b>Pengurusan Peralatan/Mesin Bengkel - Kelewatan Penentuan Peralatan/Mesin dan Beban Elektrik yang Diperlukan di Bengkel</b></p> <p>Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati reka bentuk asal bagi keperluan beban elektrik yang disediakan oleh perunding MEC'S Engineer Sdn. Bhd. (MESB) adalah memenuhi spesifikasi brif projek yang disediakan oleh BPTV. Brif projek berkenaan tidak disertakan dengan senarai peralatan/mesin yang hendak digunakan. MESB telah memohon pengesahan terhadap senarai peralatan bengkel yang dicadangkan kepada Kementerian pada 16 Oktober 2012 namun tiada maklum balas diberikan. Permohonan bekalan elektrik ke TNB telah dibuat pada 8 November 2012. Susulan daripada lawatan SSSB dan perunding ke SMV Setapak, KV Kajang dan KV Shah Alam pada bulan Januari dan Mac 2013, MESB sekali lagi mengemukakan cadangan senarai peralatan/mesin bengkel untuk pengesahan BPTV pada 2 April 2013. Namun, senarai spesifikasi peralatan/mesin yang disahkan hanya dikeluarkan oleh BPTV pada 28 April 2014 iaitu selepas 391 hari.</p>	<p>Rekabentuk asal bagi keperluan elektrik adalah berdasarkan kepada kelulusan asal EPU iaitu sebuah sekolah menengah vokasional. Rekabentuk serta kontrak perolehan kerja bagi projek ini adalah berdasarkan kelulusan tersebut. Penggunaan mesin bagi pengajaran dan pembelajaran sebuah sekolah menengah vokasional tidak melibatkan penggunaan mesin berspesifikasi industri. Oleh yang demikian, Perunding M&amp;E membuat rekabentuk penggunaan elektrik hanya berdasarkan keperluan sekolah menengah vokasional.</p> <p>Setelah senarai mesin dan peralatan diperolehi daripada BPTV, mesin dan peralatan tersebut didapati berspesifikasi setaraf yang digunakan di industri yang berkaitan, iaitu spesifikasi yang lebih tinggi daripada yang selalu digunakan di sekolah-sekolah menengah vokasional. Oleh yang demikian, perubahan terpaksa dilakukan bagi memenuhi beban sebenar elektrik yang diperlukan.</p> <p>Perubahan ini memerlukan permohonan semula kepada pihak TNB. Kerja-kerja menaiktaraf pencawang sedia ada juga perlu dilakukan.</p>
22.5.5.1.c	<p>Berdasarkan senarai spesifikasi tersebut, pihak MESB membuat reka bentuk semula sistem elektrik. Keperluan sebenar beban elektrik berjaya dimuktamadkan selepas factory acceptance test dijalankan pada 28 November 2014. Permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) No. 11 dibuat bagi penambahan kerja-kerja menaiktaraf bangunan pencawang TNB dan kerja berkaitan penambahan bebanan elektrik di bengkel. Permohonan baru keperluan beban elektrik adalah pada 26 Mei 2015 iaitu selepas lebih setahun senarai peralatan/mesin disahkan oleh BPTV. Secara keseluruhannya, permohonan baru ini mengambil masa selama 2 tahun 6 bulan dari tarikh permohonan asal.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017</i></p> <p><i>Senarai peralatan yang diterima oleh BPTV pada 2 April 2013 tersebut adalah tidak lengkap. Senarai dan spesifikasi peralatan yang disertakan lengkap dengan jenama dan model diterima semula pada 3 Disember 2013. Senarai tersebut perlu dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal yang dilantik BPTV. Selepas Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal mengesahkan senarai peralatan berkenaan, BPTV mengemukakan surat pengesahan senarai peralatan kepada MESB pada 6 Mac 2014 dengan kos keseluruhan peralatan/mesin berjumlah RM4.2 juta dan seterusnya mengemukakan jadual spesifikasi peralatan yang lengkap kepada MESB pada 28 April 2014.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan bagi keperluan peralatan/mesin oleh BPTV dan beban elektrik bengkel oleh MESB adalah lemah kerana mengambil masa melebihi 2 tahun. Kelewatan ini menyebabkan projek tidak dapat disiap dan digunakan sehingga kini.</p>	
22.5.6.1	<p><b>Pengurusan Perabot - Ukuran Reka Bentuk Perabot Tidak Sesuai Menyebabkan Pembekalan Tidak Mengikut Spesifikasi Asal</b></p> <p>a. Reka bentuk dalam BQ bagi meja panjang di kantin adalah kurang sesuai kerana terlalu tinggi (1.5 meter). Justeru itu, tinggi sebenar meja yang dibekalkan ialah 0.78 meter kerana perlu disesuaikan dengan penggunaannya. Selain itu, meja TV di kediaman Pengetua dibekalkan dengan saiz yang lebih pendek kerana ruang bilik tidak mencukupi. Bayaran kemajuan (90%) bagi item-item ini adalah berdasarkan ukuran dalam BQ.</p> <p>b. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa reka bentuk tersebut disesuaikan mengikut keperluan di samping kelulusan lukisan perabot yang diperolehi daripada pihak BPTV. Pihak arkitek telah membuat semakan dan melaksanakan perubahan hasil daripada beberapa siri perbincangan dan mesyuarat bagi mengubah saiz perabot yang telah dibekalkan.</p>	<p>Pemantauan kerja-kerja di tapak dilaksanakan oleh pihak konsultan yang bertanggungjawab untuk memastikan lukisan dan <i>Bill Of Quantities</i> (BQ) dipatuhi. Walaubagaimanapun, perubahan yang dibuat adalah berdasarkan kesesuaian ruang-ruang tersebut setelah bangunan siap dibina. Semua pembayaran diselaraskan berdasarkan kerja sebenar yang dilakukan di tapak (<i>as-built</i>) Proses penyelarasan ini dilaksanakan oleh Perunding QS dan telah pun bermula. Proses penyelarasan ini akan selesai setelah akaun akhir kontraktor dimuktamadkan.</p> <p>Kesilapan yang berlaku telah pun diperbaiki serta dipastikan praktikal dan selamat bagi kegunaan pelajar dan guru.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.6.2	<p><b>Perabot Bina Dalam Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi Dalam <i>Bill Of Quantities</i> (BQ) dan Lukisan Meja Tender (LMT)</b></p> <p>a. Sebanyak 5 item perabot dengan kuantiti sebanyak 9 unit bernilai RM38,337 dibekalkan tidak mengikut spesifikasi ukuran yang ditetapkan dalam BQ dan LMT yang dikemukakan semasa lawatan Audit. Ukuran sebenar perabot adalah kurang daripada yang ditetapkan. Bayaran kemajuan telah dibuat berdasarkan spesifikasi dalam BQ berjumlah RM34,503.30 (90%).</p> <p>b. Pembekalan kabinet dapur di kediaman pengetua yang tidak mengikut spesifikasi ini didapati berlaku kerana <i>counter top</i> (<i>U-shape</i>) bagi kabinet dapur tersebut dibina tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam lukisan pembinaan. Ukuran sebenar binaan adalah kurang daripada yang ditetapkan. Justeru itu, pihak pembekal perabot tiada pilihan lain kerana struktur konkrit telah siap dan terpaksa mengubah ukuran saiz pada perabot yang ingin dibekalkan kepada saiz yang boleh dibekalkan pada tapak (<i>suite to site condition</i>).</p> <p>Pada pendapat Audit, pembekalan perabot yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam BQ adalah merugikan Kerajaan kerana tidak mendapat <i>best value for money</i> bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.</p>	<p>Pemantauan kerja-kerja di tapak dilaksanakan oleh pihak konsultan yang bertanggungjawab untuk memastikan lukisan dan <i>Bill Of Quantities</i> (BQ) dipatuhi. Isu perabot tidak cukup ukuran yang dibekalkan adalah disebabkan oleh pembinaan <i>counter top</i> daripada bahan konkrit telah mengalami kesilapan dari segi ukuran yang sepatutnya dibuat berdasarkan lukisan pembinaan yang diberikan. Pihak pembekal perabot tiada pilihan lain kerana struktur konkrit telah siap dan terpaksa mengubah ukuran saiz pada perabot yang ingin dibekalkan kepada saiz yang boleh dibekalkan pada tapak (<i>suit to site condition</i>).</p> <p>Segala pelarasan harga akan dilaksanakan dalam perakuan akaun muktamad dan akan dibuat berdasarkan "<i>As Built Drawings</i>" yang diperakui oleh Perunding Arkitek.</p> <p>Kesemua perabot yang dibekalkan telah disesuaikan dengan kegunaannya. Pelarasan harga juga telah dibuat bagi memastikan tiada kerugian dipihak Kerajaan.</p>
22.5.7.1	<p><b>Pengurusan Bayaran - Bayaran Terus Kepada Sub Kontraktor Melebihi 90% Daripada Nilai Kerja</b></p> <p>a. Perenggan 4 Pekeliling Perbendaharaan PK 4 menetapkan bahawa bayaran kemajuan boleh dibuat terus kepada sub kontraktor sehingga 90% daripada nilai kerja sub kontraktor berkenaan manakala baki sebanyak 10% lagi hendaklah dibayar kepada Kontraktor Utama selepas CPC dikeluarkan.</p> <p>b. Berdasarkan Surat Ikatan Serah Hak (Deed of Assignment) yang ditandatangani pada 30 November 2012, pihak Audit mendapati SSSB telah melantik sub kontraktor Latitude Resources Sdn. Bhd. bagi membekal bahan-bahan binaan dengan nilai kerja berjumlah RM3.5 juta. Semakan lanjut terhadap bayaran terus kepada sub kontraktor ini mendapati bayaran terkumpul kepada sub kontraktor tersebut berjumlah RM3.33 juta (95.1%) daripada nilai kerja. Projek ini belum dikeluarkan CPC dan bayaran yang layak diterima hanyalah</p>	<p>Pembayaran kepada Sub Kontraktor melalui <i>Deed of Assignment</i> adalah dibuat melalui peruntukan dan terma-terma yang telah ditandatangani bersama di antara Kontraktor dan Sub Kontraktor berkenaan yang menggunakan format yang diluluskan oleh Kerajaan dan dimajukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Kontraktor untuk dimeterai dan digunapakai. Peruntukan 6 dalam Perjanjian ini iaitu :-</p> <p><u>Clause 6</u>  <i>"The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Asssignor or his authorized representative and submitted by the representative not later than 3 days before the date of interim valuation"</i>.</p> <p>Klausa ini perlu dipatuhi dan diguna pakai oleh ketiga-tiga pihak (Kerajaan,</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berjumlah RM3.15 juta (90%).</p> <p>c. Pihak Audit dimaklumkan oleh Kementerian bahawa pembayaran kepada Sub Kontraktor melalui Deed of Assignment (DOA) adalah dibuat melalui peruntukan dan terma-terma yang telah ditandatangani bersama di antara Kontraktor dan Sub Kontraktor berkenaan yang menggunakan format yang diluluskan oleh Kerajaan dan dimajukan oleh Kementerian kepada Kontraktor untuk dimeterai dan digunapakai. Klausula 6 dalam perjanjian tersebut menyatakan - The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Assignor or his authorized representative and submitted by the representative not later than 3 days before the date of interim valuation. Klausula ini perlu dipatuhi dan diguna pakai oleh ketiga-tiga pihak (Kerajaan, kontraktor utama dan sub-kontraktor) sepenuhnya dan berdasarkan format perjanjian ini, pihak kerajaan tidak memasukkan had 10% dalam DOA tersebut.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017</i></p> <p><i>Kementerian telah mengambil langkah penambahbaikan untuk mematuhi Perenggan 4 PK 4 tersebut dalam projek seterusnya. Sebagai contoh, DOA antara kontraktor utama dengan sub kontraktor bagi projek SMV Pasir Gudang dan projek SMV Kuala Berang telah mematuhi pekelliling ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, lebih bayaran kepada sub kontraktor boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan berikutan sub kontraktor masih bertanggungjawab terhadap bahan binaan yang dibekalkan sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan.</p>	<p>kontraktor utama dan sub-kontraktor) sepenuhnya dan berdasarkan format perjanjian ini, pihak Kerajaan tidak memasukkan had 10% dalam perjanjian <i>Deed of Assignment</i> ini.</p> <p>KPM telah pun patuh kepada 1PP - PK 4. Sebagai contoh, <i>DOA</i> antara kontraktor utama dengan sub-kontraktor projek SMV Pasir Gudang dan projek SMV Kuala Berang telah mematuhi garis panduan ini.</p>
22.5.8.2.	<p><b>Pemantauan Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pembinaan dari tahun 2012 hingga 2016, sebanyak 77 mesyuarat yang dikendalikan oleh Perunding Arkitek telah diadakan dan telah dihadiri oleh wakil BPP daripada JPN Johor, kontraktor, perunding dan wakil BPTV. Laporan kemajuan telah disediakan setiap bulan oleh perunding dan dikemukakan kepada Kementerian serta dibincangkan di mesyuarat tapak dan diminitkan. Selain itu, Mesyuarat Penyelarasan Item WPS, Mesyuarat Pelarasan Teknikal dan Mesyuarat Penyelarasan Projek Dan Pra <i>Extension of Time</i> telah dikendalikan oleh BPP</p>	<p>Pihak perunding telah dilantik oleh KPM dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengikut terma-terma Surat Setuju Terima dan perjanjian perunding untuk memantau dan menasihati KPM berkaitan pelaksanaan projek. Pemantauan kerja-kerja di tapak turut dilaksanakan oleh Clerk Of Works (COW) yang bertanggungjawab untuk memastikan lukisan tender dan <i>Bill Of Quantities</i> (BQ) dipatuhi.</p> <p>BPP akan memperkemas pemantauan projek serta memastikan mesyuarat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kementerian dihadiri oleh wakil BPTV, perunding dan kontraktor.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian yang Diterima Pada 13 Mac 2017</i></p> <p><i>Pihak perunding telah dilantik oleh Kementerian dan adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya perunding mengikut terma SST dan dokumen kontrak untuk memantau dan menasihati Kementerian berkaitan pelaksanaan projek. BPP akan memperkemaskan pemantauan projek serta memastikan mesyuarat tapak dihadiri oleh pegawai BPP/JPN. BPP juga akan memastikan pemeriksaan tapak secara berkala bagi menyelia kerja dan pengesahan tuntutan (pengesyoran dan perakuan amaun tuntutan pada JKR66) yang dilaksanakan oleh pihak perunding dilaksanakan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang telah diwujudkan melalui mesyuarat secara berkala adalah memuaskan. Namun begitu, penyeliaan daripada aspek kualiti kerja adalah kurang berkesan dan kelewatan penentuan peralatan/mesin bengkel menyebabkan projek belum disiapkan.</p>	<p>tapak dihadiri oleh pegawai BPP/Jabatan Pendidikan Negeri. Pihak konsultan yang dilantik juga telah diarahkan agar memperkemaskan penyeliaan tapak serta akan memegang akauntibiliti tersebut melalui format perjanjian perunding yang baru, iaitu <i>Consultancy Services Agreement (CSA)</i>. Kelewatan penentuan peralatan/mesin bengkel pada waktu itu adalah disebabkan oleh Transformasi Pendidikan Vokasional yang baru bermula di mana penentuan peralatan/mesin adalah berdasarkan spesifikasi industri untuk pelajar-pelajar tahap Diploma.</p>



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Perenggan 23 : Projek Pembinaan Sekolah Seni Malaysia, Kuching, Sarawak**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>23.5.1.1</b>	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>a. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada dua fasa di mana Fasa 1 meliputi kerja tanah manakala Fasa 2 meliputi kerja bangunan. Mengikut syarat kontrak asal, projek Fasa 1 perlu disiapkan pada 3 Ogos 2009 iaitu dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 4 Februari 2009. Bagi pelaksanaan Fasa 2, projek perlu disiapkan pada 7 Mac 2016 iaitu dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 7 Mac 2014.</p> <p>b. Semakan Audit mendapati Fasa 1 yang meliputi kerja tanah tidak dapat disiapkan mengikut jadual di mana satu EOT telah diluluskan selama 50 hari. Mengikut Siji Perakuan Siap Kerja (CPC), projek Fasa 1 telah siap pada 22 September 2009. Fasa 2 yang meliputi kerja bangunan juga tidak dapat disiapkan mengikut jadual di mana satu EOT selama 88 hari telah diluluskan. Projek hanya disiapkan pada 3 Jun 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek memuaskan. Bagaimanapun, kelulusan EOT bagi Fasa 1 adalah tidak wajar kerana justifikasi yang tidak munasabah.</p>	<p>Justifikasi EOT daripada pihak perunding disertakan bersama kronologi dan dokumen sokongan sebelum diberi ulasan oleh Pengurus Projek dan Kumpulan Teknikal KPM.</p> <p>Permohonan EOT tersebut dibentang di Mesyuarat Pra EOT setelah dibuat pengesyoran oleh Pengurus Projek dan Pasukan Teknikal KPM.</p> <p>Seterusnya, permohonan EOT akan dibentang di Mesyuarat EOT untuk kelulusan.</p> <p>Justifikasi bagi sebarang permohonan EOT dipertimbangkan berdasarkan klausa-klausa kontrak dan bukti-bukti dokumen sokongan.</p>
<b>23.5.2.2.a</b>	<p><b>Pengurusan Perolehan - Pelantikan Perunding</b></p> <p>Kementerian melantik perunding untuk melaksanakan projek dan memastikan projek disiapkan mengikut jadual. Pelaksanaan skop perkhidmatan perunding hendaklah selaras dengan <i>Term of Reference (ToR)</i> yang dinyatakan dalam <i>Memorandum of Agreement (MoA)</i>. Setiap reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan pengguna, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Selain itu, perunding juga melaporkan kemajuan kerja dan KPM akan memantau projek yang lewat jadual dan bermasalah berdasarkan laporan tersebut. Semakan Audit mendapati empat perunding pelbagai disiplin telah dilantik bagi projek ini.</p>	<p>Bagi meningkatkan kecekapan dalam urusan pentadbiran kontrak beberapa penambahbaikan telah diwujudkan oleh BPP, KPM. Antaranya adalah "<i>Standard Operating Procedure</i>" terkini untuk dijadikan rujukan dan panduan semua pegawai di BPP, KPM.</p> <p>Bermula tahun 2012, bagi setiap urusan pembayaran interim pertama diwajibkan untuk mengemukakan SST sebagai dokumen sokongan dan asas pembayaran. Bagi urusan pembayaran interim seterusnya, diwajibkan dokumen kontrak yang telah dimaterai antara KPM dan Juruperunding serta kontraktor.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.2.b	<p>Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, RM1.02 juta bagi Fasa 1 (Kerja Tanah) dan RM1.15 juta untuk Fasa 2 (kerja bangunan) pada tahun 2009 dan 2010 telah dibuat tanpa surat setuju terima dan perjanjian.</p> <p>Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam pembayaran kepada perunding pada tempoh tersebut kerana bayaran telah dibuat tanpa surat setuju terima dan perjanjian.</p>	Ini bagi memastikan setiap pembayaran kepada kontraktor dan perunding adalah sah di sisi undang-undang.
23.5.3.1.a	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Perjanjian Kontrak dan Surat Setuju Terima (SST)</b></p> <p>Surat Setuju Terima antara lain berkenaan pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan syarat lain yang dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. SST hendaklah ditandatangani selepas semua rundingan selesai dan persetujuan dicapai. Perjanjian Kontrak pula hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas SST dikeluarkan. Manakala perjanjian perunding hendaklah ditandatangani dengan secepat mungkin selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak dan SST mendapati perjanjian kontrak kepada kontraktor lewat dikeluarkan selama 112 hingga 326 hari.</p>	Bagi memastikan urusan pelantikan kontraktor dan juruperunding teratur, bermula tahun 2012 tempoh pelantikan juruperunding ditetapkan selama 4 bulan dan SST dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan Lembaga Perolehan Kementerian.
23.5.3.1.b	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati surat niat telah dikeluarkan kepada perunding pada tahun 2007 dan 2008 dan perunding telah pun dibayar untuk kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Bagaimanapun, didapati SST hanya dikeluarkan pada tahun 2014 dan <i>Memorandum of Agreement</i> hanya ditandatangani pada tahun 2015. Pihak Audit tidak dapat menyemak proses pelantikan perunding secara menyeluruh bagi Fasa 1 (kerja tanah) kerana dokumen tidak dikemukakan untuk semakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani perjanjian kontrak boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p>	
23.5.4.1.b	<p><b>Kualiti Pembinaan - Kerja Tidak Dibaiki Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap laporan kecacatan di SSeM Kuching mendapati sebanyak 142 aduan kerosakan telah dilaporkan pada 8 September 2016. Pada bulan Disember 2016 pula, sebanyak 65 aduan kerosakan dilaporkan oleh pihak SSeM Kuching. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kerosakan dan kecacatan belum dibaiki oleh kontraktor setakat lawatan Audit pada 19 Januari 2017.</p>	Kerja-kerja membaiki kecacatan dipantau melalui Mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan ( <i>Defect Liability Period, DLP</i> ) yang dijadualkan empat kali sebelum tarikh tamat pada 4 Jun 2017. Sebanyak 5 kali Mesyuarat DLP telah diadakan khusus memantau kerja-kerja membaiki kecacatan. Beberapa lawatan pemeriksaan turut diadakan bagi memastikan segala kerosakan dan kecacatan diambil tindakan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.4.1.c	<p>Semakan Audit mendapati bahawa sepanjang tempoh projek terdapat 30 kali mesyuarat tapak dalam tempoh 27 bulan tetapi keberkesanan mesyuarat tersebut tidak berkesan kerana segala aduan kecacatan dan kerosakan yang dilaporkan masih belum diambil tindakan sehingga lawatan Audit pada 19 Januari 2017. Implikasi kelewatan membaiki kecacatan dan kerosakan telah menyebabkan ketidakelesaian kepada murid-murid kerana terpaksa berpindah kelas kerana lantai kelas berpasir dan keselamatan pengguna terhadap penggunaan fasiliti tidak terjamin.</p> <p><i>Maklum Balas KPM yang Diterima Pada 6 April 2017</i></p> <p><i>Susulan daripada teguran audit pada 8 Mac 2017, surat amaran kepada perunding telah dikeluarkan. Kecacatan yang dinyatakan juga telah selesai.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, peranan Perunding/Bahagian Pembangunan KPM tidak berkesan dalam memastikan semua kerosakan yang dilaporkan diambil tindakan pembaikan dengan segera sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat.</p>	<p>Surat amaran kepada juruperunding dan kontraktor berhubung dalam hal ini telah dikeluarkan pada 8 Mac 2017</p>
23.5.4.4	<p><b>Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Sempurna</b></p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati terdapat kerja pembinaan lain yang tidak dilaksanakan dengan memuaskan/semurna.</p> <p><i>Maklum Balas KPM yang Telah Diterima Pada 6 April 2017</i></p> <p><i>Kerja pembaikan telah selesai dijalankan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan SseM Kuching adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaan kerja kontraktor yang kurang sempurna dan kelemahan perunding dalam memantau secara terperinci kerja bangunan yang dilaksanakan oleh kontraktor.</p>	<p>Kontraktor telah diarahkan untuk mengambil tindakan membaiki kecacatan sepertimana Mesyuarat DLP dan lawatan pemeriksaan yang telah diadakan pada 9 Disember 2016, 8 Mac 2017, 10 April 2017, 9 Mei 2017 dan 22 Mei 2017.</p> <p>Juruperunding pula telah diminta untuk memantau kerja-kerja pembaikan tersebut. Disebabkan kegagalan kedua-dua pihak ini, Surat Amaran kepada juruperunding dan juga kontraktor telah dikeluarkan pada 8 Mac 2017.</p>
23.5.4.5	<p><b>Lukisan Siap Dibina Lewat Dikemukakan</b></p> <p>Lukisan siap bina ialah lukisan bagi pembinaan yang telah siap dilaksanakan secara keseluruhan merangkumi semua sistem perkhidmatan dan fasiliti termasuk dokumen sokongan berkaitan seperti Manual Operasi dan Penyenggaraan serta Sijil Pengujian dan Pentauliahan. Buku Panduan</p>	<p>Lukisan siap bina telah diserahkan kepada pihak sekolah pada 3 Mei 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga menetapkan lukisan siap dibina hendaklah dikemas kini sepanjang masa kerja berjalan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa (PP) secara berperingkat menurut aturan kerja. Satu set lukisan siap dibina mesti diserahkan kepada PP dalam masa satu bulan daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja untuk rekod dan penyenggaraan kerja itu. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan pada 19 Januari 2017, tiada bukti dokumen berkaitan diserahkan kepada pengguna walaupun Perakuan Kerja Siap telah dikeluarkan pada 3 Jun 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan atau kegagalan kontraktor mengemukakan Lukisan Siap Bina boleh menyebabkan pengesahan rekod dan kerja sebenar tidak dapat dibuat yang akhirnya menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan bila diperlukan.</p>	
23.5.5.1	<p><b>Perolehan dan Pengurusan Peralatan - Penerimaan Aset</b></p> <p>1Pekeliling Perbendaharaan – AM2.2 Tahun 2015 menetapkan Pegawai Penerima Aset ialah pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset/inventori yang diperolehi. Antara tanggungjawab Pegawai Penerima adalah untuk memastikan aset/inventori diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti sebenar dan aset diterima berserta surat jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan (jika berkaitan). Bagi aset teknikal, penerimaan dan pemeriksaan hendaklah dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang memiliki kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan. Semakan Audit mendapati pegawai penerima aset telah dilantik sejak menumpang di Sekolah SMK Tun Abang Haji Openg lagi. Pihak Audit dimaklumkan pegawai penerima menerima aset kebanyakannya pada bulan Januari, Mei dan Ogos 2016. Pemeriksaan dibuat terhadap kuantiti aset yang diterima hanya berdasarkan senarai dokumen penyerahan kerana dokumen kontrak tidak dikemukakan kepada pihak sekolah dan salinan dokumen penyerahan tersebut tidak diberi untuk simpanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Bahagian Pembangunan KPM tidak mengemukakan salinan kontrak kepada pihak sekolah bagi memudahkan pihak sekolah mengenal pasti peralatan yang dibekalkan telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.</p>	<p>Senarai Harga Peralatan telah diemel kepada Pihak Sekolah untuk tujuan pendaftaran aset. Dokumen penyerahan bersama lukisan pembinaan telah diserahkan kepada pihak sekolah. Berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen tersebut pihak sekolah boleh mendaftar aset-aset yang telah diterima. Salinan kontrak boleh dipinjam dari Unit Pembangunan sekiranya diperlukan. Senarai harga peralatan merupakan cabutan daripada lampiran-lampiran yang dikandung dalam dokumen kontrak.</p> <p>BPP KPM hanya menyimpan satu (1) salinan dokumen kontrak bagi tujuan rekod. Dokumen kontrak ini terdiri daripada beberapa jilid tebal dokumen-dokumen kontrak yang turut merangkumi dokumentasi daripada setiap disiplin juruperunding. Pihak sekolah dibenarkan untuk merujuk atau memohon salinan dokumen yang berkaitan bagi tujuan pendaftaran aset.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>23.5.5.2</b></p>	<p><b>Pendaftaran Aset</b></p> <p>1Pekeliling Perbendaharaan – AM2.3 Tahun 2015 menetapkan semua aset/inventori hendaklah didaftarkan oleh Pegawai Aset di Kementerian/Jabatan/Pusat Tanggungjawab ke dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3). Selain itu, Senarai Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) juga perlu diselenggarakan. Setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Pemeriksaan Audit di lima lokasi yang dipilih mendapati kesemua perabot, peralatan makmal dan peralatan muzik baru masih belum didaftarkan dalam KEW.PA-2 dan KEW.PA-3; KEW.PA-7 tidak diselenggara dan tiada tanda Hak Milik Kerajaan. Pihak Audit dimaklumkan rekod tidak dikemaskini kerana pihak SSeM Kuching baru menerima senarai harga peralatan daripada kontraktor pada 7 Disember 2016 melalui e-mel.</p> <p><i>Maklum Balas KPM yang Diterima Pada 6 April 2017</i></p> <p><i>Semua rekod aset telah dikemas kini dan didaftarkan.</i></p>	<p>Senarai Harga Peralatan yang telah diemel kepada pihak sekolah merupakan cabutan daripada lampiran-lampiran yang terkandung dalam dokumen kontrak tersebut.</p>
<p><b>23.5.6.2</b></p>	<p><b>Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pemantauan projek dibuat melalui mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat DLP yang dihadiri oleh wakil KPM, kontraktor, perunding dan wakil SSeM Kuching. Didapati sebanyak 17 Laporan Kemajuan Kerja telah disediakan oleh perunding dan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan KPM serta dibincangkan dalam mesyuarat yang berkaitan. Manakala sebanyak 30 mesyuarat tapak telah diadakan. Antara perkara yang dibincangkan adalah status kemajuan bulanan, perancangan kerja, sebab kelewatan, perkara berkaitan sivil dan struktur, teknikal dan mekanikal, keputusan dan tindakan yang sedang serta akan diambil bagi memastikan projek mengikut perancangan kerja yang ditetapkan.</p>	<p>Segala kerosakan atau kecacatan dalam tempoh DLP sedang dibaiki oleh pihak kontraktor. Berdasarkan kelulusan kontrak, lawatan pemeriksaan menyeluruh akan dijalankan bersama oleh pegawai KPM, juruperunding dan kontraktor dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh 4 Jun 2017, sebelum perakuan <i>Certificate Making Good Defect (CMGD)</i> diangkat kepada Pegawai Penguasa.</p> <p>Segala kecacatan yang direkod sebelum 4 Jun 2017 akan diperbaiki sepertimana kaedah dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen kontrak. Kegagalan pihak kontraktor untuk menyempurnakan kerja-kerja membaiki kecacatan maka Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan tidak akan dikeluarkan dan KPM di bawah terma kontrak boleh melantik pihak ketiga untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut dan kos</p>
<p><b>23.5.6.3</b></p>	<p>Sungguhpun mekanisme pemantauan telah diwujudkan, didapati kelemahan berhubung projek pembinaan SSeM Kuching masih berlaku lagi walaupun telah dibangkitkan dalam mesyuarat tapak dan mesyuarat DLP. Memandangkan tempoh DLP akan berakhir pada 4 Jun 2017 tindakan segera perlu diambil untuk membaiki kerosakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p data-bbox="331 260 898 284"><i>Maklum Balas KPM yang Diterima Pada 6 April 2017</i></p> <p data-bbox="331 316 1171 371"><i>Segala kerosakan atau kecacatan dalam tempoh DLP sedang dibaiki oleh pihak kontraktor.</i></p> <p data-bbox="331 403 1171 480">Pada pendapat Audit, pihak perunding/Bahagian Pembangunan KPM tidak membuat pemantauan yang berkesan menyebabkan kualiti kerja kurang memuaskan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**Perenggan 24 : Pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>24.5.1.1</b>	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Peruntukan Pembangunan bagi pembiayaan MyBrain15 adalah melalui kod projek pembangunan 05012 – Latihan Penyelidikan Universiti yang meliputi Program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI); MyPhD; MyPhD Industri dan MyMaster. Bagi tahun 2011 hingga 2016, peruntukan asal yang ditetapkan bagi pelaksanaan MyBrain15 adalah berjumlah RM826.80 juta. Bagaimanapun, peruntukan muktamad yang diluluskan bagi pelaksanaan MyBrain15 bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM886.21 juta kesan daripada pindaan peruntukan yang dilaksanakan oleh KPT. Pihak Audit mendapati sebanyak RM887.81 juta (100.2%) telah dibelanjakan bagi tahun 2011 hingga 2016 iaitu melebihi RM1.60 juta (0.2%) daripada jumlah peruntukan yang ditetapkan bagi tempoh tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan pada tahun 2011 dan 2012 melebihi sejumlah RM0.82 juta (3.4%) dan RM1.69 juta (1.8%) daripada peruntukan yang ditetapkan untuk tahun tersebut. Tiada pelarasan peruntukan dilaksanakan oleh KPT bagi perbelanjaan yang melebihi peruntukan tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan MyBrain15 secara keseluruhannya adalah memuaskan kecuali bagi tahun 2011 dan 2012 yang melebihi peruntukan ditetapkan kerana pelarasan pindah peruntukan tidak dilakukan antara program.</p>	<p>KPT mengakui bahawa tiada pelarasan pindah peruntukan dilakukan antara program MyBrain15 dan SLAI bagi tahun 2011 dan 2012 sehingga menyebabkan berlakunya lebih perbelanjaan bagi program MyBrain15. Walau bagaimanapun, perbelanjaan tersebut masih dalam lingkungan had peruntukan keseluruhan program biasiswa di bawah peruntukan pembangunan.</p> <p>Dalam usaha penambahbaikan pengurusan kewangan Biasiswa, mulai tahun 2017, kawalan perbelanjaan dan peruntukan telah dilaksanakan melalui penyelenggaraan daftar bil buku vot berkomputer seperti di Lampiran A bagi mengelakkan daripada berlakunya perbelanjaan melebihi peruntukan.</p>
<b>24.5.2.2</b>	<p><b>Prestasi Fizikal</b></p> <p>Bagi tahun 2011 hingga 2016, sebanyak 91,963 permohonan pembiayaan di bawah MyBrain15 telah dikemukakan kepada KPT secara <i>online</i>. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 62,516 (67.9%) permohonan telah diluluskan untuk pembiayaan MyBrain15 dan diberikan Surat Tawaran Program (STP). Semakan Audit mendapati, seramai 56,965 (91.1%) pemohon yang diberikan STP telah bersetuju untuk menerima tawaran pembiayaan manakala seramai 5,551 (8.9%) pemohon telah menolak. Pihak Audit juga mendapati hanya</p>	<p>Sememangnya benar KPT tidak mencapai sasaran penawaran program MyBrain15 sebanyak 20,000 bagi tahun 2016. Ketidakcapaian sasaran ini adalah di luar kawalan KPT. Ini disebabkan oleh permohonan yang diterima hanyalah sebanyak 18,671 sahaja.</p> <p>Bagi tahun 2016, permohonan program MyBrain15 telah dibuka dari 1 Mac hingga 30 April 2016 dan dilanjutkan sehingga 31 Mei 2016 bagi membolehkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>11,312 (56.6%) penawaran dapat dilaksanakan berbanding 20,000 penawaran yang disasarkan bagi tahun 2016. Berdasarkan maklum balas KPT, bilangan permohonan MyBrain15 yang berjumlah 18,671 (93.4%) serta tempoh permohonan yang singkat iaitu antara bulan Mac hingga bulan Mei 2016 memberi kesan terhadap prestasi penawaran pembiayaan MyBrain15 bagi tahun tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi penawaran MyBrain15 secara keseluruhannya adalah memuaskan kecuali bilangan penawaran bagi tahun 2016 yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.</p>	<p>penawaran mencapai sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sasaran penawaran masih tidak tercapai.</p>
<p><b>24.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Pengurusan MyBrain15 - Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15</b></p> <p>Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15 (JKBPM15) telah ditubuhkan pada bulan Januari 2011 yang berfungsi untuk menentukan hala tuju Bahagian Biasiswa dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Pada bulan Julai 2013 mandat keahlian jawatankuasa tersebut telah dikemas kini selaras dengan keperluan semasa. Kuorum yang ditetapkan bagi setiap mesyuarat JKBPM15 adalah Pengerusi dan 2 orang ahli manakala Unit MyBrain15, Bahagian Biasiswa adalah bertanggungjawab sebagai urus setia jawatankuasa. Keahlian JKBPM15 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. KSU sebagai Pengerusi</li> <li>ii. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) [TKSU (B)]</li> <li>iii. Setiausaha Bahagian (SUB), Bahagian Biasiswa</li> <li>iv. SUB Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelaras Dasar; atau wakil</li> <li>v. SUB Bahagian Pembangunan; atau wakil</li> <li>vi. Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT); atau wakil</li> <li>vii. Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Piawaian, JPT; atau wakil</li> <li>viii. Wakil Bahagian Perancangan, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi [Ministry of Science Technology and Innovation (MOSTI)].</li> </ul>	<p>Mulai 2 Januari 2017, KPT telah menstrukturkan semula kerangka institusi pengurusan biasiswa dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Biasiswa (JKTB) dan Jawatankuasa Pemandu Biasiswa (JKPB) bagi memastikan sistem tadbir urus hal ehwal pengurusan biasiswa dilaksanakan secara teratur.</p> <p>5.3.2.b. – Minit Mesyuarat JKBPM15 Tiada Tandatangan Pengerusi</p> <p>KPT mengakui bahawa terdapat lima (5) Minit Mesyuarat JKBPM15 bagi tempoh 2013 hingga 2014 tidak mempunyai salinan asal yang disah dan ditandatangani oleh KSU selaku pengerusi JKBPM15.</p> <p>Menyedari akan kelemahan ini, semasa mesyuarat <i>Exit Conference</i> Bagi Pengauditan Terhadap Pengurusan Program Pembiayaan MyBrain15 Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diadakan pada 8 Mei 2017 telah bersetuju supaya lima (5) minit mesyuarat tersebut disediakan semula dan ditandatangani oleh KSU selaku Pengerusi JKBPM15.</p> <p>KPT telah melaksanakan keputusan mesyuarat <i>Exit Conference</i> bertarikh 8 Mei 2017 dan mendapatkan tandatangan KSU selaku Pengerusi JKBPM15.</p>
<p><b>24.5.3.2.b</b></p>	<p>Pihak Audit mendapati sebanyak 45 mesyuarat JKBPM15 telah diadakan antara tahun 2011 hingga 2016 bagi tujuan meluluskan 62,516 permohonan MyBrain15. Bilangan pemohon yang layak untuk ditawarkan pembiayaan telah dikenal pasti, dibincangkan dan diluluskan dalam setiap mesyuarat yang berkaitan. Minit mesyuarat jawatankuasa tersebut telah disediakan, difailkan</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dan disimpan oleh Bahagian Biasiswa. Semakan Audit terhadap semua minit mesyuarat JKBPM15 yang dikemukakan mendapati, sebanyak 5 minit mesyuarat yang disediakan bagi urusan mesyuarat antara tahun 2013 hingga 2014 tidak disahkan dengan tandatangan KSU sebagai Pengerusi JKBPM15. Sebanyak 5,527 permohonan yang melibatkan anggaran implikasi kewangan maksimum berjumlah RM161.60 juta telah diluluskan melalui 5 mesyuarat tersebut.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Minit Mesyuarat JKBPM15 yang disenaraikan tidak mempunyai tandatangan Pengerusi memandangkan Bahagian Biasiswa tidak mempunyai dokumen asal kerana kelemahan pelaksanaan prosedur penyimpanan dokumen pada ketika itu.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sebanyak 5,527 permohonan MyBrain15 tersebut tidak diluluskan dengan teratur kerana minit mesyuarat JKBPM15 yang berkaitan tidak disahkan dengan tandatangan KSU sebagai Pengerusi.</p>	
<p><b>24.5.3.3.b</b></p>	<p><b>Proses Permohonan</b></p> <p>Pemprosesan permohonan MyBrain15 yang meliputi penyemakan dan perakuan permohonan dilaksanakan di peringkat Unit MyBrain15. Berdasarkan proses kerja yang disemak, Ketua Penolong Setiausaha (KPSU)/Penolong Setiausaha (PSU) di Unit MyBrain15 ditetapkan sebagai pegawai yang perlu melaksanakan proses penyemakan dan perakuan awal permohonan. Pegawai yang bertanggungjawab perlu menyemak dan memperakukan permohonan yang telah melepasi syarat-syarat yang ditetapkan seterusnya menyediakan senarai pemohon yang layak untuk dibawa ke JKBPM15 bagi tujuan kelulusan.</p>	<p>5.3.3.b. – Pengesahan Secara Bertulis Terhadap Senarai Nama Pemohon Yang Layak</p> <p>KPT mengakui bahawa sebelum November 2016, terdapat kelemahan sistem pengesahan awal senarai nama pemohon-pemohon yang layak oleh urus setia bagi program MyBrain15.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, mulai November 2016, senarai nama pemohon-pemohon yang layak telah disah dan diperakukan oleh urus setia sebelum diangkat ke Mesyuarat JKBPM15 yang dipengerusikan oleh KSU dan dimuktamadkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi.</p>
<p><b>24.5.3.3.c</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati senarai nama yang layak dibawa ke setiap mesyuarat JKBPM15 telah disediakan bagi permohonan tahun 2011 hingga 2016 oleh Unit MyBrain15. Senarai tersebut dilampirkan bersama minit mesyuarat JKBPM15 yang disemak. Bagaimanapun, tiada perakuan/pengesahan secara bertulis oleh pegawai bertanggungjawab di peringkat Unit MyBrain15/Bahagian Biasiswa terhadap senarai nama yang disediakan sebelum ia dibawa untuk kelulusan JKBPM15 kecuali Mesyuarat JKBPM15 Bil. 2/2016 bertarikh 7 Oktober 2016.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Senarai nama yang dibawa ke Mesyuarat JKBPM15 diambil daripada sistem permohonan selepas proses saringan awal dijalankan berdasarkan keutamaan 80 : 20 bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Sains Sosial. Sistem permohonan online menjalankan tapisan automatik untuk menapis pemohon yang menepati syarat minimum sahaja. Setelah itu, tapisan kedua dibuat secara manual berdasarkan pencapaian Cumulative Grade Pointer Average (CGPA) tertinggi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses perakuan/pengelesen senarai nama yang layak dibawa untuk kelulusan JKBPM15 adalah tidak teratur kerana tiada perakuan secara bertulis yang ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.</p>	
<p><b>24.5.3.4.c.i</b></p>	<p><b>Pentadbiran Surat Tawaran Program dan Borang Perjanjian Program Biasiswa MyBrain15 - Surat Kuasa di Bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 Tidak Ditandatangani oleh YB. Menteri</b></p> <p>Pihak Audit mendapati berlaku perubahan pengisian jawatan Menteri yang bertanggungjawab terhadap KPT pada bulan Mei 2013. Bagaimanapun, Surat Kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 bagi tujuan menandatangani perjanjian MyBrain15 tidak dikemas kini selaras dengan perubahan pengisian jawatan Menteri tersebut.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Selepas teguran Audit, Bahagian Biasiswa telah menyediakan Surat Kuasa baharu yang telah disemak oleh Ketua Penasihat Undang-Undang KPUU dan telah ditandatangani oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi di bawah tajuk Pemberikuasaan Di Bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] No. Rujukan Memo: KPT.B (S) 600-4/1/18 JLD.2 (6) bertarikh 29 Mac 2017.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, penurunan kuasa menandatangani perjanjian pembiayaan MyBrain15 adalah tidak teratur kerana Surat Kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 tidak dikemas kini selaras dengan perubahan pengisian jawatan Menteri yang bertanggungjawab.</p>	<p>5.3.4.c.i – Surat Kuasa di Bawah Seksyen 2, Akta Kontrak 1949 Kerajaan Tidak Ditandatangani Oleh YB. Menteri</p> <p>KPT akur dengan teguran tersebut dan pengemaskinian surat kuasa menandatangani kontrak telah dilaksanakan dan ditandatangani oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi di bawah tajuk Pemberikuasaan Di Bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] No Rujukan Memo: KPT.B (S) 600-4/1/18 JLD.2 (6) bertarikh 29 Mac 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.4.c.ii	<p><b>Pembiayaan MyPhD Industri Tanpa Perjanjian/Penjamin</b></p> <p>Pelajar yang diluluskan untuk pembiayaan MyPhD Industri bertanggungjawab untuk mengemukakan satu salinan Memorandum Persefahaman [Memorandum of Understanding (MoU)] atau Memorandum Perjanjian [Memorandum of Agreement (MoA)] bagi mengesahkan jalinan kerjasama antara syarikat/industri dengan UA/IPTS untuk melaksanakan PhD Industri. Pihak Audit mendapati KPT telah menetapkan syarat/terma pembiayaan dan tindakan penguatkuasaan melalui STP yang diberikan kepada semua 242 pelajar MyPhD Industri yang terlibat. Bagaimanapun, tiada penggunaan Borang Perjanjian yang dimatikan dengan setem hasil bagi kesemua 242 pelajar yang telah diluluskan pembiayaan MyPhD Industri tersebut. Selain itu, syarat untuk mendapatkan penjamin bagi tujuan jaminan pematuhan syarat/terma pembiayaan juga tidak ditetapkan.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Pelaksanaan pembiayaan MyPhD Industri adalah melibatkan MoU atau MoA tiga pihak antara pelajar, majikan (industri) dan universiti. Sehubungan itu, bagi MyPhD Industri, tiada perjanjian yang dibuat antara pelajar dan KPT memandangkan MoU atau MoA dimeterai antara ketiga-tiga pihak tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kepentingan Kerajaan tidak dijamin dengan memuaskan bagi pembiayaan MyPhD Industri kerana Borang Perjanjian yang dimatikan dengan setem hasil tidak digunakan serta syarat penjamin tidak ditetapkan.</p>	<p>5.3.4.c.ii. – Pembiayaan MyPhD Industri Tanpa Perjanjian/Penjamin</p> <p>KPT mengakui bahawa program MyPhD Industri tidak mempunyai perjanjian di antara Kerajaan dan pelajar. Ini adalah kerana program MyPhD Industri mempunyai keunikan tersendiri yang bertujuan untuk pembangunan industri dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah industri secara terus di tempat kerja.</p> <p>Berdasarkan garis panduan penajaan program MyPhD Industri yang dikeluarkan pada September 2010, Kerajaan menyediakan sumbangan dana yang meliputi kos penyeliaan, yuran pengajian, dan kos latihan penyeliaan IPT dan industri bagi sepanjang tempoh pengajian.</p> <p>Pemahaman KPT pada waktu itu ialah bayaran boleh dibuat kepada universiti berdasarkan MoU yang telah dimeterai antara IPT dan industri setelah mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak. Oleh itu, tiada perjanjian yang dimeterai antara pelajar dan KPT memandangkan peruntukan adalah disalurkan terus kepada pihak IPT yang bertanggung jawab.</p> <p>KPT mengakui akan perlunya ikatan perjanjian dimeterai antara Kerajaan dan pelajar bagi apa jua pembiayaan dengan menetapkan terma-terma yang jelas bagi melindungi kepentingan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, surat tawaran MyPhD Industri yang telah dikeluarkan oleh KPT dan diaku terima oleh pelajar telah mengikat kedua-dua pihak. Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran terhadap terma-terma dalam surat tawaran tersebut, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pelajar.</p> <p>KPT merujuk kepada para 4.2 Surat Tawaran MyPhD Industri yang menyatakan seperti berikut:</p> <p><i>"KPT berhak untuk menamatkan pembiayaan ini dan menuntut supaya pelajar membayar balik keseluruhan atau sebahagian daripada yuran pengajian yang telah dikeluarkan kepadanya sekiranya pelajar diberhentikan kerja atau berhenti kerja atau meletakkan jawatan di syarikat/industri seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Program atau dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak IPT atau didapati bersalah oleh mahkamah atas kesalahan jenayah atau mengikuti pengajian secara separuh masa atau tidak meneruskan pengajian atas apa-apa alasan atau gagal menamatkan pengajiannya."</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Berdasarkan perenggan di atas, jelas menunjukkan kepentingan Kerajaan adalah terjamin. Sebagai tindakan penambahbaikan, KPT telah menyediakan draf perjanjian program MyPhD Industri bagi pelaksanaan penawaran baharu.
24.5.3.4.c.iii	<p><b>Perjanjian Lewat Ditandatangani oleh Pegawai yang Diberi Kuasa Untuk Mewakili Kerajaan</b></p> <p>Sebanyak 9 perjanjian MyMaster lewat ditandatangani oleh pegawai yang mewakili pihak Kerajaan atau saksi antara 334 hingga 972 hari setakat tarikh pengauditan dijalankan. Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, kelewatan menandatangani borang perjanjian tersebut adalah disebabkan bilangan perjanjian yang tinggi berbanding dengan bilangan pegawai tetap yang terhad.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Bahagian Biasiswa mengambil maklum akan masalah yang berlaku dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengemas kini borang perjanjian tersebut.</i></p>	<p>KPT mengakui bahawa sebanyak sembilan (9) perjanjian program MyMaster lewat ditandatangani. Kelewatan ini disebabkan oleh bebanan kerja di Bahagian Biasiswa berikutan terdapatnya kuantiti dokumen perjanjian yang terlalu banyak dengan anggaran purata 9,000 perjanjian setahun mengandungi tiga (3) salinan iaitu 27,000 dokumen yang perlu ditandatangani. Tanggungjawab ini dilaksanakan oleh hanya 4 orang pegawai di Unit MyBrain15 pada ketika itu. Kekangan ini telah memberi kesan terhadap kelewatan menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak Kerajaan.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, tanggungjawab untuk menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak Kerajaan telah diperluaskan kepada semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Biasiswa.</p>
24.5.3.4.c.iv	<p><b>Salinan Asal Perjanjian Tidak Dapat Disahkan Status Penyimpanan</b></p> <p>Sebanyak 4 salinan asal perjanjian pelajar di bawah program MyPhD didapati tidak dapat dikesan dan disahkan status penyimpanannya. Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, perkara ini adalah disebabkan kelemahan sistem pengurusan dokumen semasa penerimaan dokumen perjanjian tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan salinan asal perjanjian boleh menjejaskan proses tuntutan terhadap pelajar yang ditamatkan dengan tuntutan ganti rugi.</p>	<p>KPT mengakui bahawa terdapat empat (4) salinan asal dokumen perjanjian di bawah program MyPhD tidak dapat dikesan dan disahkan status penyimpanannya. Usaha yang bersungguh-sungguh bagi mengesan dokumen perjanjian telah dan sedang dilaksanakan termasuk kemungkinan mendapatkan salinan asal dokumen perjanjian tersebut daripada pelajar dan penjamin.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, KPT telah menaik taraf sistem e-Sistem Penajaan (eSP) bagi memastikan pengurusan penajaan biasiswa lebih mantap dan teratur.</p>
24.5.3.5.b.i	<p><b>Pengurusan Bayaran - Dokumen Arahan Bayaran Lewat Disediakan</b></p> <p>Pihak Audit mendapati sebanyak 55 (73.3%) Arahan Bayaran bagi 132 invois/surat tuntutan berjumlah RM34.43 juta telah lewat disediakan antara 1 hingga melebihi 40 hari bekerja. Selain itu, sebanyak 20 dokumen Arahan Bayaran tidak dapat ditentukan tempoh penyediaannya kerana tarikh terima tidak di cop di invois/surat tuntutan yang berkaitan. Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, antara faktor kelewatan penyediaan dokumen Arahan</p>	<p>5.3.5.b.i. – Dokumen Arahan Bayaran Lewat Disediakan</p> <p>KPT mengakui bahawa terdapat kelewatan penyediaan dokumen arahan bayaran sehingga melebihi 40 hari bekerja. Kelewatan ini berlaku disebabkan oleh faktor berikut:</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bayaran adalah disebabkan pihak UA/IPTS lewat mengemukakan invoice tuntutan dan ia dikemukakan secara pukal. Selain itu, proses semakan terhadap invoice yang dikemukakan turut mengambil masa yang lama kerana invoice yang diterima perlu disemak dengan teliti memandangkan terdapat kemungkinan mengandungi senarai pelajar yang bukan di bawah tajaan atau di luar tempoh tajaan MyBrain15.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh yang diambil untuk menyediakan Arahan Bayaran adalah tidak memuaskan kerana melewati tempoh masa yang ditetapkan.</p>	<p>i. semakan ke atas kuantiti invoice yang terlalu banyak melibatkan 32,761 orang pelajar aktif bagi program MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industri;</p> <p>ii. kerumitan proses semakan kerana terdapat maklumat yang tidak tepat yang dikemukakan oleh IPT. Antaranya ialah maklumat pelajar yang bertindih, tamat tajaan dan ditaja di bawah lain-lain program.</p> <p>iii. bilangan kakitangan yang terhad iaitu seramai 3 orang bagi menyemak invoice yang terlalu banyak.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, KPT telah menaik taraf sistem e-Sistem Penajaan (eSP) bagi memastikan pengurusan penajaan biasiswa lebih mantap dan teratur.</p>
<p><b>24.5.3.5.b.ii</b></p>	<p><b>Norma Masa Pengemaskinian Maklumat Bayaran Dalam Lejar Pelajar Tidak Ditetapkan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tempoh yang diambil untuk mengemas kini maklumat bayaran pembiayaan ke dalam lejar pelajar bagi 77 baucar bayaran yang berjumlah RM102.66 juta adalah antara 1 hingga melebihi 240 hari bekerja. Tiada norma masa pengemaskinian maklumat bayaran dalam lejar pelajar ditetapkan dalam proses kerja yang disediakan. Berdasarkan maklum balas SUB, Bahagian Biasiswa, kelewatan pengemaskinian lejar pelajar adalah disebabkan bilangan pelajar tajaan yang ramai iaitu melibatkan 14 program di bawah Peruntukan Mengurus dan 4 program di bawah Peruntukan Pembangunan; pengemaskinian lejar pelajar dalam eSP dilakukan secara manual iaitu dengan memasukkan maklumat bayaran ke lejar setiap pelajar berdasarkan baucar bayaran yang diterima daripada Unit Kewangan; dan masalah baucar bayaran yang sukar dikesan kerana tidak difailkan secara sistematik.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Pada tahun 2016, Unit Kewangan telah mengambil inisiatif mewujudkan pasukan task force Unit Lejar bagi menangani isu kelewatan ini dengan memohon pertambahan Pegawai Sambilan Harian (PSH) daripada 5 orang kepada 8 orang PSH serta membuat pemantauan statistik pengemaskinian lejar berdasarkan sistem eSP. Setiap PSH ditugaskan mengemas kini lejar berdasarkan Baucar Bayaran mengikut bulan dan tidak lagi mengikut program. Bahagian Biasiswa sedang dalam usaha menambah</i></p>	<p>5.3.5.b.ii. – Norma Masa Pengemaskinian Maklumat Bayaran Dalam Lejar Pelajar Tidak Ditetapkan</p> <p>KPT mengakui bahawa tiada penetapan norma masa untuk pengemaskinian maklumat bayaran dalam lejar pelajar sehingga menyebabkan baki siling pembiayaan tidak dapat disahkan dan pembayaran tidak dapat ditentukan dengan tepat. Ini adalah disebabkan proses pengemaskinian lejar pelajar hanya dilaksanakan secara manual.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, mulai 27 Mac 2017, Bahagian Biasiswa telah membuat penambahbaikan sistem eSP dengan melaksanakan modul Arahan Bayaran Agensi bagi memastikan lejar pelajar dikemaskini secara berkelompok. Hasil penambahbaikan tersebut, norma masa pengemaskinian lejar pelajar telah ditetapkan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh baucar bayaran diperakui melalui sistem ESPKB.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>baik sistem eSP dengan memastikan semua Arahan Bayaran diproses melalui eSP agar proses pengemaskinian lejar dapat dibuat melalui sistem berdasarkan Modul Arahan Bayaran eSP tanpa perlu masuk ke akaun lejar pelajar secara individu.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh yang terlalu lama untuk mengemas kini maklumat bayaran ke dalam lejar pelajar akan meningkatkan tempoh masa untuk mengesahkan baki siling pembiayaan pelajar tersebut. Keadaan ini akan menyebabkan kelewatan terhadap penyediaan Arahan Bayaran yang seterusnya bagi pelajar tersebut.</p>	
24.5.3.5.b.iii	<p><b>Maklumat Transaksi Bayaran Yuran Pengajian dan ESH Tidak Dapat Disemak Melalui Lejar Pelajar Dalam eSP</b></p> <p>Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap 600 lejar pelajar MyBrain15 bagi menentukan sama ada transaksi bayaran yuran dan ESH telah direkodkan dengan kemas kini. Bayaran yuran pengajian dan ESH yang sepatutnya dibayar kepada pelajar yang berstatus masih belajar telah disemak silang dengan lejar pelajar dalam eSP. Semakan Audit mendapati sebanyak 104 transaksi yuran pengajian/ESH yang sepatutnya dibayar dalam tempoh pembiayaan pelajar antara tahun 2011 hingga 2016 untuk 60 pelajar tidak dapat disemak melalui lejar pelajar dalam eSP. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada transaksi tersebut telah dibayar/ditangguhkan/tidak dituntut memandangkan tiada maklumat mengenainya dapat disemak. Berdasarkan pengesahan SUB Bahagian Biasiswa, perkara ini berlaku kerana masalah kelewatan dan kesilapan dalam proses pengemaskinian lejar pelajar memandangkan ianya dilaksanakan secara manual.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Bahagian Biasiswa sedang dalam usaha untuk mengemas kini dan menaik taraf sistem eSP bagi membolehkan data pelajar disemak dan diselaraskan dengan rekod dan maklumat pelajar di universiti. Bahagian Biasiswa selanjutnya juga akan menyemak semula transaksi bayaran di lejar eSP dengan rekod pelajar di Unit MyBrain15 untuk diselaraskan secara task force dengan kerjasama Unit Pentadbiran &amp; Kewangan (melibatkan Unit IT &amp; Unit Kewangan).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, maklumat transaksi bayaran yuran pengajian dan ESH yang tidak dikemas kini dalam melalui lejar pelajar menyebabkan maklumat</p>	<p>5.3.5.b.iii. – Maklumat Transaksi Bayaran Yuran Pengajian Dan ESH Tidak Dapat Disemak Melalui Lejar Pelajar Dalam eSP</p> <p>KPT mengakui bahawa terdapat 104 transaksi bayaran yuran pengajian dan elaun sara hidup (ESH) yang tidak dapat disahkan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelewatan pengemaskinian lejar pelajar seperti dinyatakan di para 5.3.5.b.ii. di atas.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, tindakan pengemaskinian telah dilaksanakan selaras dengan teguran audit.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	siling pembiayaan pelajar di dalam lejar adalah tidak tepat.	
24.5.3.6.b.i	<p><b>Pengurusan Tuntutan Ganti Rugi/Bayaran Balik - Tuntutan Ganti Rugi/Bayaran Balik Tidak Pernah Dibuat Bayaran</b></p> <p>Seramai 17 (8.1%) pelajar di dalam senarai ABT yang mempunyai tunggakan berjumlah RM316,787 (5.8%) tidak pernah membuat bayaran ganti rugi/bayaran balik setakat tarikh pengauditan dijalankan. Tempoh tunggakan adalah antara 402 hingga 1,696 hari daripada tarikh notis tuntutan dikeluarkan. Tiada maklumat mengenai tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap 17 pelajar tersebut. Berdasarkan pengesahan SUB Bahagian Biasiswa, tindakan peringatan antaranya pengeluaran surat peringatan, e-mel, SMS dan berhubung secara terus dengan pelajar yang dikenakan tuntutan ganti rugi telah dilaksanakan oleh UPKB. Tindakan perundangan hanya akan dijalankan selepas semua proses tuntutan dan peringatan tersebut telah dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses tuntutan ganti rugi/bayaran balik yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana tiada tindakan undang-undang diambil terhadap pelajar yang gagal membuat bayaran balik sungguhpun telah diberikan peringatan dari semasa ke semasa.</p>	<p>KPT mengakui bahawa terdapat 17 pelajar yang dikenakan tuntutan ganti rugi tetapi tidak pernah membuat apa-apa pembayaran. KPT telah menghantar peringatan kepada 17 pelajar terlibat menerusi surat rasmi, sistem pesanan ringkas (SMS) dan menghubungi pelajar melalui panggilan telefon. Walau bagaimanapun, berdasarkan nasihat daripada Penasihat Undang-Undang KPT, tindakan undang-undang hanya wajar dilaksanakan selepas tiga (3) notis peringatan dihantar (termasuk notis peringatan akhir) tanpa sebarang maklumbalas daripada pelajar sepanjang tempoh penghantaran notis tersebut.</p> <p>KPT telah mengeluarkan notis terakhir pada 9 Jun 2017 kepada kesemua 17 pelajar tersebut. Sekiranya tiada sebarang maklum balas dalam tempoh 14 hari, Bahagian Biasiswa akan menyedia dan mengemukakan dokumen penajaan pelajar yang lengkap bersama perjanjian asal dan semua surat peringatan untuk tindakan selanjutnya oleh Penasihat Undang-Undang KPT termasuk pengeluaran <i>Letter of Demand</i> (LOD).</p> <p>Terdapat beberapa kekangan dalam tindakan penguatkuasaan oleh KPT yang tidak membenarkan nama pelajar yang tidak membuat apa-apa pembayaran disiarkan di media massa kerana mungkin akan mendedahkan Kerajaan kepada risiko disaman kerana menfitnahkan seseorang. Di samping itu, tiada sebarang peruntukan undang-undang di bawah KPT yang membolehkan pelajar berkenaan dihalang meninggalkan negara.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan dalam tindakan penguatkuasaan bagi kutipan balik ganti rugi secara lebih efektif, KPT telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan PTPTN bagi merangka mekanisma kutipan balik ganti rugi biasiswa KPT. Pihak PTPTN sedang mengkaji keperluan meminda Akta 566 PTPTN untuk membolehkan agensi tersebut bertindak sebagai agen kutipan bagi pihak Kerajaan.</p>
24.5.3.6.b.ii	<p><b>Tuntutan Ganti Rugi/Bayaran Balik Kurang Dari Jumlah Perbelanjaan Pembiayaan Sebenar</b></p> <p>Berdasarkan maklumat lejar 28 pelajar yang telah ditamatkan pembiayaan dengan ganti rugi/bayaran balik, sejumlah RM1.20 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembiayaan pelajar-pelajar tersebut dan perlu dituntut semula melalui</p>	<p>KPT mengakui bahawa terdapat 28 tuntutan ganti rugi yang kurang daripada jumlah perbelanjaan sebenar. Isu ini disebabkan kelewatan pengemaskinian lejar pelajar yang menyebabkan jumlah tuntutan ganti rugi tidak dapat ditentukan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini										
	<p>notis tuntutan ganti rugi/bayaran balik. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap notis tuntutan ganti rugi/bayaran terhadap 28 pelajar tersebut mendapati jumlah amaun yang dituntut adalah sebanyak RM959,411 iaitu kurang RM241,199 (20.1%) daripada jumlah sepatutnya. Pihak Audit mendapati perbezaan tuntutan tersebut berlaku disebabkan maklumat bayaran yuran pengajian lewat dikemas kini di lejar pelajar yang diberikan notis tuntutan ganti rugi. Notis tuntutan ganti rugi yang dikeluarkan kepada pelajar tersebut tidak mengambil kira amaun yang sepatutnya dikemas kini dalam lejar pelajar yang berkaitan. Kesannya, jumlah tunggakan yang dilaporkan melalui ABT adalah terkurang nyata daripada jumlah sebenar.</p> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Maklumat tuntutan tersebut telah dikembalikan kepada Unit MyBrain15 bagi tujuan pelarasan jumlah tuntutan sebenar. Perbezaan jumlah tuntutan ini adalah disebabkan lejar pelajar dikemas kini selepas surat tuntutan dikeluarkan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan tuntutan ganti rugi/bayaran balik adalah tidak memuaskan kerana penyelenggaraan rekod dan kutipan bayaran tidak dilaksanakan dengan teratur.</p>	<p>dengan tepat.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, mulai 27 Mac 2017, Bahagian Basiswa telah melaksanakan penambahbaikan sistem eSP dengan melaksanakan modul Arahan Bayaran Agensi bagi memastikan lejar pelajar dikemaskini secara berkelompok. Hasil penambahbaikan tersebut, norma masa pengemaskinian lejar pelajar telah ditetapkan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh baucar bayaran diperakui melalui sistem ESPKB.</p> <p>Kesemua lejar pelajar yang terlibat telah dikemaskini dan surat tuntutan dengan jumlah tuntutan yang telah dikemaskini dikeluarkan pada 9 Jun 2017 selaras dengan klausa perjanjian yang berkaitan.</p>										
<p><b>24.5.3.7.c.i</b></p>	<p><b>Penguatkuasaan Syarat dan Terma Pembiayaan/Perjanjian - Pelajar Tidak Memaklumkan Status Pengajian Sebenar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarat dan Terma Pembiayaan MyBrain15 menetapkan pelajar bertanggungjawab memaklumkan keputusan pengajian dalam masa 30 hari selepas tamat tempoh pembiayaan sama ada berjaya atau tidak. Bagi pelajar yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya, status pengajian hendaklah dimaklumkan kepada Kerajaan dalam tempoh 15 hari atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan Kerajaan daripada tarikh tamat pengajian.</li> <li>Sebanyak 425 (70.8%) pelajar telah tamat tempoh pembiayaan atau telah ditamatkan pembiayaan. Bagaimanapun, hanya 129 (30.4%) daripada jumlah pelajar tersebut telah memaklumkan status pengajian mereka kepada Bahagian Basiswa manakala 296 pelajar lagi tidak dapat dipastikan status pengajiannya.</li> </ul>	<p><b>5.3.7.c.i. – Pelajar Tidak Memaklumkan Status Pengajian Sebenar</b></p> <p>KPT mengakui bahawa terdapat sebilangan pelajar yang tidak memaklumkan status pengajian sebenar mereka seperti di dalam terma perjanjian penajaan berikutan sistem pemantauan yang kurang mantap di Bahagian Basiswa.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, KPT melalui surat bertarikh 28 Februari 2017 telah mengarahkan semua UA melaporkan status pengajian terkini pelajar-pelajar tajaan MyBrain15 untuk dikemaskini di peringkat KPT. Hasil maklum balas daripada pihak UA, status terkini penajaan MyBrain15 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1249 1257 2051 1390"> <thead> <tr> <th data-bbox="1249 1257 1458 1390">PROGRAM</th> <th data-bbox="1458 1257 1615 1390">TAMAT DENGAN JAYA</th> <th data-bbox="1615 1257 1778 1390">TAMAT / TAMAT DENGAN GANTIRUGI</th> <th data-bbox="1778 1257 1897 1390">AKTIF</th> <th data-bbox="1897 1257 2051 1390">JUMLAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>	PROGRAM	TAMAT DENGAN JAYA	TAMAT / TAMAT DENGAN GANTIRUGI	AKTIF	JUMLAH					
PROGRAM	TAMAT DENGAN JAYA	TAMAT / TAMAT DENGAN GANTIRUGI	AKTIF	JUMLAH								



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak 219 (36.5%) pelajar yang telah tamat tempoh pembiayaannya tetapi didapati masih berstatus masih belajar dalam eSP.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Tindakan telah diambil melalui surat kepada semua UA bertarikh 1 Mac 2017 yang bertajuk Pengisian Template Pelajar Tajaan MyBrain15. Tujuan surat ini adalah supaya pihak UA mengemas kini status pengajian terkini pelajar tajaan MyBrain15.</i></p>	<table border="1" data-bbox="1249 256 2051 451"> <tr> <td>MYMASTER</td> <td>19,653</td> <td>2,648</td> <td>24,037</td> <td>46,338</td> </tr> <tr> <td>MYPHD</td> <td>1,268</td> <td>533</td> <td>8,524</td> <td>10,325</td> </tr> <tr> <td>MYPHD INDUSTRI</td> <td>9</td> <td>38</td> <td>200</td> <td>247</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>20,930</td> <td>3,219</td> <td>32,761</td> <td>56,910</td> </tr> </table> <p>*Sehingga 7 Jun 2017</p>					MYMASTER	19,653	2,648	24,037	46,338	MYPHD	1,268	533	8,524	10,325	MYPHD INDUSTRI	9	38	200	247	JUMLAH	20,930	3,219	32,761	56,910
MYMASTER	19,653	2,648	24,037	46,338																						
MYPHD	1,268	533	8,524	10,325																						
MYPHD INDUSTRI	9	38	200	247																						
JUMLAH	20,930	3,219	32,761	56,910																						
24.5.3.7.c.ii	<p><b>Laporan Kemajuan Pengajian Tidak Dikemukakan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Berdasarkan syarat pembiayaan MyMaster dan MyPhD, perenggan 3.5 Syarat dan Terma Pembiayaan bagi tawaran tahun 2012 hingga 2016 dan perenggan 2(c) Borang Perjanjian bagi tahun 2011 hingga 2016, pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Pengajian (LKP) setiap semester pengajiannya kepada Bahagian Basiswa, KPT. Kegagalan pelajar untuk berbuat demikian oleh menyebabkan penggantungan bayaran yuran pengajian.</li> <li>Semakan Audit mendapati sebanyak 472 (78.7%) pelajar tidak pernah mengemukakan LKP ke Bahagian Basiswa manakala 52 (8.6%) pelajar hanya pernah mengemukakan laporan tersebut sekali sahaja. Tiada maklumat mengenai proses penggantungan bayaran yuran pengajian telah diambil terhadap pelajar-pelajar tersebut. Pihak Audit juga mendapati, tiada proses kerja disediakan bagi tujuan peringatan/amaran terhadap pelajar yang masih belum mengemukakan LKP.</li> </ul>	<p>5.3.7.c.ii. – Laporan Kemajuan Pengajian Tidak Dikemukakan</p> <p>KPT mengakui bahawa terdapat pelajar yang tidak mengemukakan Laporan Kemajuan pengajian mereka berikutan sistem pemantauan yang kurang mantap di Bahagian Basiswa.</p> <p>Dalam hal ini, Bahagian Basiswa telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi secara dalaman dengan menambah bilangan kakitangan sokongan di Unit MyBrain15.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, KPT telah mewajibkan pelajar mengemukakan Laporan Kemajuan dan keputusan peperiksaan bagi tujuan pembayaran yuran pengajian. Hebahan telah dibuat kepada semua pelajar yang terlibat melalui email, SMS dan Facebook MyBrain15 mengenai bayaran yang akan disekat sekiranya pelajar gagal melaporkan laporan kemajuan. KPT juga telah menambahbaik sistem bagi membolehkan pelajar memuat naik sendiri maklumat tersebut melalui sistem eSP.</p>																								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Berdasarkan maklum balas Bahagian Biasiswa, pemantauan terhadap pelajar yang tidak mengemukakan LKP pada masa yang ditetapkan tidak dapat dijalankan dengan efektif kerana bilangan pelajar yang perlu dipantau adalah yang tinggi berbanding tenaga kerja di Unit MyBrain15. Selain itu, kekurangan tenaga kerja di Unit MyBrain15 menyebabkan tindakan penggantungan terhadap pelajar yang tidak mengemukakan LKP pada masa yang ditetapkan tidak dapat diambil. Sehingga kini, jumlah pelajar tajaan MyBrain15 yang aktif adalah 14,674 berbanding 3 orang Pembantu Tadbir N17 yang memproses pembayaran yuran pengajian. Dalam hal ini, Bahagian Biasiswa sedang membuat penyusunan semula struktur organisasi.</i></p>	
24.5.3.7.c.iii	<p><b>Prosedur Untuk Mendapatkan Maklumat Status Pekerjaan Atau Pembiayaan Lain yang Diterima oleh Pelajar Tidak Disediakan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan syarat perjanjian MyMaster dan MyPhD, sekiranya pelajar menerima sebarang pekerjaan tetap atau kontrak/ menerima biasiswa daripada lain-lain penaja dalam tempoh pembiayaan yang ditetapkan pelajar adalah bertanggungjawab melaporkan perkara tersebut kepada Bahagian Biasiswa. Jika pembiayaan diteruskan disebabkan kecuaiian atau kegagalan pelajar melaporkan perkara ini, KPT berhak membuat tindakan tuntutan ganti rugi/bayaran balik ke atas jumlah yuran atau perbelanjaan lain yang telah dibayar.</li> <li>• Semakan Audit mendapati, tindakan penguatkuasaan syarat perjanjian oleh Bahagian Biasiswa adalah berdasarkan pemakluman oleh pelajar sendiri mengenai status pekerjaan atau penerimaan pembiayaan dari lain-lain penaja. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada terdapat prosedur lain digunakan oleh Bahagian Biasiswa untuk mendapatkan maklumat status pekerjaan atau pembiayaan lain yang diterima oleh pelajar tajaan program MyBrain15.</li> </ul> <p><i>Maklum Balas KPT yang Diterima Pada 2 Mei 2017</i></p> <p><i>Tindakan telah diambil melalui surat kepada semua UA bertarikh 1 Mac 2017 yang bertajuk Pengisian Template Pelajar Tajaan MyBrain15. Tujuan surat ini adalah supaya pihak UA mengemas kini status pengajian terkini pelajar tajaan MyBrain15. Walau bagaimanapun, setakat 5 April 2017, masih terdapat 2 UA yang belum mengemukakan maklum balas tersebut.</i></p>	<p>KPT mengakui bahawa terdapat pelajar yang tidak mengemaskini status pekerjaan atau pembiayaan lain yang diterima. Isu ini berlaku berikutan sistem pemantauan yang kurang mantap di Bahagian Biasiswa.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, KPT telah melaksanakan semakan berkala dengan UA bagi mendapatkan status pekerjaan pelajar dan pembiayaan lain yang diterima oleh pelajar dalam tempoh pengajian mereka. Dalam masa yang sama, pelajar juga telah diberi peringatan supaya mengemaskinikan status mereka dari masa ke semasa kepada KPT. Pengemaskinian status ini akan dibangunkan menerusi modul sistem eSP.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, proses pemantauan terhadap pematuhan syarat dan terma pembiayaan/perjanjian MyBrain15 adalah tidak memuaskan kerana maklumat pematuhan syarat hanya bergantung daripada makluman pelajar. Tindakan penguatkuasaan syarat perjanjian juga didapati tidak diambil terhadap pelajar yang gagal mematuhi syarat dan terma pembiayaan/perjanjian yang ditetapkan.</p>	



**(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
PERSEKUTUAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Perenggan 2 : Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.5.1.1.c</b></p>	<p><b>Prestasi Kewangan - Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi</b></p> <p>Analisis prestasi kewangan mendapati TEKUN Nasional mencatat keuntungan sebelum/selepas cukai berjumlah RM19.52 juta pada tahun 2015 iaitu lebih baik berbanding tahun 2014 yang mengalami kerugian sebelum/selepas cukai berjumlah RM226.85 juta. Ini adalah disebabkan oleh penghapusan belanja hutang lapuk tahun 2015 berjumlah RM8.51 juta lebih rendah berbanding RM230.49 juta bagi tahun 2014. Belanja hapus kira yang tinggi adalah disebabkan oleh ketiadaan polisi hapus kira, laporan pengumuman dan data yang tidak stabil dan merangkumi hutang yang tidak dapat dikutip dari tahun 2005 hingga 2014. Pada tahun 2013, TEKUN Nasional mencatat keuntungan sebelum/selepas cukai berjumlah RM5.81 juta berbanding kerugian sebelum/selepas cukai berjumlah RM226.85 juta disebabkan oleh perkara yang sama. Sehingga 31 Disember 2015, kerugian terkumpul TEKUN Nasional adalah berjumlah RM209.28 juta.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional telah merangka polisi hapus kira yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Amanah pada bulan Januari 2017. Selain itu, TEKUN Nasional telah melaksanakan Projek Datahouse bagi menjamin kestabilan data dan menjaga laporan termasuk laporan pengumuman.</i></p>	<p>TEKUN Nasional juga telah merangka Polisi Hapus Kira (<i>'Write-off'</i>) dan telah mendapat kelulusan ALA pada 9 Januari 2017. TN juga telah melaksanakan Projek <i>Datawarehouse ('DWH')</i> bagi menjamin kestabilan data serta menjaga pelaporan-pelaporan secara bulanan termasuk laporan pengumuman (<i>'Aging Report'</i>).</p> <p>Berbeza dengan implementasi hapus kira di institusi perbankan, TN masih perlu membuat kutipan ke atas kesemua akaun yang telah dihapus kira kerana keperluan membuat bayaran balik pinjaman kepada kerajaan secara berkala.</p> <p>Setakat Mei 2017, <i>'Non Performing Finance'</i> TN adalah pada 36.03% berbanding industri yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu 18%. Ini menunjukkan peratusan penurunan yang ketara berbanding sebelumnya iaitu 42.5%(2013), 54.2%(2014) dan 43.5%(2015).</p> <p>TN yang menjalankan aktiviti Pembiayaan Mikro terdedah kepada NPF dan kadar hapus kira yang tinggi kerana pembiayaan yang dikeluarkan tanpa cagaran serta golongan sasaran yang mendapati manfaat daripada pembiayaan ini adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin.</p>
<p><b>2.5.1.3.a</b></p>	<p><b>Analisis Aliran Tunai</b></p> <p>Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan sumber dana, penggunaan dana dan baki tunai sesebuah organisasi bagi setahun. Penyata aliran tunai digunakan untuk tujuan analisis aliran tunai masuk dan aliran tunai keluar. Aliran tunai adalah penting kerana dapat menentukan sejauh mana tahap kecairan syarikat.</p>	<p>Menyedari Model Perniagaan (<i>Business Model</i>) TN sedia ada tidak dapat menjamin kestabilan TN bagi jangka masa yang panjang, TN telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Sesi Perbincangan bagi Menambahbaik Halatuju dan Fungsi TEKUN Nasional bersama pihak Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi dan pihak Kementerian Pertanian &amp; Industri Asas Tani. Mesyuarat telah diadakan di TN pada 08/05/2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Mesyuarat bersama 'Stake holders' ini amat penting kepada TN bagi membincangkan hasrat dan mandat kerajaan melalui MOF, EPU dan MOA disamping menilai kestabilan TN bagi jangka masa panjang.</p> <p>Susulan daripada mesyuarat inisiatif TN itu, pihak Kementerian Kewangan telah memanggil satu mesyuarat berkaitan Permohonan Pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi Membiayai Dana Tahun 2017 kepada TEKUN Nasional yang telah diadakan pada 17 Mei 2017 (Rabu) dan dipengerusikan oleh Ybrs Dr Mastura Abdul Karim, Timbalan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik.</p> <p>Susulan daripada Sesi Perbincangan tersebut, pihak EPU telah mengadakan satu mesyuarat bagi Membincangkan Hajatuju Berhubung Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) pada 2 Jun 2017 bagi membincangkan kesemua perkara berbangkit yang turut dihadiri oleh wakil MOF dan MOA.</p>
2.5.1.3.b	<p>Analisis Audit terhadap aliran tunai bersih bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati tunai yang dijana dalam aktiviti operasi adalah negatif bagi tahun 2014 dan 2015 iaitu RM112.55 juta dan RM212.88 juta berbanding tahun 2013. Ini adalah disebabkan oleh pembiayaan kepada peminjam melebihi kutipan yang diterima untuk tahun tersebut. Bagaimanapun, aliran tunai daripada aktiviti pelaburan iaitu faedah simpanan tetap dan simpanan semasa serta penerimaan pembiayaan daripada Kerajaan telah meningkat untuk tempoh 3 tahun berturut-turut. Bagi aktiviti pembiayaan, TEKUN Nasional telah menerima tambahan pinjaman Kerajaan berjumlah RM110 juta dan RM250 juta untuk tahun 2014 dan 2015.</p>	<p>Selain daripada usaha yang dijelaskan sebelum ini, pada Sesi Perbincangan bagi Menambahbaik Halatuju dan Fungsi TEKUN Nasional tersebut juga, TN telah menyatakan keperluan menaikkan kadar keuntungan daripada 4% kepada 8%. Ini adalah kerana, kos pengoperasian sahaja adalah di antara purata 6%-7%.</p> <p>Secara langsung, sekiranya cadangan menaikkan kadar keuntungan dipersetujui, TN mampu menjana sedikit keuntungan, serta tidak terbeban dengan hutang kerajaan dan menjamin kesinambungan perniagaan TEKUN Nasional bagi jangka masa panjang.</p>
2.5.1.3.c	<p>Baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2015 mencatat peningkatan RM53.96 juta (11.5%) berbanding tahun 2014 dan RM5.51 juta (1.2%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Ini adalah selaras dengan penerimaan pinjaman daripada Kerajaan tetapi peningkatan tunai dan persamaan tunai adalah tidak sama dengan jumlah pembiayaan yang diterima. Ini kerana sebahagian besar amaun yang diterima pada tahun 2014 dan 2015 telah dikeluarkan kepada usahawan sebagai pinjaman iaitu RM112.55 juta dan RM212.88 juta. Secara keseluruhannya prestasi aliran tunai TEKUN Nasional adalah memuaskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan TEKUN Nasional bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan kerana bebanan hutang kepada Kerajaan dan hapus kira hutang lapuk usahawan yang tinggi. Selain itu, kerugian terkumpul pada akhir tahun 2015 berjumlah RM209.28 juta. Juruaudit swasta telah mengeluarkan Laporan Bertentangan</p>	<p>Bagi penyata kewangan TN tahun 2016, juruaudit swasta telah pun mengeluarkan draf Laporan mengikut piawai perakaunan MFRS yang ditetapkan sepenuhnya dan draf Penyata Kewangan tersebut telah diserahkan ke Jabatan Audit Negara pada 19 Mei 2017. Berdasarkan draf tersebut, bagi tahun kewangan 2016, TN akan menuju ke arah 'positive shareholder funds'.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terhadap Penyata Kewangan TEKUN Nasional bagi tahun 2013 hingga 2015 kerana tidak mematuhi standard perakaunan.	
2.5.2.1.b	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Prestasi Penggunaan Pinjaman Dan Geran Yang Diterima</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sungguhpun TEKUN Nasional telah menyalurkan sejumlah RM1.87 bilion (83.9%) dana pembiayaan bagi tahun 2013 hingga bulan Jun 2016 kepada usahawan, namun TEKUN Nasional tidak menjalankan kajian menyeluruh untuk menilai keberkesanan penggunaan dana oleh usahawan dalam memula dan mengembangkan perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Tanpa kajian penilaian ini, faktor kegagalan usahawan dalam perniagaan yang menyumbang kepada NPF yang tinggi tidak dapat dikenal pasti bagi tujuan penambahbaikan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional mengambil maklum teguran Audit dan telah melantik Putra Business School, Universiti Putra Malaysia untuk menjalankan kajian penilaian. Kajian penilaian ini telah dimulakan pada bulan April 2017 melibatkan seramai 1,400 usahawan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2017.</i></p>	<p>TEKUN Nasional mengambil maklum teguran Audit dan telah melantik Putra Business School, Universiti Putra Malaysia pada 12 April 2017 untuk menjalankan kajian penilaian. Kajian penilaian ini telah dimulakan pada akhir bulan April 2017 melibatkan seramai 1,400 usahawan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2017.</p> <p>Untuk makluman, sepanjang 18 tahun penubuhan TEKUN Nasional, sebanyak 2 kali kajian impak telah dilaksanakan iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada tahun 2004 – Laporan Kajian Impak Program Pinjaman TEKUN Negeri Terengganu oleh Universiti Teknologi Mara.</li> <li>2. Pada tahun 2009 – Laporan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) oleh Paisley Consulting SDN BHD.</li> </ol>
2.5.2.3.a	<p><b>Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pembiayaan</b></p> <p>Mengikut perjanjian pembiayaan, tempoh masa bayaran balik pembiayaan adalah antara 6 bulan hingga 10 tahun iaitu berdasarkan kepada amaun pembiayaan yang diluluskan iaitu RM1,000 hingga RM100,000. Bayaran balik pembiayaan adalah meliputi bayaran pokok, caj perkhidmatan (4%) setahun dan simpanan usahawan (5%). Secara keseluruhannya, pencapaian kutipan bayaran balik pembiayaan untuk tahun 2013 hingga 2015 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pihak Audit berpendapat kutipan yang rendah boleh memberi kesan kepada keupayaan TEKUN Nasional untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan dan pembiayaan semula kepada usahawan.</p>	<p>Bermula tahun 2015, bagi mengatasi isu terbabit, TEKUN Nasional telah melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pelaksanaan <i>Notice Of Demand</i>. Untuk makluman, '<i>Write-back</i>' yang diperolehi dari 1 Jan 2016 sehingga 30 Jun 2016 adalah sebanyak RM6.58 juta berjaya dikutip dari peminjam tegar ingkar. Manakala jumlah keseluruhan '<i>write back</i>' yang diterima bagi selepas pelaksanaan NOD adalah sebanyak RM25.8 juta. Kutipan bulanan juga meningkat daripada purata RM25 juta sebulan pada tahun 2015 kepada purata RM45 sehingga kini.</li> <li>ii. <i>Reschedule</i> / Penjadualan Semula. Berakhir April 2017 sebanyak 4,889 akaun berjumlah RM60,233,999.96 telah dijadualkan semula. Penjadualan semula ini diambil selepas pihak TN menilai semula kebolehbayaran usahawan yang datang berbincang.</li> <li>iii. Sistem Permarkahan Kredit / <i>Credit Scoring</i>. TEKUN Nasional telah menambahbaik SPK pada Sistem Permohonan Pembiayaan dengan mengambil</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>18 kriteria penilaian berbanding Sistem Pemandu sebelum ini. Kriteria-kriteria ini adalah berdasarkan semakan dan penilaian Jabatan Integriti, Tadbir Urus dan Risiko.</p> <p>iv. Penilaian RAMCI. Bermula 01/04/2016, TN telah menambahbaik penilaian kelulusan pembiayaan dengan elemen penilaian berdasarkan RAMCI. Proses penilaian RAMCI dilaksanakan pada peringkat VEO di pejabat negeri. Elemen-elemen RAMCI seperti maklumat pinjaman-pinjaman usahawan di institusi lain, maklumat senarai hitam kebangkrutan serta maklumat tindakan guaman akan digunakan bagi menilai kebolehbayaran balik pembiayaan TN sekiranya pembiayaan diluluskan.</p> <p>v. Penubuhan Pusat Panggilan Berpusat (<i>'Central Call Centre, CCC'</i>). Setakat April 2017, 5 pusat CCC telah ditubuhkan iaitu di Utara, Timur, Selatan, Tengah dan Wilayah Borneo. Setiap CCC telah dibekalkan dengan Sistem Panggilan Berpusat iaitu Anecto dengan kekerapan data dikemaskini secara bulanan. Setiap CCC juga diberikan sasaran panggilan sebanyak 110,000 panggilan sebulan dengan kapasiti seramai 20 orang pegawai CCC.</p> <p>vi. Saluran Bayaran balik (<i>'Payment Channel'</i>). Seperti maklum, 70%-80% pembayaran balik pembiayaan adalah melalui tunai/cek. TN telah menambahbaik cabang atau saluran bayaran balik bagi memudahkan usahawan. Diantaranya ialah terminal kad debit di setiap cawangan TN. TN telah mengadakan usahasama dengan RHB dan Bank Muamalat dalam menyediakan terminal kad debit secara percuma di semua 210 cawangan. Ini memberi kemudahan kepada usahawan tanpa membawa tunai setiap kali membuat bayaran balik. Selain itu, bayaran balik secara online juga telah boleh dilaksanakan sebagai permulaan melalui <i>Maybank2u.com.my</i>. Usahawan juga boleh membayar balik secara terus di mesin-mesin CDM serta kaunter bank BSN, Bank Muamalat, RHB dan sistem TN akan mengemaskini akaun pembiayaan TN pada keesokan harinya. Projek terkini yang sedang dalam proses penilaian pihak BNM ialah 'mobile apps'. Usahawan boleh memuat turun perisian di <i>Google Play Store</i>, dan membuat bayaran secara online serta melihat penyata pembiayaan secara atas talian. 'Mobile Apps' ini juga kelak akan digunakan oleh semua pegawai Tekun dalam membuat kutipan secara harian.</p>
2.5.2.3.b	<p>Daripada tahun 2013 hingga bulan Jun 2016, jumlah patut kutip keseluruhan adalah RM3.29 bilion tetapi pencapaian kutipan sebenar untuk tempoh tersebut hanya RM1.26 bilion (38.3%). Peratusan kutipan bayaran balik pembiayaan berbanding sasaran untuk tahun 2013 hingga 2015 pula adalah antara 78.1% hingga 96.9%. Ini kerana sasaran yang ditetapkan adalah jauh</p>	<p>Status terkini adalah bersamaan maklumbalas pada 2.5.2.3.a</p> <p>TN telah mengenalpasti industri, sektor, jantina, julat umur usahawan dan lain-lain maklumat yang menyumbang kepada kegagalan perniagaan secara umumnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	lebih rendah daripada amaun yang sepatutnya dikutip. Walaupun terdapat usaha yang dilaksanakan oleh TEKUN Nasional untuk mengutip balik pinjaman namun ia masih kurang berkesan disebabkan oleh faktor perniagaan usahawan yang merosot atau gagal.	Pengeluaran pembiayaan kepada industri dan sektor perniagaan yang bermasalah telah dikurangkan dan diberikan tumpuan kepada usahawan di industri dan sektor perniagaan lain yang lebih berdaya saing.
2.5.2.3.c	<i>Non Performing Finance</i> (NPF) adalah sejumlah pembiayaan di mana usahawan tidak membuat pembayaran mengikut jadual. TEKUN Nasional telah menetapkan bahawa pembayaran yang tidak dibayar melebihi tempoh 6 bulan diklasifikasi sebagai NPF dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ini bermakna pembiayaan tersebut tiada peningkatan pembayaran dan dikategorikan sebagai ingkar atau hampir berada dalam ingkar. Sesuatu pembiayaan yang tiada peningkatan pembayaran berkemungkinan berisiko tinggi untuk tidak dibayar balik sepenuhnya dan akhirnya akan dihapus kira.	<p>TEKUN Nasional telah melaksanakan aktiviti susulan pembiayaan sepertimana kelulusan Ahli Lembaga Amanah secara berkala dan konsisten. Berdasarkan polisi 'write off' yang telah baru, kesemua akaun untuk di hapuskira perlu diluluskan oleh ALA.</p> <p>Berbeza dengan implementasi hapus kira di institusi perbankan, TN masih perlu membuat kutipan ke atas kesemua akaun yang telah dihapuskira kerana keperluan membuat bayaran balik pinjaman kepada kerajaan secara berkala.</p> <p>Setakat Mei 2017, 'Non Performing Finance' TN adalah pada 36.03% berbanding industri yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu 18%. Ini menunjukkan peratusan penurunan yang ketara berbanding sebelumnya iaitu 42.5%(2013), 54.2%(2014) dan 43.5%(2015).</p> <p>TN yang menjalankan aktiviti Pembiayaan Mikro terdedah kepada NPF dan kadar hapus kira yang tinggi kerana pembiayaan yang dikeluarkan tanpa cagaran serta golongan sasar yang mendapati manfaat daripada pembiayaan ini adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin.</p>
2.5.2.3.d	Semakan Audit mendapati NPF terkumpul TEKUN Nasional bagi tahun 2013 hingga 2015 menunjukkan peningkatan daripada RM681.37 juta (42.5%) kepada RM851.31 juta (54.2%) dan menurun kepada RM783.36 juta (43.5%) daripada jumlah pembiayaan yang diberi. Ini menunjukkan NPF masih tinggi kerana melebihi 40% setiap tahun. Pihak Audit berpendapat, TEKUN Nasional perlu membuat kajian menyeluruh dan menentukan sebab sebenar usahawan terbabit gagal membuat bayaran balik dan mengambil tindakan bagi mengurangkan NPF.	<p>TEKUN Nasional mengambil maklum teguran Audit dan telah melantik Putra Business School, Universiti Putra Malaysia pada 12 April 2017 untuk menjalankan kajian penilaian. Kajian penilaian ini telah dimulakan pada akhir bulan April 2017 melibatkan seramai 1,400 usahawan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2017.</p> <p>Untuk makluman, sepanjang 18 tahun penubuhan TEKUN Nasional, sebanyak 2 kali kajian impak telah dilaksanakan iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada tahun 2004 – Laporan Kajian Impak Program Pinjaman TEKUN Negeri Terengganu oleh Universiti Teknologi Mara.</li> <li>2. Pada tahun 2009 – Laporan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) oleh Paisley Consulting SDN BHD.</li> </ol>
2.5.2.3.f	Sehingga 30 Jun 2016, hutang lapuk yang telah dihapus kira adalah berjumlah RM410.61juta (76,965 peminjam) atau 9.6% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan. Bayaran balik yang berjaya dikutip semula adalah berjumlah	TEKUN Nasional juga telah merangka Polisi Hapuskira ('Write-off') dan telah mendapat kelulusan ALA pada 9 Januari 2017. TN juga telah melaksanakan Projek Datawarehouse ('DWH') bagi menjamin kestabilan data serta menjana

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM74.63 juta (39,478 peminjam) atau 18.2%. Bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2016 pula, jumlah hutang lapuk yang telah dihapus kira adalah berjumlah RM250.12 juta. Untuk tempoh yang sama, jumlah yang berjaya dikutip adalah RM24.97 juta (9.9%) dan kutipan daripada hutang lapuk ini setelah ditolak komisen diakaunkan sebagai pendapatan TEKUN Nasional. Semakan Audit mendapati hapus kira hutang lapuk tertinggi sejumlah RM230.49 juta dicatat bagi tahun 2014 berbanding RM8.51 juta dan RM3.24 juta masing-masing bagi tahun 2015 dan 2013. Berdasarkan kepada analisis terhadap senarai hutang lapuk pada tahun 2014, adalah didapati jumlah hapus kira yang melebihi 2 tahun berjumlah RM187.48 juta (3 hingga 14 tahun). Hapus kira hutang lapuk tidak konsisten untuk tempoh berkenaan disebabkan ketiadaan polisi hapus kira, laporan pengumuman dan data yang tidak stabil.</p>	<p>pelaporan-pelaporan secara bulanan termasuk laporan pengumuman (<i>'Aging Report'</i>).</p> <p>Setakat Mei 2017, <i>'Non Performing Finance'</i> TN adalah pada 36.03% berbanding industri yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu 18%. Ini menunjukkan peratusan penurunan yang ketara berbanding sebelumnya iaitu 42.5%(2013), 54.2%(2014) dan 43.5%(2015).</p> <p>TN yang menjalankan aktiviti Pembiayaan Mikro terdedah kepada NPF dan kadar hapus kira yang tinggi kerana pembiayaan yang dikeluarkan tanpa cagaran serta golongan sasaran yang mendapati manfaat daripada pembiayaan ini adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin.</p>
<p><b>2.5.2.3.h</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati sehingga 30 Jun 2016, amaun yang dibayar oleh usahawan yang tidak dikenal pasti oleh TEKUN Nasional dan tidak dapat dilaraskan dengan penyata hutang usahawan adalah berjumlah RM9.96 juta. Amaun ini tidak menunjukkan perubahan yang ketara sejak tahun 2013 iaitu RM9.36 juta. Pada bulan Januari 2016, TEKUN Nasional telah melantik sebuah syarikat dengan kos RM495,020 bagi kerja membekal dan memasang Sistem Penyesuaian Bank untuk mengenal pasti masalah. Ini adalah kerana kaedah penyesuaian dan pelarasan secara manual yang dilaksanakan sebelum ini oleh TEKUN Nasional tidak berkesan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Januari 2017 dan 19 Mei 2017, satu sistem telah diwujudkan bagi mengatasi masalah ini di mana data bayaran yang diterima oleh 6 bank yang terlibat akan diintegrasikan dengan data daripada sistem pembiayaan TEKUN Nasional. Status projek ini adalah pada peringkat akhir pelaksanaan dan kesan peningkatan peratusan penyesuaian dijangka akan dapat diketahui pada akhir bulan Mei 2017.</i></p>	<p>Berikut adalah pencapaian sistem Projek Insite.my.</p> <p>Secara keseluruhannya</p> <p><u>Reconcile Data FMS</u></p> <p><i>Matched Item 28.80%</i> <i>Unmatched Item 71.20 %</i></p> <p><u>Reconcile Data Penyata Bank</u></p> <p><i>Matched Item 19.28%</i> <i>Unmatched Item 80.72%</i></p> <p>Rujuk Lampiran Lengkap bagi Status Terkini mengikut Bank</p>
<p><b>2.5.2.3.j</b></p>	<p>Nilai pembiayaan tertunggak bagi 43 usahawan berstatus NPF yang berjaya ditemu bual adalah RM275,109 dengan tempoh tunggakan antara 7 hingga 38 bulan. Daripada 43 usahawan tersebut, seorang usahawan tidak pernah membuat pembayaran balik manakala 42 usahawan masih membayar balik pembiayaan tetapi tidak mengikut jadual bayaran bulanan yang ditetapkan (tidak konsisten). Kesemua peminjam berstatus NPF tersebut telah diberi Notis Tuntutan Pembiayaan dan tawaran untuk penstrukturan semula pembiayaan. Antara sebab kegagalan membayar balik pembiayaan adalah peminjam jatuh sakit dan ditipu oleh rakan kongsi; perniagaan merosot/gagal disebabkan oleh kurang pelanggan; kadar sewa premis yang tinggi dan</p>	<p>Bermula Februari 2015 dibawah pengurusan baru, TN telah menambahbaik proses penilaian permohonan pembiayaan dalam menilai kedudukan perniagaan usahawan.</p> <p>Langkah yang telah dilaksanakan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penambahbaikan SOP serta dokumen-dokumen sokongan</li> <li>2. Penambahbaikan Sistem Permarkahan Kredit (SPK) pada sistem permohonan pembiayaan</li> <li>3. Penggunaan maklumat RAMCI dalam menilai kadar keberhutangan semasa usahawan</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>masalah dengan pembekal/pengilang. Walaupun pihak TEKUN telah mengeluarkan Notis Tuntutan Pembiayaan dan cadangan pelan penstrukturan semula bagi mengurangkan NPF dan juga membantu usahawan membayar balik pinjaman namun tindakan tersebut sudah agak terlewat kerana kedudukan perniagaan usahawan rata-ratanya telah mengalami kegagalan.</p> <p>Pihak Audit berpendapat, pihak TEKUN sepatutnya menilai kedudukan perniagaan usahawan lebih awal lagi supaya tindakan tertentu dapat diambil dan perniagaan mereka dapat dipulihkan.</p>	
<p><b>2.5.2.3.k</b></p>	<p>Hasil semakan Audit terhadap baki 46 usahawan lain dengan jumlah tunggakan RM345,792 antara 7 hingga 43 bulan mendapati mereka sama ada tidak berada di rumah/premis, premis tidak lagi beroperasi atau telah berpindah dan tidak dapat dihubungi. Pihak Audit berpendapat, satu tindakan yang proaktif perlu diambil oleh TEKUN Nasional dengan menjalankan kajian terperinci untuk mengenal pasti punca kegagalan perniagaan usahawan dan bilangan mereka yang terlibat.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional mengambil teguran Audit dan mengakui kutipan bayaran balik dan tindakan susulan yang lemah pada tahun 2013 dan 2014. Selain itu, faktor usahawan dan ekonomi global turut mempengaruhi peratusan bayaran balik pembiayaan oleh usahawan. Bermula tahun 2015, TEKUN Nasional telah melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti Sistem Permarkahan Kredit, penilaian berdasarkan RAM Credit Information (RAMCI), penubuhan Pusat Panggilan Berpusat dan saluran bayaran balik.</i></p>	<p>TN bersetuju dengan kenyataan Audit tersebut.</p>
<p><b>2.5.2.4.c</b></p>	<p><b>Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan</b></p> <p>Analisis Audit menunjukkan keupayaan TEKUN Nasional membayar balik pinjaman Kerajaan adalah bergantung sepenuhnya kepada kutipan bayaran balik pembiayaan daripada usahawan kerana TEKUN Nasional tidak mempunyai pendapatan lain selain caj perkhidmatan 4% ke atas pembiayaan yang dikeluarkan. Bagi jangka masa pendek, TEKUN Nasional masih berupaya untuk membuat bayaran balik pinjaman menggunakan rizab simpanan. Namun untuk jangka masa panjang pula, TEKUN Nasional bergantung kepada kutipan balik pembiayaan. Semakin tinggi jumlah kutipan balik pembiayaan, semakin tinggi kemampuan TEKUN Nasional membuat bayaran balik pinjaman Kerajaan. Bagaimanapun, pembiayaan kepada usahawan pula akan berkurangan dan obligasi TEKUN Nasional untuk</p>	<p>Bagi memastikan kestabilan kewangan TN bagi jangka masa panjang serta menjamin bayaran balik pinjaman Kerajaan, TN mengambil inisiatif menambah pendapatan syarikat diantaranya ialah penubuhan TEKUN Corporation, Koperasi Rakan TEKUN Berhad dan memperkenalkan sistem pajak gadai Islam Arrahnu TEKUN yang kini telah beroperasi di 4 cawangan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Arrahnu TEKUN juga merancang untuk dibuka 4 lagi cawangan dalam tahun 2017. Selain itu, TN sedang berusaha mendapatkan kelulusan bagi melaksanakan pinjaman kredit individu (<i>'personal loan'</i>) serta kod potongan biro angkasa melalui KRTB.</p> <p>TN telah menumpukan usaha meningkatkan pendapatan syarikat dan koperasi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>meneruskan pembiayaan kepada usahawan akan terjejas tanpa bantuan Kerajaan seterusnya.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, setakat bulan Mei 2017, baki dana simpanan hasil keuntungan pembiayaan berjumlah RM126.9 juta. TEKUN Nasional mampu untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan sehingga tahun 2021. Bagi menjamin kestabilan kewangan untuk jangka masa panjang serta menjamin bayaran balik pinjaman Kerajaan, TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif menambah pendapatan syarikat dengan menubuhkan TEKUN Corporation Sdn. Bhd. dan memperkenalkan sistem pajak gadai Islam Arrahnu TEKUN pada tahun 2015. TEKUN Nasional sentiasa mengadakan perbincangan dengan MOF bagi menjadual semula bayaran kepada Kerajaan berdasarkan kemampuan semasa TEKUN Nasional.</i></p>	<p>tanpa kebergantungan kepada dana, geran dan pinjaman daripada kerajaan.</p> <p>Selain daripada penambahbaikan kaedah bayaran balik yang telah dinyatakan, TN sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak MOF khususnya dalam menjadual semula bayaran kepada kerajaan sejajar dengan kemampuan semasa TN.</p>
2.5.2.5.a	<p><b>Proses Kelulusan Permohonan</b></p> <p>Mengikut Prosedur Pengurusan Permohonan TEKUN, pegawai TEKUN hendaklah memastikan dokumen permohonan pembiayaan disediakan oleh usahawan sebelum diproses. Dokumen permohonan pembiayaan adalah bergantung kepada nilai pembiayaan yang dipohon. Antara dokumen permohonan pembiayaan yang perlu adalah sesalinan buku/penyata akaun bank. Semakan Audit terhadap 17 sampel dokumen buku/penyata akaun usahawan bagi tahun 2013 hingga 2015 berstatus NPF di 2 pejabat TEKUN Nasional mendapati walaupun dokumen tersebut telah dikemukakan, namun tiada mekanisme bagi menilai keupayaan pemohon untuk membayar balik pembiayaan berdasarkan nilai permohonan. Ini mengakibatkan usahawan tidak berupaya membayar balik pembiayaan yang diberi. Bagaimanapun mulai 1 April 2016, TEKUN Nasional telah mewujudkan mekanisme penilaian keupayaan pemohon membuat bayaran balik. Pihak Audit berpendapat, walaupun ia satu mekanisme penambahbaikan namun TEKUN Nasional patut mengambil kira dan menilai daya maju perniagaan usahawan antaranya dari segi lokasi dan jenis perniagaan supaya pembiayaan yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan usahawan dapat membayar balik pembiayaan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam menilai keupayaan pemohon sebelum pinjaman pembiayaan diluluskan iaitu penambahbaikan Sistem Permarkahan Kredit dan RAMCI. SOP berkaitan dengan proses kelulusan permohonan telah</i></p>	<p>TEKUN Nasional telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam menilai keupayaan pemohon sebelum pinjaman pembiayaan diluluskan iaitu penambahbaikan Sistem Permarkahan Kredit dan RAMCI. SOP berkaitan dengan proses kelulusan permohonan telah ditambahbaik dan telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Amanah. Pemantauan secara berterusan terhadap pematuhan SOP oleh Audit Dalaman melalui pengauditan penuh di cawangan TEKUN Nasional dan Pengauditan Maya.</p> <p>TN mengambil serius isu kompetensi wargakerja dalam melaksanakan tanggungjawab pengoperasian harian. TN melalui Jabatan Latihan Modal Insan telah menjalankan pelbagai jenis latihan seperti 'reskilling', khidmat pelanggan, kaedah kutipan dan lain-lain kepada semua wargakerja cawangan (secara berperingkat).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>ditambahbaik dan telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Amanah. Pemantauan secara berterusan terhadap pematuhan SOP oleh Audit Dalaman melalui pengauditan penuh di cawangan TEKUN Nasional dan Pengauditan Maya.</i>	
<b>2.5.2.5.b</b>	Selain itu, SOP Permohonan Pembiayaan juga menetapkan pegawai TEKUN perlu membuat lawatan dan pengesahan perniagaan manakala pengurus cawangan TEKUN wajib membuat lawatan susulan ke premis perniagaan/tapak projek pemohon untuk menilai semula dan membuat pengesahan sebelum permohonan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kelulusan Pembiayaan. Semakan Audit terhadap borang permohonan 9 usahawan yang diluluskan permohonan pada tahun 2013 di cawangan TEKUN Sungai Siput mendapati pegawai TEKUN dan pengurus cawangan tidak membuat lawatan dan susulan mengenai kewujudan premis perniagaan usahawan kerana permohonan tersebut tidak melalui cawangan tersebut tetapi melalui Ibu Pejabat. Semakan Audit selanjutnya mendapati 9 usahawan tersebut tidak pernah membuat sebarang bayaran balik pembiayaan. Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah antara RM20,000 hingga RM50,000 manakala jumlah tunggakan adalah RM195,589 dengan tempoh antara 36 hingga 42 bulan.	Dibawah pengurusan baru TN bermula Februari 2015, tiada lagi permohonan yang diterima dan diproses diperingkat Ibu Pejabat. Kesemua permohonan pembiayaan perlu melalui cawangan untuk tindakan sebelum dibawa ke Ibu Pejabat untuk kelulusan.  Kesemua 9 akaun bermasalah yang diutarakan oleh pihak Jabatan Audit Negara, TN telah melaksanakan proses susulan seperti lawatan kutipan dan penyerahan notis NOD sebelum dibawa ke tuntutan ini dibawa ke mahkamah.
<b>2.5.2.5.c</b>	Mengikut SOP Jawatankuasa Kelulusan Pembiayaan (JKP), ahli JKP yang dilantik akan mengadakan mesyuarat JKP bagi membuat penilaian dan kelulusan permohonan pembiayaan. Tiga jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu JKPI, JKPII dan JKPIII mengikut had jumlah pinjaman yang telah ditetapkan. Sebanyak 12,747 sampel permohonan yang diluluskan pada bulan Mac 2013, Jun 2014, Jan 2015 dan April 2016 telah dipilih untuk menyemak keahlian jawatankuasa tersebut. Adalah didapati keahlian pengerusi dan keahlian JKPI dan JKPII yang telah meluluskan 1,832 permohonan (14.4%) berjumlah RM23.41 juta tidak mengikut SOP yang ditetapkan.  <i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Disember 2016, Jawatankuasa Penilaian Pembiayaan telah membuat penilaian dan kelulusan semula pada bulan Disember 2016 terhadap permohonan usahawan mengikut keahlian JKP yang ditetapkan.</i>	Jawatankuasa Penilaian Pembiayaan telah membuat penilaian dan kelulusan semula pada bulan Disember 2016 terhadap permohonan usahawan mengikut keahlian JKP yang ditetapkan.  Isu ini juga telah dibawa untuk makluman Ahli Lembaga Amanah pada 23 Januari 2017.
<b>2.5.2.5.d</b>	Mengikut SOP Permohonan Pembiayaan, setiap permohonan hendaklah diluluskan dalam tempoh seperti mana ditetapkan dan bergantung kepada nilai pembiayaan. Semakan Audit mendapati sehingga 30 Jun 2016, JKP masih belum meluluskan sebanyak 881 permohonan bernilai RM35.93 juta.	Ianya adalah disebabkan peruntukkan dana yang tidak mencukupi serta mengikut bajet yang telah ditetapkan bagi memastikan kesinambangan pengeluaran pembiayaan bagi sepanjang tahun tersebut. Langkah ini menyebabkan proses kelulusan pembiayaan dilewatkan bagi mengekang kemerosotan kecairan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Daripada 881 permohonan ini, sebanyak 230 permohonan bernilai RM20.85 juta masih belum diluluskan oleh JKPI manakala 651 permohonan bernilai RM15.08 juta masih belum diproses oleh JKPII dan JKPIII. Kelewatan ini berlaku disebabkan oleh bilangan permohonan yang tinggi iaitu 31,495 permohonan. Selain itu, seramai 207 usahawan (23.5%) dengan permohonan bernilai RM6.65 juta telah melebihi tempoh kelulusan yang ditetapkan antara 6 hingga 53 hari. Pihak Audit berpendapat kelewatan ini boleh memberi kesan kepada usahawan yang terpaksa menunggu lama bagi memulakan perniagaan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, kelewatan kelulusan permohonan adalah disebabkan oleh peruntukan dana yang tidak mencukupi dan mengikut bajet yang ditetapkan bagi memastikan kesinambungan pengeluaran pembiayaan bagi sepanjang tahun tersebut. Langkah ini menyebabkan proses kelulusan dilewatkan bagi mengekang kemerosotan kecairan kewangan TEKUN Nasional.</i></p>	<p>kewangan TN.</p> <p>Sebagai rekod terkini, bagi tahun 2017, sehingga 10 Jun 2017, TN masih belum menerima geran mahupun pinjaman dari MOF berjumlah RM350 juta bagi tujuan penyaluran pembiayaan sepertimana pembentangan Belanjawan dan peruntukan yang diluluskan. Langkah yang sama terpaksa diambil TN kini bagi mengatasi kemerosotan kecairan kewangan.</p>
2.5.2.6.b	<p><b>Peruntukan Khas Bantuan Banjir</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pada 13 Februari 2015, TEKUN Nasional telah menerima peruntukan RM100 juta daripada UPE melalui MOA bagi melaksanakan skim pembiayaan khas ini. Sehingga 31 Disember 2015, TEKUN Nasional telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM97.04 juta kepada 8,049 usahawan yang terjejas. Daripada 8,049 usahawan, seramai 4,123 adalah usahawan baru dengan jumlah permbiayaannya RM66.94 juta telah diberikan kelulusan pembiayaan tanpa caj perkhidmatan 4%. Manakala 3,926 usahawan lagi dengan jumlah RM30.10 juta merupakan usahawan TEKUN Nasional sedia ada untuk penyelesaian baki pembiayaan. Penggunaan dana sejumlah RM30.10 juta kepada 3,926 usahawan sebagai hapus kira baki pembiayaan adalah tidak menepati tujuan sebenar peruntukan khas diberikan Kerajaan. Sehingga kini penggunaan dana berjumlah RM30.10 juta tersebut belum mendapat kelulusan UPE.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Januari 2017 dan 19 Mei 2017, TEKUN Nasional telah memberi maklumat berkenaan dengan jumlah pembiayaan dan penyelesaian baki kepada Unit Pemulihan Pasca Banjir, Jabatan Perdana Menteri pada 24 Jun 2015. Namun, kelulusan rasmi tidak dapat diperolehi dari unit tersebut kerana unit telah berpindah portfolio kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara. Satu mesyuarat dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada</i></p>	<p>TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif dengan mengadakan mesyuarat bersama Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore Bin Mohd Yusof (Ketua Pengarah ICU) pada 18 Januari 2017 bersamaan hari Rabu jam 8.30 pagi di Jabatan Perdana Menteri Putrajaya. Mesyuarat turut dihadiri oleh Encik Mohd Razali Bin Wahab (Pengarah Bahagian Projek Khas ICU) serta 2 wakil pengurusan tertinggi tekun nasional.</p> <p>Hasil susulan mesyuarat tersebut Pihak ICU JPM telah memberi maklumat berkaitan seperti minit mesyuarat taklimat cadangan Program Keusahawanan Pasca Banjir Bil. 1/2015, Unit Pemulihan Pasca Banjir, Jabatan Perdana Menteri (UPPB, JPM) bertarikh 27 Februari 2015.</p> <p>Dengan jelas di Para 3 Sub Para E pihak TEKUN Nasional telah memohon pertimbangan untuk melaksanakan hapuskira bagi usahawan yang terlibat. Sehingga kini pihak yang terlibat yang bertanggungjawab belum lagi memberikan sebarang kata putus.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>18 Januari 2017 dan sehingga kini tiada sebarang keputusan diperoleh.</i></p> <p>Pihak Audit berpendapat, akibatnya objektif penyaluran geran bagi membantu usahawan yang terlibat dengan banjir bagi memulihkan dan memulakan perniagaan mereka tidak tercapai sepenuhnya.</p>	
<p><b>2.5.2.7.a</b></p>	<p><b>Program Khas Pembangunan Usahawan</b></p> <p>Dana yang digunakan bagi melaksanakan program khas pembangunan usahawan ini diperolehi daripada pinjaman Kerajaan dan geran Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan seperti Kerajaan Negeri Melaka, Unit Perancang Ekonomi serta Unit Kerjasama Awam Swasta. Sehingga bulan Jun 2016, sebanyak 16 program telah dilaksanakan dengan pinjaman dan geran berjumlah RM297.09 juta melibatkan 12,199 usahawan. Enam daripada 16 program tersebut mendapat pinjaman berjumlah RM160 juta untuk dilaksanakan antara tahun 2008 hingga 2015. Pembiayaan yang telah disalurkan adalah berjumlah RM13.98 juta (8.7%) dengan baki berjumlah RM146.02 juta. Peratusan yang rendah adalah disebabkan program kurang mendapat sambutan iaitu Skim Jaminan Kredit TEKUN, Program My Agrosis dan Skim Pembangunan Usahawan Bekas Tentera dengan jumlah pengeluaran pembiayaan hanya RM4.15 juta. Manakala program lain hanya diperkenalkan pada tahun 2015. Semakan Audit mendapati sasaran tempoh masa dan <i>outcome</i> yang perlu dicapai bagi setiap program tersebut tidak ditetapkan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Disember 2016 dan 19 Mei 2017, program ini baru diperkenalkan berbanding dengan program TEKUN Nasional keseluruhan dan mengakui kelemahan dalam menguruskan program khas selain kekurangan promosi dan strategi pemasaran. Bagi meningkatkan lagi nilai pembiayaan terhadap golongan sasaran, TEKUN Nasional sedang membuat promosi dan bekerjasama dengan persatuan dan agensi terlibat. TEKUN Nasional juga akan menetapkan sasaran yang akan dicapai pada setiap tahun. TEKUN Nasional juga telah mengkaji program yang tidak mendapat sambutan dan bermasalah. Pada 23 Januari 2017, Ahli Lembaga Amanah telah meluluskan pemansuhan Program My Agrosis Dan Pembangunan Usahawan Bekas Pekerja MAS dan menumpukan kepada program yang berdaya saing.</i></p>	<p>TEKUN Nasional telah mengkaji semula program-program yang tidak mendapat sambutan dan bermasalah. Oleh itu, Pihak TN telah mendapatkan kelulusan ALA bagi pemansuhan program-program seperti Program Rakan Niaga / Rakan Strategik, Program Perintis, Program MyAgrosis, Program Karavan Tani / Karavan, Program Pembangunan Usahawan Bekas Pekerja MAS dan Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Melaka. Ini bertujuan bagi memberi dana dan penumpuan kepada program lain yang lebih berdaya saing.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.7.c.i	<p>Semakan Audit terhadap 2 Program Khas Pembangunan Usahawan iaitu Skim Jaminan Kredit TEKUN (SJKT) dan Program Mentor Mentee mendapati perkara berikut:</p> <p><b>Skim Jaminan Kredit TEKUN (SJKT)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SJKT merupakan satu skim yang bertujuan untuk menjamin kemudahan kredit yang diberikan oleh syarikat rakan strategik/syarikat pembekal yang dilantik kepada usahawan. Jumlah bagi skim ini adalah RM10 juta yang dibiayai oleh Kerajaan melalui perjanjian pinjaman pada 24 Disember 2008 dan pinjaman ini telah diterima pada bulan Disember 2009. Mengikut syarat perjanjian, Lembaga Amanah hendaklah memantau pelaksanaan projek dengan rapi dan teliti dan penerima pembiayaan hendaklah mengemukakan Laporan Akaun Khas Pembiayaan dan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek setiap suku tahun kepada pembiaya.</li> <li>• Mengikut skim ini, sekiranya usahawan gagal membayar hutang kepada syarikat pembekal, maka syarikat tersebut boleh menuntut daripada TEKUN Nasional dan bayaran akan dibuat mengikut syarat tuntutan yang telah ditetapkan. TEKUN Nasional akan menuntut balik daripada usahawan dalam bentuk pinjaman secara ansuran mengikut syarat sedia ada seperti yang telah dipersetujui dalam surat jaminan.</li> <li>• Sehingga bulan Jun 2016, dana pinjaman ini tidak digunakan sepenuhnya kerana hanya sebuah syarikat yang melibatkan 23 usahawan sahaja menyertai skim ini sejak diperkenalkan pada tahun 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelaksanaan skim ini mengambil masa 18 bulan untuk dimulakan selepas mendapat pinjaman daripada Kementerian Kewangan pada bulan Disember 2009. Kelulusan jaminan adalah berjumlah RM520,000 dan sehingga kini jumlah yang telah dituntut oleh syarikat pembekal berjumlah RM62,304.</li> </ul> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Disember 2016 dan 19 Mei 2017, skim ini kurang mendapat sambutan disebabkan tidak ramai syarikat anchor yang bersedia untuk membekalkan produk secara kredit. Setelah menerima teguran Audit, TEKUN Nasional bersedia menggunakan dana tersebut untuk tujuan pembangunan lain seperti pembangunan usahawan dan perniagaan tertakluk kepada persetujuan MOA. Pada 23 Januari 2017, Ahli Lembaga Amanah telah bersetuju untuk menggunakan dana tersebut bagi produk Kontrak-i. Surat permohonan telah dikemukakan kepada MOF.</i></p>	<p>Bagi produk Skim Jaminan Kredit Tekun, TEKUN Nasional telah membawa kepada Ahli Pengurusan ALA untuk kelulusan bagi penggunaan dana tersebut untuk tujuan dana Produk Kontrak-i. Surat permohonan ini juga telah dihantar ke Kementerian Kewangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pihak Audit berpendapat skim ini gagal mencapai objektif memberi kemudahan kredit kepada lebih ramai usahawan.	
2.5.2.7.c.ii	<p><b>Program Mentor Mentee</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Mentor Mentee dilaksanakan bagi tujuan membantu usahawan bumiputera menceburkan diri dalam bidang perniagaan melalui bantuan dan tunjuk ajar mentor yang berpengalaman dalam bidang perniagaan yang dicadang untuk dikembangkan. Ia dilaksanakan dengan pinjaman Kerajaan berjumlah RM20 juta. Sehingga 30 Jun 2016, sebanyak 3 buah syarikat telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan dengan jumlah pembiayaan RM1.12 juta melibatkan seramai 24 orang usahawan. Jumlah bayaran balik tertunggak untuk tempoh 4 hingga 6 bulan adalah berjumlah RM896,940.</li> <li>• Mengikut Artikel 6 Perjanjian Usaha Sama Program Mentor Mentee, satu jawatankuasa yang dikenali Jawatankuasa Bersama Program hendaklah ditubuhkan. Ahli jawatankuasa ini adalah terdiri daripada 2 wakil TEKUN Nasional dan 2 wakil syarikat mentor. Pelantikan wakil daripada kedua-dua pihak sebagai ahli dan pengerusi Jawatankuasa Bersama Program hendaklah dibuat melalui surat rasmi yang ditandatangani oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif. Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>– Memantau secara berterusan terhadap program dan memastikan usahawan melaksanakan aktiviti berdasarkan tunjuk ajar dan nasihat syarikat mentor.</li> <li>– Memastikan koordinasi usaha sama antara pihak berjalan dengan baik bagi mencapai objektif usaha sama seperti yang dinyatakan dalam perjanjian usaha sama.</li> <li>– Memastikan mentor mengemukakan Laporan Bulanan Program kepada TEKUN Nasional bagi membolehkan suatu penilaian dan pemerhatian disediakan untuk pihak pengurusan TEKUN Nasional.</li> </ul> </li> <li>• Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Program Bersama tidak diwujudkan dan Laporan Bulanan Program tidak dikemukakan kepada TEKUN Nasional oleh 3 syarikat mentor tersebut. Satu syarikat mentor</li> </ul>	<p>Bagi isu Program Mentor Mentee selaras dengan teguran Audit Negara TEKUN Nasional telah mengadakan mesyuarat pertamanya dengan Syarikat Fabulous Corridor SDN BHD pada 6 Januari 2017 jam 3.00 Petang di Bilik Mesyuarat Tingkat 4, TEKUN Nasional. Manakala mesyuarat bersama Jawatankuasa bersama MME Edaran SDN BHD pada 9 Januari 2017 jam 3.00 petang di Bilik Mesyuarat Dato Mustapha Mohamad, Tingkat 3 TEKUN Nasional.</p> <p>TN juga telah memastikan pelaksanaan mesyuarat tersebut dilakukan secara berkala.</p> <p>TN juga mengakui kelemahan fungsi Jabatan Program Khas di bawah Puan Salmah Binti Mansor ketika ini. Pertukaran dalaman wargakerja di jabatan berkaitan juga telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap efisyensi dan efektif kefungsi jabatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang mengusahakan perniagaan makanan sejuk beku melibatkan pembiayaan berjumlah RM648,000 telah gagal diteruskan. Mengikut surat jaminan korporat, syarikat akan bertanggungjawab membuat bayaran balik pembiayaan bagi pihak usahawan. Pihak Audit berpendapat, pemantauan terhadap program ini hendaklah dibuat secara berterusan bagi memastikan program ini berjaya dan mencapai objektif yang ditetapkan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Disember 2016 dan 19 Mei 2017, TEKUN Nasional mengakui bahawa tiada pemantauan terhadap laporan prestasi dan kemajuan program seperti dalam syarat perjanjian. TEKUN Nasional telah mengadakan mesyuarat dengan syarikat yang terlibat pada 6 Januari 2017.</i></p>	
2.5.2.8.b	<p><b>Projek Portal Usahawan TEKUN, Kad Komuniti Usahawan TEKUN Dan Cyber Mall</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Projek Portal Usahawan dan Projek Membekal Kad Komuniti Usahawan gagal dilaksanakan oleh 2 syarikat yang dilantik. Surat penamatan kepada kedua-dua syarikat tersebut telah dikeluarkan pada 1 Oktober 2015. Kedua-dua projek ini telah gagal kerana syarikat tidak menyiapkan portal mengikut spesifikasi dan kad komuniti yang dibekalkan tidak memenuhi syarat yang telah dipersetujui. Selain itu, 2 syarikat tersebut juga tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam pembangunan sistem portal serta kelemahan pemantauan oleh TEKUN Nasional terhadap pelaksanaan projek juga menyumbang kepada kegagalan projek walaupun terdapat kekerapan mesyuarat diadakan. Syarat perjanjian antara kedua-dua pihak juga tidak menyatakan klausa denda sekiranya syarikat gagal melaksanakan obligasinya. Manakala aplikasi Cyber Mall telah berjaya dibangunkan namun ia tidak dapat digunakan kerana kegagalan portal komunikasi usahawan. Jumlah pembayaran yang telah dibuat kepada 3 syarikat terlibat adalah RM872,035.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Disember 2016 dan 19 Mei 2017, pelaksanaan projek tersebut tidak dapat diteruskan kerana kegagalan syarikat mematuhi skop dan tanggungjawab yang ditetapkan dan elemen berat sebelah dengan kos yang terlibat. Mulai bulan Januari 2017 klausa perjanjian dengan syarikat pembekal akan disemak dan diteliti oleh Pegawai Undang-Undang.</i></p>	<p>Tindakan penambahbaikan dengan mengambil iktibar kegagalan projek ini, dibawah pengurusan baru TEKUN Nasional bermula Februari 2015, semua projek yang bernilai RM 100,000 dan ke atas diwajibkan melalui proses analisa penilaian risiko yang dijalankan oleh Jabatan Integriti, Tadbir Urus dan Risiko dan kini bermula Januari 2017 dibawah tanggungjawab Seksyen Audit Dalam &amp; Risiko. Manakala perjanjian- perjanjian syarikat pembekal dan TEKUN Nasional akan disemak dengan teliti oleh Seksyen Undang-Undang dan khidmat peguam luar yang berpengalaman dalam bidang berkaitan.</p> <p>Status terkini, semua wang usahawan yang dipotong untuk Kad Komuniti Usahawan TEKUN (KKUT) telah dipulangkan semula (<i>'refund'</i>). Jumlah usahawan yang telah menerima pulangan semula adalah seramai 20,446 orang dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM2,156,170.</p> <p>TN telah membawa isu kegagalan projek <i>Cyber Mall</i> yang telah dilantik pada tahun 2014 ini ke mahkamah dan TN telah diarahkan membayar sejumlah RM321,720 kepada syarikat pembekal tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pihak Audit berpendapat syarikat telah bersetuju dengan harga kontrak yang ditawarkan dan kegagalan projek merugikan TEKUN Nasional. Bagaimanapun, tindakan terhadap syarikat tersebut tidak dapat diambil oleh TEKUN kerana kelemahan klausa perjanjian yang tidak menjaga kepentingan TEKUN Nasional.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti TEKUN Nasional adalah selaras dengan objektif penubuhannya tetapi kurang teratur. Ini adalah kerana penilaian keberkesanan pembiayaan tidak dilaksanakan. Kutipan bayaran balik pembiayaan pula tidak mencapai sasaran yang ditetapkan menyebabkan kadar NPF dan hapus kira yang tinggi berikutan kegagalan perniagaan usahawan. Selain itu, terdapat amaun bayaran balik usahawan berjumlah RM9.96 juta yang tidak dapat dikenal pasti.</p>	
2.5.3.2.a	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Pengerusi dan Lembaga Amanah</b></p> <p>i. Mengikut M&amp;A, Lembaga Amanah TEKUN Nasional hendaklah dilantik oleh Menteri MOA dan sekurang-kurangnya 5 wakil Kerajaan serta tidak boleh melebihi 10 orang individu atau organisasi tertentu. Semakan Audit mendapati Pengerusi TEKUN Nasional adalah seorang wakil kerajaan yang telah dilantik oleh Menteri MOA untuk tahun 2014 hingga 2016 dan beliau adalah bukan eksekutif serta bebas. Keahlian Lembaga Amanah pula adalah seramai 10 orang termasuk pengerusi selaras dengan ketetapan M&amp;A. Ahli Lembaga Amanah lain terdiri daripada 4 wakil Kerajaan, 4 ahli politik dan Pengarah Urusan &amp; Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional. Wakil kerajaan seramai 5 orang adalah selaras dengan ketetapan M&amp;A.</p> <p>ii. Mengikut <i>Green Book: Enhancing Board Effectiveness</i>, satu per tiga keahlian ahli Lembaga Amanah hendaklah bebas sekiranya pengerusi adalah bebas. Adalah didapati 50% komposisi ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional adalah bebas dan selaras dengan amalan terbaik.</p>	<p>Jabatan Audit Negara mendapati 50% komposisi ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional adalah bebas dan selaras dengan amalan terbaik.</p>
2.5.3.2.c.i	<p><b>Jawatankuasa Audit, Integriti dan Risiko serta Audit Dalaman</b></p> <p>Mengikut <i>Green Book: Enhancing Board Effectiveness Para 1.2.3.</i>, salah seorang ahli Jawatankuasa Audit hendaklah ahli kepada Institut Akauntan Malaysia. <i>Bursa Securities Listing Requirements</i> juga menyarankan salah seorang ahli Jawatankuasa Audit mempunyai latar belakang perakaunan. Semakan Audit mendapati keahlian jawatankuasa adalah seramai 4 ahli termasuk pengerusi dan kesemua adalah bukan eksekutif selaras dengan</p>	<p>Pengurusan TEKUN Nasional memandang serius isu ini dan sedang menyenarai pendek calon yang berkelayakan dalam bidang perakaunan untuk dikemukakan kepada Ahli Lembaga Amanah.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>amalan terbaik. Bagaimanapun, kesemua ahli tidak mempunyai latar belakang perakaunan dan tidak menjadi ahli kepada badan perakaunan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional mengambil maklum dan sedang menyenarai pendek calon yang berkelayakan dalam bidang perakaunan untuk dikemukakan kepada Ahli Lembaga Amanah.</i></p>	
<p><b>2.5.3.2.c.ii</b></p>	<p>Lembaga Amanah telah bersetuju bahawa mesyuarat Jawatankuasa Audit, Integriti Dan Risiko (JKAIR) diadakan sebanyak 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat JKAIR tidak mengikut ketetapan yang telah dipersetujui oleh Lembaga Amanah. Kekerapan mesyuarat JKAIR diadakan adalah antara satu hingga 2 kali bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala bagi tempoh sehingga bulan Julai 2016, mesyuarat JKAIR telah diadakan sebanyak 2 kali. Semakan Audit juga mendapati Laporan Kewangan Tahunan TEKUN Nasional bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan 2014 telah dibentangkan kepada JKAIR. Bagaimanapun, Laporan Bertentangan yang dikeluarkan oleh Juruaudit Luar terhadap Penyata Kewangan TEKUN Nasional pada tahun kewangan tersebut hanya dibincangkan pada mesyuarat JKAIR pada 19 Julai 2016.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional akan memastikan mesyuarat ini akan dilaksanakan mengikut kekerapan pada masa hadapan.</i></p> <p>Pihak Audit berpendapat kelewatan membincangkan perkara laporan bertentangan ini menyebabkan isu ini tidak dapat diselesaikan sejak tahun 2013 hingga 2015.</p>	<p>TEKUN Nasional akan memastikan mesyuarat ini akan dilaksanakan mengikut kekerapan pada masa hadapan. Setakat Mei 2017, mesyuarat JKAIR telah diadakan sebanyak 2 kali. Perancangan juga telah dibuat untuk mesyuarat pada bulan Ogos 2017 dan November 2017.</p> <p>Pengurusan Jabatan Audit Dalaman yang lama telah ditukarkan mulai Ogos 2015. Selaras dengan hasrat pengukuhan budaya kawalan dalaman dan pematuhan TN, jabatan telah dinaik taraf ke Seksyen Audit Dalam &amp; Risiko bermula Januari 2017. Selaras dengan teguran Audit, mesyuarat telah dirancang awal bagi tahun 2017 dan seterusnya.</p>
<p><b>2.5.3.2.c.iv</b></p>	<p>Rancangan Audit Tahunan tidak dibentangkan kepada JKAIR untuk disemak dan diluluskan bagi tahun 2013 dan 2015. Ini adalah tidak selaras dengan Perenggan 15.13(1)(f), Panduan Tadbir Urus Korporat iaitu Jawatankuasa Audit perlu menyemak skop aktiviti audit dalaman yang dirancang sebelum rancangan tersebut diluluskan.</p>	<p>Pengurusan Jabatan Audit Dalaman yang lama telah ditukarkan mulai Ogos 2015. Selaras dengan hasrat pengukuhan budaya kawalan dalaman dan pematuhan TN, jabatan telah dinaik taraf ke Seksyen Audit Dalam &amp; Risiko bermula Januari 2017. Selaras dengan teguran Audit, mesyuarat telah dirancang awal bagi tahun 2017 dan seterusnya. Ini membolehkan setiap perancangan tahunan dibentangkan ke JKAIR dan diluluskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.3.2.d	<p><b>Standard Operating Procedures</b></p> <p>i. Lembaga Amanah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagi memastikan pengurusan syarikat dilaksanakan dengan cekap, <i>Standard Operating Procedures (SOP)</i> bagi aktiviti utama serta aktiviti sokongan perlu disediakan dan mendapat kelulusan pihak atasan.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 5 SOP yang diguna pakai masih belum dimuktamadkan dan dibentangkan di mesyuarat Lembaga Amanah untuk kelulusan. Antara SOP yang disemak adalah Prosedur Pembayaran Tuntutan Bagi Seminar Asas Keusahawanan (SAK), Prosedur Proses Pelaksanaan Notis Tuntutan Panel Peguam, Proses Dan Pelaksanaan Penyerahan Senarai Peminjam Kepada Agen Kutipan, Prosedur Pengurusan Permohonan Skim Pembiayaan <i>i- Factoring</i>, TEMAN TEKUN dan Pemindahan Dana Pinjaman TEKUN.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Januari 2017, TEKUN Nasional telah memuktamadkan SOP dan telah dibentangkan kepada Lembaga Amanah pada 23 Januari 2017.</i></p>	<p>Selaras dengan teguran Jabatan Audit Negara, TEKUN Nasional telah memuktamadkan kesemua SOP samada yang ditegur Jabatan Audit Negara atau tidak dan telah dibentangkan kepada Lembaga Amanah untuk kelulusan pada 23 Januari 2017.</p> <p>Setakat Mei 2017, 246 SOP telah diluluskan Ahli Lembaga Amanah.</p>
2.5.3.2.f.ii	<p><b>Petunjuk Prestasi Utama</b></p> <p>Semakan Audit mendapati KPI utama syarikat telah disediakan untuk tahun 2013 hingga 2015 dan telah dikemukakan kepada MOA. Bagaimanapun, prestasi elemen lain tidak dapat diukur kerana penetapan pengukuran tidak disediakan untuk tempoh yang sama. Selain itu, KPI tersebut tidak mengambil kira elemen kadar <i>Non Performing Finance</i> dan hapus kira sebagai pengukur prestasi. Pada tahun 2016, TEKUN Nasional telah menambah baik pelaksanaan KPI dengan menyediakan garis panduan bagi mengukur dan memantau pencapaian prestasi keseluruhan TEKUN Nasional.</p>	<p>Pada tahun 2016, TEKUN Nasional telah menambah baik pelaksanaan KPI dengan menyediakan garis panduan bagi mengukur dan memantau pencapaian prestasi keseluruhan TEKUN Nasional berdasarkan saranan Jabatan Audit Negara.</p>
2.5.3.3.a	<p><b>Pengurusan Kewangan Syarikat</b></p> <p>Mengikut surat pelantikan, penerimaan jawatan hendaklah dibuat melalui Surat Akuan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah/Majistret/Hakim/Mahkamah Seksyen. Pelantikan 5 Pegawai Khas kepada Menteri, 2 Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri dan seorang Pegawai Khas kepada Pengerusi TEKUN Nasional bagi tempoh 2013 hingga 2016 tidak disertakan Surat Akuan tersebut. Selain itu, TEKUN Nasional telah membayar sejumlah RM1.06 juta</p>	<p>Pelantikan pegawai khas kepada Timbalan Menteri dan Pengerusi TN dibuat secara kontrak dengan dibayar elaun bulan dan tidak tertakluk dengan sistem gaji TEKUN Nasional (tidak direkod sebagai staf).</p> <p>Selaras dengan kelulusan dan saranan Ahli Lembaga Amanah pada 23 Januari 2017, TN telah melaksanakan skim baru perkhidmatan untuk pegawai-pegawai</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	iaitu RM3,000 hingga RM8,000 sebulan kepada 8 Pegawai Khas tersebut walaupun mereka tidak bertugas di TEKUN Nasional. Pelantikan pegawai khas ini telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif tanpa kelulusan Lembaga Amanah.	khas menteri sedia ada.
2.5.3.3.b	Mengikut syarat pelantikan, pengerusi tidak diberi kemudahan Pegawai Khas. Bagaimanapun, bayaran tiket kapal terbang ke Jepun dan Emiriah Arab Bersatu berjumlah RM10,488 (nombor baucar PV071843 bertarikh 23.10.2014) telah dibuat bagi Pegawai Khas Pengerusi TEKUN Nasional.	Pembayaran dibuat dengan arahan dan kelulusan Pengarah Urusan ketika itu, iaitu Datuk Abdul Rahim Hassan. Antara tugas beliau yang termaktub dalam surat perantikan selaku pegawai khas kepada pengerusi TEKUN adalah melaksanakan tugas di luar pejabat bersama pengerusi. Bagi isu ini juga telah dibawa ke Pengurusan ALA pada 23 Januari 2017.
2.5.3.3.c	Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif telah dibayar sumbangan hadiah berjumlah RM15,000 (nombor baucar PV056255 bertarikh 18.10.2013) oleh Ketua Jabatan, Jabatan Kewangan Korporat, TEKUN Nasional tanpa kelulusan Lembaga Amanah.	Merujuk kepada baucer bayaran 18 Oktober 2013 sebanyak RM15,000 disumbangkan sebagai hadiah harijadi kepada Pengarah Urusan ketika itu bagi pembelian jam, tali pinggang dan pen. Pembayaran telah dilakukan secara terus oleh Puan Zurainee Binti Mohd Noh selaku ketua Jabatan Kewangan ketika itu. Isu ini juga telah dibawa untuk makluman ALA pada 23 Januari 2017.
2.5.3.3.d	<p>TEKUN Nasional telah melantik seorang penasihat syariah pada tahun 2012 hingga 2016 secara kontrak. Pada tahun 2013, TEKUN Nasional telah membayar sejumlah RM49,680 dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif tanpa kelulusan Lembaga Amanah bagi program dalam dan luar negara yang dilaksanakan Penasihat Syariah TEKUN Nasional tanpa tujuan yang jelas.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional mengakui terdapat beberapa kelemahan pengurusan kewangan. Perkara (a) hingga (d) telah dibawa dan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Amanah untuk makluman dan kelulusan pada 23 Januari 2017. Isu yang dibangkitkan oleh Audit akan dijadikan pengajaran bagi memastikan tadbir urus syarikat berada dalam keadaan terbaik. Skim baru juga telah dilaksanakan untuk pegawai khas Menteri sedia ada.</i></p>	<p>Perlantikan penasihat syariah, Encik Fathul Bahri Bin Mat Jahya, beliau merupakan pekerja TEKUN Nasional dengan Gred T24 (No. Pekerja 1334). Antara bidang tugas beliau ialah melaksanakan tugas di luar pejabat atas arahan pengarah urusan ketika itu. TN telah tidak menyambung semula kontrak bagi Penasihat Syariah iaitu Fathul Bahri Bin Mat Jahya yang tamat pada 1 Disember 2016. Isu ini juga telah dibawa ke makluman ALA pada 23 Januari 2017.</p> <p>Dibawah pengurusan baru, TN tidak melantik mana-mana individu sebagai penasihat syariah memandangkan tiada keperluan dan peranan jawatan tersebut.</p>
2.5.3.3.f	Pembayaran <i>Electronic Fund Transfer</i> 2 kali telah berlaku melibatkan seramai 64 peminjam dengan jumlah RM1.19 juta. Lebihan bayaran ini berlaku pada bulan Disember 2015 disebabkan oleh pembatalan transaksi pembayaran tidak dibuat oleh bank. Semakan Audit mendapati seramai 46 peminjam telah membayar balik RM990,131 yang terlebih bayar manakala baki 18 peminjam masih belum membayar balik RM185,027. Notis tuntutan pemulangan wang lebihan bayaran kepada 18 peminjam tersebut telah dibuat oleh peguam yang dilantik pada 22 Ogos 2016. Walaupun TEKUN Nasional telah berjaya mengutip 84.5% wang lebihan bayaran, namun tempoh masa yang diambil	<p>TEKUN Nasional mengakui telah lewat menyelesaikan isu <i>Electronic Fund Transfer</i> 2 kali. SOP terperinci telah dirangka dan diluluskan Ahli Lembaga Amanah pada 23 Januari 2017 bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.</p> <p>Mengikut rekod dari Januari 2016 sehingga kini tiada lagi isu ini berulang. Tindakan ligitasi juga telah diambil ke atas peminjam yang ingkar memulangkan lebihan bayaran tersebut.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>untuk menyelesaikan perkara ini adalah selama 7 bulan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 Mei 2017, TEKUN Nasional mengakui telah lewat menyelesaikan isu Eletronic Fund Transfer 2. SOP terperinci telah dirangka dan diluluskan pada 23 Januari 2017 bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. Mengikut rekod dari Januari 2016 sehingga kini tiada lagi isu ini berulang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan kerana terdapat aspek tadbir urus yang baik tidak diamalkan oleh TEKUN Nasional dan berlaku kelemahan kawalan dalaman aspek bayaran.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**Perenggan 3 : CyberSecurity Malaysia**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>3.5.1.3.a</b>	<p><b>Analisis Aliran Tunai</b></p> <p>Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung keperluan perbelanjaan.</p>	<p>CSM telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menjana pendapatan syarikat. Sepanjang tahun 2014 – 2016, CSM telah menjana pendapatan daripada aktiviti-aktiviti utama syarikat seperti berikut:</p> <p>2016 : RM9,798,829 2015 : RM4,857,531 2014 : RM4,429,329</p> <p>Bagi tahun kewangan 2016 (yang telah diaudit), kenaikan pendapatan CSM adalah sebanyak RM4,941,298 atau kenaikan sebanyak 100% berbanding pendapatan tahun 2015.</p>
<b>3.5.1.3.b</b>	<p>Bagi tahun 2013 hingga 2015, CSM merekodkan penurunan defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi. Pada tahun 2013, defisit ini menurun daripada RM89.39 juta kepada RM23.14 juta pada tahun 2014 namun meningkat kepada RM66.75 juta pada tahun 2015. Bagi aktiviti pelaburan, CSM merekodkan pulangan negatif aliran tunai pada tahun 2015 berjumlah RM5.29 juta dengan pengurangan jumlah pembelian hartanah, loji dan peralatan pada tahun tersebut berbanding tahun 2013 dan 2014. Aktiviti pembiayaan CSM merekodkan pulangan positif aliran tunai bagi 3 tahun berturut-turut kerana menerima geran daripada Kerajaan.</p>	
<b>3.5.1.3.c</b>	<p>Pada akhir tahun 2013 dan 2014, tunai dan kesetaraan tunai CSM masing-masing berjumlah RM5.90 juta dan RM12.57 juta. Pada akhir tahun 2015, jumlah ini telah meningkat kepada RM113.69 juta terdiri daripada tunai di tangan dan bank. Daripada jumlah tunai yang dimiliki oleh CSM sehingga 31 Disember 2015, sejumlah RM105 juta merupakan komitmen bagi Projek Kolaborasi bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang sedang dijalankan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan CSM bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 secara keseluruhan adalah memuaskan. Nisbah semasa berada pada tahap yang baik. Aliran tunai CSM menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, CSM hendaklah lebih proaktif dalam menjana pendapatan daripada aktiviti latihan serta ceramah dan tidak bergantung kepada geran daripada Kerajaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.2.a	<p><b>Prestasi Perbelanjaan Geran</b></p> <p>Selain pendapatan daripada operasi syarikat dan aktiviti pelaburan, CSM turut menerima geran mengurus daripada MOSTI bagi perbelanjaan syarikat di mana bagi tahun 2013 hingga bulan September 2016, CSM telah menerima sejumlah RM72.21 juta. Adalah didapati peratus perbelanjaan geran mengurus bagi tahun 2013 hingga 2015 ialah 100%. Manakala bagi tahun 2016 sehingga bulan September, CSM telah membelanjakan sejumlah RM9.34 juta (63.9%) daripada geran mengurus.</p>	<p>Tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan di bawah RMK-10 seperti yang dilaporkan dalam Jadual 3.7 LKAN. Sebenarnya pada tahun 2015, CSM telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 juta yang diterima pada 11 Disember 2015. Laporan Prestasi Perbelanjaan RMK-10 2015 yang dikemukakan pada awalnya adalah penyata yang dikemaskini sehingga 30 November 2015 yang tidak mengambilkira peruntukan tambahan tersebut sehingga menyebabkan perbelanjaan dicatat melebihi peruntukan.</p>
3.5.2.2.b	<p>Semakan Audit mendapati CSM menerima geran pembangunan daripada MOSTI berjumlah RM295.24 juta bagi projek di bawah RMKe-10 dan RMKe-11, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan lain-lain agensi bagi tahun 2013 hingga bulan September 2016. Perbelanjaan geran pembangunan bagi tempoh yang sama masing-masing berjumlah RM95.36 juta, RM42.36 juta, RM70.09 juta dan RM91.72 juta. Baki geran pembangunan yang tinggi (RM125.15 juta) pada akhir tahun 2015 disebabkan oleh geran yang diterima bagi projek kolaborasi bersama MCMC berjumlah RM105 juta yang belum dibayar.</p>	
3.5.2.2.c	<p>Sebahagian daripada geran pembangunan yang diterima ialah geran yang diperuntukkan bagi projek di bawah RMKe-10 dan RMKe-11. Melalui RMKe-10, sebanyak 10 projek telah diluluskan kepada CSM dengan kos keseluruhan berjumlah RM107.88 juta.</p>	
3.5.2.2.d	<p>Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi 3 daripada 10 projek di bawah RMKe-10 iaitu Projek II, III dan V telah melebihi peruntukan berjumlah RM727,402. Perkara ini berlaku kerana CSM tidak memantau penggunaan peruntukan bagi tahun 2015 dan mengakibatkan CSM perlu memohon peruntukan tambahan daripada MOSTI. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kelulusan peruntukan tambahan ini kerana CSM tidak mengemukakan surat kelulusan daripada MOSTI.</p>	
3.5.2.2.e	<p>Di bawah RMKe-11, sebanyak 8 projek baru telah diluluskan dengan kos keseluruhan berjumlah RM416.61 juta. Bagi tahun 2016 sehingga bulan September, peruntukan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM46.30 juta di mana RM34.17 juta (73.8%) telah dibelanjakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.5.2.2.f</b></p>	<p>Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati geran pembangunan bagi projek yang sedang dijalankan oleh CSM di bawah RMKe-10 dan RMKe-11 telah digunakan untuk perbelanjaan mengurus selain daripada yang dibenarkan di bawah <i>Shared Service Fee</i> (SSF). Perbelanjaan yang terlibat ialah elaun bulanan telefon bimbit dan langganan Internet kakitangan CSM, elaun jawatankuasa Audit, tuntutan belanja keraian, insurans kelompok keluarga, bengkel minggu setiasusaha, majlis berbuka puasa, kursus pemanduan defensif, <i>Gala Dinner Malaysia Institute of Management (MIM)</i>, derma, perkhidmatan katering, pakaian musim sejuk, pembelian petrol dan parkir bulanan. Jumlah yang terlibat bagi tahun 2014 sehingga bulan September 2016 ialah RM3.76 juta iaitu 3.7% daripada keseluruhan peruntukan tahun semasa yang diterima.</p> <p>Pihak Audit berpendapat, peruntukan pembangunan adalah khusus untuk projek yang telah diluluskan sahaja. Penggunaan peruntukan pembangunan bagi perbelanjaan mengurus akan mengakibatkan objektif asal projek tidak tercapai kerana kekurangan dana.</p> <p>Mengikut maklum balas bertarikh 7 Disember 2016, CSM memaklumkan peruntukan pembangunan telah digunakan untuk perbelanjaan mengurus kerana peruntukan mengurus yang diluluskan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan bagi 180 perjawatan tetap dengan anggaran kos operasi berjumlah RM27 juta setahun.</p>	<p>Pelarasan perbelanjaan untuk tahun 2016 di antara perbelanjaan mengurus dan pembangunan sebanyak RM139,326.12 telah dilakukan semasa penutupan Akaun CSM yang berakhir pada 31 Disember 2016 hasil persetujuan JAN semasa <i>Exit Conference Meeting</i> pada 9 Januari 2017. Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan mengurus yang ditemui kemudiannya adalah RM620,000. Bagi perbelanjaan tahun 2014 sebanyak RM1,600,000 dan 2015 sebanyak RM1,540,000, tindakan pelarasan perbelanjaan tidak dapat dilakukan kerana Akaun CSM pada tahun berkenaan telahpun diaudit.</p> <p>CSM telah mewujudkan “Arahan Dan Garis Panduan Perbelanjaan Pembangunan yang Dibenarkan Di Bawah Anggaran Belanjawan Pembangunan (ABP)” dan berkuatkuasa pada 1 Februari 2017 yang bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada kakitangan CSM mengenai perbelanjaan pembangunan yang dibenarkan bagi melaksanakan program-program projek pembangunan yang telah diluluskan.</p>
<p><b>3.5.2.3.b.iv</b></p>	<p><b>Pelaksanaan Aktiviti - Pusat Bantuan Cyber999</b></p> <p>Semakan Audit juga mendapati CSM telah menyediakan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) yang lengkap bagi pengendalian insiden iaitu MyCERT-3-PROC-3-Incident_Handling-V9. SOP ini berkait rapat dengan sistem yang dibangunkan iaitu sistem <i>Cyber999 Customer Relation Management</i> (CRM) yang digunakan untuk memproses aduan keselamatan siber daripada pengguna. Selain daripada mengemukakan aduan keselamatan siber melalui borang <i>online</i> yang terdapat di laman web MyCERT, pengguna juga boleh membuat aduan melalui e-mel, SMS, telefon, faks, aplikasi telefon bimbit Cyber999 atau terus ke <i>MyCyberSecurity Clinic</i> yang terletak di ibu pejabat CSM di Seri Kembangan dan cawangannya di Ipoh, Perak. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati semua kaedah aduan yang disediakan tidak membolehkan pelanggan memberi maklum balas terhadap kualiti perkhidmatan Pusat Bantuan Cyber999 yang telah diterima.</p>	<p>CSM telah mengemukakan permohonan bajet RMK11-RP3 di bawah projek “Pengukuhan Ketahanan Negara Terhadap Ancaman Siber” bagi tahun 2018 daripada MOSTI dan EPU pada 20 Mac 2017. Projek ini merangkumi penambahbaikan kepada sistem aduan Cyber999 dengan modul maklumbalas kualiti perkhidmatan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Mengikut maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, CSM akan menambah modul maklum balas kualiti perkhidmatan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Jangkaan penambahan modul maklum balas perkhidmatan Pusat Bantuan Cyber999 akan disediakan pada tahun 2018 bergantung kepada dana yang diterima.	
3.5.2.3.e.iii	<p><b>Perkhidmatan Rujukan Forensik Digital Nasional</b></p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati CSM telah membelanjakan sejumlah RM5.05 juta daripada bajet yang diterima di bawah RMKe-10 dengan membeli pelbagai peralatan, membangunkan infrastruktur seperti makmal dan ruang kerja, serta memperoleh lesen dan perisian untuk menjalankan analisis forensik digital yang berkaitan. Infrastruktur dan peralatan yang telah diperolehi ini telah digunakan dengan baik dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Penyelidikan berkaitan forensik digital juga giat dijalankan untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada memandangkan perubahan teknologi dalam bidang ini sentiasa bergerak pantas. Antara kes yang melibatkan analisis forensik digital oleh CSM ialah Kes Kehilangan Pesawat MH370: Analisis Simulator Penerbangan, DSAI China Doll, Yazid Sufaat: <i>Counterterrorism Case</i> dan Kebocoran Kertas Soalan UPSR pada tahun 2014.</p>	<p>CyberSecurity Malaysia telah berjaya mencapai objektif projek pembangunan Perkhidmatan Rujukan Forensik Digital Nasional dibawah RMKe-10. Dalam laporan audit 2016 ICU JPM, projek ini telah disenaraikan sebagai KPI RMKe-10 terbaik bagi MOSTI, dengan markah pencapaian outcome projek sebanyak 96.4%.</p> <p>Perkhidmatan Forensik Digital Nasional dapat mengurangkan kebergantungan kepada pakar-pakar digital forensik dari luar negara dan seterusnya meningkatkan daya saing negara Malaysia di peringkat global.</p>
3.5.3.1.c	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Pengerusi dan Lembaga Pengarah</b></p> <p>Prinsip 1 – Mewujudkan peranan dan tanggungjawab yang jelas yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, menyatakan terma rujukan Lembaga Pengarah perlu disediakan sebagai rujukan dan panduan Lembaga Pengarah. Terma dan rujukan menetapkan matlamat, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah serta merangkumi pembahagian tanggungjawab dan kuasa antara Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan, jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah dan antara Pengerusi dengan Ketua Pegawai Eksekutif. Berdasarkan semakan Audit dan pengesahan daripada pihak pengurusan mendapati, terma rujukan tidak disediakan untuk Lembaga Pengarah di mana Lembaga Pengarah mengguna pakai M&amp;A syarikat sebagai sumber rujukan.</p> <p>Mengikut maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, CSM akan mengemukakan kertas cadangan Terma Rujukan Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya pada 25 Mei 2017.</p>	<p>Terma Rujukan Lembaga Pengarah telah diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. B3/2017 pada 25 Mei 2017. Terma Rujukan tersebut digunapakai oleh Lembaga Pengarah sebagai sumber rujukan tambahan kepada penggunaan Memorandum dan Artikel Syarikat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.5.3.3.b</b></p>	<p><b>Jawatankuasa Audit - Unit Audit Dalam</b></p> <p>Semakan Audit mendapati perancangan Jabatan Audit Dalam bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit CSM. Bagaimanapun, pengauditan terhadap pengurusan kewangan tidak diliputi bagi tahun 2013 dan 2016 kerana Jabatan Audit Dalam hanya mempunyai 3 orang kakitangan dan lebih memberi tumpuan kepada pengauditan terhadap ISO/Standard. Pengauditan ini merupakan audit tahunan yang wajib bagi CSM untuk mengekalkan pensijilan, akreditasi dan keahlian. Pada tahun 2014, pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan oleh juruaudit luar yang dilantik iaitu syarikat Aftaas Corporate Advisory Services Sdn. Bhd. (AFTAAS). Pengauditan yang dijalankan oleh AFTAAS ialah <i>Special Review On Procurement Management, Special Review Exercise on Grant Management</i> dan <i>Special Review Exercise on Payment Management</i>. Manakala pada tahun 2015, Jabatan Audit Dalam CSM menjalankan pengauditan terhadap <i>Asset Management Audit</i>.</p> <p>Mengikut maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, pengauditan aset sedang dijalankan dan dijadualkan selesai sepenuhnya pada bulan Ogos 2017. Manakala pengauditan akaun pembayaran akan dilaksanakan pada bulan September 2017.</p>	<p>Bagi tahun 2017, Jabatan Audit Dalam CSM telah menjadualkan aktiviti-aktiviti pengauditan pengurusan kewangan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengauditan Aset. Aktiviti ini telah mula dilaksanakan pada 6 Mac 2017 dan akan tamat pada 31 Ogos 2017; dan</li> <li>2. Pengauditan Akaun Pembayaran (Account Payable). Aktiviti ini akan bermula pada bulan September 2017.</li> </ol> <p>Di samping itu, Jabatan Audit Dalam CSM melaksanakan pengauditan tahunan wajib terhadap ISO/Standard yang merangkumi penambahbaikan terhadap tatacara pengurusan asset dan tatacara perolehan.</p>
<p><b>3.5.3.6.a</b></p>	<p><b>Kenaikan Gaji</b></p> <p>Mengikut Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan), Jawatankuasa Sumber Manusia dan Ganjaran hendaklah menimbang dan memperakukan cadangan kenaikan gaji tahunan serta perlu dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Berdasarkan panduan tersebut, CSM boleh mengguna pakai amalan ini dalam menguruskan kenaikan gaji kakitangannya. Semakan Audit mendapati kenaikan gaji di CSM hanya diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi tanpa mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan justifikasi penetapan kadar kenaikan gaji memandangkan tiada dokumen yang dikemukakan oleh CSM.</p> <p>Mengikut maklum balas bertarikh 7 Disember 2016 dan 12 Mei 2017, CSM memaklumkan penambahbaikan dan semakan mengenai kadar peratusan kenaikan gaji akan dilakukan bermula pada tahun 2017 dengan mengambil kira amalan industri dan Kerajaan. Semasa <i>exit conference</i> pada 9 Januari</p>	<p>Pihak CSM telah membuat penambahbaikan kepada proses kelulusan Pembayaran Kenaikan Gaji seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <u>Peruntukan Kewangan</u> Proses penetapan kadar peratusan adalah dimulai dengan peruntukan kewangan berdasarkan kepada kedudukan dan keupayaan kewangan semasa.</li> <li>2. <u>Peringkat Kelulusan</u> Proses seterusnya adalah mendapatkan kelulusan tiga peringkat iaitu Jawatankuasa Pengurusan Syarikat (<i>Management Committee</i>), Jawatankuasa Ahli Lembaga Pengarah Sumber Manusia dan Penggajian (<i>Human Resource and Remuneration Committee</i> (HRRC)) dan Lembaga Pengarah.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2017, pihak MOSTI menyarankan kadar kenaikan gaji kakitangan hendaklah berdasarkan keuntungan syarikat yang dijana pada tahun sebelumnya. Ekoran dari saranan tersebut, pengerusi mesyuarat memutuskan semua kenaikan gaji dan bonus perlu dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Sehubungan itu, bagi meningkatkan tadbir urus syarikat, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan &amp; Pengkomersilan), MOSTI juga telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah CSM pada 16 Januari 2017.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus CSM telah diamalkan dengan memuaskan. Bagaimanapun, pihak pengurusan perlu menyediakan terma rujukan untuk Lembaga Pengarah dan memastikan pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan secara berterusan.</p>	<p>Cadangan penambahbaikan di atas telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Lembaga Pengarah HRRC pada 12 Mei 2017 dan Lembaga Pengarah pada 25 Mei 2017.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2016**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

**Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia**

**Perenggan 4 : Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.1.3.b	<p><b>Analisis Aliran Tunai</b></p> <p>Pada tahun 2014 dan 2015, terdapat lebih tunai yang telah dijana melalui aktiviti operasi untuk membiayai aktiviti pelaburan dan pembiayaan sewa beli serta pinjaman. Pada tahun 2015 juga KARYANEKA mencatat lebih tunai bagi aktiviti pelaburan. Bagi tahun 2013, KARYANEKA mengalami pengurangan tunai disebabkan bayaran pinjaman sejumlah RM643,460 tanpa faedah daripada KRAFTANGAN dengan tempoh bayaran baik selama 60 bulan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Disember 2016, KARYANEKA sedang berusaha untuk memperoleh pendapatan yang lebih baik dengan menggariskan beberapa pelan strategik dalam Pelan Perniagaan Tahun 2016 yang telah diluluskan pada 9 September 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KARYANEKA bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan. Sungguhpun KARYANEKA mengalami penurunan keuntungan sebelum cukai bagi 2 tahun berturut-turut iaitu 2014 dan 2015, namun KARYANEKA masih mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.09 juta dan kedudukan tunai syarikat pada akhir tahun adalah baik.</p>	<p>KARYANEKA berusaha untuk menambahkan pendapatan melalui aktiviti jualan dengan lebih agresif bagi memastikan aliran tunai tidak mengalami pengurangan dan masih boleh menampung perjalanan operasi syarikat.</p> <p>Strategi utama di dalam Pelan Perniagaan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengekalan Pasaran Sedia Ada</li> <li>ii. Penerokaan Pasaran Baru</li> </ul> <p>Semua anggota kerja diberi pelanggan mengikut kategori pasaran sebagai contoh perbankan dan insurans, pendidikan, perubatan dan hartanah. Di samping itu mereka diberikan sasaran bagi memastikan usaha gigih serta hasil yang baik.</p> <p>Bagi tempoh 4 bulan pertama tahun 2017 setiap segmen ini telah mencapai jualan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jualan Runcit RM 2,575,864</li> <li>ii. Jualan Korporat RM1,324,965</li> </ul> <p>Secara keseluruhan bagi tempoh Januari hingga April hasil jualan adalah sebanyak RM 3,900,829 mencapai 28 peratus daripada sasaran tahunan. Jualan ini juga telah mencapai sasaran sebanyak 88 peratus berbanding sasaran sehingga April 2017.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.1.e	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Prestasi Jualan Outlet</b></p> <p>Analisis Audit mendapati hanya 6 outlet yang menjana keuntungan bagi tempoh 2013 hingga 2015 manakala lain-lain outlet mengalami kerugian kerana jualan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung kos operasi seperti sewaan dan gaji. Sebanyak 6 outlet berkenaan iaitu Kompleks Kraf Kuala Lumpur, 2 di KLIA, Kompleks Kraf Langkawi dan 2 di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang merupakan outlet utama yang kekal menjana keuntungan kepada KARYANEKA berbanding outlet lain yang terpaksa ditutup kerana mengalami kerugian.</p>	<p>Bagi tempoh 4 bulan pertama tahun 2017, jualan bagi segmen Runcit adalah sebanyak RM 2,575,864 dan Jualan Korporat RM1,324,965, pencapaian 58% dan 30%</p> <p>Jumlah jualan bagi segmen Jualan Korporat termasuk Saluran Lain seperti Agen dan Rakan Niaga merupakan cabang kecil yang diwujudkan bagi mempertingkatkan prestasi jualan. Peranan segmen ini adalah mencari peluang perniagaan di kedai-kedai cenderamata , di hotel-hotel ataupun syarikat-syarikat kecil yang mempromosi dan menjual produk kraf di luar negara. Di samping menjana jualan, ianya dapat memperkukuhkan jenama KARYANEKA dan produk kraf tempatan.</p>
4.5.2.1.f	<p>Pada tahun 2014 dan 2015, sebanyak 8 outlet telah ditutup kerana hasil jualan tidak memberangsangkan dan mengalami kerugian yang berterusan iaitu di Central Market, MATIC Jalan Ampang, BB Plaza, Jalan Tun Perak, Mid Valley, Kuantan, KL Citywalk dan Seremban.</p>	<p>Kos Jualan berbanding sasaran ialah</p>
4.5.2.1.g	<p>Pada tahun 2014, KARYANEKA terus membuat pelaburan bagi pembukaan outlet baru iaitu di KLIA2 dengan kos pengubahsuaian berjumlah RM238,442 dan Straits Quay, Pulau Pinang yang melibatkan perbelanjaan bulanan berjumlah RM7,689. Pada tahun 2015, kedua-dua outlet ini masih tidak dapat menjana keuntungan dan berikutan itu, KARYANEKA telah memutuskan untuk menutup operasi outlet di Straits Quay pada 21 Ogos 2016.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 November 2016 dan 12 Mei 2017, KARYANEKA memaklumkan operasi bagi 2 outlet yang tidak menjana keuntungan iaitu di KLIA2 dan Lapangan Terbang Kota Bharu masih diteruskan atas dasar memberi kesedaran kepada pelancong bahawa KARYANEKA adalah satu jenama yang memasarkan produk kraf. KARYANEKA telah menyambung kontrak dengan pihak Malaysian Airport Berhad untuk outlet KLIA2 dan memantau prestasi jualan outlet di Lapangan Terbang Kota Bharu sehingga bulan Oktober 2017 sama ada untuk meneruskan penyewaan outlet atau sebaliknya. Pihak Audit berpendapat keputusan KARYANEKA untuk mengekalkan pembukaan outlet berkenaan perlu mengambil kira daya maju outlet dalam jangka panjang supaya kerugian yang dialami sekarang dapat diatasi sewajarnya.</i></p> <p>Pihak Audit berpendapat prestasi jualan pasaran runcit, pasaran korporat dan saluran lain adalah kurang memuaskan kerana pendapatan dan keuntungan kasar tidak mencapai sasaran. Selain itu, hanya 6 outlet yang menjana keuntungan berbanding 11 outlet mengalami kerugian dan 8 terpaksa ditutup sejak tahun 2013.</p>	<p>Tahun 2013 63% Tahun 2014 57.5% Tahun 2015 75.3% Tahun 2016 61% Tahun 2017 85% sehingga Mac 2017</p> <p>Outlet-outlet tersebut terpaksa ditutup kerana masih mengalami kerugian walaupun langkah-langkah telah diambil bagi menaikkan jualan. Antaranya mempelbagaikan produk yang bersesuaian dengan sasaran pasaran, menukar peragaan kedai, mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan juga pengiklanan bagi menarik pelanggan serta mewujudkan kesedaran mengenai outlet-outlet tersebut. Kajian yang dijalankan mendapati pengunjung kurang membeli produk kraf kerana boleh mendapat produk alternatif yang jauh lebih murah. Di samping itu juga kedudukan outlet di beberapa lokasi tersebut kurang strategik dan persaingan yang tinggi daripada kedai-kedai persekitaran. Bagi outlet-outlet yang menjana keuntungan, langkah-langkah mempertingkatkan tindakan seperti di atas diteruskan dan langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi jualan yang lebih baik</p> <p>KARYANEKA telah menyambung kontrak dengan pihak MAB untuk outlet KLIA 2 . Pihak MAB telah bersetuju untuk mengurangkan sewa bulanan sebanyak RM 6,900 sebulan daripada sewa RM 30K kepada RM 23.1 K sebulan .</p> <p>KARYANEKA yakin akan dapat memperbaiki prestasi outlet ini dengan melaksanakan langkah-langkah seperti di bawah:-</p> <p>i. Menukar peragaan kedai</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>ii. Membuat penambahan produk  iii. Menukar produk setiap masa  iv. Memberi latihan kepada kakitangan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.</p> <p>Untuk outlet di Lapangan Terbang Kota Bharu, syarikat telah membuat beberapa perubahan dari segi peragaan produk, penceriaan kedai dengan menambah lagi lampu (spot light) dan promosi melalui media massa dan media sosial dalam usaha menaikkan jualan di outlet ini. Syarikat memantau prestasi jualan outlet di Lapangan terbang Kota Bharu sehingga bulan Oktober 2017 samada untuk meneruskan penyewaan outlet ini atau sebaliknya. Syarikat mengambil kira semua aspek serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan daya maju outlet dan bagi outlet yang masih mengalami kerugian setelah segala usaha dilakukan, tindakan menutup outlet tersebut dibuat.</p>
4.5.2.2.a.i	<p><b>Pengurusan Outlet - Pengurusan Stok</b></p> <p>KARYANEKA tidak mempunyai prosedur bagi memantau stok yang tidak laku dan kurang laris. Penilaian hanya berdasarkan pemantauan oleh penyelia di setiap <i>outlet</i> di mana pergerakan produk tidak laku dan kurang laris berdasarkan prestasi jualan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun iaitu suatu tempoh yang agak lama.</p>	<p>Syarikat telah membuat prosedur bagi memantau stok yang tidak laku dan kurang laris mengikut kategori di samping pemantauan oleh penyelia di setiap outlet. Lampiran prosedur disertakan di lampiran 1.</p> <p>Bagi Produk yang tidak laku dan kurang laris jualan murah dan jualan lelong telah dibuat semasa promosi KLICF dan promosi HKK sebagaimana jawapan di 4.5.2.2(v) . Jualan murah yang seterusnya akan diadakan pada bulan puasa akan datang iaitu semasa promosi Warna- Warni Aidilfitri di Kompleks Kraf Kuala Lumpur dan promosi raya di Mid Valley, Great Eastern dan Sungai Wang Plaza.</p>
4.5.2.2.a.ii	<p>Semakan Audit terhadap senarai produk yang tidak laku dan kurang laris di 5 <i>outlet</i> mendapati kesemuanya berjumlah 7,901 unit melibatkan kos sejumlah RM338,144.</p>	<p>Tindakan yang berterusan diambil oleh syarikat adalah memantau setiap produk yang tidak laku dan kurang laris untuk diambil tindakan oleh pihak Pengurusan samada dijual murah atau dijual lelong.</p> <p>KARYANEKA telah membuat jualan lelong untuk pakaian 1 Malaysia. Sehingga April 2017 nilai stok pakaian 1 Malaysia adalah RM 123,222.30 dengan pengurangan stok sebanyak 2 peratus.</p>
4.5.2.2.a.iii	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati stok produk pakaian 1Malaysia mencatatkan jumlah tertinggi iaitu RM125,807 (37.2%) daripada keseluruhan stok tidak laku. Stok pakaian 1Malaysia tersebut adalah terdiri daripada baju kemeja, T-Shirt, kain dan baju kurung Batik yang diperoleh sejak tahun 2010, namun masih banyak tidak dapat dijual walaupun pelbagai promosi dan diskaun ditawarkan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, KARYANEKA telah membuat jualan lelong untuk pakaian 1Malaysia. Sehingga bulan April 2017, nilai stok pakaian 1Malaysia adalah berjumlah RM123,222 dengan pengurangan sebanyak 2%.</i></p>	<p>Perbincangan juga telah dibuat dengan pihak MOTAC bagi membantu menurunkan lagi jumlah stok pakaian 1 Malaysia melalui beberapa kaedah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jualan murah di acara-acara dan promosi mega Kementerian</li> <li>2. Pengagihan semasa acara turun padang bersama rakyat oleh YB Menteri</li> <li>3. Pengagihan kepada rumah-rumah kebajikan sebagai salah satu aktiviti CSR</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.2.a.iv	<p>KARYANEKA telah mengenal pasti produk/stok untuk dilupuskan pada tahun 2015 berjumlah RM6,800. Bagaimanapun setakat tarikh pengauditan, tindakan pelupusan masih belum dijalankan. Penyimpanan stok yang rosak telah menyempitkan ruang stor dan kedudukan stok yang tidak bernilai memberikan gambaran nilai inventori yang tidak tepat dalam penyata kewangan. Barangan tembikar yang telah pecah berjumlah RM4,267 di Stor Pusat yang belum dilupuskan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 November 2016, produk yang telah dilupuskan pada tahun 2015 akan diakaunkan dalam penyata kewangan berakhir 31 Disember 2016 termasuk barangan tembikar yang telah pecah berjumlah RM4,484 yang telah dilupuskan pada 27 Oktober 2016. KARYANEKA telah mewujudkan Standard Operating Procedures bagi pemantauan produk yang tidak laku dan kurang laris. Selain itu, syarikat akan membuat pelupusan secara jualan lelong bagi produk pakaian Batik 1Malaysia. Produk yang tidak laku dan kurang laris akan dibuat jualan murah semasa promosi Kuala Lumpur International Craft Festival 2016 pada 24 hingga 27 November 2016 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur.</i></p>	<p>Syarikat telahpun melupuskan produk dan telah diakaunkan di dalam Penyata Kewangan Tahun 2016 . Produk yang tidak laku dan kurang laris telah dibuat jualan murah semasa promosi Kuala Lumpur International Craft Festival 2016 pada 24 hingga 27 November 2016 dan semasa promosi Hari Kraf Kebangsaan pada 22 Feb 2017 hingga 6 Mac 2017.</p> <p>Nilai jualan adalah seperti berikut:-  i. Promosi KLICF jualan RM 7,173.00  ii. Promosi HKK jualan RM 4,063.40</p> <p>Manakala jualan lelong bagi pakaian Batik 1 Malaysia telah dibuat sebagaimana jawapan di 4.5.2.2(iii).</p>
4.5.2.2.b.i	<p><b>Pengurusan Stor - Stor Pusat</b></p> <p>Semakan Audit di Stor Pusat pada 14 Jun 2016 mendapati penemuan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan stor yang sangat padat disebabkan penempatan sementara produk transit sebelum penghantaran ke <i>outlet</i> yang lain.</li> <li>• Ruang stor juga merupakan laluan keluar masuk kakitangan ke ruang kerja Bahagian Pembelian dan Stor yang terbuka dan tidak berkunci. Perkara ini disebabkan ruang pejabat KARYANEKA yang terhad.</li> <li>• Ruang yang terhad menyebabkan stok yang bernilai tinggi seperti perak dan pewter disimpan dalam pejabat dan diletakkan di tempat yang tidak berkunci.</li> <li>• Stok tidak disimpan dengan teratur dan pembahagian ruang mengikut jenis stok tidak disediakan.</li> <li>• Ruang stor turut diletakkan dengan peti ais dan cerek elektrik yang mendedahkan risiko kebakaran.</li> </ul>	<p>Keadaan stor yang terlalu padat adalah disebabkan oleh perkara-perkar berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Penerimaan produk dari pembekal secara serentak;</li> <li>ii. Produk transit sementara untuk penghantaran ke outlet-outlet yang mengambil masa lima atau enam hari di mana proses pemeriksaan kualiti produk, pembungkusan dan pelabelan harga dalam jangka masa tersebut;</li> <li>iii. Stok produk laris yang perlu ada untuk keperluan berterusan outlet-outlet.</li> </ol> <p>Stok-stok bernilai tinggi telah diletakkan di tempat yang berkunci.</p> <p>Teguran Audit telah diambilkira dan pembersihan di stor telah dilakukan. Cara penyimpanan barang telah disusun dan dilabel untuk kemudahan pengiraan stok dilakukan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rak besi yang digunakan tidak kukuh dan bergoyang boleh menyebabkan stok yang disimpan seperti tembikar terjatuh dan pecah.</li> </ul> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 November 2016, pembersihan stor telah dilakukan termasuk menambah baik kaedah penyimpanan dan pelabelan untuk memudahkan pengiraan stok dilakukan. Gambar 4.11 dan Gambar 4.12 menunjukkan bilik stor yang telah diambil tindakan selepas teguran Audit.</i></p>	
4.5.2.2.b.ii	<p><b>Stor Pentadbiran</b></p> <p>Pemeriksaan fizikal Audit di Stor Pentadbiran pada 13 Jun 2016 yang menempatkan kelengkapan pameran dan promosi mendapati stor tersebut tidak disenggarakan dengan baik. Barangan untuk tujuan pameran dan promosi serta pembungkusan tidak disimpan dengan teratur mengakibatkan sebahagian stok, beg kertas dan peralatan pembungkusan terpaksa diletakkan di ruang kerja kakitangan dan laluan pintu kecemasan. Selain itu, rekod tidak diselenggarakan bagi memantau penerimaan, pengeluaran dan penyimpanan kelengkapan promosi yang disimpan dalam stor tersebut.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 November 2016, KARYANEKA telah mengambil tindakan dengan menyusun atur barangan berkenaan yang terdapat di ruang kerja, Stor Pentadbiran dan laluan pintu kecemasan.</i></p>	<p>Teguran Audit telah diambil maklum dan pihak KARYANEKA telah mengambil tindakan dengan menyusun atur semua barang di mana susunatur yang sistematik dapat menjimatkan ruang, mengurangkan kerosakan dan kehilangan barang yang tidak dapat dikesan.</p>
4.5.2.2.c	<p><b>Pengurusan Keselamatan</b></p> <p>Pemeriksaan fizikal Audit mendapati kamera litar tertutup (CCTV) di Blok B dan C, Kompleks Kraf Kuala Lumpur adalah tidak mencukupi bagi memantau keseluruhan ruang kedai. Blok C, Kompleks Kraf Kuala Lumpur merupakan kedai yang menjual produk fesyen seperti batik dan songket yang bernilai tinggi. Selain itu, <i>outlet</i> jualan di Bangunan CP21 KLIA, Straits Quay Mall, Kompleks Kraf Langkawi dan Malaysian Craft di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi tidak dilengkapi CCTV.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 November 2016, pemasangan CCTV akan diambil tindakan setelah kedudukan kewangan KARYANEKA bertambah baik.</i></p>	<p>CCTV hanya terdapat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur. Tindakan pemasangan CCTV di setiap outlet akan dilakukan apabila kedudukan kewangan syarikat bertambah baik dan stabil.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>KARYANEKA berusaha untuk menaikkan jualan dengan tumpuan akan diberikan kepada pembangunan produk-produk baru untuk dipasarkan mengikut outlet diseluruh negara, membangunkan model perniagaan menerusi jalinan hubungan kerjasama bersama gedung-gedung membeli-belah, pengukuhan kedai atas talian (<i>Online Store</i>), penembusan pasaran baru korporat kerajaan dan swasta.</li> <li>Stok tidak laku dan kurang laris dibuat pemantauan setiap masa berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan dan pemantauan stor oleh Pengurus yang</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti KARYANEKA adalah teratur selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun, KARYANEKA mengalami penurunan jualan sejak tahun 2013, terdapat kuantiti stok tidak laku dan kurang laris, stok belum dilupuskan yang tinggi serta pengurusan stor yang tidak teratur.</p>	<p>bertanggungjawab.</p>
<p><b>4.5.3.2.a.i</b></p>	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah</b></p> <p>Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i> yang dikeluarkan oleh <i>Putrajaya Committee On GLC High Performance</i> (PCG) Perenggan 1.1.3 menyatakan Pengerusi dilantik di kalangan Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas. Selain itu, Perenggan 1.1.4 pula menyatakan Lembaga Pengarah perlu dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat. Semakan Audit mendapati komposisi Lembaga Pengarah KARYANEKA terdiri daripada Ketua Pengarah KRAFTANGAN selaku Pengerusi dan seorang ahli iaitu Timbalan Ketua Pengarah KRAFTANGAN. Kedua-dua ahli Lembaga Pengarah KARYANEKA terdiri daripada pengurusan KRAFTANGAN dan kedua-duanya merupakan Pengarah Bukan Bebas. Bagaimanapun, dari segi kepakaran, kedua-dua mereka adalah dalam bidang Pentadbiran Perniagaan serta Seni Lukis Dan Seni Reka. Selain itu, KARYANEKA telah mematuhi perkara 87 dalam M&amp;A KARYANEKA yang menyatakan keahlian Lembaga Pengarah hendaklah tidak kurang daripada 2 orang dan tidak melebihi 7 orang.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, KARYANEKA telah melantik Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas dalam Lembaga Pengarah KARYANEKA melalui mesyuarat Lembaga Pengarah KARYANEKA Bil. 1 Tahun 2017 pada 24 Mac 2017. Pihak Audit berpendapat komposisi Lembaga Pengarah masih tidak mencapai tadbir urus yang baik kerana hanya 30% ahli bebas. Mengikut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 jika Pengerusi Lembaga Pengarah adalah tidak bebas maka majoriti ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas.</i></p>	<p>KARYANEKA telahpun bersetuju melantik dan telah mengenal pasti Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas dalam Lembaga Pengarah KARYANEKA melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah KARYANEKA BIL 1/2017 pada 24 Mac 2017.</p> <p>KARYANEKA juga dalam proses melantik tambahan pengarah bebas selaras dengan pandangan Audit.</p>
<p><b>4.5.3.2.a.ii</b></p>	<p>Semakan Audit juga mendapati bajet KARYANEKA bagi tahun 2013 hingga 2015 tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Selain itu, setakat tarikh pengauditan, had kuasa menandatangani cek belum ditetapkan oleh Lembaga Pengarah bagi menggantikan bekas Pengerusi Lembaga Pengarah KARYANEKA yang telah bersara pada 1 Disember 2015 seperti yang ditetapkan dalam Tatacara Pengurusan Kewangan KARYANEKA.</p>	<p>Tindakan telah diambil di mana Bajet untuk tahun 2017 telahpun dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bil 1/2017 untuk kelulusan.</p> <p>Had Kuasa menandatangani cek telahpun ditetapkan oleh Lembaga Pengarah di mana Pengerusi Lembaga Pengarah Karyaneka berkuasa menandatangani cek berkuatkuasa mulai 23 November 2016 melalui Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah. Lampiran 5 disertakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, KARYANEKA telah menetapkan had kuasa menandatangani cek oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KARYANEKA berkuat kuasa pada 23 November 2016.</i></p>	
<p><b>4.5.3.2.b.i</b></p>	<p><b>Bahagian Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit</b></p> <p>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menyatakan Jawatankuasa Audit perlu dipengerusikan oleh ahli Lembaga Pengarah bebas. Semakan Audit mendapati KARYANEKA mempunyai Bahagian Audit Dalam yang terdiri daripada seorang pegawai dan kerani kanan. Bahagian ini melaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Audit KARYANEKA yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar sejak bulan Disember 2012. Amalan ini tidak selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 bagi membolehkan beliau untuk memberi sepenuh komitmen dan melaksanakan penilaian secara bebas.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, KARYANEKA telah melantik Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit melalui mesyuarat Lembaga Pengarah KARYANEKA Bil. 1 Tahun 2017 pada 24 Mac 2017.</i></p>	<p>Pengarah Bebas juga dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit seperti yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Karyaneka Bil 1/2017 pada 24 Mac 2017.</p>
<p><b>4.5.3.2.c</b></p>	<p><b>Pelan Perniagaan</b></p> <p>Pelan Perniagaan Tahun 2014 tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah walaupun ada disediakan. Manakala Pelan Perniagaan Tahun 2015 hanya dibentang dan diluluskan pada 11 Jun 2015 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2015. Selain itu, Pelan Perniagaan Tahun 2013 lewat dibentangkan pada 5 Februari 2013 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2013.</p> <p>Pihak Audit berpendapat Lembaga Pengarah tidak memainkan peranannya dengan berkesan kerana tidak memastikan pelan perniagaan tahunan diluluskan pada awal tahun.</p>	<p>Menjadi amalan Pelan Perniagaan tahunan syarikat disediakan pada akhir tahun bagi tahun berikutnya. Namun begitu, terdapat beberapa perkara di luar jangkaan yang menyebabkan kelewatan pembentangan dan kelulusan bagi Pelan Perniagaan.</p> <p>Bagi tahun 2014, Pelan Perniagaan tidak dibentangkan kerana fasa peralihan pengurusan tertinggi yang mana tempoh kontrak Pengurus Besar telah tamat pada tahun tersebut. Pelan Perniagaan tahun 2013 telah digunapakai kerana penggunaan strategi yang sama.</p> <p>Bagi tahun 2015, Pelan Perniagaan lewat dibentangkan kerana terdapat beberapa pindaan dan penambahbaikan yang dibuat.</p> <p>Pelan Perniagaan 2016 tidak dibentangkan di peringkat syarikat kerana ianya telah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Kraftangan.</p> <p>Pelan Perniagaan tahun 2017 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 24 Mac 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Perkara telah diambil maklum dan tindakan di ambil bagi memastikan kelewatan tidak berlaku di masa hadapan.
4.5.3.2.d.i	<p><b>Tatacara Pengurusan Kewangan/Perakaunan</b></p> <p>KARYANEKA mengguna pakai Tatacara Pengurusan Kewangan/Perakaunan KARYANEKA yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, prosedur dan tatacara yang dikemas kini tidak dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah KARYANEKA untuk kelulusan. Selain itu, beberapa aspek pengurusan kewangan tidak diambil kira dengan jelas dalam penyediaan tatacara berkenaan seperti perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tatacara perolehan berkaitan sebut harga, rundingan terus dan tender;</li> <li>• Tatacara pengurusan kredit dan pengutipan hutang syarikat;</li> <li>• Tatacara pengurusan aset dan stor berkaitan pemeriksaan, pelupusan dan kehilangan serta hapus kira;</li> <li>• Tatacara pengurusan panjar wang runcit; dan</li> <li>• Tatacara pemberian komisen jualan kepada kakitangan.</li> </ul>	<p>KARYANEKA telah menyediakan dan menambahbaik semua peraturan dan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang telah ditegur oleh pihak Audit.</p> <p>Peraturan Tatacara Pengurusan Kewangan &amp; Perakaunan yang telah dikemaskini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah KARYANEKA Bil 3/2016 yang bermesyuarat pada 23 November 2016.</p> <p>KARYANEKA telah menghantar penyata akaun dan surat peringatan kepada pelanggan yang terlibat. Tindakan juga telah diambil dengan melantik Pengutip Hutang ( <i>Debt Collector</i>) pada 27 Mac 2017 untuk menguruskan kutipan hutang syarikat yang telah melebihi setahun.</p> <p>KARYANEKA komited dalam usaha memastikan aspek tadbir urus korporat diamalkan sepenuhnya dengan mengambil tindakan ke atas semua amalan tadbir urus yang telah ditegur oleh pihak Audit Negara.</p>
4.5.3.2.d.ii	<p>Prosedur dan tatacara yang tidak menyeluruh ini telah memberi kesan negatif terhadap pengurusan kewangan KARYANEKA. Antara kelemahan ketara yang ditemui iaitu sehingga 31 Mei 2016, KARYANEKA mempunyai penghutang berjumlah RM1.67 juta yang terdiri daripada syarikat korporat, agensi Kerajaan dan individu. Sebanyak 19 agensi Kerajaan mempunyai tunggakan hutang tertinggi berjumlah RM194,767 dengan tempoh tunggakan melebihi satu tahun hingga 6 tahun. Tunggakan ini merupakan jualan barangan kraf dan cenderahati yang perlu dibayar kepada KARYANEKA. KARYANEKA telah mengeluarkan surat peringatan pertama, kedua dan terakhir kepada kesemua penghutang yang terlibat. Bagaimanapun, KARYANEKA tidak melaksanakan sebarang tindakan guaman terhadap kesemua penghutang apabila bayaran masih gagal dibuat.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 November 2016 dan 12 Mei 2017, KARYANEKA telah menambah baik dan menyediakan semua peraturan, tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti dibangkitkan. Polisi Pengurusan Kredit telah disediakan dalam Tatacara Dan Sistem Bagi Jualan Dan Kutipan Cawangan. Setakat bulan September 2016, sejumlah RM431,076 telah dikutip daripada tunggakan hutang. KARYANEKA juga telah</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>melantik pengutip hutang pada 27 Mac 2017 bagi menguruskan kutipan hutang syarikat yang melebihi setahun.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus korporat KARYANEKA adalah kurang memuaskan kerana terdapat aspek tadbir urus korporat yang penting tidak diamalkan sepenuhnya.</p>	




**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**


**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**


**Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah**


**Perenggan 5 : Ketengah Holdings Sdn. Bhd**


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
5.5.2.2.a	<p><b>Pemantauan Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari</b></p> <p>Berdasarkan penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari bagi tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 7 syarikat subsidiari telah mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut kecuali NTTSB yang mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2015.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016 dan 12 Mei 2017, NTTSB mengalami kerugian pada tahun 2015 setelah mengambil kira kerugian atas pelupusan aset dan penurunan dalam keuntungan Stesen Minyak dan Kedai Mesra. Bagaimanapun, NTTSB telah berjaya mencatatkan keuntungan berjumlah RM14,714 pada tahun 2016.</i></p>	<p>Pihak syarikat telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi kerugian NTTSB. Langkah-langkah yang telah diambil ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memberi fokus kepada aktiviti yang menyumbang keuntungan kepada syarikat</li> <li>Menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam bidang pelancongan</li> <li>Menutup aktiviti yang menyebabkan kerugian besar kepada syarikat</li> </ol> <p>Hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil, prestasi keuntungan NTTSB sehingga 31 Mei 2017 telah meningkat sebanyak 191% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016 sebagaimana berikut:-</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Keterangan</th> <th style="text-align: center;">Sehingga Mei 2017 (RM)</th> <th style="text-align: center;">Sehingga Mei 2016 (RM)</th> <th style="text-align: center;">+ / (-)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Keuntungan</td> <td style="text-align: center;">16,595</td> <td style="text-align: center;">(202,568)</td> <td style="text-align: center;">191%</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan	Sehingga Mei 2017 (RM)	Sehingga Mei 2016 (RM)	+ / (-)	Keuntungan	16,595	(202,568)	191%
Keterangan	Sehingga Mei 2017 (RM)	Sehingga Mei 2016 (RM)	+ / (-)							
Keuntungan	16,595	(202,568)	191%							
5.5.2.2.c	<p>Semakan Audit mendapati KHSB tidak menyediakan polisi pengurusan kredit sebagai panduan untuk menguruskan hutang syarikat. Kelemahan yang paling ketara adalah syarat tidak ditetapkan bagi pendahuluan yang diberikan kepada syarikat subsidiari dan surat peringatan tidak dikeluarkan untuk mengutip tunggakan hutang tersebut.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016 dan 12 Mei 2017, KHSB memaklumkan selepas teguran Audit diterima, polisi pengurusan kredit telah disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah</i></p>	<p>Pengurusan Syarikat telah menyediakan Polisi Pengurusan Kredit sebagai panduan menguruskan hutang. Syarikat telah menambahbaik proses pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari yang mana sebarang permohonan pendahuluan hendaklah dikemukakan justifikasi dan tempoh bayaran balik ditetapkan selama 90 hari. Polisi ini telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 11 Disember 2016.</p>								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>KHSB Kali Kesembilan pada 15 Disember 2016. Penjadualan semula kutipan hutang dan surat peringatan telah dihantar kepada syarikat subsidiari sebagai usaha untuk mengutip hutang yang tertunggak. Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 13 Jun 2016 telah meluluskan permohonan syarikat NTTSB untuk meningkatkan modal berbayar melalui capitalisation of advance berjumlah RM837,540. Lembaga Pengarah juga telah mewujudkan Unit Pengurusan Aset dan Kutipan Hutang bagi melaksanakan aktiviti kutipan hutang syarikat yang bermula pada 15 Mei 2017.</i></p>	
<p><b>5.5.2.3.b.iii</b></p>	<p><b>Pembangunan Projek Perumahan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Februari 2016, KHSB telah menjelaskan RM118,731 kepada KETENGAH bagi projek pembangunan 20 lot tanah, di mana 17 daripada 19 lot tanah telah berjaya dijual dan baki 1 lot tanah masih belum dibangunkan. Bagaimanapun, bayaran tidak dibuat bagi projek pembangunan 47 lot tanah walaupun 26 unit banglo telah berjaya dibina dan dijual dan baki 21 lot tanah masih belum dibangunkan. Mengikut perkiraan Audit, baki bayaran pulangan yang perlu dijelaskan oleh KHSB kepada KETENGAH berjumlah RM1.09 juta setakat 31 Disember 2016.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, KHSB telah menjelaskan bayaran balik sebanyak 2.5% pada 2 Mac 2017 berjumlah RM123,180 daripada jumlah keseluruhan berjumlah RM1.09 juta.</i></p>	<p>Syarikat telah menyelesaikan baki bayaran sebanyak RM966,820 kepada KETENGAH pada 31 Mei 2017.</p> 
<p><b>5.5.2.3.b.v</b></p>	<p>Pada 16 Januari 2013, KETENGAH telah mencadangkan kepada KHSB untuk membangunkan 25 unit rumah di atas 25 lot tanah di Bandar Bukit Besi, Dungun. Lembaga Pengarah KHSB pada 17 Jun 2013 telah bersetuju dengan cadangan tersebut yang terdiri daripada 13 unit teres 1½ tingkat dan 12 unit teres 2 tingkat. Pada 21 Ogos 2013, KETENGAH telah mengemukakan surat persetujuan kepada KHSB untuk dibangunkan tanah tersebut. Bagaimanapun, surat berkenaan tidak menjelaskan secara terperinci mengenai terma dan syarat penyerahan tersebut. Manakala sehingga 30 November 2016, perjanjian usaha sama antara KETENGAH dan KHSB bagi penyerahan 25 lot tanah masih belum disediakan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Januari 2017, KHSB memaklumkan perjanjian usaha sama antara KETENGAH dan KHSB bagi penyerahan 25 lot</i></p>	<p>Pihak Syarikat dan KETENGAH telah menandatangani perjanjian usahasama pada 1 Januari 2017. Di antara kandungan utama terma dan syarat-syarat perjanjian adalah sebagaimana berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tanggungjawab dan akujanji pemaju</li> <li>Tempoh pelaksanaan projek</li> <li>Tanggungjawab dan akujanji KETENGAH</li> <li>Pematuhan kepada pelan dan spesifikasi bangunan</li> <li>Kos dan perbelanjaan</li> <li>Balasan dan Pulangan Balik</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tanah telah disediakan dengan terma dan syarat penyerahan dan ditandatangani oleh wakil kedua-dua pihak pada 1 Januari 2017.</p>	
<p>5.5.2.4.c</p>	<p><b>Pengurusan Pusat Transformasi Luar Bandar Terengganu</b></p> <p>Semakan Audit mendapati KHSB tidak mempunyai <i>Standard Operating Procedures</i> untuk pengurusan kemudahan tersebut dan kadar sewaan yang dikenakan tidak diluluskan sama ada oleh KETENGAH ataupun Lembaga Pengarah KHSB.</p> <p>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, KETENGAH memaklumkan akan menyediakan surat lantikan berserta terma dan syarat penyerahan yang lengkap serta penetapan kadar sewaan bagi kemudahan yang diserahkan kepada KHSB.</p>	<p>Pengurusan Syarikat telah menyediakan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) Pengoperasian RTC. Kandungan SOP merangkumi :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tadbir urus RTC Terengganu</li> <li>Kadar sewaan kemudahan RTC</li> <li>Proses aliran kerja</li> </ol> <p>Pihak KETENGAH telah menyediakan surat lantikan berserta terma dan syarat penyerahan yang lengkap kepada KHSB pada 17 Mei 2017. Di antara terma dan syarat yang disediakan adalah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan kemudahan fasiliti seperti dewan latihan dan bilik mesyuarat</li> <li>Waktu operasi RTC Terengganu</li> <li>Perkhidmatan yang disediakan di RTC Terengganu</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																											
<p><b>5.5.2.5.a</b></p>	<p><b>Pengurusan KH Shoppe</b></p> <p>KHSB telah menubuhkan Kedai KH Shoppe atas keputusan KETENGAH. Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak kedai manakala KETENGAH pula menyediakan kemudahan <i>booth</i>. Kedai KH Shoppe telah mula beroperasi pada tahun 2014 dengan menjual secara runcit dan borong barang sukan, coklat, aiskrim, pinggan mangkuk, peralatan, bagasi dan minyak wangi kepada pengunjung Festival Kenyir pada 29 April hingga 29 Mei 2014 di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir. Perniagaan ini telah diteruskan di Kedai KH Shoppe di RTC Bandar Al-Muktafi Billah Shah dan di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir. Perbelanjaan pembelian bekalan dan stok barangan ditanggung oleh KHSB sejumlah RM171,174 pada tahun 2014 dan RM214,476 pada tahun 2015. Kertas kerja bagi penubuhan kedai ini tidak disediakan serta perancangan penubuhan dan pengoperasian Kedai KH Shoppe juga tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB untuk kelulusan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, kertas cadangan penubuhan KH Shoppe telah disediakan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB pada 23 Jun 2016 selepas teguran Audit diterima.</i></p>	<p>Maklumbalas kekal sebagaimana yang asal</p> 																																											
<p><b>5.5.2.5.b</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi kewangan hasil operasi Kedai KH Shoppe bagi tahun 2014 dan 2015 adalah tidak memuaskan. Analisis Audit mendapati hingga bulan Oktober 2014, Kedai KH Shoppe telah mengalami kerugian berjumlah RM21,849 dan meningkat kepada RM577,545 pada tahun 2015. Ini berlaku kerana pendapatan yang rendah di 2 operasi <i>outlet</i> di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir dan RTC di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun tidak dapat menampung kos pembelian stok dan belanja promosi.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti KHSB adalah selaras dengan objektif penubuhan tetapi kurang teratur kerana perjanjian usaha sama tidak disediakan bagi penyerahan 25 lot tanah untuk pembangunan perumahan di Bandar Bukit Besi. Pulangan balik bayaran kepada KETENGAH masih belum selesai. Selain itu, <i>business model</i> Kedai KH Shoppe tidak berdaya maju dan telah mengalami kerugian pada tahun 2014 serta 2015. Penubuhan Kedai KH Shoppe juga tidak dibuat dengan teratur kerana tiada perancangan terperinci dibuat terhadap kajian pasaran, lokasi yang strategik, sambutan komuniti dan promosi.</p>	<p>Pihak Syarikat telah menyediakan plan perancangan <i>KH Shoppe</i> untuk tempoh 10 tahun (2015-2024). Mengikut kertas perancangan, <i>KH Shoppe</i> akan mengalami kerugian untuk tempoh lima (5) tahun pertama dan keuntungan hanya akan diperolehi mulai tahun keenam pengoperasian. Bagi meminimalkan kerugian, Syarikat telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menutup operasi kedai <i>KH Shoppe</i> di Bandar Al Muktafi Billah Shah bermula pada tahun 2017</li> <li>Memusatkan operasi <i>KH Shoppe</i> di Tasik Kenyir</li> <li>Menambahbaik kemudahan dan fasiliti kedai di Tasik Kenyir</li> </ol> <p>Unjuran keuntungan <i>KH Shoppe</i> adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 1204 2072 1316"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Keterangan / tahun</th> <th>1</th> <th>2</th> <th>3</th> <th>4</th> <th>5</th> <th>6</th> <th>7</th> <th>8</th> <th>9</th> <th>10</th> </tr> <tr> <th>2015</th> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>2018</th> <th>2019</th> <th>2020</th> <th>2021</th> <th>2022</th> <th>2023</th> <th>2024</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td colspan="10" style="text-align: center;">RM000</td> </tr> <tr> <td>Untung</td> <td>(0.58)</td> <td>(0.48)</td> <td>(0.05)</td> <td>(0.02)</td> <td>(0.01)</td> <td>0.02</td> <td>0.05</td> <td>0.09</td> <td>0.15</td> <td>0.22</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan / tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024		RM000										Untung	(0.58)	(0.48)	(0.05)	(0.02)	(0.01)	0.02	0.05	0.09	0.15	0.22
Keterangan / tahun	1	2		3	4	5	6	7	8	9	10																																		
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024																																			
	RM000																																												
Untung	(0.58)	(0.48)	(0.05)	(0.02)	(0.01)	0.02	0.05	0.09	0.15	0.22																																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Pengerusi</b></p> <p>Mengikut Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i> menyatakan amalan terbaik bagi pelantikan Pengerusi adalah terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif dan dilantik di kalangan ahli Lembaga. Semakan Audit mendapati Pengerusi KHSB telah dilantik pada 1 Januari 2005 dan dilantik semula setiap kali Mesyuarat Agong bersidang. Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB yang bersidang pada 25 Oktober 2011 bersetuju agar jawatan Pengerusi ditukarkan kepada Pengerusi Eksekutif. Pelantikan sebagai Pengerusi Eksekutif adalah tidak selaras dengan amalan terbaik yang ditetapkan dalam Buku Hijau iaitu pelantikan Pengerusi Eksekutif adalah tidak digalakkan. Semakan selanjutnya mendapati beliau merupakan Pengurus Besar KETENGAH. Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah kepada beberapa syarikat subsidiari dan bersekutu.</p> <p>Pihak Audit berpendapat tanggungjawab sebagai Pengurus Besar KETENGAH boleh mempengaruhi sesuatu keputusan syarikat subsidiari dan mengakibatkan <i>conflict of interest</i>. Amalan terbaik Buku Hijau juga menyatakan keberkesanan tugas Pengerusi Lembaga Pengarah adalah apabila beliau mengehadkan penglibatannya di dalam syarikat subsidiari.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB bersetuju jawatan Pengerusi Eksekutif dimansuhkan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2016. Pengerusi KHSB tidak lagi mempunyai kuasa eksekutif dalam pentadbiran syarikat. Mesyuarat juga bersetuju kuasa eksekutif yang diberikan kepada Pengerusi Eksekutif terdahulu dipindahkan kepada Lembaga Pengarah KHSB.</i></p>	<p>Maklumbalas kekal sebagaimana yang asal</p> 
<p><b>5.5.3.2.b</b></p>	<p><b>Lembaga Pengarah</b></p> <p>Mengikut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, majoriti keahlian Lembaga Pengarah hendaklah bebas sekiranya pengerusi adalah bukan bebas. Semakan Audit mendapati komposisi Lembaga Pengarah adalah tidak teratur kerana hanya 40% daripadanya adalah ahli yang bebas. Ini adalah tidak selaras dengan amalan terbaik kerana Pengerusi KHSB adalah tidak bebas.</p>	<p>Pihak syarikat telah mengambil tindakan dalam perkara ini dan komposisi Lembaga Pengarah telah diisi mengikut kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p>Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 Mei 2017, KHSB telah melantik Pengerusi Bebas pada 1 Mac 2017 dan 40% daripada ahli Lembaga Pengarah adalah ahli yang bebas. Komposisi Lembaga Pengarah yang terkini adalah teratur selaras dengan amalan terbaik.</p>									
<p><b>5.5.3.2.d</b></p>	<p><b>Strategi Korporat dan Pelan Perniagaan</b></p> <p>KHSB telah mengadakan bengkel Cadangan Pembangunan Projek Hartanah Oleh Syarikat Anak KETENGAH pada 13 hingga 14 Jun 2012. Satu laporan bertajuk Pelan Strategik Cadangan Pembangunan Projek Hartanah Oleh Syarikat Anak KETENGAH telah disediakan hasil dari bengkel tersebut. Pihak Audit dimaklumkan ia telah dijadikan sebagai panduan bagi melaksanakan pembangunan oleh syarikat subsidiari KETENGAH. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pelan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB untuk kelulusan.</p> <p>Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 November 2016, KHSB memaklumkan cadangan pembangunan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB pada 17 Jun 2013.</p> <p>Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati cadangan pembangunan tersebut hanya menjurus kepada pembangunan projek hartanah sahaja. Ia tidak merangkumi strategi bagi menentukan hala tuju syarikat pada masa hadapan serta merangka strategi pelaksanaannya.</p>	<p>Syarikat telah menyediakan Pelan Strategik syarikat bagi tempoh lima (5) tahun (2017-2021). Pelan Strategik ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 7 Februari 2017. Langkah yang akan diambil ialah menggabungkan beberapa sektor untuk meningkatkan lagi kecekapan tadbir urus syarikat. Perancangan penggabungan mengikut sektor adalah sebagaimana berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 965 2049 1382"> <thead> <tr> <th>Sektor</th> <th>Keterangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perladangan dan Perkilangan</td> <td>a) Menggabungkan pengurusan Syarikat b) Mengambilalih saham syarikat kecil c) Menceburi bidang baru</td> </tr> <tr> <td>Kuari dan Hartanah</td> <td>a) Mempelbagaikan produk hiliran (loji <i>premix &amp; ready mix</i>) b) Mengadakan kolaborasi dengan kerajaan negeri dan pemilik tanah c) Mendapatkan lesen CIDB-lesen G3 d) Memberikan tumpuan dalam sektor pembangunan hartanah di kawasan strategik dalam wilayah KETENGAH</td> </tr> <tr> <td>Pelancongan</td> <td>a) Mempelbagaikan pakej pelancongan b) Mendapatkan lesen outbound c) Mewujudkan sinergi dengan syarikat dalam KKLW</td> </tr> </tbody> </table>	Sektor	Keterangan	Perladangan dan Perkilangan	a) Menggabungkan pengurusan Syarikat b) Mengambilalih saham syarikat kecil c) Menceburi bidang baru	Kuari dan Hartanah	a) Mempelbagaikan produk hiliran (loji <i>premix &amp; ready mix</i> ) b) Mengadakan kolaborasi dengan kerajaan negeri dan pemilik tanah c) Mendapatkan lesen CIDB-lesen G3 d) Memberikan tumpuan dalam sektor pembangunan hartanah di kawasan strategik dalam wilayah KETENGAH	Pelancongan	a) Mempelbagaikan pakej pelancongan b) Mendapatkan lesen outbound c) Mewujudkan sinergi dengan syarikat dalam KKLW
Sektor	Keterangan									
Perladangan dan Perkilangan	a) Menggabungkan pengurusan Syarikat b) Mengambilalih saham syarikat kecil c) Menceburi bidang baru									
Kuari dan Hartanah	a) Mempelbagaikan produk hiliran (loji <i>premix &amp; ready mix</i> ) b) Mengadakan kolaborasi dengan kerajaan negeri dan pemilik tanah c) Mendapatkan lesen CIDB-lesen G3 d) Memberikan tumpuan dalam sektor pembangunan hartanah di kawasan strategik dalam wilayah KETENGAH									
Pelancongan	a) Mempelbagaikan pakej pelancongan b) Mendapatkan lesen outbound c) Mewujudkan sinergi dengan syarikat dalam KKLW									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
		dan agensi pelancongan	
		<b>Sektor</b>	<b>Keterangan</b>
		Perniagaan dan Perkhidmatan	a) Memberi fokus dalam bidang peruncitan (Kedai Bebas Cukai) b) Menjadi pengedar produk usahawan dalam wilayah KETENGAH c) Mempelbagai produk hiliran (ayam pedaging dan puyuh)
		Pendidikan	a) Menandatangani MOU dengan IPTA & syarikat swasta b) Mewujudkan kerjasama dengan MARA c) Menjadikan wilayah KETENGAH sebagai Hub Pendidikan Luar Bandar
5.5.3.2.f	<p><b>Peraturan Kewangan dan Perakaunan</b></p> <p>KHSB telah menggunakan Prosedur Kewangan dan Perakaunan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB Bilangan 1 Tahun 2005. Semakan Audit mendapati Prosedur Kewangan Dan Perakaunan KHSB tidak lengkap kerana tidak mengandungi tatacara/peraturan tertentu. Antaranya polisi pengurusan kredit serta prosedur perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja tidak menerangkan cara proses perolehan dengan terperinci seperti Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Teknikal dan cara kajian pasaran bagi memastikan perolehan dibuat dengan telus.</p> <p>Pihak Audit berpendapat Prosedur Kewangan Dan Perakaunan KHSB perlu dikemas kini bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan memuaskan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, KHSB memaklumkan polisi pengurusan kredit telah disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB Kali Kesembilan pada 15 Disember 2016. Prosedur perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dibuat pindaan dengan keterangan yang lebih terperinci, lengkap dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB pada 23 Jun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus KHSB adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan.</p>	<p>Pihak Syarikat telah menyediakan prosedur pengurusan akaun belum terima dan polisi pengurusan kredit. Perkara yang ditetapkan dalam prosedur merangkumi:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Syarat-syarat kredit,</li> <li>Jenis-jenis pinjaman kredit</li> <li>Tempoh bayaran</li> <li>Kategori akaun belum terima</li> </ol> <p>Prosedur perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dibuat pindaan dengan menerangkan secara terperinci perkara-perkara seperti:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Penurunan kuasa</li> <li>Tatacara perolehan</li> <li>Peranan dan penubuhan Jawatankuasa Sebutharga</li> <li>Peranan dan penubuhan Jawatankuasa Tender</li> </ol>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**


**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah**

**Perenggan 6 : Ketengah Properties Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
6.5.2.1.b	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Prestasi Keuntungan Aktiviti</b></p> <p>Analisis Audit terhadap jadual di atas mendapati keuntungan keseluruhan KPROP bagi tahun 2013 berjumlah RM1.13 juta. Keuntungan ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 97.9% yang mana hasil jualan rumah (205.8%) merupakan penyumbang utama. Bagaimanapun pada tahun 2014, keuntungan hanya mencapai 32.9% berbanding sasaran yang ditetapkan. Ini adalah kerana pada tahun 2014 KPROP hanya menerima yuran pengurusan projek daripada KHSB berjumlah RM157,270 dan tiada hasil jualan rumah diperolehi. Selain itu, keuntungan aktiviti Kelab Golf Bukit Besi juga menurun sejumlah RM81,398 pada tahun 2014 disebabkan peningkatan perbelanjaan operasi. Pada tahun 2015 pula, pencapaian sasaran keuntungan keseluruhan tidak dapat ditentukan kerana sasaran tidak disediakan bagi aktiviti <i>Kenyir Water Park</i> disebabkan ia baru dilaksanakan pada 31 Mei 2015. Keuntungan keseluruhan bagi 3 aktiviti pada tahun 2015 adalah berjumlah RM349,740.</p> <p>Pihak Audit berpendapat prestasi keuntungan daripada aktiviti KPROP adalah memuaskan namun tindakan perlu diambil untuk meningkatkan prestasi aktiviti bagi memberi keuntungan secara berterusan.</p>	<p>Pihak syarikat telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan keuntungan syarikat. Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Syarikat ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Memberi tumpuan dalam sektor pembangunan hartanah di kawasan strategik dalam wilayah KETENGAH</li> <li>b) Mendapatkan lesen CIDB-lesen G3</li> <li>c) Meningkatkan promosi dalam semua sektor</li> <li>d) Mengadakan kerjasama (<i>Affiliate</i>) di antara kelab golf lain</li> <li>e) Mempelbagai pakej-pakej baru yang dapat menarik lebih ramai pelanggan ke chalet dan padang golf di Kelab Golf Bukit Besi</li> </ol> <p>Hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil, prestasi keuntungan syarikat sehingga 31 Mei 2017 telah meningkat sebanyak 207% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016 sebagaimana berikut:-</p> <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Keterangan</th> <th style="text-align: center;">Sehingga Mei 2017 (RM)</th> <th style="text-align: center;">Sehingga Mei 2016 (RM)</th> <th style="text-align: center;">+ / (-)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Keuntungan</td> <td style="text-align: right;">382,741</td> <td style="text-align: right;">(124,648)</td> <td style="text-align: center;">207%</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan	Sehingga Mei 2017 (RM)	Sehingga Mei 2016 (RM)	+ / (-)	Keuntungan	382,741	(124,648)	207%
Keterangan	Sehingga Mei 2017 (RM)	Sehingga Mei 2016 (RM)	+ / (-)							
Keuntungan	382,741	(124,648)	207%							



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.2.2.b	<p><b>Pengurusan Projek Pembinaan Di Tanah Milik KETENGAH</b></p> <p>Semakan Audit mendapati surat pelantikan atau perjanjian antara KHSB dan KPROP tidak disediakan bagi kesemua 7 projek yang dilaksanakan. Ini menyebabkan pembahagian keuntungan dan tanggungjawab bagi membuat bayaran interim kepada kontraktor tidak jelas antara kedua-dua syarikat ini. Bagi projek bil. 1 hingga 5 yang merangkumi 26 buah rumah, KPROP mendapat hasil jualan rumah manakala bagi projek bil. 6 dan 7 mulai tahun menjadi yang melibatkan 44 buah rumah pula, KPROP hanya mendapat yuran pengurusan.</p>	<p>Syarikat telah mengambil tindakan terhadap teguran Audit. Bermula daripada 1 Januari 2017, Syarikat telah memperkemas <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) dalam melaksanakan projek yang mana pelaksanaan perjanjian merupakan syarat utama sebelum melaksanakan sesuatu projek. Bagi projek-projek yang telah dilaksanakan sebelum tahun 2017, semua pembayaran dan pembahagian keuntungan telah dibuat berdasarkan kepada keputusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB dan KPROP.</p>
6.5.2.2.c	<p>Pihak Audit mendapati bayaran interim berjumlah RM7.95 juta nilai kontrak bagi 4 projek telah dibayar kepada kontraktor tanpa sebarang penetapan secara bertulis mengenai jumlah yang sepatutnya dibayar oleh KHSB dan KPROP. Daripada jumlah ini, sejumlah RM2.16 juta telah dibayar oleh KPROP manakala selebihnya telah dibayar oleh KHSB.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, KPROP mengambil maklum teguran Audit dan akan memperkemas pengurusan projek akan datang. Namun projek pembinaan KPROP sentiasa dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KHSB dan KPROP.</i></p>	 <p>Bayaran yang dibuat kepada kontraktor sebanyak RM7.95 juta merupakan tanggungjawab pemaju projek yang mana 2 daripada 4 projek tersebut iaitu projek 4 (pembinaan 7 unit rumah di Bandar Bukit Besi, Dungun, Terengganu) dan projek 5 (pembinaan 9 unit rumah di Bandar Ketengah Jaya, Dungun, Terengganu) dilaksanakan oleh KPROP dan 2 lagi projek iaitu projek 6 (pembinaan 19 unit rumah di Bandar AMBS, Dungun, Terengganu) dan projek 7 (pembinaan 25 unit rumah di Bandar Bukit Besi, Dungun, Terengganu) dilaksanakan oleh KHSB dan KPROP hanya bertindak sebagai agen pengurusan bagi pihak KHSB.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>6.5.2.2.e.iii</b></p>	<p>Bagi projek bil. 5 dan bil. 6 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) belum diperolehi walaupun rumah telah diduduki oleh pembeli. Setakat tarikh pengauditan, KPROP belum membuat susulan kepada Arkitek Zafwan Farid bagi mendapatkan sijil tersebut. Semakan Audit juga mendapati arkitek yang sepatutnya menguruskan permohonan CCC tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Bayaran sejumlah RM6,671 atau 15% dari jumlah yuran perunding kepada arkitek tersebut belum dibuat. CCC tidak diperolehi kerana masih belum mendapat kelulusan daripada pihak berwajib antaranya Tenaga Nasional Bhd, Syarikat Air Terengganu, Jabatan Kerja Raya Terengganu dan Majlis Perbandaran Dungun untuk melayakkan CCC dikeluarkan. Kegagalan mendapatkan CCC telah menyebabkan KPROP gagal menuntut bayaran dari bank untuk jualan 2 unit rumah bagi projek bil.5 yang berjumlah RM490,002 walaupun pembeli telah menduduki rumah tersebut pada tahun 2013. Selain itu, ketiadaan CCC boleh menyebabkan pembeli tidak dilindungi sekiranya berlaku perkara yang di luar jangkaan.</p> <p>Pihak Audit berpendapat penjualan rumah yang telah siap tanpa CCC tidak sepatutnya berlaku kerana ia boleh menyebabkan KPROP terdedah kepada tuntutan awam sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Mei 2017, CCC bagi projek bil. 5 telah diperolehi daripada arkitek pada 23 Februari dan 20 Mac 2017. Bagi projek bil. 6 pula, CCC diperolehi daripada perunding dan arkitek masing-masing pada 25 Januari dan 1 Februari 2017. Pada 12 Mei 2017, sejumlah RM252,000 bayaran bagi jualan satu unit rumah telah diterima.</i></p>	<p>Perkara ini telah selesai dan CCC telah berjaya diperolehi sebagaimana berikut:-</p> <p>a) Bagi projek bil. 5 iaitu pembinaan 9 unit rumah di Bandar Ketengah Jaya, Dungun, Terengganu, CCC telah diperolehi daripada arkitek pada 23 Februari dan 20 Mac 2017</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div data-bbox="1243 438 1556 933"> </div> <div data-bbox="1668 438 1982 933"> </div> </div> <p>b) Bagi projek bil. 6 pula iaitu pembinaan 19 unit rumah di Bandar AMBS, Dungun, Terengganu, CCC diperolehi daripada perunding dan arkitek masing-masing pada 25 Januari dan 1 Februari 2017</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 48%;"> <p style="text-align: center;">UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (TERENGGANU) 1984</p> <p style="text-align: center;"><b>BORANG F</b> PERAKUAN SIAP DAN PEMATIHAN (undang-undang kecil 25)</p> <p style="text-align: right;">LAM T No. 0204 Tarikh: 01 FEB 2017</p> <p>Kepada: *</p> <p><b>KETENGAH HOLLING SDN BHD</b> LOT 191 DAN 191A JALAN SULTAN AHMAD BANDAR AYER BELE PANGKUNEN, TERENGGANU</p> <p>Saya dengan ini mengesahkan: Perakuan Siap dan Pematihan untuk bangunan bangunan-bangunan ini Lot Lot-Lot Sublot Sublot</p> <p style="text-align: center;"><b>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 10 UNIT BUMAH BANGLO SETINGKAT DI ATAS LOT 200 - 210 DAN 210* - 210* DI BANDAR ALAMUTIYATI BELAR SHAR, MINTAPULU JANG, BANDAR BUKIT NEGARA, TERENGGANU.</b> - BAGI LOT 200 - LOT 201 DAN LOT 210* - LOT 211 01 UNIT BUMAH BANGLO SETINGKAT BAHARU</p> <p>Atas nama Lot-Lot Sublot Sublot</p> <p>APRIL 2017 19 FEB 2017</p> <p>Saya telah mengesahkan perakuan dan perakuan bangunan bangunan-bangunan ini dan bersedia menyerahkan saya semua maklumat yang berkaitan dengan ini kepada Pejabat Rakib Binaan Bangunan Terengganu 1984 dan pejabat pejabat berkaitan. Saya dengan ini menandatangani perakuan bangunan bangunan-bangunan ini adalah sah dan layak untuk diadakan.</p> <p>1. Bersebut orang utama yang mengesahkan</p> <p>Nama: <b>Ap WAN FARID ZAFUAN B WAN ARIFEN</b> NO 108, JUNGKAT ATAS, KEDAH PERABAI, JAMBATAN BUKIT KAYAN, JALAN PANGKUNEN PANJANG, 3100 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU</p> <p>No Pendaftaran LAM: LAM REG NO AW 126</p> <p>2. Salfian kepada:</p> <p>(a) Pihak Berkuasa Tempatan: <b>MALIS PERBANDARAN DUNGUN</b> (Nama Pihak Berkuasa Tempatan)</p> <p>(b) Lembaga Arkitek Malaysia (LAM): (Nama Pihak Berkuasa Tempatan)</p> <p><small>* Perakuan ini adalah untuk perakuan siap dan pematihan yang diberikan kepada orang-orang yang mempunyai hak untuk diadakan untuk diadakan untuk diadakan</small></p> </div> <div style="width: 48%;"> <p style="text-align: center;">UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (TERENGGANU) 1984</p> <p style="text-align: center;"><b>BORANG F</b> PERAKUAN SIAP DAN PEMATIHAN (undang-undang kecil 25)</p> <p style="text-align: right;">LAM T No. 0204 Tarikh: 01 FEB 2017</p> <p>Kepada: *</p> <p><b>KETENGAH HOLLING SDN BHD</b> LOT 191, BANGUNAN KOPERASI BK BERPAD, JALAN SULTAN ZAINAL ABIDIN, 2100 AL MUNTAP BILAH SHAR, TERENGGANU</p> <p>Saya dengan ini mengesahkan: Perakuan Siap dan Pematihan untuk bangunan bangunan-bangunan ini Lot Lot-Lot Sublot Sublot</p> <p style="text-align: center;"><b>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 10 UNIT BUMAH BANGLO SETINGKAT DI ATAS LOT 200 - 210 DAN 210* - 210* DI BANDAR ALAMUTIYATI BELAR SHAR, MINTAPULU JANG, BANDAR BUKIT NEGARA, TERENGGANU.</b> - BAGI LOT 200 - LOT 201 DAN LOT 210* - LOT 211 01 UNIT BUMAH BANGLO SETINGKAT BAHARU</p> <p>Atas nama Lot-Lot Sublot Sublot</p> <p>APRIL 2017 19 FEB 2017</p> <p>Saya telah mengesahkan perakuan dan perakuan bangunan bangunan-bangunan ini dan bersedia menyerahkan saya semua maklumat yang berkaitan dengan ini kepada Pejabat Rakib Binaan Bangunan Terengganu 1984 dan pejabat pejabat berkaitan. Saya dengan ini menandatangani perakuan bangunan bangunan-bangunan ini adalah sah dan layak untuk diadakan.</p> <p>1. Bersebut orang utama yang mengesahkan</p> <p>Nama: <b>Ap MOHAMMAD Yusoff CHE NIN</b> ALAMAH: DESIGN PRACTICE CONSULTANT, 3A-08, 4TH FLOOR, BLOCK A, KELANA CENTRE POINT, NO 31-BUS 709, 47000 KELANA JAYA, SELANGOR.</p> <p>No Pendaftaran LAM: AM 55</p> <p>2. Salfian kepada:</p> <p>(a) Pihak Berkuasa Tempatan: <b>MALIS PERBANDARAN DUNGUN</b> (Nama Pihak Berkuasa Tempatan)</p> <p>(b) Lembaga Arkitek Malaysia (LAM): (Nama Pihak Berkuasa Tempatan)</p> <p><small>* Perakuan ini adalah untuk perakuan siap dan pematihan yang diberikan kepada orang-orang yang mempunyai hak untuk diadakan untuk diadakan untuk diadakan</small></p> </div> </div>
6.5.2.3.a.ii	<p><b>Pengurusan Kelab Golf Bukit Besi - Prestasi Kehadiran Pemain Golf</b></p> <p>Analisis Audit mendapati pada tahun 2014, jumlah kehadiran pemain menunjukkan penurunan sebanyak 568 (14.5%) pemain berbanding tahun 2013 antaranya disebabkan oleh hujan yang berterusan dari bulan Oktober hingga Disember 2014. Ini menyebabkan padang golf tidak berada dalam keadaan baik. Ahli kelab sedia ada juga tidak membaharui keahlian kerana <i>handicap</i> dari Kelab Golf Bukit Besi tidak diambil kira oleh lain-lain kelab golf. Bagi tahun 2015, jumlah kehadiran pemain menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 183 (5.4%) pemain antaranya disumbangkan oleh peningkatan kehadiran dari kakitangan kerajaan disebabkan adatarawaran potongan harga kepada pemain dari agensi kerajaan. Sasaran tahun 2015 diturunkan kerana pencapaian sebenar tahun 2014 jauh lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan.</p>	<p>Pihak syarikat telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan kehadiran pemain golf. Langkah-langkah yang telah diambil ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan <i>Play and Stay Package</i></li> <li>Menambah bilangan buggy</li> <li>Mengadakan kerjasama (<i>Affiliate</i>) di antara kelab-kelab golf</li> <li>Mengadakan promosi ke kelab-kelab golf</li> <li>Mempromosi melalui buku/majalah <i>Top Premier Golf Club &amp; Resort Courses</i></li> <li>Mengadakan Klinik Golf</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini											
		Hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil, prestasi kehadiran pemain golf telah meningkat sebanyak 5.4% berbanding tahun 2016 sebagaimana berikut:-											
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1200 368 1518 451">Keterangan</th> <th data-bbox="1518 368 1706 451">Sehingga Mei 2017 (orang)</th> <th data-bbox="1706 368 1912 451">Sehingga Mei 2016 (orang)</th> <th data-bbox="1912 368 2092 451">+ / (-)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1200 451 1518 483">Keuntungan</td> <td data-bbox="1518 451 1706 483">1,654</td> <td data-bbox="1706 451 1912 483">1,569</td> <td data-bbox="1912 451 2092 483">5.4%</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan	Sehingga Mei 2017 (orang)	Sehingga Mei 2016 (orang)	+ / (-)	Keuntungan	1,654	1,569	5.4%			
Keterangan	Sehingga Mei 2017 (orang)	Sehingga Mei 2016 (orang)	+ / (-)										
Keuntungan	1,654	1,569	5.4%										
<b>6.5.2.3.b.ii</b>	<b>Prestasi Penyewaan Chalet, Hotel dan Banglo</b>  Pada tahun 2014, sewaan bilik mencapai 75.9% dari sasaran yang ditetapkan. Sewaan bilik bagi tahun 2014 menunjukkan penurunan sebanyak 37 (30.4%) bilik antaranya disebabkan bilik berkembar D dan bilik eksekutif tidak dibuka untuk sewaan bagi membaiki masalah bekalan air, pendingin hawa dan saliran air. Selain itu, permintaan sewaan untuk bilik bujang juga telah menurun pada tahun tersebut. Pada tahun 2015, sewaan bilik hanya meningkat 2 bilik berbanding tahun 2014. Sewaan bilik pada tahun 2015 mencapai 87.9% dari sasaran yang ditetapkan kerana KPROP telah menurunkan sasaran bagi tahun 2015 dengan mengambil kira prestasi sewaan tahun sebelumnya.	Pihak syarikat telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan sewaan chalet, hotel dan banglo. Langkah-langkah yang telah diambil ialah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menambahkan kemudahan untuk menarik minat pengunjung seperti pusat Gimnasium, karaoke dan sebagainya.</li> <li>b) Mewujudkan <i>Play and Stay Package</i></li> <li>c) Menyediakan pakej seminar dan mesyuarat</li> <li>d) Mengadakan promosi ke kelab-kelab golf dan memasarkan pakej dalam buku <i>Top Premier Golf Club &amp; Resort Courses</i></li> </ul> Hasil dari langkah-langkah yang diambil, prestasi sewaan chalet, hotel dan banglo telah meningkat sebanyak 13.6% berbanding tahun 2016 sebagaimana berikut:-											
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1200 954 1518 1037">Keterangan</th> <th data-bbox="1518 954 1706 1037">Sehingga Mei 2017 (kekerapan)</th> <th data-bbox="1706 954 1912 1037">Sehingga Mei 2016 (kekerapan)</th> <th data-bbox="1912 954 2092 1037">+ / (-)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1200 1037 1518 1098">Kekerapan penyewaan Chalet, Hotel dan Banglo</td> <td data-bbox="1518 1037 1706 1098">66</td> <td data-bbox="1706 1037 1912 1098">57</td> <td data-bbox="1912 1037 2092 1098">13.6%</td> </tr> </tbody> </table>	Keterangan	Sehingga Mei 2017 (kekerapan)	Sehingga Mei 2016 (kekerapan)	+ / (-)	Kekerapan penyewaan Chalet, Hotel dan Banglo	66	57	13.6%			
Keterangan	Sehingga Mei 2017 (kekerapan)	Sehingga Mei 2016 (kekerapan)	+ / (-)										
Kekerapan penyewaan Chalet, Hotel dan Banglo	66	57	13.6%										
<b>6.5.2.4.b.ii</b>	<b>Pengurusan <i>Kenyir Water Park</i></b>  Semakan Audit terhadap pengurusan <i>Kenyir Water Park</i> mendapati perkara berikut:-  Setelah Kerajaan Negeri menyerahkan <i>Kenyir Water Park</i> untuk diuruskan oleh KETENGAH dan pada 25 Mei 2015, KETENGAH menyerahkan pula kepada KHSB iaitu syarikat subsidiarinya tanpa apa-apa balasan. Bagi memudahkan pengurusan operasi <i>Kenyir Water Park</i> , pada bulan yang sama KHSB telah menyerahkannya kepada KPROP iaitu syarikat subsidiarinya. Segala belanja	Pihak syarikat telah mengambil tindakan menutup sementara operasi di <i>Kenyir Water Park</i> bermula pada 27 Mei 2017 dan akan dibuka semula selepas CCC diperolehi.											



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pentadbiran dan operasi di <i>Kenyir Water Park</i> ditanggung oleh KPROP. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian antara KHSB dan KPROP tidak disediakan. Bagaimanapun, hasil dan perbelanjaan operasi <i>Kenyir Water Park</i> bagi tahun 2015 masing-masing berjumlah RM978,779 dan RM640,093 telah diterima dan dibiayai oleh KPROP. Manakala manfaat KETENGAH sebagai pemilik dan KHSB sebagai pengurus taman air ini tidak ditetapkan. Selain itu, sehingga tarikh pengauditan, perjanjian penyerahan <i>Kenyir Water Park</i> antara pemilik tanah, pemaju dan KETENGAH masih belum disediakan kerana pemaju masih belum memperoleh Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC). Tanpa dokumen perjanjian ini, kepentingan pemilik, pengurus dan pengunjung tidak dijamin.</p> <p><i>Berdasarkan perbincangan semasa exit conference pada 30 November 2016 dan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, KPROP memaklumkan mesyuarat Lembaga Pengarah KETENGAH pada 13 November 2016 memutuskan perbincangan bersama pemaju dibuat bagi memastikan Environmental Impact Assessment disediakan dan permohonan kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu dibuat untuk mendapatkan CCC sementara.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti KPROP adalah teratur dan selaras dengan objektif penubuhan. Bagaimanapun, beberapa aspek pengurusan aktiviti seperti penyediaan perjanjian dan pematuhan kepada perolehan CCC perlu diberi perhatian sewajarnya.</p>	
6.5.3.2.a.i	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah</b></p> <p>Lembaga Pengarah KPROP terdiri daripada Pengurus Besar KETENGAH selaku Pengerusi dan 4 orang ahli Lembaga Pengarah daripada pengurusan KETENGAH. Secara dasarnya, KPROP mematuhi perkara 87 dalam <i>Memorandum &amp; Article</i> KPROP yang menyatakan keahlian Lembaga Pengarah hendaklah tidak kurang daripada 2 orang dan tidak melebihi 9 orang. Bagaimanapun, komposisi Lembaga Pengarah KPROP ini adalah tidak selaras dengan amalan terbaik Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i> yang dikeluarkan oleh <i>Putrajaya Committee On GLC High Performance</i> (PCG) Perenggan 1.1.2 yang menyatakan satu pertiga keahlian hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas. Selain itu, Perenggan 1.1.4 Buku Hijau turut menyatakan komposisi Lembaga Pengarah perlu terdiri daripada mereka yang dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif dan bebas, berwibawa dan berpengalaman luas serta memiliki kepakaran industri yang tidak terhad kepada KPROP bertujuan</p>	<p>Pihak syarikat telah mengambil tindakan dan komposisi Lembaga Pengarah telah diisi mengikut kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p>memberi impak dan keberkesanan terhadap hala tuju dan tadbir urus KPROP.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Disember 2016, KPROP memaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah KPROP pada 13 November 2016 bersetuju komposisi Lembaga Pengarah diisi dengan seorang wakil daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.</i></p>									
7.5.3.2.a.iii	<p>PHSB tidak mengeluarkan surat pelantikan kepada setiap ahli Lembaga Pengarah merangkumi terma rujukan yang menjelaskan peranan, tanggungjawab dan saraan yang layak diterima oleh mereka. Ini adalah kerana PHSB berpandangan pelantikan secara rasmi memadai dengan adanya <i>Statutory Declaration By A Person Before Appointment As Director Or By A Promoter Before Incorporation Of Corporation</i> (Borang 48A) dan melalui resolusi Lembaga Pengarah. Pihak Audit berpendapat surat pelantikan kepada setiap ahli terutamanya ahli baru adalah penting untuk memastikan setiap ahli memainkan peranan dalam menentukan kejayaan syarikat.</p>	<p>Pihak pengurusan ambil maklum maklumat yang dinyatakan dan telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**Perenggan 8 : UMK Business Ventures Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Kewangan - Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi</b></p> <p>Pendapatan utama UMKBV adalah daripada menyewakan kolej kediaman pelajar di Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan kepada UMK. Satu perjanjian sewa telah ditandatangani antara UMK dan UMKBV pada 1 Jun 2013 dengan kadar sewa RM600,000 sebulan. UMK telah mengisytiharkan pendapatan sewa yang diperolehi oleh UMKBV bagi tahun 2013 berjumlah RM4.20 juta sebagai geran. Geran ini telah dibayar sejumlah RM2.10 juta masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Pada tahun 2014, kadar sewa yang dibayar adalah mengikut kadar bayaran pinjaman UMKBV kepada bank iaitu RM388,907 sebulan bukannya RM600,000 sebulan. Pada tahun 2015, pendapatan sewa adalah berjumlah RM7.60 juta telah meningkat sejumlah RM1.76 juta (30.1%) berbanding dengan tahun 2014 berjumlah RM5.84 juta. Peningkatan ini disebabkan UMKBV menerima bayaran sewaan daripada UMK mengikut kadar sewa RM600,000 sebulan.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 November 2016, UMK telah membayar RM2.90 juta kepada UMKBV pada 2 November 2015 bagi menampung balik keseluruhan perbezaan bayaran sewaan akibat penggunaan kadar sewa mengikut kadar bayaran pinjaman bank pada tahun 2014.</i></p>	<p>UMKBV mengambil maklum dengan analisa pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi sepertimana yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara. UMKBV juga berusaha untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat dari semasa ke semasa.</p>
8.5.2.2.a	<p><b><u>Dokumen Kontrak Perolehan Bangunan Asrama</u></b></p> <p>Sebelum membeli 7 blok bangunan 4 tingkat kolej kediaman pelajar di Lot PT 1244, Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan daripada sebuah syarikat swasta pada tahun 2013, UMK telah menyewa bangunan ini daripada syarikat swasta tersebut bagi tempoh 1 Julai 2008 hingga 30 Januari 2013. Perkara 5.3 perjanjian sewaan (bagi tempoh 1 Julai 2008 hingga 30 Jun 2011) yang</p>	<p><u>Maklumbalas</u> UMK akur dengan penemuan audit.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ditandatangani pada 15 September 2009 menetapkan UMK diberi pilihan untuk membeli bangunan kolej kediaman pelajar ini dengan mengambil kira harga sewaan bulanan yang telah dibayar sebagai sebahagian daripada harga belian bangunan. Pada 22 Mei 2011, UMK telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh sewaan selama 3 tahun mulai 1 Julai 2011 hingga 2 Julai 2014. Pada 8 Jun 2011, syarikat swasta telah bersetuju dengan pelanjutan tempoh tersebut yang mana segala terma dan syarat adalah seperti perjanjian sewaan terdahulu. Bagaimanapun, perjanjian untuk tempoh lanjutan ini tidak ditandatangani antara UMK dan syarikat swasta terbabit.</p>	<p><u>Tindakan penambahbaikan</u>  Pihak UMK telah mengambil tindakan menubuhkan JK Siasatan Dalaman di Peringkat Lembaga Pengarah Universiti untuk meneliti isu ini. Walau bagaimanapun, siasatan masih berlangsung dan laporan siasatan masih belum dikemukakan.</p>
<p><b>8.5.2.2.c</b></p>	<p><b><u>Kerugian UMKBV Atas Perolehan Bangunan Asrama</u></b></p> <p>Semakan Audit mendapati pada 26 Februari 2013, UMKBV telah membuat perolehan bangunan tersebut daripada syarikat swasta pada harga RM35 juta. Walaupun harga belian adalah lebih rendah dari penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang berjumlah RM38.85 juta.</p> <p>Pihak Audit berpendapat perolehan tersebut masih merugikan UMKBV kerana sebahagian kecil sahaja jumlah sewa yang telah dibayar diambil kira dalam perolehan ini iaitu sejumlah RM3.85 juta berbanding RM30.53 juta sewa yang telah dibayar kepada syarikat swasta sehingga bulan Januari 2013.</p>	<p>Pihak Jabatan Audit Negara berpendapat perolehan bangunan asrama yang dilaksanakan oleh UMKBV adalah merugikan. Ini adalah kerana hanya sebahagian kecil iaitu RM3.85 juta daripada jumlah keseluruhan bayaran sewaan sebanyak RM30.53 juta diambil kira dalam harga pembelian bangunan asrama.</p> <p>Harga yang ditawarkan pada awalnya adalah sebanyak RM43.7 juta (merujuk kepada surat tawaran daripada Harta Iring SB bertarikh 28 September 2012).</p> <p>Walaupun bagaimanapun, merujuk kepada mesyuarat rundingan yang dihadiri oleh UMK, JPPH dan Harta Iring SB (MESYUARAT KHAS PEMBELIAN TUJUH (7) BLOK KEDIAMAN PELAJAR EMPAT (4) TINGKAT DI ATAS LOT PT 1244, KAMPUS KOTA) yang telah diadakan pada 21 November 2012, Harta Iring SB bersetuju harga belian dimuktamadkan kepada RM35 juta. Harga muktamad tersebut telah mengambilkira bayaran sewaan yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu sebanyak RM30.53 juta.</p> <p>Proses rundingan harga yang dilaksanakan adalah selaras dengan kehendak perjanjian di mana persetujuan harga belian telah mengambilkira jumlah bayaran sewaan yang dibuat kepada pemilik bangunan sebelum ini. Ini merujuk kepada dokumen perjanjian bertarikh 15 September 2009, para <b>5.3 : Option To Tenant</b>.</p> <p><i>The Parties hereby agreed that the Landlord <b>shall</b> give the option of selling the Demised Premises by way of converting the rental fees paid by the Tenant as <b>part and partial payment</b> of the Purchase Consideration of the Demised Premises and subject to other terms and conditions to be mutually agreed between the Parties.</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																													
		<p>Berikut adalah perincian bayaran kepada Harta Iring SB:</p> <table border="1" data-bbox="1196 284 2047 544"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 284 1890 339">PERKARA</th> <th data-bbox="1890 284 2047 339">JUMLAH (RM juta)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 339 1890 400">Bayaran sewa oleh UMK (perjanjian sewaan dari Julai 2008 sehingga Jun 2011)</td> <td data-bbox="1890 339 2047 400">18.69</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 400 1890 461">Bayaran sewa oleh UMK (01 Julai 2011 – 30 Januari 2013) – Tiada perjanjian</td> <td data-bbox="1890 400 2047 461">11.84</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 461 1890 488">Deposit</td> <td data-bbox="1890 461 2047 488">2.49</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 488 1890 515">Harga belian dibayar oleh UMKBV</td> <td data-bbox="1890 488 2047 515">35.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 515 1890 544"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td> <td data-bbox="1890 515 2047 544"><b>68.02</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Walau bagaimanapun, bayaran yang dibuat kepada Harta Iring SB sebanyak RM68.02 juta masih lagi berpadanan dengan manfaat jangka panjang yang diterima oleh pihak UMK dan UMKBV. Berikut adalah analisa kos manfaat bagi perolehan bangunan asrama tersebut.</p> <p>Bagi pihak UMK, penjimatan/pengurangan sebanyak RM22,954.02 sebulan diperolehi hasil daripada pembelian bangunan asrama oleh UMKBV. Sepanjang tempoh Oktober 2013 sehingga kini (Jun 2017) berjumlah <b>RM1,032,930.90</b> telah dapat dijimatkan daripada OS 24000 – Sewaan.</p> <table border="1" data-bbox="1265 874 1995 1046"> <thead> <tr> <th colspan="3" data-bbox="1265 874 1995 906">Tempoh Sewaan (Oktober 2013 – Jun 2017)</th> </tr> <tr> <th data-bbox="1265 906 1482 991">Sewaan bulanan UMK – Harta Iring (RM/bulan)</th> <th data-bbox="1482 906 1691 991">Sewaan bulanan UMK – UMKBV (RM/bulan)</th> <th data-bbox="1691 906 1995 991">Penjimatan (RM/bulan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1265 991 1482 1046">622,954.02</td> <td data-bbox="1482 991 1691 1046">600,000.00</td> <td data-bbox="1691 991 1995 1046">22,954.02 x 45 bulan = <b>RM1,032,930.90</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Bagi pihak UMKBV, pembelian bangunan asrama ini juga memberi keuntungan kepada syarikat sebagai salah satu aktiviti penjana pendapatan. Berdasarkan daripada data yang diperolehi (Oktober 2013 – Disember 2016), berikut adalah perincian perbelanjaan berbanding pendapatan:</p> <table border="1" data-bbox="1314 1214 1964 1342"> <tbody> <tr> <td data-bbox="1314 1214 1673 1241">Pendapatan</td> <td data-bbox="1673 1214 1964 1241">RM23,400,000.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1314 1241 1673 1268">(-) Kos bayaran pinjaman</td> <td data-bbox="1673 1241 1964 1268">RM14,818,069.45</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1314 1268 1673 1295">(-) Kos penyelenggaraan</td> <td data-bbox="1673 1268 1964 1295">RM 3,126,492.24</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1314 1295 1673 1342"><b>Keuntungan (kasar)</b></td> <td data-bbox="1673 1295 1964 1342"><b>RM 5,455,438.31</b></td> </tr> </tbody> </table>	PERKARA	JUMLAH (RM juta)	Bayaran sewa oleh UMK (perjanjian sewaan dari Julai 2008 sehingga Jun 2011)	18.69	Bayaran sewa oleh UMK (01 Julai 2011 – 30 Januari 2013) – Tiada perjanjian	11.84	Deposit	2.49	Harga belian dibayar oleh UMKBV	35.00	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>68.02</b>	Tempoh Sewaan (Oktober 2013 – Jun 2017)			Sewaan bulanan UMK – Harta Iring (RM/bulan)	Sewaan bulanan UMK – UMKBV (RM/bulan)	Penjimatan (RM/bulan)	622,954.02	600,000.00	22,954.02 x 45 bulan = <b>RM1,032,930.90</b>	Pendapatan	RM23,400,000.00	(-) Kos bayaran pinjaman	RM14,818,069.45	(-) Kos penyelenggaraan	RM 3,126,492.24	<b>Keuntungan (kasar)</b>	<b>RM 5,455,438.31</b>
PERKARA	JUMLAH (RM juta)																														
Bayaran sewa oleh UMK (perjanjian sewaan dari Julai 2008 sehingga Jun 2011)	18.69																														
Bayaran sewa oleh UMK (01 Julai 2011 – 30 Januari 2013) – Tiada perjanjian	11.84																														
Deposit	2.49																														
Harga belian dibayar oleh UMKBV	35.00																														
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>68.02</b>																														
Tempoh Sewaan (Oktober 2013 – Jun 2017)																															
Sewaan bulanan UMK – Harta Iring (RM/bulan)	Sewaan bulanan UMK – UMKBV (RM/bulan)	Penjimatan (RM/bulan)																													
622,954.02	600,000.00	22,954.02 x 45 bulan = <b>RM1,032,930.90</b>																													
Pendapatan	RM23,400,000.00																														
(-) Kos bayaran pinjaman	RM14,818,069.45																														
(-) Kos penyelenggaraan	RM 3,126,492.24																														
<b>Keuntungan (kasar)</b>	<b>RM 5,455,438.31</b>																														



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, pihak UMK menerusi Jawatankuasa Audit telah memberi perhatian terhadap perkara ini secara serius. Satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan yang dianggotai oleh dua (2) orang ahli Lembaga Pengarah Universiti dan pengurusan tertinggi Universiti. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengesan sebarang salah laku, penyelewangan dan ketirisan di dalam organisasi. Perkembangan terkini Jawatankuasa ini adalah masih lagi di dalam proses siasatan yang dirancang akan mengemukakan laporan siasatan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada Ogos 2017.</p>
<p><b>8.5.2.2.e</b></p>	<p><b><u>Deposit Utiliti dan Jaminan RM2.49 juta</u></b></p> <p>Bagi deposit utiliti dan deposit jaminan berjumlah RM2.49 juta yang belum dibayar balik setakat bulan Disember 2016, syarikat swasta sedang dalam proses memulangkan deposit ini kepada UMK dengan kaedah pindah milik hartanah yang dimiliki syarikat swasta di HS(M) 979 di Lot PT1241 Mukim Baung Daerah Panji kepada UMK. JPPH telah membuat penilaian terhadap hartanah tersebut berjumlah RM2.54 juta.</p> <p><i>Berdasarkan perbincangan semasa exit conference pada 29 Disember 2016, UMK sedang menjalankan siasatan terhadap proses perolehan bangunan kolej kediaman pelajar termasuk harga perolehan. Selain itu, deposit sewaan berjumlah RM2.49 juta yang belum dipulangkan juga dalam tindakan penyelesaian.</i></p>	<p>Pada Disember 2015, satu perbincangan untuk menyelesaikan isu deposit penyewaan HS(M) PT1244 Mukim Baung, Daerah Panji, Kota Bharu telah diadakan oleh pihak UMK bersama pihak HISB yang telah diwakili oleh Dato' Tan Kean Wan selaku Pengarah HISB. Hasil daripada perbincangan tersebut, pihak HISB telah bersetuju untuk menyerahkan harta tanah PT1241 Mukim Baung, Daerah Panji kepada UMK sebagai suatu bentuk timbal balik ke atas deposit yang bernilai RM2.49 juta yang masih dipegang oleh pihak HISB.</p> <p>Pihak HISB telah mengemukakan persetujuan untuk melaksanakan transaksi pindah milik harta tanah PT1241 Mukim Baung tersebut melalui surat bertarikh 20 Januari 2016.</p> <p>Pada 24 Januari 2016, mesyuarat di antara KPT, KPTG, PTJKB dan UMK (PPIA, BP&amp;G dan Unit Audit Dalam) yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti) mencadangkan agar harta tanah HS(M) 979 PT 1241 ini dipindah milik daripada Harta Iring SB kepada anak syarikat UMK iaitu UMKBV. Pihak KPT dan KPTG tiada halangan ke atas cadangan tersebut memandangkan UMKBV dan HISB adalah dua entiti perniagaan yang berasingan.</p> <p>Susulan daripada itu, pada 3 Februari 2016, satu mesyuarat telah diadakan di antara Universiti dan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJKB). Mesyuarat bersetuju memutuskan harta tanah tersebut dipindah milik kepada Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian (KPTG) dengan menamakan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sebagai penama hak milik. .</p> <p>Seterusnya perkara-perkara ini telah dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan mesyuarat bersetuju dengan cadangan PTJKB untuk memindah milik harta tanah ke atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini									
		<p>Hasil daripada keputusan LPU tersebut, pihak Universiti memohon laporan penilaian pasaran ke atas harta tanah tersebut menerusi JPPH. Berdasarkan laporan yang diterima, nilai pasaran harta tanah tersebut adalah RM2.565 juta.</p> <p>Walau bagaimanapun, setelah meneliti daripada pelbagai aspek terutamanya kewangan, pihak Universiti mencadangkan agar perolehan harta tanah tersebut dilaksanakan menerusi Akta Pengambilan Tanah 1960. Satu kertas kerja berkenaan perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 09/2017 pada 14 Jun 2017.</p>									
8.5.2.3.a	<p><b>Ruang Pejabat Yang Disewa Tidak Diduduki</b></p> <p>UMKBV beroperasi di Tingkat 8, Wisma TCH, Lot 1, Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu bermula pada bulan Januari 2015. Bagaimanapun, pejabat tersebut telah disewa daripada TCH Vision Trading Corporation Sdn. Bhd. (TCH Vision) bagi tingkat 7 dan 8 bermula pada bulan April 2014. Mengikut perjanjian sewaan antara UMKBV dengan TCH Vision bagi bulan April sehingga Disember 2014, kadar sewa bagi tingkat 7 adalah RM5,500 sebulan dan tingkat 8 adalah RM7,500 sebulan. UMK Entrepreneurship Institute merancang untuk menduduki tingkat 7 bangunan tersebut bagaimanapun ia dibatalkan. Bermula pada bulan Januari 2015, perjanjian sewaan bagi tingkat 7 telah dihentikan. Manakala bagi tingkat 8, UMKBV tidak mendudukinya sehingga bulan Disember 2014 kerana masih beroperasi di bangunan UMK. UMK tidak membuat perancangan sewaan yang teliti menyebabkan berlaku pembaziran berjumlah RM117,000 bagi ruang pejabat yang disewa tetapi tidak diduduki.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 November 2016, UMKBV mengambil maklum dan memandang serius terhadap teguran Audit berkenaan perancangan sewaan yang kurang kemas mengakibatkan UMKBV menanggung kerugian. Jawatankuasa Audit Khas yang ditubuhkan oleh UMK telah bermesyuarat pada 14 November 2016 dan memutuskan supaya Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan turut membuat siasatan terhadap perkara ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti UMKBV adalah selaras dengan objektif penubuhannya namun tidak teratur kerana perolehan bangunan telah dilaksanakan dengan tidak menjaga kepentingan UMKBV dan berlaku pembaziran di mana ruang pejabat yang disewa tidak diduduki.</p>	<p>Merujuk kepada Kertas Kerja JPU 64/2013 – Penubuhan UMK Entrepreneurship Institute, mesyuarat bersetuju untuk menubuhkan UMK EI sebagai pusat kecemerlangan pembangunan keusahawanan bagi seluruh warga UMK dan masyarakat setempat melalui pembelajaran</p> <p>Bagi merealisasikan hasrat ini, pihak Universiti telah mengarahkan UMKBV untuk mencari beberapa lokasi yang bersesuaian di sekitar Kota Bharu. UMKBV telah menawarkan beberapa lokasi bagi tujuan tersebut dan menerusi beberapa siri perbincangan dan pembentangan, pihak UMK bersetuju memillih Wisma Square Point sebagai premis untuk menjalankan projek tersebut.</p> <p>Pihak UMKBV telah memeterai perjanjian dengan TCH Vision Trading SB pada 21 April 2014 bagi tempoh perjanjian bermula 01 Mac 2014 sehingga 28 Februari 2017 dengan kadar sebulan seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="1196 979 2092 1070"> <thead> <tr> <th>Butiran</th> <th>Kadar Sebulan</th> <th>Tempoh Penyewaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tingkat 7</td> <td>RM5,500.00</td> <td>01 April 2014 – 31 Mac 2017</td> </tr> <tr> <td>Tingkat 8</td> <td>RM2,743.00</td> <td>01 Mac 2014 – 28 Februari 2017</td> </tr> </tbody> </table> <p>Walau bagaimanapun, Mesyuarat JPU Bil. 08/2014 yang bersidang pada 27 Ogos 2014 telah memutuskan supaya urusan sewaan ditangguhkan sehingga kajian berdasarkan beberapa senario dalam memastikan penyewaan ruang pejabat tersebut memberikan pulangan terbaik dan tidak mendatangkan apa-apa kerugian pada Universiti.</p> <p>Seterusnya, pada 22 Spetember 2014, satu pertemuan di antara TCH Vision Trading Corporation SB dan UMK di Pejabat Naib Canselor telah bersetuju sebagaimana berikut :</p>	Butiran	Kadar Sebulan	Tempoh Penyewaan	Tingkat 7	RM5,500.00	01 April 2014 – 31 Mac 2017	Tingkat 8	RM2,743.00	01 Mac 2014 – 28 Februari 2017
Butiran	Kadar Sebulan	Tempoh Penyewaan									
Tingkat 7	RM5,500.00	01 April 2014 – 31 Mac 2017									
Tingkat 8	RM2,743.00	01 Mac 2014 – 28 Februari 2017									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
		<p>a. Penyewaan ruang pejabat tingkat 7 dibatalkan</p> <p>b. Penyewaan ruang pejabat tingkat 8 diteruskan dengan kadar sewaan yang baharu dengan mengambilka kos pengubahsuaian dan kelengkapan pejabat diuruskan oleh TCH</p> <p>c. UMKBV menjelaskan semua tunggakan sewaan</p> <p>d. UMKBV diminta mengeluarkan surat kepada TCH untuk memaklumkan mengenai keputusan penamatan penyewaan di tingkat 7 dan meneruskan perbincangan dengan kadar sewa yang baharu.</p> <p>Oleh yang demikian, UMKBV dan TCH telah mencapai kata setuju untuk menamatkan sewaan ruang di Tingkat 7 dan meneruskan penyewaan ruang di tingkat 8 dengan menanggung kos ubahsuaian dan perabot di tingkat 8 sahaja (dengan kadar sewaan yang baharu).</p> <p>Berikut adalah implikasi kewangan bagi UMKBV untuk tujuan penyewaan ruang di Bangunan TCH :</p> <table border="1" data-bbox="1205 727 2063 1015"> <thead> <tr> <th>Lokasi Sewaan</th> <th>Tempoh penyewaan</th> <th>Kadar Sewaan (RM)</th> <th>Bil Bulan</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tingkat 7</td> <td>01 April 2014 – Jan 2015</td> <td>5,500.00</td> <td>4</td> <td>22,000.00</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Tingkat 8</td> <td>01 Mac 2014 – 31 Dis 2014</td> <td>7,500.00</td> <td>10</td> <td>75,000.00</td> </tr> <tr> <td>01 Jan 2015 – 30 Nov 2016</td> <td>10,972.50</td> <td>23</td> <td>252,367.50</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;"><b>JUMLAH</b></td> <td><b>349,367.50</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Pihak Universiti berpandangan bahawa pelbagai usaha telah dijalankan dalam memastikan perancangan selari dengan perkembangan dan kehendak Universiti dan pemegang taruh. Walau bagaimanapun, senario-senario yang tidak dijangka seperti kemudahakan infrastruktur dan fasiliti tidak menyokong keperluan UMK EI sebagai pusatinkubator menyebabkan U niversiti terpaksa me narik balik keputusan untuk meneruskan penyewaan di bangunan tersebut.</p> <p>Pihak Universiti juga telah mengambil tindakan dengan membuat notis penamatan awal bagi mengurangkan implikasi kos sebanyak RM1,229,360 sekiranya perjanjian tersebut diteruskan. Jadual analisa kos sekiranya penyewaan diteruskan adalah seperti berikut:</p>	Lokasi Sewaan	Tempoh penyewaan	Kadar Sewaan (RM)	Bil Bulan	Jumlah (RM)	Tingkat 7	01 April 2014 – Jan 2015	5,500.00	4	22,000.00	Tingkat 8	01 Mac 2014 – 31 Dis 2014	7,500.00	10	75,000.00	01 Jan 2015 – 30 Nov 2016	10,972.50	23	252,367.50	<b>JUMLAH</b>				<b>349,367.50</b>
Lokasi Sewaan	Tempoh penyewaan	Kadar Sewaan (RM)	Bil Bulan	Jumlah (RM)																						
Tingkat 7	01 April 2014 – Jan 2015	5,500.00	4	22,000.00																						
Tingkat 8	01 Mac 2014 – 31 Dis 2014	7,500.00	10	75,000.00																						
	01 Jan 2015 – 30 Nov 2016	10,972.50	23	252,367.50																						
<b>JUMLAH</b>				<b>349,367.50</b>																						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
		Lokasi Sewaan	Tempoh	Sewaan Mengikut Kontrak	Sewaan Sebenar Yang Dibayar	Penjimatan
		Tingkat 7	01 April 2014 – Jan 2015	RM5,500 x 36 bulan = RM198,000	RM5,500 x 10 bulan =RM22,000	RM176,000
		Tingkat 8	01 Mac 2014 – 31 Dis 2014	RM7,500x 10 bulan = RM75,000	RM7,500x 10 bulan = RM75,000	Tiada
			01 Jan 2015 – 31 Dis 2016	RM10,972.50 x 108 bulan =RM 1,185,030	RM10,972.50 x 12 bulan = RM131,670	RM1,053,360
		<b>JUMLAH</b>				<b>RM1,229,360</b>
<b>8.5.3.3.a</b>	<p>UMKBV tidak membentangkan Pelan Strategik syarikat bagi tahun 2013 hingga 2017 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah UMKBV untuk kelulusan. UMKBV juga tidak menetapkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) syarikat yang perlu dicapai.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 November 2016, Pelan Strategik UMKBV bagi tahun 2016 hingga 2020 telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah UMKBV Bil. 11(1/2016) pada 4 Januari 2016. Selain itu, semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah UMKBV pada 4 Jun 2015, ahli Lembaga Pengarah telah menetapkan KPI yang perlu dicapai oleh Ketua Pegawai Eksekutif adalah juga KPI syarikat.</i></p>	<p><u>Status Terkini</u> UMKBV telah membentangkan Pelan Strategik bagi tahun 2017 kepada Lembaga Pengarah UMKBV pada 10 Januari 2017 dan telah diluluskan.</p>				
<b>8.5.3.3.b</b>	<p>UMKBV tidak mewujudkan <i>Standard Operating Procedures</i> secara menyeluruh khususnya pengurusan kewangan tetapi menggunakan amalan terbaik UMK bagi melaksanakan urusan kewangannya.</p> <p><i>Berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Mei 2017, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang bersidang pada 10 Januari 2017 telah meluluskan polisi kewangan UMKBV.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat UMKBV adalah memuaskan. Bagaimanapun, UMKBV perlu memberi perhatian kepada penyediaan Pelan Strategik dan <i>Standard Operating Procedures</i> yang lengkap.</p>	<p><u>Status Terkini</u> UMKBV telah membentangkan Polisi Kewangan Syarikat kepada Lembaga Pengarah UMKBV pada 10 Januari 2017 dan telah diluluskan.</p>				